



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)

(Halaman 15)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 53)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi – *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) – UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) – UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) – UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA

24. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) – Setiausaha Parlimen

5. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO

7. Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO

41. Yang Berhormat Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP ta
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO

78. Yang Berhormat Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) – UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP

112. Yang Berhormat Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) – MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) – Setiausaha Parlimen
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) – PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) – KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) – PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) – MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) – UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) – MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) – MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Rabu, 26 April 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes salah "perscription" ubat-ubatan oleh doktor-doktor kerajaan dan swasta pada tahun 2000 hingga tahun 2005.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Datuk Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes salah "*prescription*" dari doktor kerajaan dan swasta tidak diketahui kerana setakat ini belum terdapat aduan atau laporan dari mana-mana pihak yang pernah dimajukan kepada Majlis Perubatan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini memang amat susahlah kalau tidak ada angka ataupun statistik dalam kementerian tentang salah preskripsi. Pada tahun 2003, bulan Disember sesi bulan Disember tahun 2003, kita telah pun meluluskan suatu akta yang dinamakan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 2003.

Kalau mengikut amalan di negara-negara Barat, preskripsi perubatan ia dibuat oleh ahli farmasi bukannya untuk doktor dikali ataupun di hospital. Oleh yang demikian adakah kerajaan ingin meminda lagi Akta Farmasi ini agar ia ahli-ahli farmasi boleh membuat preskripsi bukannya doktor kerana walaupun angka salah preskripsi tidak diketahui adalah amat penting bahawa mereka di dalam bidang-bidang yang khusus seperti farmasi harus membuat preskripsi.

Datuk Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Bukan kita tidak ada angka cuma kita tidak ada aduan. Apabila kita tidak ada aduan bermakna kita tidak ada angkalah. Tetapi untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit itu berkualiti, Bahagian Perkhidmatan Farmasi iaitu farmasi telah memantau aktiviti dispension ubat di hospital Kementerian Kesihatan melalui satu program yang telah diwujudkan iaitu Kepastian Kualiti atau *Quality Assurance Program* (QAP). Program ini dijalankan begitu iaitu semua preskripsi ubat-ubatan yang diterima oleh Jabatan Farmasi di hospital kerajaan akan disaring oleh pegawai farmasi terlebih dahulu dan jika terdapat sebarang kemusykilan atau kesilapan, doktor yang berkaitan akan dihubungi dan pembetulan akan dengan persetujuan pihak doktor yang menulis preskripsi tersebut.

Pada tahun 2004, aktiviti penyaringan ini diperluaskan dari hospital kerajaan kepada semua klinik kesihatan di bawah seliaan Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada aduan tidak bermaksud tidak berlaku perkara salah preskripsi ini. Ini adalah suatu perkara yang agak bahaya. Adakah kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan suatu unit ataupun suatu jawatankuasa untuk menggalakkan sesiapa yang merasakan mereka dianiayai kerana salah preskripsi ini dan untuk mempromosikan supaya orang ramai lebih dididik berkenaan dengan masalah ini supaya tidak menjadi mangsa kepada salah preskripsi ini. Terima kasih.

Datuk Lee Kah Choan: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya katakan tadi, kita memang ada wujud suatu program iaitu Program *Quality Assurance Program* yang dipantau oleh pegawai farmasi di mana semua ubat-ubat yang kita bagi kepada pesakit akan disaring oleh pegawai farmasi.

Tetapi seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat, kita memang faham berkaitan dengan kesilapan yang akan terjadi. Dengan itu, seperti pada tahun 2005 kita memberi 32 juta lebih preskripsi tetapi kita dapati lebih kurang ada 750,000 lebih preskripsi yang tidak berapa betul dan melalui program yang telah saya katakan tadi iaitu *Quality Assurance Program*, kita telah dapat mengesan preskripsi yang salah ini. Ini bermakna Kementerian Kesihatan memang mengambil berat tentang masalah yang akan timbul dari segi ini. Tindakan telah diambil dan kita harap dengan *Quality Assurance Program* ini kita dapat memantau dan mengatasi cabaran yang telah dikatakan tadi.

2. Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pencapaian untuk membangunkan industri "HALAL HUB" hingga kini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhasrat membangunkan Malaysia sebagai Hub Halal yang berpotensi dari sumber dan kredibiliti. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 2 Oktober 2002, telah melantik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menerajui program dan strategi pembangunan sektor barangan halal, sebuah Jawatankuasa Teknikal Barangan Halal ditubuhkan di bawah MITI dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Melalui jawatankuasa tersebut, peranan pelbagai kementerian, agensi persekutuan dan juga negeri diselaraskan dan usaha-usaha semua pihak digembleng untuk pembangunan Hub Halal Malaysia. Jawatankuasa ini juga merupakan landasan perbincangan dan mencari penyelesaian secara bersepadu terhadap isu-isu berkaitan pentadbiran, perundangan, galakan dan insentif untuk memajukan industri barangan halal di dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pensijilan dan penyeragaman logo halal Malaysia, JAKIM telah diberi hak milik logo halal Malaysia di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan sijil Halal JAKIM kini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang direka oleh SIRIM. Dari segi perundangan dan prosedur, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengambil langkah meminda peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 bagi mengelakkan penyalahgunaan perkataan 'HALAL' oleh pengeluar produk dan pengusaha premis.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan pembangunan standard, Jawatankuasa Pembangunan Standard Halal juga telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Standard Kebangsaan di bawah GSM pada 14 Mac 2003. Jawatankuasa ini telah dan sedang membangunkan beberapa standard produk dan sistem perusahaan halal termasuk Standard Halal Malaysia (MS 15000) 2004 mengenai makanan telah diwartakan pada 10 Julai 2004 dan Standard Halal Malaysia untuk produk bukan makanan dan Standard Halal Malaysia untuk sistem pengurusan kini sedang dibangunkan.

MITI dan agensi berkaitan telah mengambil langkah mempromosikan sektor barangan halal Malaysia di dalam dan luar negara. Program telah dilaksanakan termasuk OIC Trade Exhibition, Julai 2005 yang berjaya menarik 1,881 pelawat perdagangan termasuk 466 ahli peniaga asing dengan nilai jualan sebanyak RM65.6 juta. Penyertaan di dalam Euro Halal Trade Exhibition di Paris mulai 6 hingga 8 Jun 2005 di mana sembilan syarikat Malaysia terlibat serta Pegawai Eksekutif Malaysia International Halal Show Case atau MIHSC atau pegawai MATRED turut serta dalam menarik syarikat-syarikat

antarabangsa yang menyertai pameran ini untuk menyertai MIHSC 2005 dan hasil daripada penyertaan pegawai MIHSC dan MATRED sebanyak 127 syarikat telah menyertai MIHSC pada tahun 2005.

MIHSC/MATRED Trade Matching Program di MIHSC 2005 pada 29 hingga 30 Julai 2005 telah menghasilkan jualan RM217 juta dan berjaya menarik pendapatan 332 buah syarikat dari 18 buah negara dan satu misi pemasaran khas daripada negara China telah menghasilkan jualan sebanyak RM52.19 juta. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila ada penyalahgunaan dari segi logo halal ini yang dikeluarkan oleh JAKIM, oleh kerajaan, ini bererti bahawa produk-produk yang membawa label tersebut membawa satu faedah tambahan sebab itu ada penyalahgunaan.

Dalam hal ini, usaha kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai Halal Hub ini setakat ini pencapaiannya ataupun penyalahgunaan logo tersebut adalah produk-produk yang banyak diperlukan oleh permintaan tempatan, itu satu. Yang keduanya semenjak kita lancarkan program ini tahun 2002 lagi, ini bererti 14 tahun lamanya di mana agaknya negara yang membenarkan ataupun yang menjadi pusat pengiktirafan kepada pengeluaran itu bahawa ianya halal. Siapa ataupun apakah rujukan yang dibuat selain daripada JAKIM, adakah seluruh dunia merujuk kepada JAKIM atau JAKIM merujuk kepada suatu badan yang boleh mengiktiraf bahawa ini dia pensijilan halal maka badan itu diterima kata-kata mereka, pengiktirafan mereka seluruh dunia. Ini apa kedudukan yang sebenarnya Yang Berhormat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin membetulkan sedikit, mungkin Yang Berhormat tersilap mungkin, 2002 hingga 2006 iaitu empat tahun bukan 14 tahun.

Dari segi penyelewengan, perkara ini di bawah JAKIM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kita tahu isu penyalahgunaan logo halal tahun lalu menyebabkan dua buah syarikat, penyiasatan dibuat dan hasil penyiasatan tersebut didapati tidak terlibat perkara-perkara haram dalam soal penggunaan bahan tetapi lebih kepada kedua-dua syarikat tidak mematuhi syarat-syarat pengeluaran logo halal ini dalam tempoh dua tahun dan syarikat tidak membaharui tempoh tersebut. Itu sahaja kesalahannya.

Dari segi usaha untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan, pihak JAKIM telah menambahkan kakitangan untuk kerja-kerja penguatkuasaan. Di samping itu bekerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dari segi pengiktirafan selain daripada pengiktirafan dalam negeri di mana logo halal JAKIM digunakan oleh semua negeri, kuasa untuk mengeluarkan logo halal masih dipegang oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Tetapi logo digunakan ialah satu logo sahaja.

Malaysia telah mendapat pengiktirafan daripada negara-negara OIC. Itu sebabnya kita berani menyatakan bahawa logo halal Malaysia diiktiraf oleh seluruh dunia. Peringkat kedua sekarang ini kita dalam proses untuk mendapat kelulusan pihak OIC standard halal Malaysia dijadikan standard untuk bench marking makanan halal seluruh dunia ambil alih daripada "Cordiac" yang digunakan sekarang. Yang ini masih lagi dalam pemerhatian OIC dalam konteks OIC meminta *Islamic Fiqh Academy* di Jeddah untuk membuat pengiktirafan tersebut. Kita masih menunggu keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Kita dapati beberapa negara yang kita lawati telah mengadakan makanan halal umpamanya di Hong Kong begitu teratur. Manakala di negara-negara lain kita tidak nampak kerjasama yang telah dibuat. Soalnya saya ingin mengetahui berapa buah negarakah sekarang yang kita dapat kerjasama seumpama negara Hong Kong di China ini. Dan adakah satu Jawatankuasa di peringkat kita Malaysia ini menyeluruh kepada negara-negara lain selain daripada OIC. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kerjasama, kita boleh lihat daripada dua sudut. Satu kerjasama dari segi penerimaan pengiktirafan sijil halal Malaysia. Yang ini apabila OIC mengiktirafnya, kita tidak menghadapi masalah untuk mengeksport produk kita ke negara Eropah. Maknanya negara-negara lain menerima sijil halal Malaysia sebagai satu sijil diiktiraf dan di seluruh dunia.

Lagi satu kerjasama dari segi perwujudan industri halal kerana kita tahu apabila kita bercakap mengenai pengeluaran, pengeluaran dalam konteks global sekarang ini, kita tidak membuat semuanya di dalam sesuatu negara. Negara ini mengeluarkan bahan mentah dibawa ke negara lain untuk pemprosesan dan seterusnya dijual yang melibatkan beberapa negara. Dalam konteks tersebut, apa yang dilakukan oleh negara Malaysia kita mempunyai kerjasama dengan badan-badan yang mengiktiraf badan-badan yang mengeluarkan sijil halal di negara-negara tersebut umpama Australia, New Zealand, China, Thailand dan kita ada lebih kurang tiga puluh lebih badan-badan yang mengeluarkan sijil halal yang kita iktiraf.

Di samping itu, untuk mewujudkan industri halal yang menepati matlamat kerajaan menjadikan Malaysia Hub Halal, kerjasama dibuat antara kerajaan dengan kerajaan dan juga antara syarikat dengan syarikat dari sudut kerjasama umpamanya sebagai contoh negara Australia umpamanya mengeluarkan daging dan untuk memastikan bahawa daging itu daripada Australia diperolehi bekalannya secara yang menepati kehendak Malaysia, jadi ada MOU yang dibuat di antara syarikat kita dengan syarikat di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Cukupkah Yang Berhormat? Permatang Pauh.

[Soalan No.3. – Y.B. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) tidak hadir]

4. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya kerajaan tidak menanggung perbelanjaan penuh untuk membina SRJK(C) Sheng Chun di Kepala Batas yang telah diarah pindah oleh pemaju melalui tindakan Mahkamah. SRJK(C) Boon Meng di Simpang Ampat juga menghadapi kekurangan dana untuk berpindah dan membina bangunan baru. Mengapakah kementerian tidak boleh memberi peruntukan yang mencukupi.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil berat tentang prasarana sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di seluruh negara. Usaha ini adalah satu langkah yang berterusan dengan mengikut prosedur tertentu Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, untuk pembangunan sekolah-sekolah yang berstatus sekolah bantuan kerajaan, Lembaga Pengelola Sekolah atau LPS berkenaan, bertanggungjawab dalam membangunkan kemudahan fizikal sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SRJK(C) Sheng Chun dan SRJK(C) Boon Meng adalah sekolah bantuan kerajaan. Pihak sekolah dan Lembaga Pengurus Sekolah boleh memohon peruntukan sebagai bantuan modal daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dengan mengikut prosedur-prosedur pemberian bantuan modal yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, memang dah tahulah ini dikatakan sekolah bantuan. Oleh sebab itu, kerajaan tidak membina sekolah seperti ini walaupun ada keperluan. Ini saya rasa bercanggah dengan seruan kerajaan selalu mengatakan adil kepada semua dan juga akan membina sekolah mengikut keperluan. Kedua-dua sekolah ini adalah di kampung yang kecil jadi komuniti tempatan tidak mampu mendapatkan dana untuk membina sekolah seperti ini.

Saya rasa apa salahnya kerana ini pun anak Malaysia yang pergi ke sekolah ini. Mengapa dia masih dibeza-bezakan pada sekolah bantuan modal dan bantuan

sepenuhnya. Memang dalam Akta pendidikan tidak ada. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengapa masih mengikut amalan seperti ini, ia ada membeza-bezakan sekolah kepada bantuan modal dan bantuan sepenuh.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau Yang Berhormat melihat kembali apa yang termaktub dalam Akta Pelajaran memang jelas di situ menyatakan terdapat 3 jenis sekolah rendah. Sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta. Memang ini telah lama terkandung dalam peraturan-peraturan yang termaktub di dalam Akta Pendidikan Malaysia ini. Jadi apa Yang Berhormat kaitkan sebenarnya tidak jadi masalah. Untuk sekolah bantuan modal memang mereka boleh mohon bantuan kewangan sebagai banduan modal daripada kerajaan. Semalam Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menjelaskan bahawa wang peruntukan dalam bantuan modal telah dua kali ganda naik dari 50 juta ringgit kepada 100 juta ringgit Malaysia. Jadi ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa peka dan sentiasa rela untuk membantu.

Sekali lagi saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat jangan memainkan isu. Sebenarnya ini tidak jadi isu. Memang ada prosedur kaedah-kaedah yang tertentu untuk sekolah-sekolah ikut. Sebenarnya kalau Yang Berhormat lihat kembali memang sekolah-sekolah ini kita tidak abaikan. Semalam Yang Berhormat Menteri telah jawab kalau kita ikut peruntukan mengurus memang tidak ada bezanya kita bayar gaji Pengetua Sekolah, Guru Besar, guru-guru dan sebagainya itu tidak ada beza, kita anggap sama. Jadi janganlah Yang Berhormat pertikaikan. Ini memang prosedur kita telah setuju dalam peruntukan Akta atau undang-undang Akta Pendidikan yang telah kita setuju terima dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Mungkin pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri khasnya MCA merasa puas hati berkenaan dengan 100 juta peruntukan yang diberi kepada SRJK(C) dan memandangkan ada enam ratus ribu lebih murid-murid di SRJK(C). Kalau dalam lima tahun Rancangan Malaysia Kesembilan dibahagikan kepada setiap murid maka setiap orang murid hanya dapat RM4.50 satu bulan, itu mungkin boleh memuaskan pihak Yang Berhormat. Tetapi soalan saya memandangkan kerajaan ada kepentingan sama ada dari segi undang-undang mahu dari segi perikemanusiaan dan tanggungjawab, mengapa dalam hal perbicaraan mahkamah kerajaan tidak menunjuk prihatin dan tidak membantu pihak Jemaah Pengurus Sekolah SRJK(C) Sheng Chun dengan memberi khidmat nasihat dan juga tidak memberi peguam membantu dalam perbicaraan mahkamah ini.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soal puas hati atau tidak puas hati itu soal lain. Apa yang penting ialah kita menunjukkan keikhlasan untuk membantu sekolah-sekolah berkenaan. Kita rela untuk bantu, kita rela untuk berusaha. Saya hendak tahu apa Yang Berhormat telah hulurkan bantuan kepada sekolah-sekolah seperti ini. Apa bantuan yang telah dihulurkan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Banyak.

Dato' Hon Choon Kim: Mana ada. Saya memang tidak dapat lihat apa jenis bantuan yang telah diberikan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Boleh saya cakap?

Dato' Hon Choon Kim: Duduk, duduk.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sudah tanya tapi tidak mahu beri saya jawab.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tahu tak payah jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak mahu jawapan jangan tanya.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat, memang saya tidak perlu jawapan, saya tahu, semua orang di sini tahu apa jenis bantuan ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Berniat jahat, ini niat jahat.

Dato' Hon Choon Kim: Pakai mulut sahaja itu bukan bantuan. Pakai mulut bukan satu jenis bantuan. Pakai mulut siapa pun boleh buat. Yang Berhormat pakai mulut itu senang saja, senang pakai mulut tetapi apa yang boleh membantu sekolah ialah untuk secara terus untuk memberi bantuan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Pakai mulut gigitlah.

Dato' Hon Choon Kim: Sebenarnya dalam hal ini, Ahli Parlimen atau wakil daripada Barisan Nasional memang telah memberi cukup nasihat, cukup bantuan kerana sekolah itu terdiri atas tanah swasta hak milik orang lain. Jadi apa ada hak kita untuk menghalang pemaju untuk meminta sekolah itu pindah. Kalau Yang Berhormat jadi hak milik tanah itu, jadi Yang Berhormat akan cakap lain. Jangan cakap mudah Yang Berhormat. Cakap mudah sahaja tetapi untuk melaksanakan tanggungjawab bukan semudah yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

5. **Dato' Chor Chee Heung [Alor Setar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejak 3 tahun kebelakangan ini (2003 -2005) berapakah jumlah kemalangan yang telah berlaku dan di kilang atau *work-site* yang menyebabkan kematian pekerja-pekerja tanpa mengira pekerja tempatan atau pekerja asing dan berapakah jumlah orang awam yang telah menjadi mangsa dalam kemalangan tersebut. Apakah dasar mengenai pembayaran pampasan SOCSO kepada pekerja dan orang awam yang menjadi mangsa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod kementerian ini bilangan kemalangan dan kemalangan di tempat kerja adalah seperti berikut:

JENIS KEMALANGAN	TAHUN		
	2003	2004	2005
Bilangan Kemalangan Pekerja Tempatan	73,858	69,132	61,178
Bilangan Kemalangan Pekerja Asing	6,359	7,465	7,526
JUMLAH	80,217	76,597	68,704
Bilangan Kemalangan Maut Pekerja Tempatan	822	848	731
Bilangan Kemalangan Maut Pekerja Asing	301	411	320

Tuan Yang dii Pertua, jumlah kemalangan yang melibatkan orang awam dan disiasat oleh kementerian ini adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes Maut
2003	3 orang
2004	3 orang
2005	17 orang

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 hanya meliputi pekerja tempatan warga negara sahaja. Dengan itu jumlah kemalangan yang direkodkan oleh PERKESO hanya melibatkan kemalangan yang terjadi kepada warga negara selaras dengan takrif Pekerja di bawah Seksyen 2(5) AKSP 1969.

Mengenai dengan dasar pembayaran pampasan PERKESO kepada pekerja dan orang awam yang menjadi mangsa. Pada dasarnya bagi kemalangan maut akibat pekerjaan di tempat kerja yang melibatkan pekerja berdaftar ia dikategorikan sebagai kes bencana kerja. Bagi kes demikian, faedah yang boleh dibayar ialah;

- (i) faedah pengurusan mayat sebanyak RM1500, dibayar kepada waris atau pihak yang menanggung perbelanjaan pengebumian;
- (ii) faedah orang tanggungan dibayar kepada waris seperti balu, duda, anak-anak berumur 21 tahun ke bawah, ibu bapa dan wakil terdekat;
- (iii) faedah pinjaman pendidikan iaitu suatu kemudahan pendidikan dalam bentuk pinjaman kepada anak tanggungan yang sedang menerima faedah bayaran bulanan bagi faedah waran tanggungan.

Bagi kes kemalangan yang melibatkan kematian orang awam akibat kemalangan di tempat kerja, sekiranya orang awam yang merupakan pencarum PERKESO dan memenuhi syarat-syarat kelayakan caruman PERKESO. Pampasan boleh diberi di bawah Skim Pencen Ilat iaitu faedah Pencen Penakat. Pencen akan dibayar kepada waris seperti balu, duda, anak-anak, ibu bapa, atau waris terdekat bersama faedah pengurusan mayat sebanyak RM1,500. Faedah pinjaman pendidikan juga boleh dipertimbangkan bagi anak orang tanggungan.

Sekiranya orang awam yang tidak mencarum kepada PERKESO menjadi mangsa kemalangan, tuntutan *civil* terhadap syarikat yang terlibat boleh dilakukan oleh mangsa atau keluarga atau waris mangsa yang terbabit, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari tahun 2000 hingga 2005 terdapat beberapa jumlah yang telah pun dibayar sebagai pampasan kepada pekerja-pekerja ataupun waris-waris pekerja oleh PERKESO dan jumlah caruman yang diberikan yang telah diberikan oleh pekerja-pekerja kepada Kumpulan Wang PERKESO di negara ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu kes spesifik di mana seorang pemuda mendiang Loh Boon Hong, dia mati oleh kerana kecuaiian kontraktor yang menjalankan kerja di Plaza Damas.

Yang kedua, saya difahamkan bahawa kontraktor tersebut telah pun menerima tujuh kali saman oleh kerana kecuaiian mereka dalam mengendalikan kerja-kerja di Plaza Damas. Oleh yang demikian, sebab apa pihak kerajaan tidak mengambil tindakan yang

lebih ketat ataupun tindakan untuk memberhentikan segala kerja *stop work order*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bukankah ini satu kecuaihan juga oleh pihak kerajaan dan buat masa ini undang-undang yang sedia ada ini kemungkinan tidak begitu ketat sama ada pihak kerajaan ingin mengadakan satu kajian semula supaya segala peruntukan undang-undang ini dapat diperketat untuk kepentingan umum, sekian terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kemalangan yang berlaku semenjak tahun 2000 hingga 2005 begitu banyak sekali;

TAHUN	JUMLAH KES
2000	95,000
2001	85,000
2002	81,000
2003	73,000
2004	69,000
2005	61,000

Purata kesemua perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh PERKESO iaitu lebih kurang dalam RM4 bilion. Bagi tahun lepas sahaja 2005, perbelanjaan oleh pihak PERKESO iaitu sebanyak RM890 juta dan kita juga memperoleh perolehan daripada pungutan sebanyak R1.38 juta dan pembayaran balik dalam lingkungan RM800 juta campur ataupun tolak. Mengenai dengan kemalangan yang berlaku di Plaza Damas yang melibatkan pemuda yang bernama Loh Boon Hong, sebenarnya itu telah pun kita buat tindakan dan subkontraktor telah pun disaman dan ianya sedang berjalan iaitu di Mahkamah Civil, kalau ianya salah, mereka boleh didendakan sejumlah RM50,000 ataupun jail dua tahun ataupun kedua-duanya sekali. Sebenarnya kita bukan cuai, peraturan pemantauan sentiasa dilakukan. Di tapak binaan sahaja kita buat seliaan sejumlah 15,000 tapak seliaan.

Walaupun kadang-kadang kes itu banyak, tetapi kalau ianya tidak serius, ia tidak ditutup ataupun tidak diberikan *stop order*, tetapi kalau sekiranya kemalangan itu serius, terus kita berhentikan. Menyentuh tentang Damas sini – apabila berlakunya kemalangan yang melibatkan kematian kepada pemuda itu, kita telah mengarahkan dan memberikan satu arahan memberhentikan kerja selama tiga bulan. Baru sahaja diputus oleh Kabinet, pada minggu lepas, ianya boleh dimulakan balik. Jadi peraturan terbaru kia, iaitu tiga kali berturut-turut mana-mana tapak kerja yang menyalahi peraturan dari segi keselamatan dan kesihatan, kita berhentikan. Tetapi kalau ianya serius, tidak payah tunggu tiga kali, sekali pun berhenti, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kita tahu bahawa kemalangan tidak berbau. Kita dimaklumkan pada tahun lepas, Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kita mempunyai lebih kurang 10 juta pekerja dan kadar kemalangan berlaku pada tahun lepas ialah lebih kurang 6.7%, maknanya kalau seribu pekerja, maknanya 67 orang, mengalami kemalangan dan kini tidak silap saya kita ada 11.15 juta pekerja yang terdiri daripada pekerja awam dan juga swasta.

Saya ingin tahu berapakah kadar kemalangan kini dan apakah formula ataupun petunjuk di dalam pengiraan kadar kemalangan dan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian Yang Berhormat melalui Jabatan Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan JKPP dalam usaha bagi mengurangkan kadar kemalangan yang berlaku, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kadar kemalangan untuk seribu orang pada tahun lepas iaitu seribu untuk 6.7 pekerja. Tetapi berasaskan kepada kemalangan ataupun angka terbaru, iaitu sebanyak 43,888 orang, maka kalau kita ambil untuk seribu pekerja, maka kemalangan itu telah menurun, bukan lagi menjadi 6.7 tetapi dalam lingkungan 4.5 bagi seribu orang. Ini kita keluarkan dari segi *committing accidents*, maksudnya kemalangan untuk pergi kerja, balik kerja kita tidak masukkan bersesuaian apa yang telah dilakukan oleh negara-negara lain iaitu *committing accident* ini kita *exclude*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jadi kadar kemalangan kita perseribu orang bagi 43,888 orang itu iaitu sekadar 4.5 orang sahaja. Jadi ini menunjukkan satu cara ataupun kaedah yang diguna pakai. Antara usaha-usaha yang sedang dijalankan ataupun telah dijalankan iaitu mengadakan kempen, ceramah, seminar, kursus keselamatan dan kesihatan ini bermula daripada bangku sekolah lagi.

Hari ini kita telah pun menjalankan usaha ini di lebih pada 20 buah sekolah dalam Lembah Klang dan juga beberapa tempat yang lain. Selain pada itu, kita juga mengeluarkan garis-garis panduan ataupun *code of practice* dan melibatkan akta serta peraturan ini dalam jumlah sebanyak 34. *Code of practice* garis panduan ini kita pakai sebaik-baiknya dan yang keempat kita juga pantau kita audit, kita pantau kepada 578,000 majikan dan lebih pada itu kita juga mengeluarkan VCD yang disebut sebagai cam analisa ataupun tindakan ataupun CAT. Selain daripada itu, pihak kementerian juga sering mengadakan anugerah-anugerah kecemerlangan kesihatan dalam kerajaan bagi memberikan daya dorongan ataupun motivasi tentang kepentingan, keselamatan dan kesihatan oleh majikan dan juga pekerja. Kita juga ada hari OSH day (*Occupational Safety and Health*) yang dihadiri sendiri oleh menteri kita.

Kita juga ada Hari Pekerja yang dihadiri sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, kita juga ada anugerah-anugerah kecemerlangan yang dihadiri sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ini semuanya kita tingkatkan bagi memastikan usaha keselamatan dan kesihatan begitu baik dan alhamdulillah kita di antara negara yang terbaik dalam dunia walaupun ada jumlah yang saya sebutkan tadi dari segi keselamatan dan kesihatan di mana negara-negara dunia ini mempunyai kadar kemalangan antara tiga hingga empat orang seribu dianggap yang terbaik. Kita sedang menuju ke arah itu, terima kasih.

6. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta Menteri Pelancongan menyatakan bilangan pelancong tulen yang telah melawat Malaysia dari tahun 2000 hingga 2006 dengan tanpa mengambil kira kemasukan pelancong dari pintu masuk Singapura dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menarik kemasukan pelancong-pelancong yang pertama kali melawat ke Malaysia.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ketibaan pelancong tanpa mengambil kira pelancong Singapura bagi tahun 2000 hingga adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PELANCONG
2000	4,801,382
2001	5,823,479
2002	5,744,249
2003	4,173,342
2004	5,153,064
2005	6,796,549

Negara-negara utama penyumbang ketibaan ini adalah negara-negara ASEAN lain China, Jepun, Taiwan, India, Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Pada tahun 2006, Kementerian Pelancongan berusaha untuk menarik lebih ramai ketibaan pelancong dengan menetapkan sasaran seramai 17.5 juta pelancong termasuk pelancong dari Singapura. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sentiasa mengambil langkah-langkah dalam usaha meningkatkan jumlah ketibaan para pelancong dan seterusnya menggalakkan penerimaan *tourist visit*, dengan izin di antara usaha-usaha ini adalah:

- (i) memberi tumpuan kepada promosi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul dan *value for money* dengan izin di rantau ini menerusi kempen pengiklanan antarabangsa dengan *blending* yang *consistent* iaitu Malaysia *truly* ASIA. Kempen ini menegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri dari pelbagai kaum, kebudayaan, adat resam dan cara hidup yang berbeza tetapi dapat menggambarkan satu kehidupan yang aman damai, harmoni dan bersatu padu;
- (ii) melaksanakan usaha-usaha pengiklanan 'demetik' dan praktikal dengan tujuan untuk meningkatkan ketibaan lebih ramai pelancong berkualiti dari pasaran jarak sederhana dan jauh yang mampu berbelanja besar dan tinggal lebih lama di negara ini;
- (iii) melipatgandakan usaha-usaha promosi pelancongan seperti menganjurkan misi gerakan pelancongan, promosi makanan dan kebudayaan, mengambil bahagian dalam pameran pelancongan antarabangsa, menganjurkan seminar dan sebagainya;
- (iv) menggalakkan program lawatan suai kenal untuk pengusaha pelancongan dan wakil media asing dalam program mega *firm* yang bertujuan memberi mereka pengalaman sebenar perkhidmatan dan produk-produk pelancongan yang ditawarkan di negara ini di samping menjelaskan bahawa Malaysia adalah destinasi pelancongan yang bukan sahaja menarik, tetapi juga selamat dilawati;
- (v) mengenalkan Malaysia sebagai destinasi MICE iaitu *Meeting Incentive Convention and Exhibition* terunggul dengan penekanan untuk mendorong persatuan-persatuan antarabangsa dan syarikat-syarikat multinational supaya menganjurkan mesyuarat dan persidangan mereka di negara ini;
- (vi) meneroka dan membangunkan pasaran-pasaran baru yang berpotensi seperti pelancongan, kesihatan, Malaysia rumah Keduaku, pelancongan pendidikan dan pelancongan sukan;
- (vii) menyediakan lebih banyak produk pelancongan yang menarik, berkualiti dan selamat untuk kemudahan dan keselesaan para pelancong, juga menyelenggara dan mempertingkatkan produk-produk pelancongan sedia ada;
- (viii) melancarkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 sebagai satu usaha untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan menjalankan usaha-usaha promosi pelancongan yang agresif dari masa ke semasa bagi memastikan jumlah ketibaan pelancong dan jumlah pendapatan negara melalui industri pelancongan akan terus meningkat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu kemas. Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita di Malaysia dan media-media kita dengan izin, mempunyai *superiority complex* dan memandang rendah pelancong-pelancong dari negara luar. Bila kita melihat orang dari Russia, Republik China atau Indonesia kita kadang-kadang mempunyai sangkaan yang tidak begitu sihat.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah prestasi pelancong dari China dan Russia dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mendidik warganegara Malaysia dan media Malaysia supaya jangan memprofilekan pelancong-pelancong serta-merta dengan sangkaan yang tidak baik.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Aman. Mengenai soalan pelancong dari Rusia, memang pelancong dari negara tersebut hanya seramai 8,000 orang pada tahun 2005 dan kita akan *promote* dengan lebih hebat sebab kita diberitahu bahawa Rusia mempunyai penduduk seramai 146 juta. Bagi pelancong dari negeri China memang kita menghadapi masalah yang kita sedia maklum. Pada tahun 2004 kita ada pelancong dari negara China seramai 550,241 orang dan bagi tahun 2005 hanya seramai 352,089 orang iaitu kita nampak penurunannya sebanyak 36 peratus.

Antara sebab-sebab penurunan angka tersebut, iaitu pelancong-pelancong dari negeri China adalah disebabkan ada laporan surat khabar yang selalu *sensational* mengenai warganegara China seperti kes seorang gadis yang dipercayai warganegara China diarah melakukan ketuk ketampi dalam keadaan bogel di lokap polis serta masalah isu keselamatan di negara kita ini di mana kes-kes jenayah yang dilaporkan begitu hebat.

Kita pun ketahui kawan kita dari DAP, Yang Berhormat bagi Seputeh selalu membawa kes-kes pelancong warganegara China. Perkara itu memang telah menimbulkan anggapan bahawa Malaysia adalah satu tempat yang tidak selamat dan memberi masalah kepada pelancong dari negara China. Kita berharaplah semua rakyat memberi kerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan kerajaan supaya kita boleh menarik lebih ramai lagi pelancong asing ke negara kita.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita semua maklum tentang promosi Tahun Melawat Malaysia 2007, jadi apakah Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengadakan satu ukuran tentang kesianan masyarakat di negara kita bagi menerima jumlah pelancong yang disasarkan oleh Kementerian pada tahun hadapan.

Keduanya, adakah dalam rencana Kementerian telah mengambil kira wabak-wabak ataupun perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di negara kita pada tahun hadapan, dan jika ia berlaku apakah *contingency* Kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebagaimana kita sedia maklum, industri pelancongan adalah industri yang begitu mustahak dan penting bagi ekonomi kita. Kita harap dengan kerjasama semua pihak kita boleh meningkatkan jumlah pelancong datang ke Malaysia. Seperti yang saya katakan tadi, pada tahun 2007 kita akan mengadakan satu program yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 31 Disember tahun lepas iaitu *Visit Malaysia Year 2007 - Tahun Melawat Malaysia 2007*.

Kita harap pada tahun hadapan kita boleh mencapai sehingga 20.1 juta orang pelancong asing dan persediaan (*preparation*) kita sedang dijalankan dan kita berharaplah semua pihak termasuk wakil rakyat dari Tangga Batu boleh membantu. Dalam tempoh dua tiga bulan saya menjawat jawatan Timbalan Menteri Pelancongan, saya nampak Melaka adalah di antara negeri yang terbaik sekali untuk membawa pelancong masuk ke negara kita ini.

7. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tentang keadaan kelonggaran sistem daftar maklumat mengenai identiti serta butir peribadi warga asing di negara ini yang mengakibatkan pembabitan mereka dalam kegiatan jenayah sukar dikesan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang menyatakan bahawa sistem daftar maklumat identiti peribadi warga asing Jabatan Imigresen Malaysia longgar adalah kurang tepat. Sistem komputer yang ada kini mampu menyimpan data pelawat asing ke negara ini. Maklumat-maklumat ini dapat dikeluarkan sekiranya diperlukan oleh pihak-pihak tertentu untuk tujuan-tujuan tertentu. Wakil negara asing yang terlibat dalam kegiatan jenayah sukar dikesan bukan kerana masalah sistem data maklumat tetapi wakil negara asing bergerak dengan bebas apabila sudah berada di negara ini. Ini menyukarkan pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia atau Polis Diraja Malaysia menjejaki mereka.

Oleh yang demikian, kerajaan juga mengharapkan kerjasama dari orang ramai untuk memberi maklumat-maklumat kepada pihak berkuasa ini. Sehingga kini kerjasama yang diberikan oleh orang ramai adalah sangat baik sehinggakan beberapa orang warga asing yang terlibat dalam kegiatan jenayah berjaya ditangkap dan dihadapkan ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah mengurangkan penglibatan warga asing dalam kegiatan jenayah, Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa mengadakan operasi penguatkuasaan bersama dengan Polis Diraja Malaysia dan RELA. Langkah ini menjadi lebih efektif apabila kerajaan memberikan kuasa melalui proses perundangan kepada pasukan RELA untuk menangkap warga asing yang disyaki berada di negara ini secara haram.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Soalan tambahan. Kalau sekiranya data ataupun *database* yang dimiliki oleh kementerian itu sudah begitu kemas dan begitu baik sekali, saya ucapkan tahniah dan terima kasih. Cuma yang menjadi persoalan saya di sini ialah setakat manakah keberkesanan data ini dari segi pengesanan kepada pendatang-pendatang asing ini, terutamanya apabila tindakan-tindakan segera yang hendak kita lakukan untuk memastikan mereka tertangkap, mereka dikenakan tindakan yang segera. Tadi disebut tentang keperluan kementerian untuk mendapatkan kerjasama daripada orang ramai.

Saya hendak tanya sejauh manakah kerjasama daripada orang ramai, apakah ini sebagai satu alasan kerana kita tidak mempunyai pegawai-pegawai penguatkuasaan kita sendiri. Mohon penjelasan.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia mampu merekod semua orang masuk dan keluar dari Malaysia jika setiap individu itu menggunakan laluan-laluan atau pintu masuk keluar yang telah ditetapkan dalam Warta Kerajaan, oleh itu identiti peribadi warga asing akan boleh didaftarkan. Jika ada warga asing yang terlibat dalam aktiviti jenayah, pihak penguat kuasa iaitu Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak polis akan mengesan di mana warga asing tersebut tinggal kerana semasa mereka masuk sudah diisi borang IM26 di mana dinyatakan tempat tinggal mereka.

Tadi saya ada sebut, oleh sebab bila warga asing masuk ke Malaysia mereka bebas untuk bergerak, jadi kadangkala apabila kita mencari tempat mereka tinggal, mereka tidak ada. Oleh sebab itulah kita mohon orang ramai bekerjasama dengan pihak berkenaan iaitu memberi maklumat mengenai warga asing dan seterusnya kita akan mengambil tindakan.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri ada menyebut tentang Imigresen mempunyai rekod-rekod

berhubung dengan kedatangan orang asing ke negara ini, tetapi apabila kita melihat kes Normala Bonat misalnya, beliau mengatakan pihak agen telah menipu umurnya daripada 19 tahun menjadi 21 tahun. Ini maknanya berlaku penyelewengan terhadap maklumat-maklumat pendatang tersebut. Jadi, apakah kementerian berhasrat untuk mengadakan *biometric record* setiap rakyat yang masuk ke negara kita dan apabila mereka keluar, kita boleh menyemak rekod tersebut, walau dia melakukan penipuan bagaimanapun kita boleh mengesan mereka ini. Misalnya ada kamera untuk merekod anak mata (*iris*). Bila dia melihat sahaja kamera tersebut, kamera boleh memberitahu bahawa ia telah masuk ke negara ini dan mempunyai rekod di dalam negara ini, mungkin ada melakukan kesalahan ataupun perkara yang lain. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sistem biometrik bagi tujuan rekod cap jari apabila pekerja asing yang masuk ke Malaysia. Tetapi dari segi warga asing khususnya bagi pelancong sistem biometrik ini belum ada lagi. Jadi pekerja asing yang terlibat dalam kes-kes jenayah ataupun aktiviti-aktiviti yang kurang sihat, pihak berkenaan boleh mengesan mereka.

Dari segi umur warganegara asing yang masuk ke Malaysia, tadi saya sudah sebut semasa mereka masuk mereka dikehendaki mengisi borang IM26. Kita hanya mengikut apa yang dinyatakan dalam kolom umur itu. Kadangkala apabila kita tengok seseorang memang susah hendak mengetahui umurnya sebenar, jadi memang inilah yang berlaku. Terima kasih.

8. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berikutan kewujudan 126,000 ibu tunggal di Malaysia dikategorikan sebagai ibu tunggal miskin, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk membantu meningkatkan taraf hidup serta pendapatan seisi keluarga mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan banci penduduk dan perumahan tahun 2000 jumlah ibu tunggal di negara ini adalah seramai 126,810 orang atau kira-kira 15.9 peratus daripada 795,500 jumlah ketua isi rumah wanita. Walaupun demikian, bukan kesemua ibu tunggal dalam bancian tersebut terdiri dari golongan miskin atau dikategorikan sebagai ibu tunggal miskin. Takrif ibu tunggal yang digunakan adalah wanita yang menjadi ketua isi rumah yang terdiri daripada balu atau yang bercerai atau berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama.

Pelbagai program ekonomi sosial dan latihan telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan dan NGO bagi mengurangkan insiden kemiskinan di kalangan wanita termasuk ibu tunggal dan ketua isi rumah wanita. Jabatan Pembangunan Wanita telah menjalankan program pendaftaran ibu tunggal sejak tahun 2003 lagi. Hasil daripada program pendaftaran tersebut didapati seramai 18,500 orang ibu tunggal atau 62 peratus daripada 30,000 orang ibu tunggal yang memberi maklum balas adalah berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan dan boleh dikategorikan sebagai miskin.

Bagi membantu meringankan golongan ibu tunggal miskin serta anak-anak mereka, pihak kementerian telah berusaha menyampaikan bantuan dan perkhidmatan melalui agensi di bawahnya khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita. Menerusi JKM, kementerian mengambil langkah menyalurkan bantuan kewangan bulanan kepada keluarga miskin termasuk ibu tunggal seperti bantuan kanak-kanak, bantuan am dan bantuan sekolah bagi meringankan beban membiayai perbelanjaan anak-anak termasuk perbelanjaan ke sekolah.

Melalui bantuan kanak-kanak dan bantuan am, ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM400 sebulan layak dipertimbangkan salah satu bantuan iaitu sama ada bantuan kanak-kanak sebanyak RM100 hingga maksimum RM450 sebulan bagi satu keluarga atau bantuan am sebanyak RM80 hingga maksimum RM350 sebulan bagi satu keluarga. Pada tahun 2005, seramai 79,824 orang anak-anak ibu tunggal di seluruh negara telah mendapat bantuan menerusi skim bantuan kanak-kanak yang melibatkan peruntukan

kementerian sebanyak RM47,300,000. Sementara bagi bantuan am pula sebanyak 79,747 kes telah dibantu dengan peruntukan kementerian sebanyak RM103,213,787.

Bagi bantuan sekolah, ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM500 layak dipertimbangkan bantuan mengikut kadar sebenar yuran sekolah, yuran peperiksaan, buku, tambang pengangkutan dan pakaian seragam yang diberi setahun sekali. Ibu tunggal yang menerima bantuan kanak-kanak atau bantuan am boleh juga menerima bantuan sekolah ini. Pada tahun 2005, peruntukan yang digunakan adalah sebanyak RM803,000 dan jumlah penerima adalah seramai 3,507 pelajar.

Seterusnya, pemberian geran pelancaran pula adalah langkah yang diambil bagi membantu mereka berdikari. Sepanjang tahun 2005, seramai 230 kes yang melibatkan ibu tunggal di terima oleh JKM yang melibatkan peruntukan RM434,700. Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpandangan bahawa bantuan yang diperlukan oleh golongan ibu tunggal yang dikategorikan sebagai miskin ini bukanlah berbentuk sumbangan kewangan semata-mata. Perkara ini disebabkan selain daripada faktor ekonomi, golongan ibu tunggal serta anak-anak mereka sebenarnya berhadapan dengan berbagai-bagai isu lain seperti pendidikan, sosial dan emosi. Oleh itu, anjakan paradigma dari sudut pemikiran dan sikap ibu tunggal itu sendiri adalah sangat penting agar mereka berinisiatif untuk memajukan diri dan memperbaiki taraf hidup keluarga mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Gelang Patah, jawapan sudah lengkap itu.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Yang Berhormat kita semua faham bagi ibu tunggal kebanyakan mereka terpaksa bekerja supaya dapat berdikari dan mereka sangat-sangat memerlukan pusat jagaan harian untuk anak-anak mereka. Sungguhpun Kementerian Sumber Manusia memang menggalakkan kilang membina atau menubuhkan pusat jagaan harian tetapi, sambutan agak kurang memuaskan.

Saya ingin hendak tahu adakah kementerian bercadang membantu ibu tunggal dalam hal ini. Dan salah satu cara untuk membantu ibu tunggal miskin ialah pihak sekolah boleh mengadakan kelas tambahan khas untuk anak-anak ibu tunggal supaya mereka di bawah jagaan yang baik semasa ibunya bekerja di kilang atau pejabat. Adakah kementerian bercadang mendapatkan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk membantu ibu tunggal. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizah binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, isu pusat jagaan harian sama ada untuk kanak-kanak mahupun warga emas yang sebenarnya menjadi tanggungjawab, saya tengoklah wanita di Malaysia termasuklah ibu tunggal akan menjadi salah satu daripada isu perjuangan untuk kementerian pada tahun ini. Sebenarnya keperluan itu bukan hanya untuk ibu tunggal tetapi untuk semua kaum keluarga. Insya-Allah, pada tahun kita akan tubuh beberapa *inter minstrel committee*, dengan izin, supaya dapatlah kementerian kita memperjuangkan beberapa isu untuk ibu tunggal. Tetapi sebelum itu saya hendak maklumkan sebenarnya isu ibu tunggal ini tidak seharusnya menjadi begini ketara.

Saya hairan Tuan Yang di-Pertua, macam mana ada ibu tunggal itu dibiarkan begitu sahaja sehingga ia menjadi satu tugas dan tanggungjawab kerajaan. Saya selalu pergi mana-man, saya tanya apa jadi kalau mereka yang betul-betul mempunyai suami yang telah meninggal, itu memanglah tidak boleh buat apa. Tetapi, kalau ada suami yang masih hidup sama ada berpisah tetap ataupun telah bercerai, soalan saya di manakah

bekas-bekas suami ini yang lepas tangan begitu sahaja kepada kerajaan dalam penjagaan anak-anak mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini. Setiausaha.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[25 April 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, untuk menyambung jawapan.

11.06 pagi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizah binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung penggulangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ampang dan Papar telah membangkitkan mengenai kekangan atau sekatan dari segi undang-undang atau syarat-syarat tertentu PBT yang tidak membenarkan rumah dijadikan sebagai tempat perniagaan.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum sebarang perubahan tukar guna premis daripada kediaman kepada perniagaan adalah di bawah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dengan mengambil kira aspek lokasi dan kawasan persekitaran.

KPWKM iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat difahamkan kegunaan rumah kediaman sebagai pejabat atau perniagaan hanya dibenarkan di kawasan yang difikirkan sesuai oleh PBT di mana aktiviti pejabat atau perniagaan yang dijalankan adalah secara kecil-kecilan tanpa melibatkan jumlah pengunjung yang ramai

atau menggunakan mesin-mesin yang boleh menimbulkan gangguan kepada penduduk sekitar. KPWKM percaya dengan adanya buku panduan pejabat @ rumah kelak, orang ramai akan mendapat panduan yang jelas mengenai peraturan dan syarat yang perlu dipenuhi bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan dan salah faham.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang telah mengesyorkan kerajaan mempertimbangkan supaya suami-suami mencarum sebahagian daripada gaji mereka untuk isteri masing-masing melalui *women provident fund*, dengan izin. KPWKM merasa ini adalah satu cadangan yang teramat baik bagi menjaga kebajikan suri rumah wanita. Ini adalah kerana berdasarkan kajian penggunaan masa dan penilaian kerja tanpa bayaran yang telah dijalankan oleh kementerian pada tahun 2003, penduduk wanita melakukan 75.6% kerja tanpa bayaran berbanding penduduk lelaki sebanyak hanya 24.4% daripada jumlah keseluruhan kerja tanpa bayaran. Saya hendak ulang, Tuan Yang di-Pertua, ya. Penduduk wanita melakukan 75.6% daripada kerja tanpa bayaran berbanding penduduk lelaki sebanyak... ..

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah ulanglah.

Dato' Seri Hajah Shahrizah binti Abdul Jalil: Tidak payah ulang. *[Ketawa]* Saya hendak habiskan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 24.4% daripada jumlah keseluruhan kerja tanpa bayaran. Daripada jumlah penduduk wanita terlibat suri rumah wanita melakukan kerja tanpa bayaran paling banyak iaitu 45.3%. Walau bagaimanapun cadang ini perlu dikaji dan diteliti dengan mendalam memandangkan tidak semua suami kepada suri rumah wanita bekerja makan gaji.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang turut mencadangkan agar peruntukan yang telah diberikan kepada pertubuhan bukan kerajaan yang turut sama membantu dalam usaha mengurangkan keganasan terhadap wanita melalui program-program kesedaran yang mereka laksanakan. Kementerian amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang terhadap usaha-usaha bagi membanteras keganasan terhadap wanita. Sememangnya impak positif hasil daripada pelbagai program dan kempen bagi membanteras keganasan terhadap wanita dapat dilihat bukan sahaja dari sudut kesedaran mangsa terhadap hak-hak mereka di sisi undang-undang, tetapi turut melibatkan kesedaran masyarakat terhadap gejala ini.

Bermula dari tahun 2002-2005 sebanyak 623 buah program Literasi Undang-undang dan 519 buah seminar menangani keganasan telah dijalankan di peringkat akar umbi oleh agensi pelaksana iaitu Majlis Pembangunan Keluarga dan Masyarakat dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga badan-badan bukan kerajaan. Program-program tersebut telah melibatkan sebanyak 176,570 peserta dan dijalankan menerusi peruntukan di bawah bantuan khas kementerian.

Program-program yang dilaksanakan itu menjurus kepada pendedahan terhadap asas perundangan sivil, syariah serta hak yang diperuntukkan di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga. Menyedari bahawa masyarakat khususnya wanita masih perlu diberikan pendedahan dan diyakinkan mengenai hak-hak mereka, kementerian akan terus menjalankan pelbagai program dan kempen kesedaran secara berterusan serta memberi fokus kepada keberkesanan program yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang mana satu?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Rantau panjang.

Dato' Seri Hajah Shahrizah binti Abdul Jalil: Okaylah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya rasa ada peluang bagi saya untuk meminta penjelasan serta memberi penjelasan terhadap persoalan yang ditimbulkan suatu soal jawab tadi oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kenapakah wanita yang kehilangan suami hasil daripada perceraian di tinggal begitu atau tidak diambil kira oleh masyarakat, sedangkan suami yang meninggal kerana kematian itu banyak simpati daripada orang ramai.

Apakah Yang Berhormat sedar sebahagian besar perempuan yang ditinggalkan oleh suami ini ada masalah yang menyebabkan berlaku perceraian. Satu. Yang keduanya, apabila masyarakat melihat seorang perempuan yang ditinggalkan oleh suami sudah tentulah mereka ini ada sebab-sebab yang boleh dipertikaikan.

Kalau kita lihat di dalam majlis-majlis yang besar, perempuan yang ketiadaan suami hasil perceraian ini ada gatal sedikit. Tidak seperti yang kehilangan suami kerana kematian. Yang kematian ini, nampak dia insaf, sedih dan nampaklah air muka itu ada sedikit keimanan. Tetapi sebahagian besarnya, yang kehilangan suami hasil perceraian ini kalau di dalam majlis-majlis, dia nampak gatal, sebab itu hilang simpati. *[Disampuk]* Harap komen daripada Yang Berhormat.

[Dewan gamat]

Seorang Ahli: Tidak benar, tidak benar. Kita tidak tahu pengalaman peribadinya.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, masya-Allah, saya memang kecewa sekali dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ini adalah pengalaman peribadinya.

[Dewan gamat]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya hendak minta Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tarik balik apa yang Yang Berhormat kata tentang wanita yang dikatakan gatal itu. Saya hendak minta kepada Ahli Yang Berhormat tarik balik apa yang dikatakan.

[Dewan gamat]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bagi jalan! Sedikit, bagi jalan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Ya, saya bagi jalan. Tarik balik.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bagus Yang Berhormat Menteri beri jalan. Duduk, duduk dahulu. Menteri ini bagus. Duduk dahulu, hendak jawab ini.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya hendak berdiri. Saya hendak berdiri, saya hendak dengar Yang Berhormat tarik balik sebab ini satu penghinaan kepada semua wanita.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Macam mana, ini peraturan Dewan, bila saya hendak jawab duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Menteri sudah beri laluan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya sebut ini sebahagian besar, saya tidak kata seluruh. *[Disampuk]* Bukan tuduh, sebahagian besar. Kalau tengok di majlis-majlis, katakanlah di *party*, *private party* kalau kita tengok yang mana. Janda yang macam mana yang gatal, yang *'gelenyar'*, bahasa Kelantan. Kelantan kata *'gelenyar'*, bahasa persuratan gatal. Yang mana? Yang kematian suami ataupun yang diceraikan oleh suami. Sebahagian besarnya yang gatal itu ialah yang bercerai kerana sebab-sebab tertentu, sama ada si suami itu jahat ataupun si isteri itu ada masalah. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pendapat sebegini hanya datang daripada mereka yang tidak beriman kuat. *[Disorak]* Sebab apa saya tidak tahulah sama ada ini mengikut pengalaman Yang Berhormat, saya tidak tahu. Yang saya tahu, rakan saya daripada Barisan Nasional, mereka menghormati wanita, tidak ada di antara mereka yang kata wanita gatal.

[Dewan gamat]

Seorang Ahli: Betul, betul.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya hairan, ya, macam mana ini Yang Berhormat. Saya hendak tahu di mana yang Yang Berhormat jumpa wanita gatal ini.

Seorang Ahli: Hantam sama dia, Yang Berhormat Menteri.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini sepatutnya dia menarik balik kata-katanya terhadap penghinaan kaum wanita. Sebagai seorang Ahli Parlimen, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tidak seharusnya menyatakan bahawa wanita ini 'gatal'. Sebenarnya perceraian ini berlaku disebabkan juga oleh kaum lelaki. Kenapa kaum lelaki ini tidak dikatakan 'gatal', miang. *[Disampuk]* So, saya harap Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sebagai *gentleman* dapat menarik kata-katanya yang begitu menghina kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya ada satu lagi persoalan. Berkaitan dengan program kesedaran terhadap kaum wanita yang banyak telah kita lakukan untuk supaya wanita ini sentiasa sedar dan insaf terhadap gejala-gejala, terhadap keganasan kaum lelaki yang mencabul mereka dan sebagainya. Tetapi masalahnya di sini, Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu berapa banyakkah program kesedaran yang telah dilaksanakan oleh kementerian kepada kaum Adam ini supaya mereka juga seharusnya menghormati kaum wanita supaya mereka tidak menjalankan, mengambil tindakan-tindakan mengganas dan mencabuli kaum wanita. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri, di sini. Sama, mengenai Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, *remark on* Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Terima kasih.

Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang akan memberi satu gambaran yang salah. Di mana dia implikasikan bahawa perceraian adalah kerana kesalahan isteri, kerana isteri gatal atau apa-apa. Saya rasa ini adalah gambaran yang sangat salah dan kita mesti betulkan di Dewan ini. *[Disorak]* Kita tidak boleh biarkan yang lain khasnya pelajar-pelajar di sana, yang mendapat satu pandangan, satu gambaran yang tidak betul. Saya rasa perceraian ada banyak sebabnya dan tidak boleh disalahkan kepada satu pihak. Saya harap Yang Berhormat bagi Rantau Panjang boleh *[Disampuk]* mengambil nasihat di sini supaya membetulkan perkataan ini. terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih. Wah! Nampak gaya DAP dan PAS tidak setuju dalam isu ini. *[Disorak]* Saya nampak bahawa ada percanggahan pendapat. Walau bagaimanapun, saya sudah tahu selepas ini saya hendak minta kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang supaya mengepalai satu program untuk wanita yang akan dijalankan di Rantau Panjang.

Saya nampak, maaf cakap Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, ya, nampak memang betul-tidak ada langsung kesedaran bahawa sebenarnya syurga itu di bawah telapak kaki ibu. Ibu, wanita, Yang Berhormat. *[Tepuk]* Yang saya tahu, mereka yang mempunyai ilmu, terutama dalam ilmu agama itu, mereka tidak cakap seperti mana yang Yang Berhormat cakap. Yang Berhormat adalah kawan baik saya, saya rasa betul-betul sedih, Yang Berhormat, macam mana Yang Berhormat.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Nanti, saya tidak habis lagi. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, macam mana Yang Berhormat boleh berpendapat begitu. Saya pun hairan.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Boleh beri peluang saya menjawab?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya selama ini, mana-mana saya pergi saya selalu defense lelaki daripada Malaysia, saya pergi seluruh dunia, saya kata, lelaki Malaysia hebat tetapi hari ini saya pun macam hendak tarik balik tetapi saya kena *qualify*lah, cuma lelaki daripada satu parti itu sahaja yang tidak menghormati wanita.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Ketawa]* Tidak apa, beri peluang saya menjawab

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *No more* laluan, Yang Berhormat. Saya minta maaf.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Apa, tidak adil ini. Inilah perempuan tidak adil.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tidak apa, Yang Berhormat. Saya hendak mintalah kepada ketua parti Yang Berhormat, sila datang jumpa saya sebab saya hendak selawat sedikit tentang macam mana hendak menghormati wanita Malaysia. Tunggal atau tidak tunggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat hendak bantu, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kemukakan Peraturan Mesyuarat 36(6), di mana Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah menghina Ahli-ahli Dewan, terutama sekali dari kaum wanita. Saya minta supaya dia tarik balik sebab kita bantah sekeras-kerasnya pernyataan yang telah dikeluarkan tadi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: 36(6) tidak sangkut-paut pun, baca balik, baca, baca, baca.....

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Minta, minta dia....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Baca 36(6), baca! Ya! Hah, baca, baca!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: 36(6), Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Hah, lagi?

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Ahli lain!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ahli lain, bukan ahli, saya sebut lain, saya sebut tadi lain bukan ahli.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Kita bukan ahli, kita adalah kaum wanita di sini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya tidak sebut Ahli Dewan, you tidak bacakah?

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Rantau Panjang tarik balik!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tidak, saya katakan umum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Ini merupakan satu penghinaan kepada wanita!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Aah, saya tidak mahu lawan, saya tidak mahu lawan itu, kalau 36 (6) saya tidak mahu lawan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup, cukup, cukuplah!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, saya hendak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah cukup. Saya minta Yang Berhormat Menteri boleh alih kepada tajuk yang lain.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pohon, pohon, pohon penjelasan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak beri Tangga Batukah Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, saya bagi yang Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam kaitan yang sama saya menganggap apa yang telah dinyatakan oleh Rantau Panjang tadi mungkin dia terlupa seperti Yang Berhormat sebut tadi iaitu wanita ini kalau kita kenangkan mereka juga adalah ibu kita. Jadi kenyataan-kenyataan umum ini perlu kita elakkan.

Yang Berhormat Menteri, di dalam kes-kes penceraian dan saya percaya penceraian ini adalah suatu yang lumrah sebab adanya perkahwinan. Jadi sejauh manakah kementerian telah menjalankan kegiatan serta aktiviti-aktiviti yang memberikan kesedaran bahawa penceraian ini sebenarnya bukan berlaku hanya pada pihak wanita. Ia juga disebabkan oleh ketidaksefahaman di antara suami dan isteri dan begitulah

sebaliknya. Jadi sejauh manakah kementerian telah mengadakan kajian tentang berapa peratuskah penceraian yang disebabkan oleh wanita dan berapa peratuskah penceraian yang disebabkan oleh lelaki?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, daripada pengajian yang kita buat saya tidak ada angka pada hari ini. Kita dapati bahawa ada banyak sebabnya salah faham masalah kewangan, masalah ibu mertua, masalah *in-laws* dengan izin, banyak masalahnya. Tetapi untuk kita hendak *pinpoint*, dengan izin pada satu pihak...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat!

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Peraturan Mesyuarat Dalam Seksyen 36 (4) perkataan 'gatal' ini tidak boleh digunakan di dalam Dewan.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Ini perkataan di dalam Peraturan Mesyuarat, biadap. Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan. Jadi saya mahu Tuan Yang di-Pertua *ruling* sama ada 'gatal' ini sopan atau tidak sopan. Kalau sekiranya dikatakan sopan, lain kali kita pun boleh gunakan perkataan "gatal", dalam Peraturan Mesyuarat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi kita minta Tuan Yang di-Pertua, supaya mengarahkan atau Rantau Panjang ini tarik balik ini perkataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa Yang Berhormat kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sebab saya selaku menteri yang menjaga maruah wanita di negara ini, saya memang tidak puas hati.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tunggu dahulu, tunggu dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Peraturan Dewan pada seksyen berapa? Peraturan Dewan kepada Tuan Yang di-Pertua, biar Tuan Yang di-Pertua *ruling* dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, cukup, cukup, cukup, cukup!...Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling*, saya mahu minta satu *ruling*, kalau Tuan Yang di-Pertua kata ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, saya kena lihat di mana keadaan perkataan, ayat dan sebagainya digunakan. Saya perlu pastikan semasa dikeluarkan mempunyai sangkaan jahat atau pun tidak.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi, interpretasi ini Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya tadi saya tidak mengikuti apa yang dikeluarkan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi Peraturan Mesyuarat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik, keputusan saya senang sahaja, Yang Berhormat.....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi kita minta supaya ahli Rantau Panjang tarik balik perkataan "gatal", kalau tidak lain kali kita pun sebagai ahli boleh gunakan ini, kalau tidak ada *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tadi apabila Yang Berhormat bagi Rantau Panjang mengeluarkan ayat yang berkenaan, saya tidak ada di sini, jadi saya tidak tahu sama ada dia berniat jahat atau tidak. Jadi saya rasa lebih elok Yang Berhormat bagi Rantau Panjang terangkan. Kalau tidak sesuai, minta ditarik balik. [*Dewan menjadi riuh seketika*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya ulang sekali lagi, saya tidak tarik balik perkataan ini kerana perkataan itu memang benar, perkataan itu benar. Dia kalau bahasa Kelantan, dia guna "gelenyah", kalau bahasa Kelantan Kalau bahasa pusat ialah 'gatal', hendak ganti perkataan apa? Apa lagi perkataannya? Ini perkataan biasa.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat...nanti.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya bukan tuduh kepada setiap Ahli Dewan. Kalau peraturan dalam 36 (4) ke 36 (6) ke, percakapan itu adalah perkataan umum.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah, Kota Bharu bangun.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kenyataan seperti yang dibuat oleh Rantau Panjang itu dibenarkan dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa ini adalah satu *precedent* yang sangat bahaya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup ya, teruskan Yang Berhormat Menteri!

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Kenyataan beliau Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Kenyataan beliau ialah tanpa asas, tidak ada asas sekalipun, menuduh penceraian itu kerana wanita ibu tunggal katanya dalam parti-parti semuanya kebanyakannya gatal. Sedangkan saya percaya Rantau Panjang selalu pergi parti tetapi setahu kita, kenyataan beliau itu tidak ada asasnya dan saya rasa menuduh kaum wanita sebagai punca penceraian ibu tunggal jadi begitu ramai kerana gatal, itu adalah satu tuduhan yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, Yang Berhormat dalam apa yang diterangkan memang itu tidak sesuai digunakan semasa Yang Berhormat memberi ucapan.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya minta sebelum pada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, Yang Berhormat saya fikir tidak payah terangkan dan tidak payah ucapkan lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Rujuk balik kepada *Hansard* apa saya sebut. Sebahagian, saya tak kata semua umum..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebahagian pun tidak sesuai, tidak sesuai.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ada di antaranya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak sesuai!

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta tarik baliklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tidak, saya boleh tarik balik kalau ada perkataan yang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, menggunakan, menggunakan....di sini Yang Berhormat bolehkah, Yang Berhormat bolehkah Yang Berhormat tarik balik ayat itu?

Semua Ahli: [Bangun]

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tarik balik, tarik balik!

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk semua duduk!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Semua wanita bangun, suruh tarik balik!

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Kami Ahli-ahli Parlimen wanita semua membantah, meminta supaya

[Dewan menjadi riuh dengan sorakan dan semua Ahli Parlimen bangun membantah]

Seorang Ahli: Tarik balik!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ahli Parlimen wanita semua bangun, saya pun bangunlah!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tarik balik!

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tarik Balik!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Dia katakan wanita gatal ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik....Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya memang membuat keputusan.

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tarik balik!!

Seorang Ahli: Tarik balik!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Ini satu penghinaan besar ini Tuan Yang di-Pertua!

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Kami minta Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tarik balik!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini tidak boleh membenarkan *other*yang sedemikian!

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tarik balik!

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Tarik balik!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tarik balik, tarik balik! *[Dewan menjadi riuh dan gamat seketika] [Semua Ahli Parlimen bangun dengan menunjukkan ketidakpuashati terhadap isu yang sedang dibincangkan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk, Yang Berhormat semua!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tarik balik!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tarik balik, kita minta!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlu, duduk dahulu, duduk.....semua duduk!

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tarik balik!

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tarik balik!

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Kami minta Tuan Yang di-Pertua, supaya ditarik balik! Tarik balik sekarang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk, semua duduk, semua duduk dahulu!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan sekiranya di tarik balik.....

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Minta dia tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau Yang Berhormat semua bangun, macam mana Rantau Panjang boleh bercakap!

Seorang Ahli: Buat malu negeri Kelantan sahaja!

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tengok keadaan sekarang. Jadi lebih elok Yang Berhormat sendiri tarik balik, sila tarik balik.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya boleh tarik balik tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana boleh atau tidak boleh, tarik balik!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, memang saya hendak tarik balik tetapi.....Tuan Yang di-Pertua tau atau tidak.....saya kena beri penjelasan mengenai.....

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang perlu ikhlas!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Nanti dahulu, saya hendak terangkan ini, mereka tidak mahu dengar, dengarlah dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Dengar dahulu....saya boleh tarik balik dan saya memang hendak tarik balik.

Seorang Ahli: [Menyampuk] Jangan mengganggu orang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tetapi berilah peluang perkataan yang sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak perlu lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kenyataan, bukan perkataan tetapi kenyataan, kenyataan itu! Kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apa, tidak apa.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya boleh tetapi.....saya boleh tarik.....

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Rantau Panjang ini Tuan Yang di-Pertua, dia memang tidak ada adab, dahulu dia kata "barua" pun okey, ini "gatal" pun okey, ini Rantau Panjang ini, bahasa dia memang bahasa lucahlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Nanti dahulu, nanti dahulu...saya hendak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup! Yang Berhormat cukup!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya, saya hendak terangkan, nanti dahulu.....nanti dahulu, saya pun ada penerangan.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Hah, inilah dia, perangai mereka ini, inilah dia!

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Buat malu orang Kelantan sahaja Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah dahulu, Yang Berhormat tidak duduk, macam mana saya hendak buat keputusan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Nanti dahulu, saya tidak tarik balik!

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Apalah, macam mana orang Kelantan boleh jadi macam ini? Betullah, tarik balik! [*Dewan menjadi gamat seketika*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sabar.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan Tuan Yang di-Pertua, peraturan, peraturan. Ahli-ahli Yang Berhormat peraturan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Peraturan 18 (1)...18.1, saya ada usul ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, duduk, duduk, tidak payah, tidak payah, tidak payah Tangga Batu!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita tangguhkan mesyuarat kita bincangkan isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, tidak payah tangguh!

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Perutua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang, itu kenyataan!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, saya boleh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa, tidak payah, tidak ada masa lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya tarik balik perkataan sahaja tetapi fakta itu hendaklah dijawab oleh Menteri, kalau betul, betul. Kalau tidak betul, fakta, saya tarik perkataan sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tarik balik perkataan yang digunakan! Cukup, cukup, cukup.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, perkataan sahaja.

Seorang Ahli: Ini bukan sikap orang Kelantan macam ini!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukan sikap orang PAS!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey Yang Berhormat Menteri, kita alih kepada tajuk yang lain, sebab Yang Berhormat Menteri ramai untuk memberi.....

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tidak, saya dengan izin, *must have the lesson*. Saya hendak bagi amaran kepada Rantau Panjang jangan sekali-kali lagi selepas ini menggunakan perkataan "gatal" kepada wanita! [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lanang menyentuh.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: No, no, cukup! Yang Berhormat bagi Lanang menyentuh isu sistem pendidikan orang kurang upaya yang mempunyai masalah kesihatan yang belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan.

Seorang Ahli: Cukuplah, duduklah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hari itu Yang Berhormat bagi Jerai, hari itu Yang Berhormat bagi Jerai kata mangsa wanita tentang Yang Berhormat Menteri....

Seorang Ahli: Eh, sudahlah lu!

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Walaupun isu ini di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengikut perkembangan orang kurang upaya, permasalahan serta isu-isu lain yang berkaitan. Antaranya intervensi awal, pendidikan OKU dan satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan di peringkat kementerian bagi mengkaji dan menyelaraskan isu-isu yang dibangkitkan dengan tindakan-tindakan yang harus diambil sama ada oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun

secara *multisektoral, collaborative action* dengan izin, antara pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ampang turut menyentuh isu mengenai ibu tunggal. Antaranya ialah mengenai Persatuan Ibu Tunggal dan pengkalan data atau *database* ibu tunggal. Yang Berhormat telah mencadangkan agar kawalan dibuat terhadap penubuhan Persatuan Ibu Tunggal. Ingin saya maklumkan di sini, antara usaha awal KPWK untuk menyelaras Persatuan Ibu Tunggal adalah melalui penubuhan Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Malaysia pada 2 hari bulan Mei 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ampang, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Padang Serai telah membangkitkan isu 30% wanita di peringkat membuat dasar dan keputusan yang telah pun dibangkitkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat bagi Ampang membangkitkan isu perwakilan wanita yang masih rendah, yang mana menurut beliau tidak menampakkan pengiktirafan terhadap perjuangan kaum wanita yang turut sama memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Beliau telah membuat perbandingan dengan negara lain. Untuk maklumat Yang Berhormat, kedudukan wakil rakyat wanita di Dewan ini...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Selepas ini Yang Berhormat, ya. Yang 9.6% berbanding 219 jumlah Ahli Dewan sebenarnya, agak rendah jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain. Berdasarkan kepada *Human Development Report* 2005 dengan izin, yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Program* dengan izin, didapati negara-negara Islam masih jauh lebih rendah daripada Malaysia dari segi peratusan perwakilan dalam Parlimen.

Namun begitu, di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia agak ketinggalan di belakang jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain. Walaupun begitu, mengikut laporan tersebut, setakat ini hanya 18 buah negara daripada 177 buah negara yang mencatatkan angka 30% atau lebih perwakilan wanita di Parlimen.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan kuota. Tetapi hanya menetapkan sasaran, sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor awam. Ini bermakna, wanita yang mempunyai kelayakan dan menepati syarat-syarat sahaja yang patut dilantik untuk memegang jawatan pembuat keputusan.

Pelantikan wanita tidak akan dibuat semata-mata untuk memenuhi kuota. Gambaran bahawa wanita dilantik kerana kuota adalah tidak tepat. Sebaliknya, jika ramai wanita yang layak dan berkebolehan, mereka harus diberi peluang dan dilantik ke jawatan-jawatan membuat keputusan walaupun telah melebihi 30% sasaran yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin mengambil kesempatan ini.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sekejap, ya. Kementerian ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi di atas pelantikan Datuk Rafiah Salim sebagai Naib Canselor Universiti Malaya. Pelantikan ini merupakan satu lagi pencapaian dalam perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mencapai kuota sekurang-kurangnya 30% wanita dalam peringkat membuat keputusan.

Ucapan terima kasih dan penghargaan khusus kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah berani memberi peluang dan kepercayaan kepada Datuk Rafiah Salim untuk menerajui Universiti Malaya.

Saya telah lama mengenali Datuk Rafiah Salim dan pernah belajar di bawah didikannya di Fakulti Undang-undang serta telah banyak bekerjasama dengan beliau dalam

pelbagai perkara. Beliau merupakan seorang yang begitu komited serta mengambil berat akan pencapaian cemerlang terutamanya dalam bidang akademik. Beliau sememangnya berkelayakan, berpengalaman luas dan disegani sebagai tokoh akademik, ahli profesional dan pentadbir. Bukan sahaja di negara Malaysia ini, malahan di peringkat antarabangsa, terutama semasa beliau bertugas di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Universiti Malaya telah menjadi sebahagian daripada jiwa dan darah dagingnya di mana beliau juga pernah menjadi Dekan Fakulti Undang-undang di universiti tersebut. Selain daripada itu, beliau juga merupakan Ahli Majlis Penasihat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya yakin dan percaya Datuk Rafiah Salim akan dapat menjalankan tugas dan amanah yang diberikan dengan cemerlang dan insya-Allah, membawa Universiti Malaya ke satu peringkat yang lebih tinggi. Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasar Mas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang lagi bangun. Mana satu?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya mengenai 30% itu adalah sasaran dan bukan kuota. Saya setuju sepenuhnya dengan Yang Berhormat tetapi soalan saya semasa saya mengambil bahagian dalam perbincangan ialah, mengapa dalam muka surat 288 bab 13, dia mengatakan, dia menggunakan kuota. Dia mengatakan, *recognizing the important role of woman in national development, the government agree to implement the quota of at least 30% of decision making position in the public sector to be held by the women*. Soalan saya ialah, mengapa gunakan kuota dan bukan gunakan sasaran?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebab Yang Berhormat, kita hendak memperjelaskan lagi. Saya rasa perkataan kuota itu dia lebih tepat untuk kita mencapai sasaran kita. Yang mustahak ialah kita dapat misi dan visi kita itu dipenuhi dan kepada kami di kementerian, perkataan kuota itu lebih kuat daripada perkataan sasar sebab saya rasa sasar itu mungkin dia lebih umum daripada khas. Okey, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasar Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik sejak tadi dengan *database* yang di kumpul oleh kementerian tentang ibu tunggal di seluruh negara. Saya minta daripada kementerian supaya *database* ini menyeluruh di seluruh negara dengan tidak terlepas pandang, itu yang pertama.

Yang kedua, saya suka membantu Yang Berhormat Menteri, tentang ibu tunggal ataupun 'armalah'. Dalam bahasa saya, 'armalah'. Sama sahaja 'armalah' dengan bahasa Arab, ibu tunggal dengan bahasa Malaysia. Ada sepotong hadis Rasulullah S.A.W. Barangkali Yang Berhormat Menteri dapat merujuk kepada kitab-kitab lain. Daripada Abu Hurairah r.a - S.A.W, [Membaca sepotong *hadith*] Yang bermaksud: "*Orang yang menolong, yang membantu, yang prihatin kepada 'armalah', kepada ibu tunggal dan kepada orang miskin, sama pahalanya dengan berjihad kepada jalan Allah*". Di sini, barangkali masyarakat kita kurang mempunyai kesedaran Yang Berhormat. Mereka kurang mempunyai kesedaran sehingga hadis yang begini mulia tidak diambil tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlu hujah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasar Mas]: Tidak, saya hendak sokong, hendak bantu. Dalam keadaan begini, parah sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu ada sokongan-sokongan. Pertama sekali masyarakat. Yang kedua badan NGOs, yang ketiga kerajaan. Bila berlaku kematian ataupun perceraian berlaku.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ini soalan. Soalan selepas ini, bertanya. *[Ketawa]* Jadi, kalaulah masyarakat kita mengambil tanggungjawab tentang ibu tunggal yang ditinggalkan oleh suami masing-masing, kematian misalnya, ataupun badan NGOs ataupun bank-bank persekitaran yang ada, ataupun pihak-pihak yang berwajib, yang akhirnya kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat? Ini soalnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Apakah pandangan Yang Berhormat, sekiranya melalui JAKIM misalnya, khutbah Jumaat mesti ditulis sebulan berturut-turut khusus untuk menekankan masalah 'armalah' ataupun ibu tunggal ini. Saya rasa kalaulah benda ini dapat dibuat di seluruh negara, melalui khutbah Jumaat, melalui taklimat, melalui motivasi, melalui benda-benda lain, saya rasa kesedaran ini timbul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Apakah pandangan Yang Berhormat untuk mengukuhkan lagi perjalanan ataupun tindakan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, terubatliah rasa hati saya bila dengar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Saya khuatir semua lelaki daripada Kelantan, kalau berpendapat sama dengan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, habislah semua wanita yang kahwin dengan mereka.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bakal Mursyidul Am itu.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sebab apa Yang Berhormat, saya pun kahwin dengan orang Kelantan. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Tetapi bukanlah hendak kata, orang Kelantan daripada Barisan Nasional itu lebih hebat. Tetapi alhamdulillah Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sudahlah muka beriman, hujah-hujah dia pun bolehlah kita pakai sekali kala. Saya hendak minta Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, cuba belajar sedikit sebanyak daripada Pasir Mas.

Seorang Ahli: Che Min marah, Che Min marah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tok guru yang di belakang itu. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya pun tertarik apa Yang Berhormat kata. Memang betul siapa yang membantu ibu tunggal itu sebagai satu jihad. Maka dengan itu, alhamdulillah kerajaan Barisan Nasional masuk syurgalah, sebab apa, berjuta-juta ringgit ini kita belanja hendak jaga kumpulan 'armalah' yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Insya-Allah, kita bantu semua Yang Berhormat, ya. Terima kasih. Yang Berhormat jangan lupa.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Rantau Panjang]: Banyak lagi cara nak masuk syurga Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Selepas ini Yang Berhormat, silalah duduk, bagilah sedikit pengajaran kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Padang Serai, Kalabakan, dua bangun di sana.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, Kalabakan sila.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Pasir Mas itu saya sangat setuju. Kerana kita nampak khutbah-khutbah Jumaat ini tidak pernah menyentuh pasal ibu-ibu tunggal ini. Bagaimana orang-orang yang berkemampuan ini untuk membantu. Jadi, saya mungkin mencadangkan kepada

kementerian, ada bahan-bahan seperti ini disalurkan kepada JAKIM supaya khutbah-khutbah Jumaat ini dimasukkan perkataan ibu tunggal, membantu ibu tunggal dan orang-orang miskin ini, terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kalabakan. Saya akan memintalah kepada Menteri yang berkenaan untuk mengambil kira apa Yang Berhormat kata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Serai.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Saya ingin nak sebut di sini, sebab dalam perbahasan saya, saya ada sebut berkenaan dengan 30% membuat keputusan ini. Kita minta supaya kerajaan berani dan mula daripada peringkat PBT. Di muka surat 307, bab 13, ada menyatakan di situ bahawa, selain daripada 30% untuk perjawatan awam, pentadbiran awam, juga penekanan akan diberikan supaya lebih lagi wanita akan dilantik dalam Ahli-ahli Majlis. Jadi saya minta, supaya dimulakan dari sekarang dan kerajaan kena berani mengambil keputusan, terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat daripada Padang Serai. Memang saya setuju dan dalam beberapa jawapan kita kepada Yang Berhormat pun kementerian menyatakan bahawa, insya-Allah kita akan turun ke padang dan kita akan menyemak semualah badan-badan seperti badan-badan berkuasa tempatan ini. Walaupun mereka di bawah kerajaan negeri, kita akan membuat gesaan yang sewajarnya untuk menentukan wanita berada di tempat membuat keputusan. Sebenarnya, saya nak maklumkan kita memang serius untuk menentukan bahawa polisi kerajaan ini menjadi kenyataan, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gerik. Gerik depan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai lantikan Naib Canselor wanita yang pertama, saya juga turut berasa bangga dan menyokong akan tindakan itu, lebih-lebih lagi kerana ketelusan dari segi cara kita melantiknya itu. Tidak lagi sekadar Menteri yang melantiknya, tapi diberikan kepada satu jawatankuasa khas. Tapi malangnya, malangnya dalam dialog semalam di antara pensyarah universiti dan Perdana Menteri, ada sekumpulan kecil yang masih tidak berpuas hati dengan perlantikan ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai kumpulan-kumpulan seperti inilah. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kepada saya menjadi kebiasaan. Tetapi oleh sebab saya mengenali Dato' Rafiah Salim, saya percaya dengan izin, *give her time*. Dengan izin, beri masa kepada beliau. Saya percaya bahawa beliau akan dapat sokongan daripada golongan-golongan yang pada mulanya mungkin tidak berkeyakinan, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu *gender budgeting*, atau *budget gender* yang diminta penjelasan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, sukacita kementerian memaklumkan bahawa projek perintis bagi *budget gender* kini sedang dilaksanakan oleh lima buah kementerian perintis iaitu, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mulai tahun 2006.

Kementerian Kewangan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 2004, telah mengeluarkan arahan bagi mewajibkan semua kementerian perintis ini untuk menyediakan anggaran *budget* mengurus menggunakan analisis *budget gender* mulai tahun 2006. Penilaian ke atas impak *budget gender* hanya dapat dibuat apabila tahun kewangan 2006, tamat. Di samping itu, kementerian kini telah mencetak 1 manual *budget gender* untuk kegunaan para pegawai kerajaan khususnya kementerian perintis sebagai

panduan dalam menyediakan *budget* yang peka *gender*. Satu laporan ringkas juga akan dicetak untuk edaran umum selepas pelancaran kelak. Untuk maklumat Yang Berhormat Bukit Mertajam, berhubung dengan isu *Gender Focal Point* ataupun GFP, dengan izin sukacita dimaklumkan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum itu, penjelasan. Yang saya ingin mendapat tahu ini sasaran 30% pembuat dasar wanita ini, dikatakan dia akan dicapai di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi dia tidak ada empat, lima tahun lagi. Bolehkah kita tahu, setiap tahun dia akan tambah di bidang mana? Sudahkah ada rancangan di bidang mana, di peringkat yang mana yang kita akan mencapai sasaran yang berapa pada setiap tahun, yang pertama. Yang kedua ialah *gender budgeting* ini, kalau dia sudah dilaksanakan pada tahun ini, mengapa kita tidak lihat dalam bajet kita ataupun dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat yang menyebut tentangnya.

Jadi saya suka hati kalau Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu contoh. Satu contoh dalam satu kementerian, umpamanya dalam Kementerian Kesihatan. Bagaimana ia dilaksanakan? Bukan secara pengurusan. Kalau pengurusan, saya rasa ialah dalam *break down*, berapa kakitangan wanita atau lelaki. Tetapi dalam projek pembangunannya, umpamanya, di luar bandar, projek kesihatan di luar bandar. Bagaimana dia akan disasarkan kepada wanita? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu contoh supaya kita di sini semua tahu, bagaimana dia dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam, kita sebagai satu kerajaan Yang Berhormat, kita tidak ada diskriminasi. Pertama ya?

Keduanya, Yang Berhormat kena ingat dengan izin, *Rome was not build in a day*. Ini adalah satu perkara yang agak baru yang kita bawa ke dalam pentadbiran kerajaan dan apabila kementerian, kita bawa isu ini kepada Kabinet, mereka begitu bersetuju. Jadi, saya nak minta kepada Yang Berhormat supaya sabar sedikit. Insya-Allah dalam pelan strategik kita, terutamanya dalam RMK-9 ini, kita harap akan dapat mencapai misi dan visi. Saya rasa ini bukan tempat untuk saya hendak memberi semua *detail* tentang *gender focal point* ataupun *gender budgeting* ini. Insya-Allah, selepas ini kita akan memberi taklimat di kementerian dan kalau Yang Berhormat nak tahu dia punya *details* itu, bolehlah saya beri. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua,...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum itu, Yang Berhormat. Itu 30% sasarannya, adakah kita sudah ada satu jadual untuk mencapainya?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya pihak kementerian memanglah impian kita kalau boleh kita ada dalam masa setahunkah, dua tahunkah, tiga tahun? Tapi apabila kita menyusul kembali, kita dapati di kementerian bahawa mungkin itu bukanlah satu cara yang terbaik, kerana kita ada cara yang lain untuk kita mendapat kumpulan sasar kita. Di dalam rancangan pelan strategik di kementerian, kita harap ia akan dapat kita capai dalam jangka RMK-9. Jika kita tidak mampu untuk menyampaikannya, kita akan teruskan perjuangan. Tapi saya rasa bahawa, kalau kita mempunyai, selain daripada pelan strategik. Tetapi kalau pihak, bukan hanya pihak kerajaan, tetapi pihak swasta juga menyambut seruan kerajaan, saya rasa kita dapat capai.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak maklumkan, kumpulan 30% ini, sebenarnya kerajaan Barisan Nasional mengorak langkah. Kita mengorak langkah. Dalam pentadbiran kerajaan, semua kementerian, semua daripada Perdana Menteri hinggalah semua yang terbabit mengambil langkah yang sewajarnya. Tetapi saya tidak puas hati dengan apa yang sedang berlaku di pihak swasta. Saya nampak bahawa mereka mengambil sambil lewa, seolah-olah ini hanyalah tugas dan tanggungjawab kerajaan sahaja. Kenapa begitu? Jadi pada tahun ini, selain daripada pihak perkhidmatan awam, kita juga akan melihat dan memantau pihak swasta untuk menentukan bahawa polisi ini turun ke akar umbi di bidang swasta pun. Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan ya?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Cukup ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit, sedikit..

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: No lah. Yang Berhormat masa dah cukup dah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk membantu sahaja.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Dah cukup dah. Cukuplah Yang Berhormat ya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, untuk membantu Yang Berhormat. Saya memang tahu bahawa tanggung jawab Yang Berhormat memang berat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Lebih berat? Biasa sahaja Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk membawa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia boleh pikullah. Menteri boleh pikul.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Untuk membawa separuh penduduk di Malaysia ini. Dan tujuan saya untuk membawa isu-isu ini bukan untuk menyalahkan Yang Berhormat yang tidak bekerja, bukan. Saya rasa ini semua adalah agenda yang baru. Yang itu, saya pun faham. *Rome bukan dibuild, Rome is not build in one day.*

Tetapi saya kurang setuju bahawa polisi atau dasar kita tidak *discriminate*, kalau kita faham bahawa memang lelaki dan wanita adalah dalam tahap yang tidak sama. Jadi, kalau dasar itu *gender blind*, ia memang tidak adil kepada kumpulan yang lebih lemah iaitu wanita. Jadi, di sinilah saya rasa saya tidak bersetuju dan kita perlu faham bahawa kita harus, kalau boleh melangkah lebih cepat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kerana memang kita hendak membawa supaya kita ada kesaksamaan. Jadi, yang saya hendak bawa adalah supaya rancangan itu sudah ada, kita melaksanakannya dengan lebih cepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa kementerian Yang Berhormat telah dibebankan dengan banyak kerja kebajikan dan kurang tenaga untuk melaksanakan agenda *gender*. Jadi, saya rasa kalau boleh memberikan kakitangan yang lebih untuk melaksanakan agenda-agenda *gender* ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat, saya mengambil maklum apa Yang Berhormat kata dan kita bersama-samalah berlari untuk menentukan 30%, sekurang-kurangnya ini menjadi kenyataan.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga telah memohon supaya diadakan satu taklimat bagi memberi penjelasan mengenai strategi dan pelan tindakan program pembangunan wanita yang digariskan di dalam Pengukuhan Jentera Nasional dan Keupayaan Institusi dan menyuarakan isu berkenaan wanita di peringkat antarabangsa RMK-9. Sukacita dimaklumkan kementerian sedang mengatur satu sesi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri mengenai program pembangunan wanita yang telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam RMK-9.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, pandangan, saranan dan teguran Ahli Yang Berhormat akan diberi.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, ada satu lagi yang tidak jawab. Iaitu nasional polisi *on* wanita yang telah dikatakan sudah diulang kaji, yang *consultant* pun telah di komisen. Tetapi laporannya tidak diumumkan, apakah kedudukannya?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kedudukannya ialah kita masih mengemaskinikan pelan itu sebelum kita membuat apa-apa pengumuman. Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih semua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bilakah ia akan diumumkan?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya akan maklumkan kepada semua yang, *to all stake holders*, dengan izin.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Termasuk Rantau Panjang.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya ucapkan terima kasih kepada semua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis? Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri, sila.

11.52 pagi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini kerana membawa isu-isu berhubung kait dengan peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam hasrat kita sama-sama ingin menjayakan misi nasional kita untuk mencapai supaya agar negara kita mencapai satu negara maju, InsyaAllah, pada tahun 2020 nanti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa depan ekonomi negara kita, kita semua yakin bahawa tidak boleh terus bergantung lagi kepada sumber-sumber tradisi ataupun industri-industri yang berasas kepada upah yang murah dan nilai tambah yang rendah. Negara perlu bergerak ke arah ekonomi yang baru seperti k-ekonomi ataupun ekonomi yang berasaskan kepada pengetahuan atau ilmu, dan ekonomi-ekonomi yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Untuk itu, kita perlu memberi penekanan kepada penguasaan ilmu atau pengetahuan dalam bidang-bidang baru yang berteknologi tinggi seperti bioteknologi, ICT, *nanotech*, bahan-bahan termaju, pembuatan permodalan termaju dan sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti *renewal* atau alternatif *energy*, dengan izin. Melalui penemuan-penemuan baru yang berasaskan kepada sains dan teknologi, insya-Allah negara akan dapat menghasilkan teknologi dan produk-produk baru yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya memberi kemakmuran kepada rakyat kita, insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua.

Isu tentang *biotech*, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kudat, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat bagi Gombak, Yang Berhormat bagi Arau, Yang Berhormat bagi Temerloh ada menyentuh mengenai peranan MOSTI dalam membangunkan industri bioteknologi negara semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa bioteknologi merupakan salah satu sumber pertumbuhan ekonomi baru berasaskan kepada pengetahuan yang sedang berkembang pesat di seluruh dunia. Kemajuan bioteknologi berpotensi menyumbang

empat manfaat besar kepada dunia dan rakyat sejagat. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, boleh memberikan sumber atau potensi menyediakan bahan makanan kepada dunia atau dalam bahasa Inggerisnya, *'feed the world'*, dalam bidang agro *biotech*. Yang kedua, yang mengubati dunia, *'heal the world'*, dengan izin, *health* bidang *biotech* kesihatan. Yang ketiga, memberi tenaga, peluang memberi tenaga kepada dunia, *'fuel the world'*, dengan izin dalam industri *biotech*.

Dan, juga sama pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, memelihara, menyokong dan berusaha boleh menyumbangkan kepada usaha memelihara dan membersihkan dunia ataupun *'protect the world'*, ini dalam sektor *environmental biotech*. Keprihatinan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Mambong, Santubong, Jasin dan Gombak terhadap *biosafety* dan tanggungjawab Malaysia di bawah *Convention on Biodiversity* dan *Cartagena Protocol* amat saya alukan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam perancangan pembangunan bioteknologi negara, kerajaan sama sekali tidak akan mengabaikan isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pengguna termasuk juga pemuliharaan *biodiversity*. Dan, juga memastikan sumber-sumber asli negara, hasil khazanah kekayaan negara kita tidak dieksploitasi sewenang-wenangnya tanpa kawalan dan juga tanpa manfaat kepada kita.

Ini adalah untuk memastikan objektif negara untuk mencapai kemajuan dalam bidang bioteknologi tidak akan memberi kesan negatif kepada keselamatan rakyat dan juga alam sekitar di negara kita. Dalam usaha kita memastikan ini, kita tidak mahu negara kerugian bila khazanah negara diterokai hasil kepada negara tetap akan dipelihara di bawah konsep *benefit sharing* seperti yang diputuskan dalam *Cartagena Protocol*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang menghormati hak milik persendirian atau harta intelek, Malaysia juga telah menyatakan pendirian yang jelas.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menggunakan satu konsep, dengan izin, yang cukup baik sekali iaitu *benefit sharing*. Dan, memang dahulunya dikatakan bahawa ilmu itu sebagai kuasa, *knowledge is power*, tetapi sekarang ini bahawa *knowledge sharing is power* iaitu perkongsian ilmu seperti mana yang telah digunakan oleh Yang Berhormat iaitu *benefit sharing* itu sebagai kuasa, yakni kita hendak meratakan ilmu dan maklumat itu. Persoalan saya sekarang ini, kementerian yang sedang menjawab soalan ini adalah terlalu banyak peruntukan yang diperolehi untuk RD&C, yakni *Research Development* dan *Commercialization* itu.

Saya hendak tanya apakah mekanisme yang ada di kementerian ini untuk berkongsi segala penemuan-penemuan itu kepada agensi-agensi yang lain. Misal kata bioteknologi kepada Kementerian Pertanian amat diperlukan. Bagaimanakah, apakah kaedahnya? Penemuan di peringkat kementerian Yang Berhormat dapat dikongsi bersama. Sebab inilah yang akan menjanjikan kepada kita *power*, yakni *knowledge sharing* itu sebagai kuasa kepada kita. Mohon penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Yang Berhormat ini banyak buat bacaan. Ada dua isu yang penting, bolehlah saya bawa kepada isu yang pertama dahulu, dari segi memelihara khazanah kita dengan juga supaya ada usaha untuk berkongsi manfaat. Lepas itu itu dari segi perkongsian hasil pendidikan itu saya bawa kemudian nanti bila saya berbicara tentang isu pendidikan. Isu Yang Berhormat bawa tadi isu yang penting, sebab itu kita bawa dalam satu konvensyen dipanggil konvensyen bagi negara-negara untuk Konvensyen Kepelbagaian Biologi atau *Convention On Bio Diversity* yang tiga tahun dahulu saya rasa kita merupakan pengerusinya, yang tuan rumahnya kita.

Di situ kita telah memutuskan supaya semua negara ahli dunia memberikan komitmen yang tinggi dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang bioteknologi ataupun akses itu diberi kepada mereka, kebenaran diberi kepada mengambil untuk sampel atau mengkaji spesimen-spesimen dan bahan-bahan dari kepelbagaian biologi yang berada satu

negara seperti kita. Namun demikian, ia mesti berasaskan kepada persetujuan mereka supaya ada *benefit sharing* pula daripada akses ataupun keuntungan kepada usaha-usaha yang dibuat kajian dalam bahan-bahan khazanah kita.

Kita bagi akses kepada mereka tetapi mesti ada perkongsian hasil pendidikan atau manfaat yang kita bina kepada ubatan ataupun terapeutik ataupun bahan-bahan kesihatan yang dia bina dari produk-produk yang mereka hasilkan daripada akses yang kita beri kepada kepelbagaian tumbuhan yang ada di negara kita. Itu diputuskan dalam konvensyen yang saya katakan tadi.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Mambong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini tentang akses kepada kepelbagaian biologi dan *benefit sharing*. Memang sudah jelas di dalam Seksyen 16, *Convention on Biological Diversity* di mana negara kita juga telah pun menandatangani dan *menrectify* pada tahun 1992. *Benefit sharing* ini amat penting kepada orang kita di kawasan luar bandar bukan sahaja kepada *scientific community* kerana di dalam seksyen tersebut yang menyatakan *indigenous knowledge* iaitu pengetahuan Orang Asli, orang-orang kita di kawasan luar bandar terhadap kegunaan tumbuh-tumbuhan ataupun tumbuh-tumbuhan yang lain yang terdapat di negara kita jika mereka menyumbang kepada *knowledge* itu, kepada pengetahuan itu dan selepas itu kalau ada penyelidikan, R&D melalui bioteknologi.

Jika hasilnya diperolehi maka mereka ini juga di dalam kampung di kawasan luar bandar haruslah mendapat manfaat di dalam *Convention on Biological Diversity* itu.. Ini adalah penting dan ini juga ditekankan di dalam kata hena protokol kerana ianya amat penting untuk menjana kekayaan kepada orang-orang di kawasan luar bandar. Apakah rancangan kerajaan untuk mereka ini, kenapa setakat ini akta ekses tidak ada, akta keselamatan bioteknologi pun tidak ada lagi? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, mungkin Batu sekali.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tangga Batu Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya dapat lihat dalam surat khabar Yang Berhormat Menteri bersama ramai rombongan berada di Chicago menghadiri satu pameran besar tentang bioteknologi dan saya percaya Yang Berhormat Menteri dengan karisma yang ada telah membawa balik beberapa mungkin persefahaman yang dipersetujui. Yang Berhormat Menteri, saya dapat lihat sebenarnya kalau kita dalam bentuk perjanjian persefahaman ini kita lebih kepada memula, mengambil inisiatif untuk mulakan *Research and Development* dan kita dapat lihat juga perjanjian mungkin kalau di peringkat kerajaan-kerajaan negeri yang bersama dengan Yang Berhormat Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi soalan saya ialah apakah polisi ataupun dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Yang Berhormat Menteri kepada kerajaan-kerajaan negeri ini di samping hanya memberikan koleteral ataupun pulangan kepada apa juga bentuk usaha bioteknologi ini dari negeri-negeri umpamanya sebidang tanah sebagai balasan dan sebagainya ataupun peluang pekerjaan. Yang lebih jauh daripada itu ialah *a pattern*, hak cipta *pattern* itu supaya manfaat ini seperti disebut oleh Mambong tadi berpanjangan bukan sahaja pada jangka masa empat atau lima tahun bahkan ia generasi-generasi seterusnya. Jadi apakah dasar yang telah ditetapkan oleh kementerian Yang Berhormat dalam memastikan kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai minat yang tinggi terhadap bioteknologi ini seperti negeri Melaka tidak terbiar di dalam perkara-perkara seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad [Pontian]: Yang Berhormat ada saya tambah sedikit sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sila, sila.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sementara kita melihat kepada beberapa pengenalan akta dan juga usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi pencapaian kita dalam bioteknologi ini, apa pandangan Yang Berhormat yang kita perlu hingga hari ini ialah hasil daripada adanya teknologi ataupun adanya bioteknologi hadir dalam kehidupan kita. Maka Yang Berhormat cari jalan pintas supaya ada keseimbangan antara menggubal dasar, hendak memperkenalkan perkara-perkara terbaik dalam masa yang sama kita beli sahaja Yang Berhormat bawa balik sahaja teknologi atas berapa kosnya pun berapa banyak negara perlu belanja kalau kita sudah tahu *benefitnya* kita beli Yang Berhormat kepakaran yang ada kita beli *brand* yang ada untuk kita bawa balik ke negara kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih saya menghayati pandangan Yang Berhormat bagi Mambong, Tangga Batu dan Pontian sebab isunya besar-besar belaka yang ketiga bawa ini. Yang Berhormat terima kasih kepada keprihatinan dan minat yang diberikan Yang Berhormat. Bolehkah saya sentuh bila saya terus pergi dalam ulasan saya dan saya sentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Pertama, saya hendak masuk sedikit isu yang Yang Berhormat bagi Mambong - katahena Yang Berhormat dia tidak kata katagena Yang Berhormat, Yang Berhormat belajar Spanish, katahena dia tidak kata katagena saya pun dia tegur hari itu kerana dengar katagena.

Memang benar Yang Berhormat kita tidak mahu nanti kalau tidak dipelihara hak khazanah kita, nanti orang mengambil tumbuh-tumbuhan kita dia ambil genetik *brain* ubatan kita itu dia boleh bina ubatan cara biotek tidak perlulah ambil atas pada tumbuhan oleh itu kita kena pelihara aset kita itu. Oleh sebab itu kita ada dalam *National Bio-Safety Bill* nanti tidak lama nanti akan di bentang oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya difahamkan drafnya sudah sedia, insya-Allah akan dibawa kepada Majlis Biodiversity Council Negara yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas lulus oleh *council* ini insya-Allah saya rasa akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini tidak lama lagi. Tentang isu bioparasi, hak kita ini.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Temerloh.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya akan bagi Temerloh selepas ini. hak kita khazanah kita ini, kita ada peruntukan-peruntukan seperti akta di bawah Akta Paten 1983, Akta Copyright 1987, Akta Trademark 1976 dan akta-akta lain. Namun demikian kita perlu mengukuhkan seperti yang kita cadangkan dalam *council*, *National Bio Safety Council*. Sila Temerloh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cukup menghargai usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri seorang menteri yang bekerja keras untuk membangunkan biotek negara. Tadi Yang Berhormat Menteri kata *biotek bill* yang akan dikemukakan ini, mengapa tidak diletakkan di bawah kementerian Yang Berhormat sendiri mengapa mesti di bawah Sumber Asli kerana saya fikir membangunkan biotek ini penting sangat Tuan Yang di-Pertua dan kita punyai tumbuh-tumbuhan spesies yang begitu banyak. Saya pernah sebut ucapan saya baru-baru ini Taman Negara misalannya.

Malahan Taman Negara 150 juta tahun lebih tua daripada Amazon dan juga Congo dan beratus-ratus ribu spesies yang boleh dijadikan bahan untuk kajian dan saya sebut baru-baru ini malangnya universiti tempatan kita kurang menjalankan *research* di situ

dan saya difahamkan ada beberapa sumber-sumber kesihatan yang dimajukan oleh Orang Asli oleh apa semua tetapi benda ini habis begitu sahaja. Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri mengapa tidak kita sediakan peruntukan khas supaya hasil-hasil kajian yang kecil-kecil ini barangkali boleh dikomersialkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat saranan Yang Berhormat bagi Temerloh tadi. Dahulu memang di bawah satu kementerian tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat supaya isu keselamatan itu diasingkan dari isu pembangunan industri supaya ada satu transparansi dan *governance* dalam kita melihat dari isu pemulihan dan pemuliharaan alam semula jadi tetapi kita hendakkan supaya ada satu *governance* yang terbuka sebab itu satu kementerian. Kementerian kita dipertanggungjawabkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membangun industri tetapi *the protection of the* industri itu dari segi alam sekitar itu biar *another ministry* supaya ada perbahasan yang terbuka transparansi dalam pengunjukan dasar-dasar memelihara bio keselamatan negara kita.

Ini hasrat dan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita menyokong penuh supaya jelas nanti kepada orang ramai, kerajaan mengambil sikap terbuka yang transparansi dalam isu menjaga keselamatan khazanah negara kita. Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bagi kepada Ketereh dahulu selepas itu Kepong sebab Kepong dia baru sampai daripada klinik dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Ketereh.

Datuk Haji Mohd. Alwi bin Haji Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri dan terima kasih Datuk Speaker. Saya nak menyambung cadangan daripada Temerloh dan saya tertarik dengan sikap menteri yang sangat terbuka dalam soal biotek ini dan kementerian Yang Berhormat adalah kementerian yang sangat penting kepada pembangun biotek negara satu teknologi baru negara, satu aset baru Negara.

Yang saya nak tanya ialah sejauh mana kementerian nak memastikan bahawa kebolehan orang Melayu dalam menemui perkara-perkara yang ubat-ubatan atau perkara-perkara kesihatan yang baik seperti tongkat ali, kacip fatimah dan sebagainya daripada Orang Asli ini, kekal terpelihara menjadi hak kita sebab kebimbangan saya ialah begini, kita tetap kekal di hulu, tetapi di hilirnya orang lain.

Kita tanam getah, kita ambil getah tetapi industri getah dikuasai orang lain. Kita tanam kelapa sawit, kelapa sawit tanah kita, kita jual kelapa sawit, industri hiliran adalah dimiliki oleh orang lain. Begitu juga dengan biotek ini. Satu benda yang telah lama kita ada tetapi kita tidak tahu nak bangunkan sebab kita tidak terdedah kepada teknologi.

Kementerian Yang Berhormat berfungsi untuk membuat perkara demikian. Yang saya takutnya satu hari nanti, semua hak kita ini apabila kita dah patenkan adalah hak orang lain. Kita hanya akhirnya menjadi penanam, jadi hanya pengeluar akar kayu atau pengeluar bahan-bahan tanaman. Industrinya, *packagingnya*, penjualannya, eksportnya dimiliki orang lain. Adakah Yang Berhormat sedar perkara ini sedang berlaku dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih kalau dapat terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh. Boleh saya jawab nanti biar saya sampai kepada isu mengkomersialkan industri hiliran, peranan luar bandar. Nanti saya akan sentuh kemudian. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kepong, dia bab ubat ini, kebijaksanaan dalam bidang biotek ini saya akui, tetapi dia masalah dia hanya beri ubat kepada kalangan dalam DAP dan diri dia sahaja.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia ubat kulit sahaja Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tiada, cuma penjelasan itu. Dia dapat Ph.D dia di *Magill Universiti* di Kanada. Dan saya berharap di dalam suasana, view suasana itu, iklim di *Magill* itu dapat dia serap dan dihayati dan diamalkan di kementerian itulah.

Yang pertama itu, bolehkah Yang Berhormat itu menerangkan mengenai itu *out sourcing* yang disebutkan oleh Yang Berhormat kerana bila dia pergi ke Chicago, dia menonjolkanlah dengan begitu banyak *opportunities* untuk *out sourcing* dan sebagainya. Apakah yang dimaksudkan dan apakah peranan "*biotechnology directorate*" sekarang. Tunggu dulu, banyak soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak boleh banyak soalan Yang Berhormat. Penjelasan sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penjelasan yang sambungan daripada yang tadi itulah. Tadi ada Yang Berhormat ada sebutkan mengenai *pattern* mengenai keperluan untuk memelihara hak-hak kita dan sebagainya.

Saya ada dengar sebab dari semasa ke semasa tanya kalau kita di syarikat-syarikat, apakah peranan menteri sendiri sekarang, dia pun ada syak wasangka juga itu, dia takut kalau dia inovasi dia dikemukakan kepada menteri itu, menteri tidak dapat memelihara. Ini Yang Berhormat mesti kaji. Balik ke kementerian kita kaji macam mana adakah orang-orang di Malaysia ini atau di luar Malaysia yang ada syak wasangka mengenai integriti kita untuk memelihara inovasi ataupun *invent* merekalah. Ini memang satu perkara yang penting, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Terima kasih, saya minta terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong terutama hak *pattern*. Nanti saya akan menjawab sekali. Ini benar kalau pertama seperti Yang Berhormat dibangkitkan oleh Mambong tadi, Tangga Batu, Pontian dan juga Temerloh.

Hak kita khazanah kita. Bagaimana kita nak memelihara, itu satu. Yang kedua, hak proses untuk membuatkan produk yang hiliran itu. Itupun, macammana nak *protect pattern* itu yang dikaji, yang diusahakan oleh saintis-saintis kita.

So kali kedua ini saya akan sentuh nanti. Insya-Allah Kepong ya.

Oleh kerana itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah memberitumpuan khusus untuk melatih para penyelidik ini untuk intelek, isu intelek dan juga dalam bidang perlindungan harta intelek serta menjalankan kajian di atas aspek-aspek perlindungan dan pengurusan harta intelek yang boleh diperkukuhkan agar setara dengan *standard* antarabangsa. Ini yang Kepong maksudkan tadi.

We need this expertise to protect the similar use it melindungi harta intelek kita. Kalau kita tidak ada kepakaran di negara kita, institusi yang tahu kaedah-kaedah dunia untuk memelihara harta intelek kita *can be just taken away*.

Ini boleh dianggap sebagai *piracy, the new piracy*. Dahulu disokong oleh *physical piracy*, sekarang *intellectual piracy*. Ini pun kita tidak mahu sebab itu kita mesti lindungi hak kita pertama sumber yang ada di khazanah kita. Yang keduanya hak kita yang diusahakan oleh saintis-saintis kita.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya sebenarnya nak tolong kawan saya, Rompin kerana saya memang ada tanya sebab apa

dia tidak pergi ke menteri? Dia kata dia takut jugaklah menteri tidak dapat memelihara hak-hak mereka. Ini memang penting dan saya juga berharap Yang Berhormat bagi Rompin dapat menonjolkan imej, Rompin ini boleh dipercayai.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: Terima kasih kepada Kepong. Saya memang lama dengan Kepong dalam dewan ini. Kira-kira Kepong, saya 16 tahun dengan dewan Kepong. Saya memang bersetuju nak tolong Kepong tetapi yang belakang tidak sokong Kepong. Itu sahaja. Kalau tidak boleh pindah ke sebelah kanan itu yang ketua pembangkang itu. Tetapi yang belakang tidak sokong. Itulah. Tetapi terima kasih Kepong, pandangan tadi terima kasih.

Oleh kerana itu Yang Berhormat, kita pertama ini menjawab soalan daripada Tangga Batu ada bawa sedikit dan juga Pontian. Bagaimana mereka yang menghasilkan penemuan-penemuan daripada sumber-sumber kita hendak memelihara usaha-usaha yang dibuat itu, pertama.

Yang kedua, bagaimana nak beri insentif kepada mereka yang buat penemuan-penemuan ini. Kerajaan sekarang sedang menimbang untuk mengguna pakai prinsip-prinsip perkongsian harta intelek daripada mereka yang mengusahakannya dan mereka yang memberi dananya seperti di Amerika Syarikat, mereka ada *Bydol Act* dan juga konsep-konsep perkongsian harta intelek yang sama di antara saintis dengan kerajaan juga Eropah, di Jepun dan juga di U.K.

Oleh itu, kita dengan cara ini membolehkan para penyelidik di institusi-institusi pengajian tinggi awam boleh memiliki harta intelek atas hasil penemuan mereka serta menikmati ganjaran ekonomi daripada pengkomersilan hasil penemuan tersebut. Mekanisme sedemikian akan insya-Allah menjadi pemangkin kepada kegiatan pengkomersilan R&D yang lebih rancak dan bermakna di negara kita seperti yang kita nyatakan dan kita perbahaskan ini dalam bidang biotek.

Datuk yang dipertua, Mambong dan Gombak ada bertanya sama ada Malaysia mampu untuk menyaingi negara-negara lain yang sudah jauh maju dalam bidang biotek. Sememangnya Malaysia tidak berhasrat untuk berlumba-lumba dengan negara seperti Amerika Syarikat kerana kemampuan mereka agak lebih tinggi dari segi dana juga jumlah saintisnya dan juga negara seperti Eropah atau Jepun yang jauh lebih maju dalam bidang ini kerana merasmikan menelan belanja yang begitu besar yang kita mungkin tidak berkemampuan.

Namun demikian Malaysia bercadang untuk menjalin atau mengambil pendekatan yang dinamakan perkongsian bijak atau *smart collaboration* dengan organisasi dan syarikat *multi* dunia di mana semua pihak menerima manfaat dan antaranya bukan bertembung dengan mereka tetapi meneroka tumpuan-tumpuan atau kepada *natures* yang mana Malaysia boleh bersaing dengan menggunakan kekuatan kita seperti kekayaan sumber kita, khazanah kita dengan kekuatan pembangunan.

Sebagai contoh syarikat-syarikat *bio-pharmaceutical* terutama di Amerika Syarikat dan Europe kini sedang dalam dilema. Kita mengambil inti sari peluang yang ada kerana mereka menanggung kos yang amat besar sekali dalam kos pembangunan ubat dari segi R&D dan dari segi pembuatan atau *manufacturing* yang amat tinggi. Seterusnya ini menyebabkan satu dilema kepada mereka, harga-harga ubatan yang mereka sekarang mereka bangunkan di negara mereka amat mahal dan mungkin akan datang tidak kompetitif lagi di pasaran dunia.

Sebagai contoh, kos menjalankan penyelidikan klinikal atau *clinical trial* sahaja boleh mencecah hampir 60% daripada jumlah kos pembangunan ubat yang besar ataupun dipanggil *blockbuster*, sekarang ini sudah mencecah sehingga RM1 bilion untuk membina satu ubatan yang dipanggil *blockbuster* RM1 bilion, tetapi 60% daripada ini ialah kos *clinical trial*. Dalam aspek ini...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya habiskan dahulu, Yang Berhormat. Nanti saya jemput Yang Berhormat. Dalam aspek ini Malaysia boleh menjadi satu pusat pangkalan penyelidikan *clinical trial* atau CRO yang berkesan kerana kita memiliki pakar-pakar perubatan kita dan penyelidikan yang berwibawa di negara kita, infrastruktur peralatan kesihatan yang moden – kita sudah ada hospital sekarang yang semuanya dalam IT, bukan menggunakan manual lagi dan canggih – serta kemahiran dan sistem pengurusan dan juga di Malaysia kita kaya dari segi etnik kita yang amat sesuai daripada komposisi negara kita, etnik kita amat kaya yang sesuai untuk *clinical trial* dan semua ini insya-Allah akan memberikan satu kedudukan Malaysia yang lebih kompetitif dalam kita menjadi pangkalan *clinical trial* di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Berhubung dengan *pharmaceutical* ini, saya teringat kepada suatu yang telah dibahaskan sebelum ini tentang perjanjian FTA yang akan dirundingkan mulai bulan Jun tahun ini. Adakah Kementerian MOSTE terlibat dalam rundingan berhubung dengan bahan-bahan perubatan ini kerana kita tahu dalam salah satu daripada klausa negara yang telah menandatangani perjanjian FTA adalah *patency right* yang mereka dapat untuk sesuatu ubat iaitu antara 20 tahun hingga 100 tahun.

Ini maknanya kalau kita hendak mendapat *generate* daripada *patent* yang mereka pelihara tersebut memakan masa sampai 100 tahun, maknanya ubat itu mungkin satu Panadol mencapai RM5 sebiji untuk 100 tahun. Jadi apakah perancangan Kementerian dalam menghadapi perundingan ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Yang Berhormat pun dalam bidang ini, klinikal dan Yang Berhormat pun dengar cerita ada klinik sendiri, memang patut sensitiviti Yang Berhormat kepada kos ubat yang tinggi itu amat kita alu-alukanlah. Tetapi dari segi *patent* sekarang ini, hanya 12 tahun sahaja daripada dia *filing* kepada *patent* dia. Maknanya bukanlah 50 atau 60 tahun seperti yang dijangka. Ini sudah diubah. Dahulu ya, tetapi bukan lagi sekarang. Saya terus bercakap tadi isu apa *niche* untuk negara kita..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat biar saya habis satu para, saya jemput Yang Berhormat. Seperti kita di dalam pameran Chicago, bio Chicago yang baru-baru ini dibuat yang saya sendiri telah mengetuai rombongan kita untuk menengah Malaysia ke dunia. Sebelum itu kita menghadiri di Philadelphia 2005 dan 2004 kita bermula, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri walaupun dalam cuti, beliau menghadiri menunjukkan minat beliau bahawa untuk melihat pada ketika itu sama ada *biotech* boleh menjadi satu bidang ekonomi yang patut kita terokai sebagai satu bidang yang kita beri tumpuan.

Pada ketika itu kita telah menggambarkan beberapa *niches* atau tumpuan yang Malaysia hendak menegenahkan. Tadi saya bercerita saya telah memberi hujah sedikit tentang *clinical trial*. Yang kedua dari segi pembuatan, *manufacturing*. Malaysia juga mempunyai kemahiran dalam industri teknologi tinggi. Ini dasar-dasar yang telah kita putuskan di bawah MITI, di bawah Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz. Oleh itu kita boleh menjadi *leverage* kekuatan kita dalam kemahiran kita dalam pembuatan ini untuk menjadikan Malaysia atau menjual Malaysia sebagai pusat *contract manufacturing* dalam bidang *biotech* kerana kos-kos ini di Barat pun makin lama makin tinggi.

Oleh itu kita boleh menegenahkan Malaysia sebagai pangkalan untuk *outsourcing manufacturing*. Ini seperti yang Yang Berhormat bagi Kepong tanya tadilah. *We do outsourcing for manufacturing*. Insya-Allah dalam bulan depan, satu pusat

bioreactors sebanyak 1,000 liter sedia dalam proses pelaksanaan, sekarang ini saya rasa dalam penghujung *installation*, dengan izin, peringkat *commissioning*, insya-Allah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nanti dalam bulan Jun dijangkakan boleh merasmikan kilang yang pertama kita memberikan khidmat kita untuk menawar kepada dunia yang kita ada satu kilang boleh *outsourcing* pembuatan ubat-ubat. Mereka boleh buat penemuannya di Barat, boleh buat *research* di Barat tetapi boleh *outsource* kepada kita untuk buat satu *manufacturing*.

Sebab ini 1,000 liter satu peringkat permulaan. Kalau kita berjaya untuk mengetengahkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pembuatan ubat nanti sebagai satu *outsourcing industry*, insya-Allah kita boleh bina lebih besar kapasitinya untuk masa yang akan datang.

Dalam laporan Bioteknologi 2006 yang dikeluarkan oleh Beryl and Company, satu syarikat *venture capital* dunia, sebuah firma yang terkemuka dalam bidang ini di San Francisco di Amerika Syarikat menyatakan bahawa dasar-dasar faktor-faktor yang saya nyatakan tadi, ini dia kata dalam pameran *biotech* di Chicago, "Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang menawarkan prospek yang tinggi dalam bidang *biotech* selain daripada negara China dan India."

Kerana sebelum ini bila mereka melihat untuk mengurangkan kos pembangunan ubat sekarang menjangkau USD1 bilion bahawa perlu Barat yang negara-negara yang dipanggil *discovery world* mesti *create alliance* dengan Asia. Kalau Asia itu pada dahulu hanya nampak dunia, nampak China dan India sahaja. Malaysia tidak termasuk dalam bidang itu, *including Singapore, not included*, dengan izin. Walaupun dia punya promosi itu gila-gila tetapi sebenarnya di sana *it is really not there yet*, dengan izin. Sebab banyak yang mereka buat hanya kajian sahaja. Dia buat *clone dolly*, dengan izin, saya kata ini jangan rekodlah, "What so what?"

Bermakna di sana hampir-hampir klon manusia sendiri di Korea. Maknanya dalam isu ini kita hendak memberikan, kita tidak mahu bersaing dengan siapa-siapa. Tidak mahu bersaing dengan Amerika, tidak mahu bersaing dengan China, tidak perlu kita bersaing siapa-siapa termasuk negara jiran. Yang pentingnya kita buat tumpuan kepada bidang-bidang yang kita ada kelebihan, yang ada, dengan izin, *leveraging on our competitive edge*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bagi dulu kepada Yang Berhormat bagi Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong. Yang lain sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Puchong dahulu, selepas itu Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya di sini ada dua persoalan, penjelasan. Yang pertama mengenai R&D ini. Sekarang ini saya ingat di negara kita ini satu masalah..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta ulang, tidak berapa dengar. Pertama tentang apa?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: R&D, *research and development*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okey.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Masalah utama dalam R&D dalam negara kita ialah dua iaitu masa untuk pengkomersialan dan juga dana-dana ataupun tabung-tabung yang agak tinggi untuk mengkomersialkan sesuatu R&D. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri bahawa ada banyak cadangan bahawa kalau kita hendak

mempercepatkan lagi proses pengkomersialan ini, *discolor* R&D ini yang kebanyakan dilakukan di universiti-universiti tertentu di negara kita ini, bagaimana dengan koordinasi dan kerjasama di antara pihak swasta dengan pihak IPTA ini kerana kalau kita boleh mempertingkatkan lagi ataupun memperkukuhkan lagi kerjasama di antara dua pihak ini, saya fikir masalah ini dikurangkan atau dapat dipercepatkan, terutama di mana di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita memberi tumpuan kepada *biotech*. Itu satu.

Yang kedua ialah mengenai dana teroka atau *venture capital* untuk *biotech* yang telah *mentioned* oleh Yang Berhormat ini. Saya hendak tahu bagaimana ataupun syarat apa kita boleh di bawah kementerian Yang Berhormat ini untuk mempercepatkan lagi pemberian dana ini supaya pengusaha-pengusaha ataupun *entrepreneur* di dalam negara ataupun di luar negara boleh menceburkan diri dalam *biotech* ini supaya matlamat kita untuk mencapai *biotech* nombor satu, *area for growth*, dengan izin, dapat dicapai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kerana Yang Berhormat Menteri menyebut, Tuan Yang di-Pertua, tentang persaingan di antara Amerika, Singapura dan negara kita, Malaysia. Yang Berhormat Menteri kenyataan seperti Amerika, negara barat, mereka ini tidak ada sumber, mereka adalah *market driven* dipacu oleh pasaran dan kita Malaysia *resource driven*. Kita ini dipandang Amerika ini macam *sweet 17* lah anak ada dara umur 17 tahun dia minat. Jadi apakah konteks persaingan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam erti kata kemajuan *biotech*. Sebelum itu Yang Berhormat Menteri kita alukan rakan-rakan kita daripada Parit Sulung saudara Aris Samsudin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Ini Yang Berhormat akan datang hendak pindah bahagian ke? *[Ketawa]* Ataupun hendak bertanding apa jawatan ke ha? Sampai ke Johor nampaknya hubungan Yang Berhormat. *[Ketawa]* Alukan daripada Johor. Terima kasih.

Saya tadi tentang *patent* tadi saya akan sebut 12 tahun bila produk itu pergi pada pasaran tetapi yang sebenarnya pemeliharaan dalam undang-undang dunia sudah 20 tahun, lapan tahun sebelum itu. Tetapi dia kena fail dia punya *patent* sebelum *production* lagi. Tengah dapat sahaja resit dia fail tetapi ia mengambil masa kadang-kadang tujuh lapan tahun sebelum produk pergi pasaran. Selalunya *on average* dengan izin bila kita ke pasaran tinggallah lagi 12 tahun daripada 20 tahun hak perlindungan *patent* itu. Sebab itu sebenarnya seperti saya akan bagi tahu nanti boleh saya masuk teruslah.

Antara *niche* yang kita buat ialah kita Malaysia patut menerokai bidang dari segi produk-produk *patent* dipanggil *generic* ini, ini salah satu tumpuan kita juga. Seperti yang Tangga Batu kata tadi, "*Why not you acquire technology?*" Di antara singkap konsep yang "*why not* kita ambil teknologi daripada mereka" ialah konsep kita *time to market*. Kita jangan melihat suatu itu di mana ia bermula sebab ia mungkin mengambil masa tiga empat puluh tahun. Oleh kerana itu sebab apa matlamat kita ekonomi *end game* kita kemakmuran. Kita mesti menjana peluang pekerjaan, menjana kemakmuran menjana *export dollars*. Oleh kerana itu bagaimana usaha-usaha kita itu mesti meliputi juga pendekatan secepat mungkin kita masuk pasaran.

Antara yang pertama ialah kita *acquire patent* yang sudah *expire* dan daripada negara-negara tertentu dan untuk mendapat *patent expire* ini tidak semesti hanya kita pergi

ke negara maju. Kerana *scientist-scientist* negara maju itu bukan semua datang daripada negara maju. Mereka datang dari negara bukan maju, kalangan Kepong tahu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat buat Ph.D dahulu bukan semua datang daripada negara maju bahkan negara China, India. Antara yang menggerakkan India dan China dalam bidang ini ialah kerana *scientist-scientist* mereka dahulu yang bekerja di pusat-pusat kajian di *R&D Lab Biotech ICT* di dunia kembali ke negara mereka atau diberikan, buka pintu seluas-luasnya bukan sahaja kembali sebahagian juga ahli perniagaan. Di negara China sebagai contoh diadakan satu kaedah di mana saya akan bentangkan ala kita Malaysia kita juga, ala saya akan bagi tahun kemudian. Mengapa dia buka pintu negara China seluas-luasnya sehinggakan negara China membenarkan ada dua *citizenship*, dia datang ke China pakai pasport China pergi Amerika pakai pasport Amerika. Kerana apa? Diketepikan isu nasionalisme ini kerana merasakan yang penting itu ialah membawa pulang dia punya ilmu itu untuk sebagai penjana industri seperti industri *biotech*.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua memang Yang Berhormat Rompin itu betul dia cakap betul tadi mengenai Ph.D-Ph.D datang kepada negara-negara lain. Dia ada *networking*, dia ada pengetahuan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia mesti cakap betul dia Menteri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan semua betullah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Aaa, mana boleh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Masalah *patent* dan sebagainya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bolehkah Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jimatkan masa Yang Berhormat ya. Terus.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Aiya terlalu banyak speakerlah di sini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin, dua tahun yang lepas Yang Berhormat membawa 'Steven Brail' yang disebutkan Ketua Pegawai Eksekutif 'Bario & Company' untuk menemui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan lantaran daripada itu apakah hasilnya kerana disebutkan waktu itulah dua tahun yang lepas dia hendak tolong kita untuk dasar bioteknologi kebangsaan dan sebagainya. Apakah hasil daripada penemuan ini? Kecualilah bersua dengan dia di Chicago. Dan apakah upahan daripada Malaysia untuk 'Steven Brail', yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat sebut mengenai Ph.D. Bolehkah Yang Berhormat dari segi bioteknologi sebutkan bilangan *scientist* yang ada di Malaysia, yang benar-benar berkecimpung di dalam bidang ini dan juga untuk keseluruhan bidang sains dan teknologi, bilangan *scientist* yang kita ada dan bilangan yang masih kita perlu untuk memajukan industri bioteknologi kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Kita setuju dengan prinsip kalau apa usaha itu mesti ada manfaatnya, mesti ada *returnnya*. Tetapi

saya agak dukacita sedikit mungkin itu hasrat Kepong tetapi DAP tidak menerima prinsip ini. Kerana lama benar jasa Yang Berhormat Kepong sebagai DAP mengapa tidak ditawarkan Setiausaha Agung ke? Pengerusi ke? [Ketawa] Ini yang belakang-belakang semua ini bahan belakang tolong tunjuk belakang. Jadi betul Yang Berhormat kata. [Ketawa] Seputeh sudah marah sudah, Tanjong sudah marah sebab benda betul kerana betul itu. [Ketawa] Apa yang Brail tadi kerana kita mendekati dia, dia Brail dia ada buat satu laporan *biotech* dunia. Ini syarikat ini mengeluarkan satu *report brail, industry report every year*. Dan syarikat ini merupakan syarikat yang mengeluarkan laporan ini.

Kalau dahulu dalam laporan *biotech* dunia yang dia buat tiap-tiap tahun nama Malaysia langsung dia tidak sebut. Bagaimana pelabur mahu datang ke Malaysia? Kita pada ketika itu diperkenalkan hanya sebagai negara yang mengeksport getah, kelapa sawit, itu sahaja pada ketika itu. Baru sekarang kita telah disebut dalam laporan dia *officially* dia bentang. Dia kata, " Kalau you hendak bawa hendak *create airline of Asia*", sekarang ini kita jangan hanya Asia itu hanya India dan China sahaja. Asia itu juga termasuk negara-negara lain seperti Malaysia. Dan saya gendang cerita dia saya kata, kelebihan yang kita ada saya kata di Malaysia ini kita ada juga India dan Cina.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dan termasuk juga kumpulan-kumpulan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani dan Santubong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dari segi manfaatnya ialah bahawa dengan mereka ini sebagai pakar kita, *consultant* kita dapat membantu. Kalau kita kata betapa hebatnya, kita sendiri mengata kita hebat orang tidak boleh menerima. Tetapi kalau satu pakar *venture capital* dunia dalam bidang *biotech* mengatakan, "Yes you should consider Malaysia" dengan izin, *I think he goes into the brain, I think the big boys were consider* dengan izin.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ha terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi kawan saya dahulu lah bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sungai Petani ya. Santubong sila duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia dengan dia punya enjin dia pun sudah kukuh kembali pulih. Tenaga pun baru.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pertama sekali saya ucap tahniahlah kepada kementerian Yang Berhormat yang mengambil berat untuk ke sana ke sini ke hulu ke hilir untuk mendapat segala macam maklumat mengenai dengan *biotech* dan sebagainya. Tetapi satu sahaja saya hendak tanya, kita di Malaysia ini mempunyai beberapa buah universiti, boleh katakan hampir 18 buah sekarang ini yang termasuk Terengganu punya. Yang mana ada beberapa buah tertua yang mempunyai Fakulti Sains yang saya rasa cukup matang dari segi untuk menjalankan kajian. Tetapi apakah kesungguhan pihak kementerian Yang Berhormat untuk mengeluarkan duit untuk menjalankan kajian.

Saya ingat ada satu kes di Universiti Malaya dahulu seorang profesor telah menemui penggunaan gamat sehingga dia sudah menjadi satu bahan yang dapat dipasar, dikomersial. Tetapi hari ini kita masih dok bercakap soal *patent*, soal *intellectual rights* dan sebagainya. Saya mahu tanya apa kesungguhan kita untuk membelanja dari segi R&D di universiti-universiti tempatan kita di mana mereka ada kepakaran dan juga *facility* untuk menjalankan kajian. Itu sahaja yang saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau izinkan saya memberi ulasan biar saya sampai ke tahap itu nanti biar menjawabnya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Isu sains *funds* dan teknologi *funds* sekalilah. Ha Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kembali kepada apa yang diucapkan tadi.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ingat Yang Berhormat sudah tidak ada di Dewan kata nama naik di Sarawak ya?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebab saya [Ketawa] saya ada mesyuarat penting yang perlu saya hadir Dato', saya minta maaf. Jadi kembali semula pada tadi Dato' menyebut soalan kemasukan *scientist* dan sebagainya itu. Jadi saya hendak tanya Dato' kata hendak buat program dan pembentangan akan dibuat Dato' selepas ini. Jadi persoalannya di Amerika kita mempunyai satu sistem *green card* yang begitu berjaya sekali bahkan boleh dikatakan 50% *entrepreneurs*, *technopreneurs*, di 'Silicon' Valley adalah orang daripada India dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama *green card system* juga di *introduce* oleh pihak Germany di mana Dato' dapat Ph.D dalam kedoktoran tetapi di Germany gagal. Oleh kerana *green card* ini ditaip dengan sistem *citizenship* dengan izin, jadi saya hendak bertanya dengan Dato' sistem mana yang kita akan pakai? Walaupun sistem itu Malaysia sendiri, mana pendekatan kita supaya kita belajar daripada pihak Germany yang gagal.

Yang kedua Dato', *technopreneurs* kita mempunyai dana yang begitu banyak sekali 1.5 bilion kalau tidak silap saya yang disediakan oleh pihak *venture capitalist* dan juga pihak *Equity Participating Financing Institution* tetapi malangnya *technopreneurs* kita tidak mengambil perkara-perkara ini kerana kurang daripada segi *planning* tidak baik, tidak betul. Dan kedua *transparency* daripada segi syarikat-syarikatnya dan tidak mahu pihak-pihak *equity participation* ini boleh masuk ke dalam syarikat-syarikat tersebut dan kurang faham apa sebenarnya *equity participation* ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Nanti bila saya pergi kepada isu mengkomersialkan Asia R&D boleh tidak saya hujahkan sekali ya. Terima kasih Yang Berhormat kalau begitu saya hendak teruskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat beralih kepada tajuk lain Yang Berhormat dan minta gulung juga.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay. Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Gombak turut memberi pandangan bahawa penyelidik-penyelidik *biotech* di Malaysia kurang mahir, kurang pengalaman dalam proses untuk menjana produk daripada R&D yang boleh dikomersialkan. Kerajaan sememangnya merancang untuk meningkatkan kemahiran dan pendidikan para penyelidik *biotech* dan

pendidik-pendidik lain kepada proses menjana produk yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran. Kerana itulah semasa di Bio Chicago baru-baru ini kita telah berbincang dan berinisiatif penyelidikan *biotech* dengan syarikat-syarikat *biotech* terkemuka di dunia bagi mewujudkan kerjasama dalam bentuk latihan dan pendedahan proses dan teknologi untuk para penyelidik kita. Insya-Allah apabila kerjasama tersebut telah dipersetujui dan dimeterai kita akan maklumkan kepada orang ramai.

Sebagai renungan kita bersama, industri *biotech* dunia sekarang ini ialah pada kira-kira RM184 bilion *market sizes*. *Global market size* RM184 bilion dengan izin dan dijangka ini akan menjadi terlebih tinggi pada 2015 meningkat kepada RM3.69 trilion.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya sambung dahulu Yang Berhormat lepas itu saya sampai bawah sebab saya kena habis dapat que kena habis. Tetapi saya akan bagi kepada Yang Berhormat selepas ini ya.

Saya hendak pergi terus kepada isu mengkomersialkan, ini sudah saya boleh minta supaya dipendekkan pada komersialan. Kalau ada isu *biotech* itu boleh dimasuk sampingan bila saya menghujahkan isu mengkomersialkan Asia R&D. Menyentuh isu mengkomersialisasikan penyelidikan dan pembangunan R&D yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, Santubong, Jerai dan Jasin juga Ayer Hitam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penyelidikan dan pembangunan yang ditetapkan di bawah MOSTI merupakan R&D yang mempunyai nilai mengikut kehendak pasaran semasa dan tertumpu kepada bidang-bidang utama yang digariskan oleh kerajaan. Dan memang benar banyak gerakan IGSlah, MGSlah dan kita boleh pergi statistik dan data tentang kejayaan-kejayaan seperti *red tone* dari segi ICT nya dan juga banyak juga syarikat yang telah dibina dengan R&D daripada kementerian.

Namun demikian kita sedar bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan bila kita bincang *brain storming* dengan izin untuk melihat bagaimana strategi pendekatan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kita sedar Tuan Yang di-Pertua bahawa banyak wang dana R&D ini ataupun penemuan-penemuan ini tertinggal di makmal sahaja. Oleh kerana itu telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila beliau membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini kita pecahkan dana kepada dua. Satu dipanggil dana sains yang kedua dana teknologi. Dana sains ini *purely to be insatiate* dengan izin *by the scientist and purely more towards fundamental research*. Sebab apa dalam mana-mana negara kita tidak boleh hanya bagi penumpuan kepada *applied* sahaja tinggal fundamental. Fundamental itu amat penting untuk kita membimbing melatih anak muda *scientist* kita supaya ada kepakaran di samping untuk menyelidik, *that is important must not ignore fundamental research*.

Itu dipanggil *science fund* yang ini kita akan boleh dimohon oleh para-para *scientist*. Namun demikian, Malaysia juga sebagai negara dunia, mahu membina ekonomi-ekonomi berasaskan ilmu. Untuk itu mesti ada *end result* dia, mesti ada objektif dia, itu sudah semestinya, menjana kemakmuran, mewujudkan peluang pekerjaan, membina produk-produk yang boleh eksport sama ada ICT atau *biotech*. Oleh kerana itu, kita wujudkan satu dana bernama teknologi *fund*. Yang ini boleh dimohon oleh pihak swasta. Katakan dia jumpa penemuan-penemuan tertentu ataupun seperti Yang Berhormat nyatakan tadi daripada Pontian saya rasa, mengapa tidak kita import teknologi itu. Wang ini boleh kita beli teknologi dari luar, bagi katalah satu syarikat swasta, dia pergi ke Amerika, ke negara China atau India dan satu teknologi hasil dia hendak beli mungkin USD1 million, kita boleh bagi caruman setengah juta atau 50% of the pembelian itu.

Ini untuk mengurangkan risiko dia, untuk membeli teknologi. Kerana apa? Kalau kita hendak buat satu perniagaan katalah rumah, tidak ada risikonya. Dia beli tanah ada gerannya, tetapi membeli teknologi dari luar, ada risikonya. Oleh itu, kerajaan untuk menggalakkan ekonomi baru ini, atau meningkat tambahkan katalah teknologi untuk nilai tambah pertanian, mengapa kita mesti kurang risiko swasta untuk memasuki produk-produk baru ini dan mengurangkan risiko teknologinya. Itu yang pertama.

Yang keduanya, teknologi ini, wang ini juga boleh dimulakan untuk isu *pattern* tadi. Kadang-kadang mereka ada penemuan, lepas itu mereka tidak ada *professor* di Malaysia, tidak ada dana yang mencukupi untuk memfailkan *pattern* mereka, dengan izin. *It's cost much, it's not easy to file*, bukan sahaja kita hendak memasuki permohonan kita memelihara harta intelek di Malaysia, tetapi sewajarnya kita juga memelihara harta intelek kita di negara lain di dunia. Itu merupakan *separate filing*, itu memerlukan satu permohonan yang berasingan, sebab itu dana ini juga boleh.

Yang kedua, dana ini juga boleh katalah, dia hendak buat satu usaha dia sama ada projek itu *feasible* atau tidak hendak buat kajian-kajian *feasibility*, sebelum dia beli teknologi itu atau apabila sudah beli teknologi itu. Ini juga kita benarkan dalam menggunakan audio *fund* ini untuk mereka menggunakan wang itu untuk *futures study*, untuk dia buat *packaging*. Katalah dia buat ubat yang baik, tetapi hendak buat *design packaging* tidak ada wang. Orang mungkin tidak mahu beli ubat yang dia beli sebab rupanya tidak begitu meyakinkan dari segi kesihatan, dari segi lain-lain lagi. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini RM600 juta wang diperuntukkan untuk dana sains untuk usaha-usaha, kajian-kajian dalam bidang fundamental sains di MOSTI dan saya difahamkan RM200 juta ini disalurkan terus kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan kita ada RM1.2 bilion untuk teknologi dana untuk bawa produk ini ke pasaran. Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa Ahli Parlimen yang menyentuh tentang ICT, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Padang Terap, Yang Berhormat bagi Temerloh....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebelum melangkah ke situ boleh minta penjelasan?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Biotech?*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah yang kita hadapi ini iaitu kebanyakan kita melihat bahawa *biotech* kita ini bergantung kepada *out sourcing* ataupun situasi luaran dan tidak ada memfokus kepada *bailing* dalam negara kita sendiri dan wang yang ada ini dalam lebih kurang untuk dana teknologi ini saya tengok kalau tidak diguna pakai secara bijaksana, gagal kita ke arah untuk memperkasakan *biotech* produk-produk orang kampung kita ini. Di kampung-kampung ini Yang Berhormat, banyak *biotech* yang boleh *diupgradingkan*, dipertingkatkan, diproses dan ini memerlukan R&D yang lebih banyak. Jadi, apakah kementerian ini mempunyai perancangan untuk mencari badan R&D yang bijaksana turun ke daerah-daerah tanpa menunggu panggilan ataupun bantuan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada, tetapi saya minta diarah oleh Tuan Yang di-Pertua potong, saya pun potonglah. Tetapi saya boleh sebut sedikit. Bioteknologi ini boleh dianggarkan sinonim dengan pertanian. Kementerian saya menjalankan tugas yang besar untuk meningkatkan hasil atau nilai tambah *biotech* melalui pertanian. Oleh kerana itu, telah diputuskan satu jawatankuasa khas antara Kementerian Pertanian, Tan Sri Muhyiddin dengan saya, dan kita sudah bertemu dan perjumpaan antara dua kementerian telah bermula minggu lalu bagaimana hendak menggunakan teknologi meningkatkan nilai tambah dalam pertanian. Ini merupakan dasar yang penting negara.

Pembangunan bidang *biotech* ini bukan saya membuka peluang kemakmuran baru kepada rakyat seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi membuka juga nilai tambah pertanian dan pendapatan hasil dan positif pada usaha pemeliharaan alam sekitar dan *bio diversity* negara. Sebagai contoh Yang Berhormat, kita import semua makanan-makanan untuk ikan, ayam di negara kita RM3 bilion setahun.

So, kita sekarang sudah bersetuju dengan kementerian, satu usaha sama kita dan kementerian, macam mana hendak mengurangkan import barang makanan ini dengan menggunakan teknologi *biotech* seperti menggunakan bahan-bahan daripada kelapa sawit. Itu kena buat, yang kedua Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat berminat dengan ikan, semua anak ikan ini diimport. Mengapa tidak ada teknologi kita bina ini untuk bela menetas, ikan daripada anaknya. Ini kena cari jalan menggunakan, kita sedang berbincang dengan Cuba sekarang bagaimana mewujudkan industri pembelian anak ikan sebab itu kita import. Itu Yang Berhormat janganlah bimbang, sebab itu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan dasar *biotech* negara, nombor satu Yang Berhormat ialah pertanian, bio pertanian. Nombor dua baru berkesihatan yang ketiga baru industri. Tumpuan kita sudah semestilah kepada untuk pertanian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apa itu *biotech* untuk petani, untuk pengusaha, untuk orang kampung, juga ada agendanya. Industri *farmaseutikal* dan *nutraseutikal* memerlukan sumber bahan mentah yang terdiri daripada herba terpilih dan herba menilai tinggi ini hanya boleh didapati di hutan-hutan yang diusahakan secara kecil-kecilan. Memandangkan kepada permintaan yang tinggi dan memerlukan bekalan secara konsisten. Ini kita tengah berbincang dengan syarikat besar *farmaseutikal* dunia mengapa kita tidak wujud konsep ladang herba atau ladang *biotech* di mana usaha ini boleh kita bina, kita bangunkan produk-produk ini sebagai satu ladang seperti kita bina ladang getah dan ladang kelapa sawit. Hasilnya nanti adalah manfaat kepada orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu bimbang agenda pelaksanaan *biotech* ini kita tumpukan juga kepada pertanian kerana ini akan melibatkan memberi peluang kemakmuran, membantu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya kembali, saya tinggal lapan minit. Saya cuba rumuskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat, boleh saya masuk yang baru lepas itu saya hendak jawab soalan Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak, bukan hendak masuk yang baru, Yang Berhormat....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Seputeh.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kurang fokus....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: DAP ini demokratik. Kalau saya hanya bagi kepada Yang Berhormat bagi Kepong, tidak bagi kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, nanti Yang Berhormat bagi Seputeh marah kepada saya pula, ini masalah politik yang berbeza, macam-macam. Tetapi tidak hendak juga masuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh saya.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masa tidak adalah. Masa tidak ada, Yang Berhormat bagi Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh saya jawab sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, dari isu yang dibangkitkan tentang – Ada persediaannya tetapi panjang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah jawab pun tidak apalah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Seputeh, boleh saya jawab secara bertulis?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bolehlah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bolehlah, Yang Berhormat. Sebab isu yang Yang Berhormat nyatakan tidak benar kalau Yang Berhormat nyatakan kita belanja RM20 juta untuk buat Saladin itu tidak benar. Hanya....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah jawablah, bohong DAP.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: RM400,000 sahaja. Tetapi secara penjelasannya Yang Berhormat bagi Seputeh.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP bohong, tidak payah jawablah, Yang Berhormat Menteri. Habis masa sudah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Diamlah, Yang Berhormat bagi Sri Gading saya tidak dengarlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pasal bohong punya cerita apa pasal mahu jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila diam, nanti Yang Berhormat Menteri lambat hendak jawab. Teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang kita belanja hanya RM400,000 sahaja, RM400,000 sahaja buat Saladin itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah kerja pembangkang, fitnah sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang RM20 juta itu membelanjakan buat makmal, pembelian komputer-komputer. Ini menghasilkan juga banyak produk lain, Yang Berhormat. Sebab itu baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan satu strategi baru yang dipanggil *creative multimedia corridor initiative* kerana ini amat penting sekali kita hendak melancarkan inisiatif ini kerana dari segi *trailer* yang dibuat Saladin itu bukanlah RM20 juta hanya RM400,000 sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Satu minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, sebenarnya RM20,000 yang saya nyatakan dalam ucapan saya itu ialah.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: RM20 juta.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: RM20 juta, maaf. Ini termasuk RM5.2 *million creative multimedia lab* dan USD1 million kepada seorang *script writer* di Hollywood dan juga beberapa lawatan ke Amerika Syarikat berkenaan projek ini. Sebenarnya apa yang kami rasa aneh ialah apa yang dihasilkan selepas usaha selama enam tahun hanya ada satu *trailer* sahaja selama enam minit yang ditunjuk kepada Perdana Menteri, di mana *trailer* itu bukan dibuat oleh MDAC ataupun CADC, tetapi dibuat oleh disub keluar kepada

Silver End Sdn. Bhd. dan juga '*Imaginext Studio Sdn. Bhd.* Ini bermaksud dalam enam tahun yang lepas, walaupun kerajaan menubuhkan *Creative Application Development Centers (CADC)* yang begitu canggih semua itu, apa pun tidak buat.

Sebenarnya, Yang Berhormat, saya baca di (h) yang saya rasa aneh ialah Projek *Saladin* diumumkan pada tahun 2000 dan apa yang dibuat di sini dia kata,

"The plan to produce Saladin was first announce in year 2000, but the actual production plan only started in May 2004. The first four years we spend debating if we should produce the future film or TV series."

Tengok apa yang telah dibuat oleh pengusaha di sana. Dan, dia juga kata pada dua tiga tahun yang lepas, dia dibuat untuk *ground work fundamental character and script development.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lepas itu hanya hasilkan satu skrip tiga muka surat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Seputeh, masa tidak adalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat bincang di luar Dewanlah perkara itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini wang rakyat, kerana mereka hendak minta lebih wang daripada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Coffee room* sana bincanglah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi, macam mana kita boleh luluskan kerana apa-apa pun tidak dibuat oleh mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat berjanji hendak bagi jawapan bertulis tadi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Seputeh mesti terima bahawa mulai dari 2004 kita beri penekanan bahawa selepas pilihan raya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan kepada kita bahawa beri penekanan kepada *content creation* kerana ini merupakan industri yang Malaysia mempunyai *competitive edge*. Sebab itu, apabila saya masuk kementerian, kita minta ini ditumpukan. Sebab itu kita mesti terima hakikat bahawa kita ada pengiktirafan dunia tentang kita. Sebagai contoh, pihak *World Information*

Seorang Ahli: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya sudah hendak habis. *World Information Technology Divert (WITSA)*, satu pertubuhan persatuan komputer dunia yang dianggotai oleh 67 buah negara telah turut mengiktiraf peranan MSC dalam memajukan sektor ICT negara. Pengiktirafan tersebut telah menyumbangkan kepada pemilihan Malaysia untuk menganjurkan *World Congress On Information WCIT* pada 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, WCIT dianjurkan setiap dua tahun dan juga dikenali sebagai *Olympic IT* memandangkan ia adalah persidangan terbesar IT dunia. Pada tahun ini, WCIT 2006 akan diadakan di Texas, Amerika Syarikat pada 1 Mei 2006. Memandangkan Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah WCIT pada 2008 nanti, dan pentingnya kongres tersebut kepada pembangunan sektor ICT negara, juga ekonomi negara pada ketika itu kira-kira 30 ribu orang akan datang ke Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah bersetuju untuk turut hadir di Texas untuk menengok obor penganjuran Malaysia bagi tahun 2008, insya-Allah. [Tepuk] Ini

merupakan satu lagi pengiktirafan terhadap MSC dan akan mengharumkan lagi negara Malaysia dalam dunia IT. Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Seputeh.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah peranan CADC, kenapa CADC menceburkan diri dalam penerbitan filem, penerbitan Projek Saladin. Ia sepatutnya dijadikan sebagai satu *catalyst*, satu agensi kerajaan menggalakkan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okeylah, Yang Berhormat Menteri, Menteri lain hendak jawablah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: syarikat tempatan dan juga *talent* tempatan untuk mengeluarkan filem dan ia tidak harus menceburkan diri dalam penerbitan filem dan juga saya difahamkan bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ..seorang pengarah filem dari negara luar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... yang dibayar RM25 ribu satu bulan untuk mengarah Projek Saladin ini. Jadi, ini bukan talent tempatan. Ini bermaksud wang yang kita gunakan dalam bidang ini, dalam projek ini memang telah pun disia-siakan. Yang Berhormat bagi Sri Gading, you dengar baik-baik you tidak tahu, you jangan buat bising.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Ketawa] Menteri sudah jawab sudah fahamlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak habiskan, satu minit lagi. Yang sebenarnya Yang Berhormat ini tidak benar. Kita hendak wujudkan, kita ada pengiktirafan dalam bidang ini. Sebagai contoh, Yang Berhormat, kita ada mereka yang telah berjaya dalam bidang ini seperti mereka yang membuatkan, menginput pada filem *Star Wars*, *Sky Walkers*, *Dust Whether*, *Yoda*, semua ini daripada mereka yang berjaya. Sebagai contoh, kita ada Shahril Ibrahim yang pernah bertugas di *Warner Bros* filem studio, yang menghasilkan filem *Spy City* dan Ho Sin Chong yang kini bertugas di *Sony Image Work* yang telah pun terlibat dalam filem *Spiderman*. Ini yang sebenarnya sudah diwujudkan.

Kita wujudkan lagi mereka ini dalam bidang ini kerana ia boleh mewujudkan satu peluang pekerjaan yang besar di negara kita. Bukan MDC yang buat, kita mewujudkan prasarana, Yang Berhormat. Sebab itu bagilah sokongan usaha-usaha kita mewujudkan industri ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada anak muda kita, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat bagi Seputeh ada apa-apa, tulis surat kepada saya, kalau Yang Berhormat hendak buat lawatan pun saya boleh atur Yang Berhormat bawa orang DAP, pergi ke Cyberjaya pun saya boleh jemput. Terima kasih

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh bawa Yang Berhormat bagi Seputeh sekali. Sekian, sekian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab soalan yang saya tanya itu.

1.01 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada soalan kepada Yang Berhormat bagi Santubong berhubung dengan penggunaan *cheap material*, dengan izin di Lapangan Terbang Kuching. Setakat ini belum ada sebarang laporan kemalangan yang diterima sepanjang pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dari mana-mana pihak.

Bahan-bahan binaan yang digunakan untuk projek ini semuanya adalah mengikut spesifikasi dan piawaian seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak. Oleh yang demikian penggunaan bahan murah tidak timbul.

Menyentuh tentang pembahagian kontrak kepada Bumiputera dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching kontraktor Global Up Line Sdn Bhd yang dilantik oleh kerajaan adalah 100% milik bumiputera. Sebanyak 64% kerja subkontrak telah dilaksanakan oleh GUSB sendiri dan 36% dilaksanakan oleh subkontraktor bukan bumiputera.

Merujuk kepada persoalan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, berhubung dengan pengekalan pengerusi MAS, untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi Penerbangan Malaysia pada masa kini sedang bekerjasama dengan pegawai-pegawai tertinggi MAS yang lain termasuklah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif MAS untuk memastikan syarikat lebih berdaya saing dan memperoleh keuntungan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hidangan Malaysia Airline System yang tidak menepati cita rasa tempatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MAS sentiasa cuba menepati kepelbagaian cita rasa makanan untuk semua. Untuk penerbangan domestik, kebanyakan makanan dari pilihan menu yang dihidangkan adalah berasaskan nasi dan mee untuk kedua-dua kelas ekonomi....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Pada masa yang sama, teh tarik juga dihidangkan untuk penumpang kelas utama, sila Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpenggil untuk mempersoal bagaimana kerajaan boleh melantik seorang pengerusi yang telah gagal untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah sehingga syarikat ini hampir-hampir lingkup iaitu kerugian berbilion-bilion ringgit. Persoalannya kenapa orang yang sama masih lagi diguna pakai, apakah kementerian ini tidak ada orang lain lagi yang boleh diketengahkan untuk membawa syarikat MAS ini ke tahap yang lebih baik sehingga boleh mendatangkan keuntungan dan bagi makanan atau menu dalam MAS itu sendiri. Bukan soal makanan MAS ini rugi Yang Berhormat, sekarang ini makanan kalau domestik dia ada cuma sandwich yang dia punya rasa pun tidak ada taste langsung. Kalau saya naik, saya tidak hendak tengok pun. Jadi bukan soal itu sebetulnya. Dia rugi, tetapi soal

pentadbiran itu sendiri, MAS rugi. Jadi kekalkan makanan-makanan yang baik supaya orang boleh naik dengan hati yang senang tanpa memikirkan sandwiches yang tidak ada kualiti saya tengok yang dibekalkan terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya masalah yang dihadapi ini MAS pada hari ini wujud sebelum peralihan Pengerusi MAS, bukan semua masalah yang kita hadapi oleh MAS baru mula selepas peralihan beliau.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, kalau dia boleh membeli lukisan RM1 juta, saya tengok ini kesilapan besar.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, perkara ini telah pun diterangkan dan dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang penting ini sekarang, pengerusi bekerjasama sebagai satu pasukan bersama dengan pegawai-pegawai tertinggi MAS yang lain untuk membolehkan syarikat MAS, ini yang penting bagi kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung petang?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.06 petang.
Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul yang akan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Belia dan Sukan yang dijadualkan di nombor 24 selesai dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok, 27 April, 2006”.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

[Menyambung semula perbahasan atas masalah Usul Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menyambung jawapannya.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Temerloh ada membangkitkan mengenai tambang MAS Kargo yang mahal bagi pengangkutan hasil-hasil pertanian tempat untuk eksport ke luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa MAS Kargo mengenakan kadar yang tinggi bagi pengangkutan hasil-hasil pertanian tempatan untuk dieksport ke luar negara adalah kurang tepat. Menurut MAS Kargo selain daripada kadar kargo am ataupun *general cargo rate* (GCR) syarikatnya turut memperkenalkan kadar komoditi istimewa ataupun dengan izin *special commodity rate* (SCR) untuk produk tani dan *parisioble* pada kadar diskaun 40% berbanding GRC.

Perbandingan di antara kadar kargo yang dikenakan oleh MAS Kargo di KLIA dengan kadar yang dikenakan di lapangan-lapangan terbang lain di rantau ini menunjukkan bahawa kadar pengendalian kargo syarikat ini di KLIA adalah di antara yang terendah. Sebagai contoh caj kargo bagi penghantaran produk buah-buahan dari Bangkok ke Amsterdam adalah sebanyak RM9.90 berbanding kadar sebanyak RM4.20 yang dikenakan oleh MAS Kargo bagi sektor yang sama di KLIA. Bagi sektor Singapura ke Amsterdam pula kadar yang dikenakan ialah sebanyak RM22.80 bagi penghantaran produk bunga sementara MAS Kargo mengenakan kadar bayaran RM5.72 bagi sektor yang sama.

Sehubungan itu tidak timbul isu bahawa MAS Kargo mengenakan kadar yang tinggi bagi pengangkutan hasil pertanian tempatan yang dieksport ke luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga pihak MAS Kargo telah memaklumkan bahawa pihaknya sentiasa bersedia untuk bekerjasama dan berbincang dengan mana-mana pihak yang berminat untuk mengeksport hasil tani tempatan ke luar negara. Menurut MAS Kargo berbagai-bagai insentif sudah diperkenalkan oleh syarikat ini bagi sektor tani tempatan tetapi maklum balas yang diterima adalah kurang memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Penampang, Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Yang Berhormat bagi Kudat, Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Pensiangan telah membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan rasionalisasi perkhidmatan udara domestik di mana saya telah memberi banyak jawapan semasa saya menggulung perbahasan titah ucapan. Walau bagaimanapun, izinkan saya menjawab beberapa perkara sekali lagi bersekali di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, proses rasionalisasi yang sedang dijalankan hanya melibatkan laluan-laluan domestik yang mana perkhidmatannya adalah disediakan oleh syarikat penerbangan Malaysia ataupun MAS dan Air Asia. Proses rasionalisasi bertujuan untuk memastikan syarikat-syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan domestik kembali berdaya saing di samping menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh semua lapisan penumpang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini MAS hanya menyediakan perkhidmatan domestik bagi pihak Penerbangan Malaysia Berhad (P&P) di mana P&P adalah milik operasi domestik. Kesemua pesawat yang digunakan oleh MAS adalah disewa dari P&P. Proses rasionalisasi ini tidak melibatkan MAS memberi francais untuk menyediakan perkhidmatan bagi laluan-laluan domestik yang dikendalikan oleh MAS.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan jumlah kakitangan MAS yang melibatkan 6,500 kakitangan merupakan satu perkara yang sangat penting dalam pelan pemulihan perniagaan MAS.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak sampaikan ucapan ribuan terima kasih saya bagi pihak penduduk Sungai Petani yang baru-baru ini telah menerima satu akibat yang mana pelanggaran nahas kereta api di kawasan saya. Tindakan telah diambil oleh pihak Yang Berhormat, kami semua mengucapkan ribuan terima kasih dan saya percaya dan yakin inilah contoh Menteri yang kita mahu yang mana mengambil tindakan dengan pantas dan segera untuk menyelesaikan masalah di mana terima kasih diberi jejantas 1.2 juta dan juga mengadakan sebelum itu jangka penting satu *gate*.

Cuma saya hendak bangkitkan di sini sedikit sahaja kerana Yang Berhormat telah sedia untuk menyelesaikan masalah. Saya bukan hendakkan orang kata mengkritik apa-apa tidak. Saya tahu Yang Berhormat cukup bijak untuk menyelesaikan masalah. Masalah yang sebegitu besar pun dapat diselesaikan bagi saya ini masalah kecil, lebih baik Yang Berhormat dapat selesaikan.

Saya bangkitkan mengenai rasionalisasi itu saya tidak mempertikaikan perkhidmatan yang diberi oleh Air Asia, tetapi soalnya di sini bagaimana sekiranya Air Asia dia punya syer jatuh dan dia punya perkhidmatan jatuh dan akhirnya terpaksa tutup. Ini mungkin akan berlaku kerana kalau kita lihat dari segi MAS.... sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung. Iaitu kalau kita ambil MAS kita selamatkan MAS ingat tak daripada maaf saya, saya sebut nama di sini Tajudin Ramli, kita beli syer dia yang mana syer dia lebih kurang 29.04% dan yang mana kita beli sebanyak 224 milion syer yang melibatkan kita RM1.6 billion, ini kalau tidak silap saya. Harga pasaran sebenarnya RM4 kita beli RM8 dengan harapan kita hendak selamat MAS, betul.

Jadi saya bangkit balik dan saya minta sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu nasib 6,500 orang. Saya bertemu dengan seorang atau beberapa orang daripada mereka yang mana telah menzahirkan rasa dukacita mereka terhadap kita, yang mana mereka katakan ini saya bagi satu contoh sahaja Yang Berhormat.

Dia sudah berumur 51 tahun, ada empat orang anak kemudian isterinya baru sahaja hendak dikeluarkan daripada Motorola yang sudah ditutup di Pulau Pinang. Apa akan jadi nasib dia walaupun dia dapat VSS? Ini yang saya pertikaikan kalau kita selamatkan keadaan itu. Saya rasa boleh kita runding dengan pihak *union* mereka sama ada mereka hendak ditarik balik keistimewaan-keistimewaan tertentu dan mereka ini dapat bertugas. Lagipun baru-baru ini

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik Yang Berhormat, biar Yang Berhormat Menteri menjawab. Biar Menteri menjawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sedikit sahaja lagi. Sedikit sahaja Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Menteri menjawab, dia faham sudah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat pun faham saya juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Iaitu, saya katakan tadi 6,500 ini dapat kita selamatkan dengan kita bawa Idris Jala untuk mengatasi masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Untuk kita menimbulkan masalah buat apa? Itu sahaja soalan sahaja. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, saya hendak menyampaikan kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani yang cukup prihatin. Mungkin ini perkara rasionalisasi di mana kita kena melibatkan lebih kurang 6,500 orang kakitangan. Sebelum itu saya juga hendak mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat oleh kerana sudah memberikan banyak bantuan dan kerjasama kepada pihak kementerian saya semasa kita mencari jalan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan Yang Berhormat oleh kerana kemalangan yang berlaku tempoh hari. Terima kasih Yang Berhormat.

Seperti yang telah saya katakan bahawa pengurangan jumlah kakitangan MAS yang melibatkan 6,500 orang ini adalah merupakan suatu perkara yang cukup penting di mana pihak kerajaan mengambil berat dan pihak Kerajaan Barisan Nasional adalah mempunyai suatu tradisi yang bagus yang baik iaitu kita selalu memelihara kepentingan rakyat di negara ini. Dalam perkara ini saya hendak memberikan jaminan kepada Yang Berhormat, perkara ini akan ditangani sebaik-baiknya dan kita menggalakkan supaya rundingan terus diadakan di antara pihak majikan dengan kakitangan dan bila satu penyelesaian dapat dicapai, perkara ini harus dirujuk kepada kerajaan untuk membuat satu keputusan muktamad.

Dalam pada itu saya hendak memberikan jaminan sekali lagi bahawa kepentingan semua mereka yang terlibat akan dipelihara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat bagi Tangga Batu dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bangun dahulu.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Lepas itu Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ayer Hitam, kemudian baru Jerai.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Dan Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di atas nota yang sama mengenai rasionalisasi, seramai 6,500 kakitangan MAS akan terjejas dan saya percaya untuk mengimbangi proses ini, Syarikat Penerbangan Ais Asia pula akan menerima anggota kerja baru, kakitangan baru bagi menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggannya.

Yang Berhormat Menteri, saya ada membangkitkan isu ini di Parlimen dan semalam Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia masih lagi tidak memberikan jawapan ataupun laporan. Adakah Yang Berhormat telah menerima laporan daripada Syarikat Air Asia tentang kakitangannya yang kerja terlalu lebih masa atau *over work staff* yang boleh menjejaskan kepentingan keselamatan dan kesihatan pelanggan-pelanggan. Ini juga telah sekali gus memberikan suatu impak kepada staf dalam berprestasi tinggi ketika menyediakan kepada pelanggan-pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua, rungutan juga daripada anggota kerja Air Asia iaitu tentang elaun daya pengeluaran atau *productivity allowances*, dengan izin di mana jika mereka

bercuti di atas sebab sakit, mereka tidak akan diberikan elaun ini yang bernilai RM500. Apakah pihak kementerian Yang Berhormat telah menerima laporan ini daripada pihak Syarikat Penerbangan Air Asia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai rasionalisasi juga selain daripada 6,500 kakitangan yang menjadi perhatian Dewan ini, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah rasionalisasi itu dalam peringkat yang telah dimuktamadkan di mana Johor sebagai suatu wilayah pembangunan selatan yang penting dan ada rungutan daripada rakyat Johor supaya bukan sahaja memelihara kepentingan kakitangan yang ada di sana di Senai Airport, malahan saya rasa juga dari segi pentingnya MAS meneruskan penerbangan ke Sabah dan Sarawak dan juga perkhidmatan kargo.

Adakah perkara ini telah dimuktamadkan ataupun masih lagi ada ruang bagi kerajaan negeri merayu kepada pihak kerajaan supaya ia dapat dibuka semula memandangkan ada ramai peniaga daripada Singapura yang masuk ke Malaysia menggunakan perkhidmatan MAS dan ia menguntungkan negara. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak berbalik sedikit tentang Air Asia ini Yang Berhormat Menteri. Mengikut laporan CEO dia, Encik Tony Fernandez dia mengatakan bahawa setakat hari ini ekuiti Air Asia dimiliki oleh orang luar bukan rakyat Malaysia dan dia memohon supaya rakyat Malaysia membeli ekuiti yang diperuntukkan kepada rakyat Malaysia.

Saya bimbang kerana mengikut laporan FIC setakat hari ini sudah 28 buah syarikat tempatan yang telah dipindah milik kepada syarikat Singapura dengan kosnya sebanyak RM1.7 bilion. Yang kita bimbangkan ialah bukan bimbang apa maknanya Air Asia membuat penerbangan dalaman, mendapat keuntungan dan sebagainya tetapi keuntungan itu mengalir kepada bukan orang-orang tempatan. Apakah cara supaya mungkin Khazanah Negara ataupun mungkin pelabur-pelabur tempatan menguasai syarikat tersebut supaya ia tidak beralih tangan kerana yang dahulunya apabila selepas *listed* syarikat ini, pemegang saham dahulu dia sudah jual sebab dia untung berbilion-bilion ringgit. Ini pandangan saya dan lagi saya berharap penerbangan ke Kedah dan ke Pulau Langkawi ini janganlah dihentikan. Sekarang ini dua hari atau tiga hari sekali.

Apa orang Kedah ini tidak boleh naik kapal terbangkah? Miskinkah kami? Susah-susah kami memang boleh naik kapal terbanglah Tuan Yang di-Pertua. Ini beritahu kepada Idris Jala sungguhpun kami ini menjala ikan, tetapi boleh naik kapal terbang tidak mengapa. Bolehlah [*Ketawa*] kasihan ini, kadang-kadang Kuala Kedah baru-baru ini pergi bawa beg tidak tahu Kuala Kedah tidak ada, Alor Setar tidak ada. Lapangan terbang baru buat, port tidak ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Bagan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan berikan jawapan kepada rakan-rakan saya dan selepas itu Yang Berhormat bagi Bagan.

Mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, setakat ini kita belum menerima apa-apa laporan mengenai apa yang disentuh oleh Yang Berhormat, maka kita tidak boleh buat apa-apa. Walau bagaimanapun kalau sekiranya Yang Berhormat mempunyai sebarang butiran, saya lebih daripada suka untuk menerimanya dan saya sendiri akan mengkaji apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat supaya kepentingan pekerja Air Asia dapat dipelihara. Walau bagaimanapun Air Asia sebagai satu syarikat penerbangan adalah *direregulate* dengan izin, secara ketat oleh pihak kementerian dan juga DCA supaya semua prosedur yang ditetapkan oleh pihak *regulator* harus diikuti secara ketat supaya keselamatan dapat dijaga.

Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang membangkitkan mengenai laluan ataupun penerbangan antara Kuching - KK dengan Senai. Dalam perkara ini kita menerima hasil rundingan daripada MAS dan juga Air Asia. Setakat ini memang benar bahawa MAS akan memberhentikan penerbangannya antara Kuching dengan Senai dan juga KK dengan Senai. Tetapi saya difahamkan oleh kerana ada beberapa permintaan daripada pihak-pihak berkenaan supaya khususnya daripada kerajaan negeri, maka pihak Kementerian saya tiada halangan supaya Air Asia dan juga MAS akan teruskan perundingan atas kepentingan. Sekiranya ini dianggap boleh mendatangkan kepentingan dan manfaat kepada semua pihak, khususnya pihak kerajaan-kerajaan negeri dan rakyat di negeri yang tertentu, memang kita tidak mempunyai sebarang halangan supaya perkara ini terus dirundingkan.

Tentang dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, memang ada dalam jawapan saya yang mana akan diteruskan selepas ini. Silakan, Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Dalam usaha menjimatkan perbelanjaan pentadbiran MAS melalui cadangan untuk mengurangkan kakitangan-kakitangan MAS ini, saya berharap Yang Berhormat boleh mengambil perhatian bahawa *Malaysian* diberikan keutamaan dalam hal menjawat semua jawatan. Semasa membahaskan Kementerian Sumber Manusia semalam, saya pun ada membangkitkannya. Ini bukan hanya satu tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia sahaja, saya pasti dan percaya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh membantu dalam menyelesaikan perkara ini seperti yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya di sebelah sana.

Pada masa sekarang, MAS memang ada menggaji orang asing untuk menjawat jawatan pramugara-pramugari dan juga juruterbang-juruterbang dan lain-lain kakitangan yang berkenaan. Sekiranya hendak menamatkan pekerjaan mereka, maka *Malaysian first*. *Malaysian* patut diberikan keutamaan untuk memegang jawatan dan bukan *Malaysian to go off first* sedangkan orang asing masih kekal dengan jawatan mereka.

Kakitangan-kakitangan MAS juga mengadu bahawa mereka pada masa sekarang seperti hidup segan mati tak mahu. Memang pesawat-pesawat telah dijual dan perjalanan-perjalanan baik di dalam dan di luar negara pun sudah dikurangkan, seperti *international flight* yang kalau satu minggu ada tiga kali tetapi sekarang dikurangkan kepada sekali sahaja. Bermakna ada kelebihan kakitangan-kakitangan di pesawat-pesawat jadi mungkin dalam satu bulan mereka hanya bekerja 10 hari sahaja dan kebanyakan mereka hanya mendapat elaun *basic* dan tambahan *flying allowance*. Kalau tidak ada *flying allowance*, mereka memang susah untuk menyara hidup dengan gaji mereka. Saya minta Yang Berhormat mengambil perhatian berkenaan dengan hal ini.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya katakan tadi, pengurangan jumlah kakitangan MAS adalah sebahagian daripada pelan ataupun skim pemulihan perniagaan untuk menjadikan MAS berjaya lagi. Pandangan Yang Berhormat supaya dalam proses kita mengurangkan kakitangan MAS, bahawa rakyat Malaysia harus diberi keutamaan supaya dikekalkan dalam syarikat ini. Ini memang merupakan satu pandangan yang baik di mana saya akan sampaikan kepada pihak MAS. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kami faham hasrat kerajaan untuk mengadakan rasionalisasi penerbangan, yang mana ia dapat memberi keuntungan kepada kedua-dua buah syarikat penerbangan walaupun satu syarikat penerbangan negara dan satu lagi syarikat penerbangan rendah milik swasta. Tetapi ada beberapa perkara yang saya rasa perlu kita sesuaikan dan mantapkan sebelum menjelang 1 Ogos. Antara perkara yang mungkin saya boleh tanyakan sama ada telah pun diperhalusi, apabila *connecting flight*, dengan izin daripada luar yang dibawa masuk oleh

syarikat penerbangan Malaysia untuk pergi ke laluan yang tidak dikelolakan oleh MAS ini, bagaimana masyarakat atau pelancong luar dapat membuat tempahan terus seperti di tempat-tempat lain ada yang dipanggil *coach sharing*. Tetapi perkara ini belum lagi difikirkan di antara MAS dan Air Asia.

Begitu juga dengan bagaimana kedudukan agen pelancongan (*travel agent*) yang mana selama ini menguruskan tempahan-tempahan daripada pengguna tetapi hari ini tidak boleh ataupun tidak digunakan untuk membuat tempahan Air Asia. Dari segi *connecting flight dan sharing coach* ini termasuk juga tempahan perlu diselaraskan supaya hasrat rasionalisasi ini yang dapat memberi faedah kepada kedua-dua buah syarikat ini berjaya.

Begitu juga dengan keadaan daftar masuk di LCC yang mana bila kita tiba di KLIA dari luar, kita terpaksa pula membawa barang-barangan kita untuk pergi ke LCC. Ini boleh menjejaskan pelaburan yang besar yang kita buat di KLIA kerana pelancong-pelancong terpaksa mengeluarkan barang-barang seperti yang berlaku di negara-negara ketiga contohnya Vietnam, China dan sebagainya. Kita rasa perkara ini perlu diperhalusi dan diatasi sebelum kita jalankan rasionalisasi udara pada 1 Ogos supaya ia tidak menjejaskan industri-industri sampingan yang melibatkan penerbangan udara.

Akhir sekali saya cuma ingin bertanya, adakah semasa rundingan ini kita boleh fikirkan di mana diterbitkan saham khusus bagi dimiliki oleh MAS dalam Air Asia. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Muar memang sangat penting seperti *connectivity*, perkara *interlining*, peranan yang dimainkan oleh agen pelancongan. Semua ini adalah merupakan satu perkara yang cukup penting dan sebelum sesuatu jalan dapat dicari ataupun sebelum semua perkara ini dihalusi, maka rasionalisasi tidak dapat dilaksanakan.

Maka kita sedang meneliti perundingan yang sedang pun berjalan antara Air Asia dengan MAS dan saya nak berikan jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa sebelum semua perkara ini dapat dihalusi, ditangani maka kita tidak akan melaksanakan rasionalisasi ini.

Maka ini sangat-sangat penting dan saya yakin bahawa dengan kerjasama sekarang yang telah diwujudkan antara MAS dan juga Air Asia. Saya yakin beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Muar ini dapat dihalusi dan ditangani. Mengenai pemberian saham khusus kepada MAS, ini adalah antara kedua-dua buah syarikat yang berkenaan.

Walau bagaimanapun pada satu tahap kerajaan memang mencadangkan supaya MAS juga mengadakan laporan pelaburan kepada... ke dalam Air Asia supaya ada *cross holding* untuk menjaga kepentingan kedua-dua buah syarikat. Ini memang juga merupakan satu perkara yang dialu-alukan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan syarikat-syarikat penerbangan baru untuk mengendalikan perkhidmatan berjadual domestik.

Namun demikian pertimbangan akan diberi setelah proses rasionalisasi memberikan hasil positif dan jumlah penumpang domestik mengizinkan kemasukan syarikat-syarikat penerbangan berjadual yang baru. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pensiangan, ingin saya memaklumkan bahawa syarikat penerbangan Sabah Air merupakan syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang tidak berjadual dalam negeri. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum laluan *trunk road* dan non *trunk road* dengan izin, yang disediakan oleh MAS dan Air Asia merupakan perkhidmatan penerbangan berjadual. Mengenai kenyataan...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan rationalization MAS dengan Air Asia kita hendak minta kerajaan supaya mengkaji balik, Yang Berhormat Menteri. Rata-rata orang dok bercakap, bahawa MAS ini adalah milik rakyat Malaysia. Air Asia belum tahu lagi dan kita pun naik kesian kerana kerajaan telah melantik Idris Jala, baru duduk situ dia pun belum sempat menggunakan kepakaran dia untuk menukar MAS daripada syarikat penerbangan yang rugi kepada yang untung akhirnya kerajaan buat keputusan nak *rationalize*kan balik berkenaan dengan MAS dengan *road-road* dia. Kenapa? yang mana rakyat pun tahu, Dewan Rakyat pun kita dah bercakap dah bertahun dah, kerugian MAS disebabkan pengurusannya bukan disebabkan *road-road*nya yang tidak untung.

Kalau dah biskut pun yang dalam Malaysia ada buat biskut, pegi beli biskut di Australia mana nak untung. Jadi, barulah hari ini kita sejuk sikit apabila Menteri Pertanian mengumumkan bahawa kaya, seri kaya buatan orang kampung. Perbuatan orang kampung ni dapat naik atas kapal terbang MAS. Jadi, saya nak mintak Yang Berhormat Menteri, walaupun cakap memang seronok tetapi maruah negara, maruah rakyat Malaysia. Lebih-lebih lagi kalau kapal terbang MAS dah tinggal 30 biji, 40 biji besok macam mana orang-orang Islam nak pergi Haji. Nak pakai kapal terbang mana? Takkan nak pakai kapal terbang Air Asia lagi, kurang-kurang pun apabila nama Malaysia tu, Jemaah Haji pegi Arab Saudi bangga sikit.

Oleh demikian saya mintak Yang Berhormat Menteri cakaplah balik dalam kabinet, supaya perkara ini harus dilihat dan kalau kita lihat bukan masalah *road*. Baru-baru ni, tadi saya jumpa satu rombongan, Tan Sri daripada negeri China, *Tsian* apa nama tempatnya *Tsian* yang datang merayu kerana *road* yang ke negeri China yang pada hari ini kita nak bawa pelancong-pelancong daripada China ramai akan dibatalkan. Datang sini merayu. Jadi, oleh demikian kita kena tengok dulu Yang Berhormat Menteri, fasal masalah MAS ini adalah milik rakyat Malaysia, maruah rakyat Malaysia kita harus lihat balik kerana yang rugi MAS ini bukan disebabkan *road* tetapi pengurusan. 104 kapal terbang oleh MAS dah ada 208 orang *Manager*..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Senior *Manager* lagi. Tak boleh nak cakaplah Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Akhirnya yang pekerja-pekerja yang di bawah ini, yang kerja rendah ni, pangkat rendah akan di buang kerja dengan VSS tetapi pengurusan di atas yang gaji puluh-puluh ribu, berpuluh-puluh ribu dialah yang menjahanamkan MAS ini. Baik Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan ambil perhatian apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dalam perkara ini. Dan mengenai kenyataan Yang Berhormat, Yang Berbahagia Tony Fernandez, tentang permintaan yang tinggi dari pelabur asing untuk membeli saham Air Asia. Kerajaan telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya pegangan saham rakyat tempatan kekal pada 51 peratus supaya syarikat berkenaan tetap dimiliki oleh rakyat Malaysia. Syarat ini akan dipatuhi oleh Air Asia. Mengenai kerugian yang dialami oleh MAS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum faktor-faktor yang menyebabkan kerugian MAS telah pun banyak kali dibincangkan dan diperdebatkan di dalam Dewan yang mulia ini. Namun demikian ingin saya memaklumkan bahawa faktor-faktor utama yang menyebabkan kerugian ini adalah kos pengurusan dan operasi yang tinggi. Kos bahan bakar yang kian meningkat masalah *yeal* dengan izin, yang rendah serta operasi ke

beberapa destinasi yang tidak menguntungkan. Laluan London, Langkawi, Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, merupakan satu daripada laluan yang tidak *viable* yang mana MAS menghadapi kerugian yang besar.

Perkhidmatan untuk laluan London, Langkawi, Kuala Lumpur adalah dihentikan pada 26 Mac 2006. Namun demikian penumpang-penumpang yang ingin ke Langkawi masih boleh mengadakan penerbangan sambungan melalui Kuala Lumpur. Keperluan untuk MAS mempertingkatkan lebih banyak *connectivity* adalah langkah susulan yang akan dipertimbangkan oleh syarikat tersebut setelah proses rasionalisasi dan penstrukturan semula selesai dilaksanakan oleh MAS. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Sungai Petani, supaya ditingkatkan kelajuan kereta api bagi menggalakkan lebih ramai pengguna menggunakan perkhidmatan kereta api dan mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya amat dialu-alukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memandangkan sistem kereta api KTMB menggunakan tolok meter atau *meter case* dengan izin, telah *journ maximum train* hanya terhadap sekitar 150 kilo meter sejam berbanding sistem kereta api tolok standard atau pun *standard case* dengan izin, yang berupaya beroperasi pada kelajuan 250 hingga 300 KM sejam. Sila Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih atas jawapan tu, sebenarnya saya nak tempuh sedikit MAS, Air Asia tadi. Pertanyaan saya..

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat sudah kita, sudah masuk kereta apilah ..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masukanlah Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Memang tak payahlah banyak sudah..

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Beri adalah..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya masuk sedikit sahaja iaitu macam tadi dah jawab betul. Saya tidak pertikaikan, cuma soalan terakhir mengenai dengan MAS dan Air Asia ialah saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri MAS atau Air Asia yang mana satu di antara dua ini dianggap sebagai penerbangan nasional. Adakah Air Asia atau MAS itu satu?

Keduanya, sedikit sahaja. Kalaulah belum diputuskan lagi saya berharap Yang Berhormat Menteri buka lagi ruang supaya kita menghalusi mengenai dengan pekerja MAS tadi. Saya minta sangat mengenai dengan 6,500. Kita Barisan Nasional tidak mahu bertangjawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. MAS adalah syarikat penerbangan nasional premium di mana operasinya berlainan daripada Air Asia. Air Asia adalah *low cost carrier*. *National carrier* satu sahaja iaitu MAS.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung, Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat, bagi landasan berkembar elektrik di Lembah Klang pula, berdasarkan kepada infrastruktur dan sistem yang dibenarkan kelajuan tren adalah 120km sejam. Sementara bagi Projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang-Ipoh, ia direka bentuk untuk kelajuan 160km sejam dan tren dijangka beroperasi pada kelajuan maksimum 140km sejam. Walaupun kelajuan adalah salah satu faktor yang mendorong pengguna memilih pengangkutan rel, terdapat faktor-faktor lain yang penting adalah ketepatan masa, kesesuaian jadual waktu, keselesaan dan keselamatan.

Kerajaan sememangnya bercadang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan KTM komuter ke kawasan-kawasan lain. Sebagai contoh, Projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang-Ipoh apabila siapnya nanti akan membolehkan perkhidmatan KTM komuter dipanjangkan daripada Rawang ke Tanjung Malim. Selain daripada itu, satu perkhidmatan baru yang dikenali sebagai tren pantas (rapid train) akan diperkenalkan di antara Kuala Lumpur ke Ipoh yang menggunakan kereta api elektrik.

Kerajaan juga sedang merancang untuk meluaskan perkhidmatan KTM komuter di sektor selatan dari Seremban ke Senawang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Perkhidmatan komuter dari Sentul ke Batu Caves pula dijangka siap dalam tahun 2008. Selain daripada itu, kerajaan dari semasa ke semasa akan meneliti perkembangan dan pembangunan di sekitar laluan sedia ada bagi melihat kesesuaian membina stesen-stesen baru seperti Midvalley dan Kepong Sentral.

Sejajar dengan perkembangan teknologi dan keperluan pengguna, KTMB sentiasa membuat beberapa pembaharuan bagi memenuhi kehendak pelanggan serta meningkatkan kecekapan operasinya. Di antara pembaharuan yang telah dan akan diperkenalkan ialah:

- Penggunaan lokomotif berkuasa tinggi yang berupaya meningkatkan bilangan gerabak daripada 20 kepada 30 bagi sesebuah tren barang dapat meningkatkan produktiviti;

[Skrin dan rakaman tidak berfungsi][Catat secara manual]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Di Melaka dahulu ada kereta api, yang mana landasannya hingga ke Thailand. Hari ini rakyat Melaka termimpi-mimpi hendak menggunakan kereta api balik. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan – duit subsidi Melaka dipertimbangkan mengadakan kereta api. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rembau bangun.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memang tidak ada rancangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, apa terjadi dengan skrin. Tidak ada. Apa jadi? *[Disampuk]* Ini guna berbilion ringgit. Apa ini?

[Dewan gamat]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

[Skrin masih tidak berfungsi]

Dato' Sri Chan Kong Choy: ... Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi ada pihak-pihak berkenaan telah mengemukakan cadangan supaya mengadakan *fast tren* antara Singapura dengan Kuala Lumpur atas inisiatif BFI, dan dengan izin Tuhan kalau ini dapat dilaksanakan Melaka juga akan dapat disambung melalui *net work* ini.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Penjelasan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Baik Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sebut akan disambung komuter dari Seremban ke Senawang. Saya harap dapat ditimbang supaya juga di sambung sampai ke Gemas atau sekurang-kurangnya ke Tampin. Ini adalah disebabkan ramai penduduk di Rembau, di kawasan saya yang

berulang dari Kuala Lumpur. Bekerja di Kuala Lumpur tinggal di Rembau. Tetapi memandangkan kos petrol sudah meningkat, jadi mungkin dengan adanya komuter sampai ke Rembau atau ke Tampin akan dapat mengurangkan kos dan dalam masa yang sama juga kita hendak galakkan rakyat yang bekerja di Kuala Lumpur membeli rumah di Rembau, sebab di Rembau ini rumah masih murah lagi. Maknanya rumah banglo boleh dapat harga kurang daripada RM200 ribu, kalau rumah teres kurang daripada RM100,000. RM60,000 RM70,000 boleh dapat rumah teres.

Dalam masa yang sama juga, saya difahamkan Kementerian Pertanian akan membangunkan satu kawasan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri di Gemas, iaitu untuk *Beef Valley* ataupun, dengan izin, kawasan lembu daging. Jadi, dengan adanya pertambahan khidmat komuter yang sedia ada dari Seremban ke Rawang, kalau di sambung ke Tampin, dengan sendirinya kawasan di Tampin dan di Rembau akan dapat dimajukan dengan lebih pesat lagi. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya sambung sedikit, Yang Berhormat. Adalah mendukacitakan apabila Yang Berhormat sebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, negeri Melaka tidak dapat satu sistem kereta api kerana kita hari ini boleh menyatakan yang kita mempunyai sebuah bas stesen yang terancang di seluruh negara, Melaka Sentral.

Untuk makluman Yang Berhormat, *reserve* jalan kereta api ini masih ada, memang tidak ada masalah. Kalau kita ikutkan jalan kereta api yang digunakan dari *Bona Vesta*, suatu ketika dahulu di tengah-tengah bandar Melaka di hubungkan terus ke Tampin melalui *Allor Garia*. Kalau Yang Berhormat di dalam *mid-term review* nanti boleh masukkan rangkaian jalan kereta api ini ke Melaka, itu adalah yang terbaik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rembau dengan Tangga Batu. Rembau setakat ini, kerajaan memang tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menyambungkan komuter tren perkhidmatan KTMB komuter ke Rembau tetapi kita akan sambung dari Seremban ke Senawang. Ini adalah kerana projek-projek rel ini memakan kos yang cukup tinggi tetapi saya yakin pada suatu hari juga kita akan sambung ke kawasan Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Kalau boleh Yang Berhormat Menteri dalam *mid-term review* dipertimbangkan jugalah.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, terima kasih. Dengan izin Tuhan kita akan timbang semua.

- KTMB telah melaksanakan sistem tiket menggunakan *Touch & Go* bagi memberi kemudahan kepada pengguna yang menggunakan KTM komuter. Sistem *Touch & Go* ini juga diguna pakai oleh Monorel, LRT dan bas rapid;
- penggunaan internet untuk tempahan tiket tren antara bandar menggunakan kemudahan e-tiket. Ini bagi membolehkan pelanggan membuat tempahan dan mencetak tiket dengan bayaran menggunakan kad kredit tanpa perlu pergi ke kaunter tiket;
- perkhidmatan barang yang menyediakannya kemudahan *freight on-line* bagi membolehkan pelanggan membuat permohonan gerabak, memantau penghantaran kargo dan memproses bil menggunakan internet;
- KTMB juga akan memperkenalkan tren pantas di antara Kuala Lumpur dan Ipoh dengan masa perjalanan 2 jam 15 minit serta mempunyai ciri-ciri reka bentuk dalaman yang moden, kemudahan bagi orang kurang upaya (OKU) serta paparan elektronik yang berinfomatif; dan

- stesen kereta api yang baru dengan reka bentuk yang moden dan berbumbung penuh lengkap dengan ruang legar yang selesa, kemudahan kaunter serta sistem siaraya dan paparan elektronik yang mesra pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan Yang Berhormat bagi Labuan Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk menambah jumlah operator perkhidmatan feri bagi laluan Labuan menempuh kerana feri tidak ada mampu mengendalikan perkhidmatan feri bagi laluan ini dengan satu feri sahaja. Kementerian sentiasa memantau situasi dan operasi feri penumpang dan kenderaan tersebut bagi memastikan bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah mencukupi, selesa, selamat dan memuaskan. Feri Wawasan Perdana mempunyai kapasiti 450 orang penumpang, 55 buah kereta atau 22 buah trek 15 tan atau empat buah *escalator* dalam satu perjalanan. Berdasarkan statistik penumpang secara purata, feri ini telah mengendalikan 134 orang penumpang dan 53 buah kereta dalam satu perjalanan di mana kapasitinya ialah 450 orang.

Purata bagi bulan Disember 2005 yang merupakan bulan di mana jumlah penumpang adalah yang tertinggi adalah 442 orang. Purata ini menunjukkan feri ini masih mampu mengendalikan perkhidmatan laluan Labuan menempuh dengan satu feri sahaja. *Labuan Ferry Corporation* yang merupakan operator feri, juga melaksanakan satu sistem tempahan berkomputer kepada pengguna perkhidmatan feri ini. Sistem ini membolehkan penggunaan membuat tempahan, sebulan lebih awal untuk perjalanan Labuan menempuh dengan adanya maklumat awal ini, syarikat juga dapat menyediakan feri tambahan bagi penumpang jumlah permintaan yang tinggi pada waktu-waktu yang tertentu. Kementerian juga telah mengambil maklum masalah kerosakan feri yang beroperasi di laluan ini, apabila kerosakan berlaku atau kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan, perkhidmatan feri kenderaan diganti dengan dua buah kapal, *landing craft* dari Labuan. Perkhidmatan *landing craft* ini adalah terhad di mana bilangan penumpang dihadkan. Mengenai isu ini kementerian akan berbincang dengan syarikat yang berkenaan bagi mengkaji penggunaan feri yang lebih sesuai supaya perkhidmatan tidak terjejas.

Untuk makluman, terdapat juga bot-bot laju yang turut menawarkan perkhidmatan di laluan tersebut yang mana dapat menampung permintaan apabila diperlukan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat, sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, penjelasan, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan begitu anggaran yang besar diperuntukkan untuk pengangkutan sama ada untuk KTMB, untuk feri atau untuk lain. Apakah tindakan yang diambil supaya tidak ada *linkage* yang besar di mana adalah harga di kontrak yang diberi yang ada beberapa kali sungguhpun tidak berasas. Dan sebagai satu contohnya kalau saya tidak silap pada 3 tahun dahulu adalah satu *beep* untuk *double tracking extension* antara Sentul dan Batu Caves dan harga yang disebut pada masa itu ialah 420 juta ringgit, pada masa itu di *suspended* dan sekarang akan diteruskan dan harga sekarang ialah 650 juta ringgit bererti bahawa 90 juta per kilometer. Apabila untuk Rawang dan Ipoh itu *double tracking*, harganya ialah 20 juta per kilometer dan Ipoh pun terlalu tinggi. Kenapa ada kenaikan dekat 60 peratus dalam 3 tahun dan bukannya benar bahawa sebenarnya pada masa itu *consultant* ialah Kuala Lumpur *consult*, *consultant* untuk DRB yang ada buat *beep* itu dan sekarang *design* itu serupa tetapi yang buat penawaran ialah berbeza. Isu ini ialah mengapa kita membenarkan *linkage* yang begitu besar nampaknya 50 peratus?

Dato' Sri Chan Kong Choy: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat banyak lagi kah?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ada....dua, tiga perkara lagi.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sangat mengambil berat tentang pelaksanaan semua projek yang telah rancangkan ini dan beberapa *committee* jawatankuasa telah pun ditubuhkan dan di antara adalah diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk memastikan bahawa semua rancangan ataupun projek yang telah dirancangkan ini akan dijalankan dan dilaksanakan dengan lancar dan tanpa masalah seperti masalah-masalah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Mengenai kenaikan harga dan projek tiga, empat tahun dahulu jika dibandingkan dengan sekarang, memang ada banyak faktor di antaranya ialah kenaikan harga bahan api, *steel* dan juga kenaikan nilai *Euro* di mana banyak teknologi dan juga sistem yang digunakan adalah daripada negara Eropah. Maka memang ada perbezaan harga projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh Yang Berhormat Menteri beritahu kontraktor yang baru yang diberikan kontrak ini. Dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sungguhpun ada alasan-alasan yang diberi tetapi kenaikan dekat 60 peratus sebenarnya satu *rip-off* oleh kerana mungkin harga begitu tinggi apabila 3 tahun dahulu, harga 420 juta ringgit pun terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebenarnya ada orang yang rela buat tawaran 350 juta ringgit sudah cukup. Adakah satu *open* tender diadakan atau perkara ini sudah tutup atau dimuktamadkan dengan pemberian yang *final*.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat. Perkara ini dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan saya minta Kementerian Kewangan, pemilihan kontraktor dan sebagainya dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan keputusan yang dibuat. Maka saya akan merujuk kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberikan informasi kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu *ruling* adakah ini bererti Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak ada kuasa untuk memberi nama pun dan perlu rujuk kepada Kementerian Kewangan?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tidak, dalam perkara ini.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Di bawah kementerian beliau, tidak mahu nama, tidak boleh beri nama pun!

Dato' Sri Chan Kong Choy: Yang Berhormat dalam perkara ini.....

Seorang Ahli: Jangan marahlah.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Kita begitu spesifik, *need specific*. Sentul - Batu Caves bukan projek kepada keseluruhan. Saya memang tidak mempunyai bukti setakat ini, kerana keputusan muktamad sama ada telah dibuat oleh Kementerian Kewangan saya tidak dimaklumkan lagi, maka saya tidak boleh memberikan secara terperinci kepada Yang Berhormat setakat ini kerana ini spesifik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Maknanya bila boleh sampaikan maklumat itu?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh, boleh, boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Harap boleh esok ya, harap ya.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh, boleh, boleh.

Seorang Ahli: Haiya, jangan marah!

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Sri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Kalabakan pula kesemua hasil bayaran yang dikutip oleh agensi dan jabatan kerajaan persekutuan adalah termasuk di bawah hasil Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah semua kutipan hasil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Justeru itu, sebagai sebahagian daripada hasil kerajaan persekutuan, ia sememangnya diguna semula untuk memperbaiki jalan yang rosak akibat kenderaan yang membawa muatan yang berlebihan dan yang dilaksanakan dari masa ke semasa termasuk jalan-jalan negeri dan Majlis bandaran yang selalunya diberi melalui geran tahunan. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Hulu Langat supaya diperluaskan sistem LRT ke Kajang dan Hulu Langat.

Memandangkan pada ketika ini pihak KTMB telah pun mengadakan perkhidmatan KTM komputer di kawasan tersebut bagi menampung keperluan penduduk di sekitarnya. Maka kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengadakan perkhidmatan LRT di kawasan tersebut. Berkenaan dengan cadangan supaya diperluaskan sistem LRT dan kawasan bandar dan pinggir bandar, pada masa ini syarikat Prasarana Negara Berhad iaitu anak syarikat kerajaan di bawah Kementerian Kewangan sedang melaksanakan kajian mengenainya. Hasil kajian ini kelak, ianya akan dibentangkan kepada kerajaan bagi mendapatkan pertimbangan kewajaran mengenai pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, peruntukan pembangunan bagi kementerian.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat, minta laluan sikit.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai LRT atau Monorail ini, saya gembiralah kalau syarikat prasarana sedang membuat kajian untuk menyelesaikan masalah-masalah pengangkutan, khasnya di Lembah Klang. Tetapi baru-baru ini, saya terbaca dalam surat khabar bahawa sebuah syarikat swasta telah mengemukakan satu cadangan dan menulis lebih kurang 71 kilometer kepada kerajaan mengenai untuk membina satu Monorail yang komprehensif dengan izin, dengan harga RM45 bilion ini iaitu *average*, secara purata RM63 juta satu kilometer.

Saya hendak tahu, adakah syarikat ini telah berhubung dengan kementerian Yang Berhormat sebelum mengemukakan cadangan ini, ataupun mereka telah membuat kajian-kajian tertentu. Sebagai contoh, kalau mengikut apa yang telah dikemukakan kepada kerajaan, cadangan kepada kerajaan, ada banyak tempat itu yang dicadangkan itu memang kita boleh menambahbaikkan lagi, iaitu mungkin sesetengah kawasan telah tidak melalui kawasan yang padat penduduk. Sebagai contoh, di kawasan saya Puchong, cadangannya tidak melalui kawasan Puchong, di mana kepadatan penduduknya sangat-sangat tinggi. Saya hendak tahu sedikit, dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Syarikat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, yang telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan satu rangkaian Monorail. Ini cuma merupakan satu cadangan awal dan tidak ada sebarang keputusan kukuh telah pun dibuat oleh mana-mana pihak. Ini memang satu cadangan awal sahaja oleh pihak syarikat yang berkenaan. Bagi menjawab Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, peruntukan pembangunan bagi Kementerian Pengangkutan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah berjumlah RM9.53 bilion berbanding dengan Rancangan Malaysia Kelapan iaitu sebanyak RM10.24 bilion iaitu berkurangan sebanyak RM6.74%. Peruntukan ini berkurangan disebabkan oleh pelaksanaan beberapa projek seperti pembinaan Landasan Berkembar Utara Selatan telah ditangguhkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Selain itu, pelaksanaan beberapa projek telah pun disempurnakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan seperti projek pembinaan Lapangan Terbang Miri, Lapangan Terbang Limbang dan sebagainya. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan RM9 juta bagi projek pengangkutan melalui sungai-sungai di Sarawak bagi meningkatkan taraf sistem pengangkutan di sungai-sungai Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM1.2 juta telah dibelanjakan bagi projek tersebut. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Langkawi, dimaklumkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, terdapat peruntukan di jambatan laut Semenanjung untuk membeli tambahan tujuh buah bot yang di kendali sebagai *service craft inter island* Catamaran dengan izin, yang berbentuk *multipurpose* yang boleh digunakan pada waktu kecemasan.

Bot-bot tersebut kini dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya dalam tahun 2007. Dalam pada itu, Jabatan Laut juga telah mendapat kerjasama daripada pengusaha feri untuk membawa pesakit-pesakit dari Pulau Langkawi ke Kuala Kedah, Kuala Perlis di waktu-waktu kecemasan. Saya rasa ini sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mengenai tanggungjawab kementerian yang sempat saya jawab...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri saya punya?

Dato' Sri Chan Kong Choy: dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatatkan dan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tetapi Yang Berhormat Menteri ambil penjelasan.

Dato' Sri Chan Kong Choy: akan diambil tindakan sewajarnya.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jangan lari daripada soalan saya Yang Berhormat.

Dato' Sri Chan Kong Choy: oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, dia sudah bagi jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bangkitkan adalah peruntukan mengenai Kementerian Pengangkutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri sudah kata, ini ada dalam catitan dan tindakan akan diambil.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tindakan akan diambil?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah ini bermaksud Yang Berhormat tidak mampu jawab soalan-soalan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapa lari daripada pertanyaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan larilah. Duduklah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah larilah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk. Ahli Yang Berhormat, kita ada lagi....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini tidak adil. Apa yang saya tanya adalah mengenai pengangkutan di bandar, Lembah Klang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita ada lagi 12 kementerian untuk dijawab. Hari ini ada lapan lagi kementerian untuk kita selesaikan. Dengan ini Yang Berhormat Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dijemput.

3.36 ptg.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jasin, Sik, Arau, Sri Aman, Pendang, Batu Pahat, Kanowit, Kinabatangan, Sekijang, Pasir Puteh dan Temerloh yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sepanjang perbincangan ke atas Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya akan menjawabnya mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai harga getah RM7 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa RM7 yang disebutkan itu adalah harga getah yang telah siap diproses dan mempunyai kandungan getah kering dan disebut sini KGK sebanyak 100%. Sebaliknya, getah yang dijual oleh pekebun kecil ialah getah buku atau getah sekerap yang mempunyai kandungan getah sebanyak kira-kira 15% sahaja KGK. Pembeli-pembeli akan menilai kualiti getah yang dijual berasaskan kandungan getah dan air dan juga kekotoran jika ada sebelum menawarkan harga kepada pekebun kecil.

Harga di peringkat ini, dikenali sebagai harga *farm gate* atau harga peringkat ladang. Harga *farm gate* ini diperolehi setelah ditolak *ses* serta kos-kos pemprosesan yang lain termasuk tenaga elektrik, upah buruh, pembungkusan, pengangkutan dan sebagainya. Kos ini adalah sekitar RM1 untuk sekilogram getah. Ini bermakna, harga *farm gate* untuk getah KGK 100% pada kadar harga FOB ialah RM7. Setelah ditolak semua kos tadi, adalah RM6 sekilogram.

Memandangkan harga RM6 sekilogram tersebut adalah berdasarkan KGK 100%, maka harga yang diterima oleh pekebun kecil bagi setiap kilogram getah sekerap yang mengandungi 50% KGK hanyalah RM3 sekilogram dan ini adalah harga yang berpatutan.

Bagi mendapatkan harga yang lebih tinggi, pekebun-pekebun kecil perlulah meningkatkan KGK getah sekerap.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya habiskan ayat ini. Saya habiskan ayat ini ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Faham kita. Tak payah habis Menteri, kita faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau faham tak payah jawablah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kampung kita ada kebun getah. Kifa faham.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri pula tak ada kebun getah.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Siapa datang dulu? Siapa datang dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa dulu? Siapa dulu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ha, terima kasih. *[Ketawa]*
Tuan Yang di-Pertua..

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Cheh..dia sebut nama dia sendiri. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya pun tak tahu siapa Tuan Yang di-Pertualah? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah. Tapi Yang Berhormat Menteri bagi peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi saya bersetuju kerana Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun awal sikittlah daripada mereka. *[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita minum kopi di luar nanti, Tuan Yang di-Pertua. Masa Tuan Yang di-Pertua rehatlah. *[Ketawa]* Saya, Yang Berhormat Menteri, tahniahlah. Di tangan Yang Berhormat Menteri, nasiblah. Harga getah pun naik, kelapa sawit pun naik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini tegur tak perlu, tanya pun tak perlu. Terus kepada soalan, soalan. Sebab masa, masa, masa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup suka, Menteri yang membawa buah ini, kita puji Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa, masa. Sebab kita menghadapi kesulitan masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soal masa betul. Menteri yang membawa kebaikan ini pun kita kena puji juga Tuan Yang di-Pertua. Kita pujilah ya? Lagipun, Sarawak nak pilihan raya Tuan Yang di-Pertua. Bagi nama baiklah. *[Ketawa]* Getah kering, getah keping kering ini RM7.00. *[Disampuk]* Yalah, getah yang kering ini. Sekerap ini ada dua. Satu sekerap yang dicampur dengan kulit getah itu. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Tak, masa itu yang kita nak. *[Disampuk]* Yalah. Kawasan saya, 70% getah ada. 30% getah, 30% kelapa sawit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau petik, Yang Berhormat tak perlu sampai ke begitu *detailah*. Nanti campur tangan lagi..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak cerita ini tentang yang orang kampung buat ini Tuan Yang di-Pertua, ialah getah yang ditadah dalam cawan getah itu, getah yang betul-betul getah itu. Latex itu. Yang beku itu. Itu betul-betul getah Tuan Yang di-Pertua. Betul-betul getah. Tapi macam mana pembeli boleh beli RM3.00 Tuan Yang di-Pertua? Saya minta kementerian, kerugian kepada pekebun-pekebun kecil ini, dipandang serius. Dan kalau kita campur-campurkan seluruh penoreh getah, pekebun-pekebun getah seluruh negara, yang jual murah ratusan ribu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau apabila dia makan RM1.00, RM1.50 satu kilo Tuan Yang di-Pertua, berapa tan satu hari? Jadi, banyak kerugian kepada pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi mintalah Yang Berhormat Menteri, orang yang membawa buah kepada perusahaan getah ini Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cuba macam mana agaknya satu cara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri faham? Saya faham. Menteripun faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua pun faham?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, kalau semua-semua faham, tak payah jawablah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah jawab, tak payah jawab. Mambong nak jawabkah? Tak payahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya peluang dia jawablah. Macam mana maksud saya, pembelaan kita kepada pekebun getah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat tak faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey Tuan Yang di-Pertua, okey, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat Menteri.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Minta Yang Berhormat Menteri jawab samalah kalau boleh.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Baiklah, sama. Okey, okey.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tuan Yang di-Pertua boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sila, sila.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ini, tadi saya memang ada catatan di sini. Saya mengikuti jawapan Yang Berhormat Menteri. Dia harga getah, *farm get price*, tolak akses, kandungan latex dan bahan-bahan air, bahan-bahan tercemar. Sampai ke FOB price dia, RM7. Ada lagi yang RM6. Tapi, harga yang terakhir, RM3 satu kilogram.

Saya tidak dapat mengikuti penjelasan inilah. Kerana di kampung saya, di kawasan saya, ramai drebar teksi, drebar bas sudah meletak jawatan dan menoreh getah, kerana harga getah keping kering sekarang di kawasan saya, penjaja membeli RM5 satu kilo.

Kenapa boleh menjadi RM3 satu kilogram ini? Saya pun kurang faham. Boleh perelaskan sekali lagikah Yang Berhormat Menteri?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, ya, ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sambung Tuan Yang di-Pertua. Fasal apa, masalah ini saya kemukakan. Tentang KGK-KGK ini saya dah tahun 72 Tuan Yang di-Pertua, kerja RRI.

Saya lebih tahu agaknya lebih daripada Menteri ini. *[Ketawa]* Jadi saya kira Tuan Yang di-Pertua, yang saya kemukakan tadi, orang tengah punya peranan. Orang tengah punya peranan, tidak ada satu agensi di bawah kementerian yang datang memeriksa.

Beberapa Ahli: Oohhhh.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Getah baik, kelapa sawit baik.

Beberapa Ahli: Oohhhh.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Harga dalam surat khabar iya, sekian! Tetapi yang mendapat pekebum kecil ini, sekian..!! Yang sebenarnya tentang DRC, DRC pun saya tahu, KPK apa semua ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hanya sekarang nak meminta pemantauan daripada kementerian Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin. Jasin, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Supaya dapat *check* dekat Jasin, dekat Sri Gading, termasuk Kulai.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Mambong.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Mambong lagi. Supaya pekebum kecil ini jangan tertipu!! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini jawapan untuk Sri Gading dan Mambonglah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak, ini masalah saya Tuan Yang di-Pertua. Saya kemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey Menteri boleh teruskan. *[Ketawa]*

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasihlah pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Memang kita akui untuk di Sarawak ini, kebanyakan pekebum kecil, dia tidak jual getah sekerap. Tetapi dia jual, getah keping. Getah keping ini maknanya ia sudah diproses. Ia sudah diproses. Sebab itu harganya naik ke RM5. Tetapi di Semenanjung ini, kebanyakan getah ini dijual secara getah sekerap. Sebab sekerap ini dia maknanya dia belum diproses, belum dikering.

Sebab itu, 50% lah ditolak sebagai kandungan air dalam getah itu, ya. Sebab itulah harga hanya RM3 yang kita sebut. Tetapi ini ada berbeza di satu tempat dengan satu tempat yang lain sebab ini tawaran daripada pembeli itu, iaitu orang tengahlah yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Memang betul, untuk kita memastikan perkara ini boleh diselaraskan sebagai satu harga, ini memang sukarlah untuk pegawai-pegawai dari LGM dan lain-lain agensi. Sebab kitapun tahu pekebum kecil ini, apabila dia sudah dapat getah itu, dia nak jual. Habis, macam mana kita nak boleh sekat dia tidak jual kepada orang tengah ini? Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kita cubalah ya.

Saya akan cuba untuk mendapatkan siasatan yang lebih kerap di peringkat Jasin dan Sri Gading ya?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat Menteri. Ini sekali lagi, penjelasan tentang getah sekerap itu tadi. Saya belum lagi faham. Kerana yang saya tahu, latex ini, getah mengandungi satu bahan. Dan juga ada serum di dalam *latex* getah itu. Adakah bukti yang menunjukkan bahawa 50%, dia mengandungi air? Kerana kalau kita membuat getah keping, kita campur 50% air. Itu memang benar, saya boleh faham. Tapi di dalam *latex* ini, di dalam *latex* ini, bagaimanakah ia mengandungi 50% air? Adakah benar-benar, dan adakah bukti yang menunjukkan bahawa ini 50% air?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, itu memang sebagai satu amalan. Sebab cara getah ini dijual di Semenanjung ini memang secara *cup lump*. Yang disebut, biasanya *cup lump*, *cup lump*. Sebab dia tidak diproses, ya, ya. Saya rasa, itulah hakikatnya sebab kita apa sebabnya harga di *farm gate* adalah rendah daripada yang disebutkan dalam LGM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini, ini penjelasan. Saya nak tolong sikit Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, ya. Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sebenarnya, apa yang disebut oleh Sri Gading, dengan itu, kerana yang dikeluarkan bukan sekerap, orang kampung panggil, ojol. Ojol ini Tuan Yang di-Pertua, ini kulit kayu dalam, pasir dalam, apa semua dalam.

Itulah sebabnya cara tak boleh nak cara saintifik nak *prove* kan 50% tak boleh. Itu sebab terpulanglah kepada pembeli. Hanya kita nak kan pada hari ini supaya Kementerian siasat balik banyak yang kita dengar *complaint* daripada orang kampung, dia banyak tertipu. Itu sahaja.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin sebab lebih maklumat yang terperinci mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sik ada menyentuh tentang peranan Rubber Research Institute atau RRI yang telah diambil alih oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, tugas pengembangan termasuklah memaklumkan hasil penyelidikan yang baru kepada pekebun kecil sebelum ini sememangnya dilaksanakan oleh RRI.

Walau bagaimanapun apabila Lembaga Getah Malaysia (LGM) ditubuhkan dengan menggabungkan RRI, Malaysian Rubber Export dan Licensing Board (RE), MRERB dan Malaysian Rubber Research dan Development Board (MRRBDB) fungsi ini telah dijalankan oleh LGM, RRI dengan sumber-sumber sedia ada.

Walau bagaimanapun RISDA selaku agensi pelaksana dengan sumber yang lebih besar dapat memindahkan hasil penyelidikan yang dihasilkan oleh LGM kepada pekebun-pekebun kecil yang lebih meluas. LGM juga memindahkan hasil penyelidikan tersebut kepada agensi yang berkaitan seperti FELDA, FELCRA dan LIGS yang akan memindahkannya pula kepada para pekebun kecil. Namun begitu LGM tidak akan menolak permintaan daripada pekebun kecil yang tampil untuk mendapatkan khidmat nasihat. Selain itu, LGM turut memberi khidmat nasihat kepada projek-projek tertentu seperti penggunaan sistem torehan kekerapan rendah atau *low intensity tapping system* dengan izin. Dan kegiatan pertanian secara berintegrasi di mana tanaman getah diselangi dengan tanaman buah-buahan atau tanaman lain yang meninggikan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat bagi Jasin juga, mengenai pengeluaran lesen untuk membeli getah. Sukalah saya memaklumkan bahawa jumlah lesen untuk membeli getah yang telah dikeluarkan oleh LGM pada tahun 2005 ialah sebanyak 4,312. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,112 adalah pemegang lesen bumiputera. Negeri yang paling banyak mencatatkan pengeluaran lesen untuk membeli getah bagi bumiputera pada tahun 2005 ialah di Kedah dengan jumlah 545, diikuti dengan Kelantan 338, Perak 323, Pahang 257, Negeri Sembilan 218, Terengganu 108, dan Johor 151. Manakala bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula ialah hanya sebanyak 91, Melaka 54, Perlis 23 dan Pulau Pinang 4.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin juga menyentuh mengenai pengeluaran lesen bagi membeli buah kelapa sawit. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa sehingga 28 Februari 2006, sebanyak 2,166 lesen untuk membeli buah kelapa sawit telah dikeluarkan kepada peniaga-peniaga terutamanya untuk membeli hasil pekebun kecil di kampung-kampung. Dengan lesen yang dikeluarkan, peniaga-peniaga ini boleh membeli buah kelapa sawit dari semua pembekal termasuk orang-orang kampung.

Negeri yang paling banyak mencatatkan pengeluaran lesen ini ialah dari Johor, 692 diikuti oleh Selangor 385, Perak 379, Pahang 235, Sabah 134. Lain-lain negeri yang mencatatkan pengeluaran lesen adalah seperti berikut, Terengganu 88, Negeri Sembilan 76, Kedah 41, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 37, Kelantan 34, Sarawak 23, Pulau Pinang 21, Melaka 20, dan Putrajaya 1. Daripada jumlah 2,166 pemegang lesen peniaga buah kelapa sawit tersebut, sebanyak 584 pemegang lesen adalah terdiri daripada kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin juga ada menyentuh tentang kesukaran untuk memperolehi lesen untuk memproses bio diesel. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen untuk mengilang dan memproses *bio-diesel* dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau MIDA. Sesiapa yang berminat untuk mendapatkan lesen pengilang ini boleh memohon dengan MIDA. Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB hanya akan mengeluarkan lesen bagi aktiviti untuk membeli, menjual, menyimpan dan mengeksport keluaran kelapa sawit yang digunakan dan dikeluarkan oleh pengusaha tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya faham sangat tetapi ini aduan daripada orang. Aduan daripada orang ramai mengatakan apabila nak *deal* dengan MPOB ini amat sulit sekali, dipersulitkan. Ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it's talk of the town* kata dia. Kenapa jadi macam ini? Dia nak main dengan hanya *company-company* yang besar-besar, tujuannya wallahualam. Tetapi kalau kita yang kecil-kecil ini nak buat minyak masak, nak botolkan minyak masak, dipersulit-persulitkan lagi. Ini yang gambaran yang diberi oleh masyarakat, oleh yang demikian kita minta Menteri untuk perbaiki keadaan yang ada dekat MPOB itu.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, saya sebenarnya memang ada kes yang kita tolak sebab ia tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPOB ini. Tapi saya tidak fahamlah sebutan ini yang sangat sulit atau susah untuk didapati lesen-lesen tersebut sebab sekarang saya sudah arah MPOB ini menggunakan E-Lesen. Maknanya setiap lesen ini, pelanggan boleh mendapatkan *download* dia punya borang dan selepas itu dia boleh hantarkan kepada MPOB untuk diproses. Dan mereka pun diarah untuk mengadakan satu *time frame* dengan izin.

Apabila lesen itu permohonan itu diterima mereka perlu menjawab dalam satu *time frame* supaya pelanggan itu tidak dirasai terlalu susah atau terlalu lambat tindakan diambil dan kalau Yang Berhormat mempunyai kes-kes yang tertentu saya harap kes-kes ini boleh dirujuk kepada saya dan saya akan beri jaminan di sini saya akan terus menyiasat perkara-perkara tertentu supaya permohonan lesen apabila ia sudah mendapatkan memenuhi semua syarat itu lesen itu perlu dikeluarkan tidak ada apa-apa lain-lain alasan yang digunakan oleh pihak pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat bagi Jasin supaya lembaga yang berasingan ditubuhkan untuk alternatif *fuel*, kementerian mengambil ingatan akan cadangan ini. Buat masa ini buat masa ini, kajian *biodiesel* sawit adalah dijalankan oleh MPOB. Pada masa yang sama kerajaan juga menjalankan kajian ke atas alternatif *fuel* yang lain seperti *jatropa* dan sebagainya.

Di samping itu, kerajaan sentiasa memantau dan memastikan perkembangan *biodiesel* negara ini adalah sejajar dengan kepentingan dan kemajuan peneroka-peneroka ataupun pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu *bio-diesel* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, pelaksanaan dasar *bio-diesel* sudah pasti akan memberi faedah sosioekonomi kepada pengeluar-pengeluar buah sawit termasuk pekebun-pekebun kecil dari segi pasaran yang terjamin, harga yang lebih lumayan dan peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat.

Perusahaan-perusahaan lain yang akan mendapatkan faedah daripada pembangunan industri *bio-diesel* ialah sektor perkhidmatan dan pembuatan terutamanya pengangkutan, penyelenggaraan dan pengeluaran bahan alat ganti. Kilang-kilang *bio-diesel* yang dibangunkan di koridor timur merangkumi Kelantan, Terengganu, Pahang, daerah Mersing di Johor boleh memohon kepada MIDA untuk mendapatkan insentif yang sudah diumumkan oleh pihak kerajaan.

Untuk memaklumkan setakat ini sebanyak 14 lesen *bio-diesel* telah diluluskan dan empat daripadanya bertempat di koridor timur dengan jumlah kapasiti 350 ribu tan minyak sawit setahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teknologi *bio-diesel* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat yang dikatakan jauh ketinggalan daripada Singapura, Britain dan India.

Sukacita saya maklumkan bahawa teknologi hasil penyelidikan MPOB adalah berasaskan minyak sawit manakala teknologi asing adalah berasaskan minyak sawi atau soya. Kebanyakan teknologi asing tidak mempunyai pengalaman dalam penghasilan *bio-diesel* daripada minyak sawit yang setimpal dengan pengalaman MPOB.

Sebenarnya Yang Berhormat, teknologi MPOB adalah terkenal di dunia dari segi berasaskan minyak sawit kerana ini memang satu hasil setempat atau hasil negara kita yang tidak ada lain negara yang boleh berpengalaman dari segi ujian teknologi minyak sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pernyataan Yang Berhormat bagi Sri Aman, kementerian melalui MPOB sedang menjalankan Skim Bantuan Anak Benih Sawit bagi pekebun-pekebun kecil di Sabah dan di Sarawak di mana pekebun kecil yang daif diberikan 150 pokok sehektar secara percuma dengan maksimum lima hektar.

Tujuan skim ini adalah untuk membantu pekebun kecil di kedua-dua negeri ini mendapatkan bekalan anak benih yang berkualiti serta menggalakkan penanaman sawit oleh pekebun kecil di Sabah dan Sarawak dijalankan secara terurus dan mengikut amalan agronomi yang baik.

Kita maklumkannya di dalam dua negeri ini memang ada memang kurang pekebun-pekebun kecil yang terlibat dalam penanaman sawit dan oleh sebab itulah kita harap dengan adanya penglibatan mereka dalam tanaman sawit, taraf hidup mereka pun boleh ditambah baik. Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengenai syarikat-syarikat sawit di Sabah terutamanya di kawasan Kinabatangan yang didakwa mengaut keuntungan tetapi tidak membantu pelajar-pelajar dan penduduk di kawasan tersebut adalah tidak benar Yang Berhormat untuk mengatakan sama ada yang syarikat-syarikat sawit sama ada di Kinabatangan atau tempat yang lain tidak membantu penduduk tempatan sebaliknya syarikat-syarikat sawit terutamanya ladang-ladang dan kilang sawit telah menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada pelajar lepasan sekolah dan penduduk-penduduk tempatan.

Syarikat-syarikat ini juga telah menyumbang kepada peningkatan taraf sosioekonomi dan pendapatan terutamanya bagi pekebun-pekebun kecil dari segi menjamin pasaran bagi buah sawit yang dihasilkan oleh mereka. Dengan pendapatan yang meningkat, pekebun kecil sawit mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah untuk menimba ilmu. Syarikat-syarikat sawit mungkin boleh di galak untuk menderma atau menyumbang kepada sekolah-sekolah berhampiran bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti

tambahan bagi murid-murid dan projek-projek kemudahan sekolah. Perkara ini kita akan menyusulilah kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perbincangan Yang Berhormat bagi Temerloh mengenai tahap kemiskinan dan juga Yang Berhormat bagi Jasin tentang kenaikan harga kelapa sawit ke paras RM1,400.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, pendapatan peneroka sawit pada masa ini adalah masih lebih tinggi daripada paras kemiskinan kerana harga minyak sawit sedang berada di paras melebihi RM1,400 setan. Pendapatan kasar dijangka berada di antara RM170 sehingga RM260 bagi setan buah kelapa sawit jika harga minyak sawit berada dalam paras RM1,000 sehingga RM1,400 setan. Ini bermakna jika seorang peneroka mempunyai keluasan tanaman sawit empat hektar dengan hasil buah lima tan sebulan, jumlah pendapatan kasarnya akan berada di antara RM850 sehingga RM1,300 sebulan yang masih lebih tinggi daripada paras kemiskinan.

Walau bagaimanapun pekebun kecil sawit harus memberi penekanan kepada produktiviti sawit pada setiap masa untuk meningkatkan pendapatan. Sehubungan ini, beberapa langkah sedang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil seperti berikut:

- (i) meningkatkan produktiviti melalui amalan pertanian yang baik seperti pembelajaran, penggunaan baka benih yang baik dan amalan penuaian buah masak. Untuk ini MPOB telah menyediakan khidmat tunas atau tunjuk ajar nasihat sawit di semua wilayah bagi membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti sawit;
- (ii) menyediakan kemudahan kredit baja kepada pekebun kecil melalui Skim Kelompok Baja Terselia (MPOB);
- (iii) menggalakkan integrasi tanaman dan ternakan di kebun-kebun bagi memperolehi pendapatan tambahan;
- (iv) menggalakkan penanaman semula pokok sawit yang berumur lebih 25 tahun dengan meminjam skim Pinjaman Muda Bank Pertanian Malaysia (BPM) kadar faedah 4% sahaja setahun, tempoh bayaran balik 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kanowit mengenai status tanah yang sukar diubah untuk tanaman sawit.

Sukalah saya memaklumkan bahawa punca kuasa untuk pemberian tanah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak tidak boleh diseragamkan kerana ia tertakluk kepada *National Land Code* bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, *Sabah Land Ordinance* bagi negeri Sabah dan Sarawak *Land Ordinance* bagi negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, syarat-syarat pemberian tanah dan levi serta cukai tanah juga adalah perkara yang rumit untuk diseragamkan. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang berusaha untuk memajukan lagi industri sawit di negeri Sarawak di peringkat hulu dan hiliran .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta izin hendak undur sedikit sahaja.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Undur tidak jauh, ya.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Tidak jauh, sedikit sahaja. Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita beri baja, skim baja, benih yang cukup bagus, kalau kita tidak tengok tentang pemuliharaan tanah itu, tidak guna juga.

Jadi kalau baja banyak mana kita letak pun kalau pemulihan tanah kita tidak ada satu skim, jadi benih yang kita beri itu tidak akan keluar satu hasil yang kita harapkan. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri dengan kementerian berhormat boleh ada satu skim untuk pemulihan tanah. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Saya rasa itu satu cadangan yang baik. Saya akan bincang dengan pegawai saya sama ada skim pemulihan tanah boleh dilaksanakan dengan agensi-agensi yang berkuasa dalam tanah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah tanah di Sarawak ini, ingin saya jelaskan kawasan penanaman kelapa sawit di Sarawak telah bertambah daripada 0.14 juta hektar pada tahun 1996 sehingga sekarang 0.54 juta hektar iaitu setengah juta hektar ditanam di Sarawak. Tambahan keluasan tanaman kelapa sawit membuktikan bahawa kerajaan serius memajukan sektor ini untuk pembangunan ekonomi Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya juga mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat bagi Sekinchan untuk membangunkan kawasan Johor Utara. Sekiranya kawasan tersebut sesuai untuk penanaman sawit dan getah kementerian ini bersedia membuat kajian untuk membantu membangunkan kawasan tersebut dengan penanaman sawit dan getah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Arau bahawa kementerian saya memberi jaminan bahawa industri perabot yang dihuraikan oleh Yang Berhormat dalam ucapannya untuk terus berkembang dan maju di masa hadapan.

Saya berkata demikian kerana kerajaan melalui kementerian saya akan mengadakan program tanaman ladang hutan dengan mengutamakan penanaman spesies getah. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 200 juta bagi tahun 2006 sehingga 2008 untuk program tersebut.

Melalui program ini, dijangkakan bekalan kayu getah menjelang tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya dianggarkan sebanyak 2 juta meter padu setahun akan dapat dipertingkatkan. Ini berdasarkan jumlah keluasan bagi tanaman.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Pensiangan...

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: [Bangun]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekejap ya, saya habiskan ayat ini. Ini berdasarkan jumlah keluasan bagi tanaman....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Pensiangan...

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sekejap ya, nanti saya habiskan ayat ini. Ini berdasarkan jumlah keluasan program tanaman ladang hutan termasuk spesies kayu getah yang akan dibangunkan seluas 36 ribu hektar di mana setiap hektar dijangka akan menghasilkan 200 meter padu kayu getah atau 7.2 juta meter padu bagi keluasan 26 ribu hektar itu. Sekian.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya ingin penjelasan daripada kementerian iaitu saya difahamkan syarikat-syarikat yang diberi konsesi di bawah FMU (*Forest Management Unit*) di Sabah difahamkan bahawa kementerian ini telah memberi peruntukan untuk menanam semula mulai dengan spesies getah balak ini.

Kebanyakan syarikat-syarikat ini yang sebenarnya adalah syarikat-syarikat yang telah pun diletakkan di sama ada di *first board*, dengan izin ataupun *second board* yang

semua ini adalah syarikat-syarikat yang kaya. Saya kurang pasti kenapa syarikat-syarikat di bawah FMU ini telah diberi peruntukan yang sedemikian banyak sedangkan pekebun-pekebun kecil di Sabah yang mempunyai tanah yang tidak diberi peluang untuk menanam spesies getah ini. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, saya hendak menerangkan FMU ini, buat masa sekarang, dalam peringkat awal ini masih tidak diambil kira untuk skim ini. Maknanya mereka masih keluar dalam skim ini kerana melalui perbincangan dengan pihak kerajaan negeri Sabah ini maka kita ambil notis bahawa kerajaan negeri ingin hendak menolong dua agensi kerajaan yang terlibat dalam tanaman hutan itu iaitu 'soft woodier' dengan *Sabah Soft Wood*. Sebab itu, maka dalam peringkat awal ini kita hanya akan ambil kira permohonan daripada dua agensi ini dan FMU memang tidak diambil kira.

Jumlah keluasan kawasan tanaman ini dijangka akan meningkat kepada 100 ribu hektar sekiranya kerajaan menambah peruntukan bagi program penanaman ladang hutan selepas tahun 2008.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagikah?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tidak, tidak banyak lagi, hendak habis. Di samping terdapat seluas 1.2 juta hektar ladang getah sedia ada yang dapat membekal kayu getah kepada industri perabot melalui aktiviti penanaman semula berjadual di mana secara purata sebanyak 19 ribu hektar ladang getah yang ditanam semula setiap tahun sejak tahun 2001. Maknanya skim ini yang sudah kita jalankan sejak tahun 2001 itu akan terus membekalkan kayu getah kepada industri perabot.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada hari ini kebanyakan pokok durian dari kawasan ladang, kebun kecil serta kampung semakin banyak diproses untuk dijadikan perabot pintu kayu kumai, palet dan sebagainya. Di samping pokok durian, pokok-pokok lain juga diproses untuk pembuatan perabot dan pelbagai lagi produk berasaskan kayu seperti pokok kelapa, angsana, manggis dan pulai. Walau bagaimanapun pokok-pokok ini adalah ditanam oleh orang perseorangan atau syarikat dan jumlahnya adalah tidak besar.

Berkenaan dengan pemantauan harga pokok durian supaya tidak terlalu tinggi dan untuk memastikan bekalan pada masa akan datang..

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, sekejap ya. Pihak kementerian berpendapat bahawa harga sebenarnya adalah bergantung kepada keadaan semasa seperti mana yang berlaku ke atas pokok getah di mana pada hari ini harga susu getah telah melonjak tinggi dan akibatnya pekebun tidak bersedia untuk menebang pokok getah dan meletakkan harga yang tinggi bagi pokok-pokok getah yang hendak ditebang. Sila.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat tentang pokok-pokok yang amat sesuai untuk menjadi kayu kumai, perabot dan sebagainya. Saya ingin menyentuh tentang pokok pulai. Pokok pulai ini memang ia cepat membesar dan ia boleh tumbuh di mana-mana sahaja. Ia boleh tumbuh di paya, ia boleh tumbuh di hutan bukit, ia boleh tumbuh di tanah yang kurang segar. Jadi adakah perancangan kerajaan untuk menanam dan mempromosi pokok-pokok pulai ini kerana ianya boleh tumbuh lebih cepat lagi daripada pokok getah dan warna kayunya pun putih, keseragaman putih. Jadi ini yang paling menarik untuk membuat perabot dan lain-lain kegunaan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Memang pokok-pokok seperti ini akan diambil kira dalam peringkat kedua atau fasa kedua program tanaman hutan ini kerana kita tahu dalam peringkat pertama ini kita hendak tumpukan

kepada kayu getah sebab ia ada dua hasilan yang kita boleh dapati dari pokok itu – satu ialah susu getah, keduanya kayu getah apabila kita menebang pokok itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akan cuba spesies-spesies yang lain seperti yang kita dapati di dalam Malaysia ini – *Malaysian hard wood*, *Malaysian medium hard wood* dan *light hard wood* dan sebagainya. Semua ini adalah akan diambil kira untuk menjadikan bahan industri perabot di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bahawa kementerian saya melalui Lembaga Tembakau Negara telah mengenal pasti beberapa jenis tanaman alternatif.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat tidak payah tanyalah, kasi cepatlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ada sedikit, ada sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setujulah Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Hendak tanya?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hendak bagi sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang apa? Tentang apa?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ini tembakau ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ada sedikit iaitu saya bimbang dengan penebangan pokok-pokok besar iaitu pokok pulai dan pokok durian ini melibatkan sama pokok-pokok durian tua yang menjadi warisan kepada kita. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, di kampung saya, di bandar saya di Pasir Mas ada dua pokok yang begitu besar yang umurnya lebih 100 tahun iaitu pokok durian dan pokok pulai. Saya rasa pihak kementerian atau pihak kementerian yang lain seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan boleh pergi melihat supaya mengambil sedikit perhatian supaya ianya tidak ditebang untuk mengambil kayunya sebagai perabot. Satu pokok itu di kampung namanya Kampung Cina dan satu pokok pulai itu di kampung saya sendiri iaitu Kampung Slow Machang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh rujuk kepada kementerian berkenaanlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pokok pulainya berumur 100 tahun lebih dan pokok duriannya berumur 100 tahun lebih juga. Saya bimbang dan takut ia ditebang. Apa komen menteri?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua memang lebih tahu kerana bidang penebangan pokok itu memang dalam kuasa Jabatan Perhutanan kerana setiap pokok yang kita hendak tebang, pihak Jabatan Perhutanan perlu diberitahu atau memberikan keizinan kepada sesiapa sahaja. Yang saya sebut dalam jawapan saya memang pihak-pihak yang mempunyai pokok-pokok tertentu kenalah meminta kebenaran daripada Jabatan Perhutanan sebelum pokok tersebut ditebang.

Tuan Yang di-Pertua, antara tanaman alternatif bagi petani tembakau ini ialah diusahakan secara tanaman integrasi pada tahun 2005 ialah kenaf, padi, keledak, ubi kayu, jagung, tembikai dan herba. Kementerian saya mengambil maklum akan saranan Yang Berhormat untuk memperkenalkan tanaman integrasi lain seperti jagung madu, limau madu dan tembikai madu.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya pun mengambil maklum akan saranan daripada Yang Berhormat bagi Temerloh...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...mengenai perlu diwujudkan tanaman baru selain kelapa sawit...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat tidak payah tanyalah, Yang Berhormat. Teruskanlah.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...dan koko. Buat masa ini kementerian sedang mengkaji beberapa sumber pertumbuhan baru seperti kenaf dan sagu untuk dibangunkan dan dimajukan supaya dapat membantu menjana sektor pertanian sebagai salah satu sumber pendapatan negara.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tambah tadi. Saya tetap menyokong apa yang menteri cakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya sebenarnya apabila jadi wakil rakyat apabila ada aduan, ada tidak puas hati, rungutan daripada rakyat terpaksa saya bawa. Maka dengan sebab itu kita berterima kasih kerana kementerian telah memulakan *exit scheme*.

Bagi saya tanaman integrasi itu adalah satu benda yang baik. Kalau kita kenaf, benda ini baru hendak muncul, baru mula dan kelapa, padi, jagung madu, labu madu kita boleh tambah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, apa soalnya?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tetapi saya minta supaya tembakau ini kita akan tutup cerita, gulung tikar bantal, kuburkan dia, sebagaimana di bawah akta itu, 2015.

Cuma kekalkan dahulu subsidi kepada tempatan tembakau jangan turun harga. 2006 sudah turun satu ringgit, 2007 seringgit jadi kekalkan dahulu kerana kita hendak alih satu-satu benda mestilah kita ambil alternatif. Ini tugas kerajaan. Bagi saya, saya cukup mengalu-alukan tanaman integrasi.

Yang keduanya tolong selesaikan hutang piutang sedikit kerana *interest* duduk kena di atas pinjaman pokok. Jadi itu sahajalah saya merayu kepada menteri kerana saya terpaksa menghadapi rakyat apabila balik kawasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang 4.30 sampai 12.30 tengah malam hanya ada lima jam setengah ada tujuh buah kementerian untuk kita selesaikan. Sila.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Dua minit sahaja akan habis. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh saya hendak terangkanlah kita memang terus berusaha untuk menolong petani-petani tembakau itu kerana kita tahu ada masa satu hari nanti industri tembakau ini akan kita tidak diperkembangkan lagi di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini saya ingin juga menegaskan bahawa kementerian saya telah mengambil maklum akan segala pandangan, usaha dan saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai kementerian saya serta agensi-agensinya di bawahnya akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Yang Berhormat sila.

4.32 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan.

Di dalam kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Ghafar Baba yang telah kembali ke rahmatullah pada hari Ahad yang lalu. Saya yakin seluruh rakyat Malaysia turut bersedih dan pilu atas pemergian Allahyarham seorang pemimpin ulung yang dikenali sifat merendah diri.

Rakyat Malaysia di negeri Sabah khususnya ahli-ahli UMNO juga turut merasakan kehilangan seorang tokoh negarawan yang telah banyak menabur jasa kepada negara, bangsa serta Parti UMNO khasnya. Saya masih ingat semasa UMNO mula dilahirkan di negeri Sabah waktu itu saya selaku Ketua Pergerakan Pemuda Negeri yang mana Allahyarham Tun Abdul Ghabar Baba sebagai Pengerusi Perhubungan Negeri yang pertama yang telah diamanahkan untuk mengembangkan sayap UMNO ke negeri Sabah. Beliau amat berjasa di dalam membela umat Melayu dan bumiputera di negeri Sabah sehingga membolehkan landasan perjuangan orang Melayu boleh dibawa ke seluruh pelosok negeri Sabah bukan hanya kepada orang Melayu tetapi juga pada masa yang sama telah memainkan peranan di dalam menyatukan seluruh umat bumiputera di negeri Sabah.

Allahyarham Tun Ghafar bolehlah saya gelar sebagai seorang tokoh negarawan pemudahcara. Saya masih ingat lagi pada setiap kali mesyuarat di Pengerusikan oleh Allahyarham Tun Ghafar. Setiap kali berdepan dengan cabaran dan masalah, saya sering melihat bahawa beliau selalu mengambil langkah yang mudah untuk mengelakkan sebarang pertelingkahan mahupun percanggahan dengan dasar-dasar serta perancangan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan serta parti.

Apa yang penting kepada Allahyarham Tun Ghafar ialah pada apa juga bantuan yang diperlukan oleh rakyat haruslah dipermudahkan agar ianya dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Pada masa yang berkenaan saya juga turut berpeluang untuk menyertai Allahyarham Tun Ghafar Baba bergerak ke seluruh pelosok negeri Sabah untuk memperluaskan penerimaan UMNO ketika itu dan saya mendapati setiap kali beliau berucap mesej yang disampaikan oleh Allahyarham adalah mesej yang mudah difahami oleh rakyat.

Alhamdulillah pada hari ini kita semua tahu UMNO telah bertapak kukuh di Sabah dan boleh di terima oleh masyarakat pada keseluruhannya. Kita berdoa ke hadrat Allah S.W.T memohon agar dicucuri rahmat ke atas rohnyanya dan semoga Allahyarham Tun Ghafar Baba ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh peranan dan fungsi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sejumlah 7 orang Ahli Yang Berhormat telah bangun dan memberi pandangan serta mengajukan soalan mengenai kementerian dan agensi di bawahnya.

Semua isu yang dibangkitkan sangat penting bagi kementerian menjalankan tugas dengan cemerlang dan sudah tentu pihak awam ingin mengetahui tentang prestasi dan keupayaan kementerian menangani isu tersebut dengan berkesan. Saya juga ingin menegaskan bahawa selaku pimpinan kementerian saya memegang prinsip penuh bertanggungjawab ke atas segala apa yang berlaku dalam kementerian dan mendapat sokongan padu dari semua pegawai dan anggotanya. Kerjasama yang diperolehi cukup

padu serta tidak berbelah bahagi dan begitu juga sokongan kementerian terhadap semua dasar harapan pimpinan negara.

Saya akan mengambil peluang ini untuk menyentuh dan menjelaskan satu persatu isu, pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuduhan terhadap SSM yang dikatakan tidak mematuhi arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat bagi Johor Bahru telah membangkitkan tentang tindakan Suruhanjaya Malaysia yang telah menghantar pegawai bahawa dan bukan ketua seorang organisasi ke Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi berkaitan tadbir urus korporat yang ditubuhkan atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Pandangan yang dibangkitkan ini seolah-olah menyatakan SSM tidak menghormati hasrat dan cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa kementerian sentiasa menyokong dan mendukung dasar dan program kerajaan. Pandangan bahawa kementerian tidak menghormati dan tidak menyokong keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tidak benar sama sekali. Terdapat dua buah jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu satu jawatankuasa tertinggi berkaitan dengan tadbir urus korporat dan mesyuarat tiga hala ataupun *three parted meeting*. Dan kedua-duanya di anggotai Suruhanjaya Sekuriti (SSM) dan Polis Diraja Malaysia. SSM telah diwakili oleh pengerusi dan pegawai kanan dalam dua Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi sementara bagi satu lagi mesyuarat telah dihadiri di mana notis mengenainya telah dikemukakan sebelum mesyuarat diadakan atas sebab urusan bersama menteri.

Mesyuarat tiga hala pula berbentuk teknikal dan melibatkan pegawai yang lebih spesifik mengenai sesuatu isu yang dibincangkan. Di sini saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa semua mesyuarat yang diadakan telah diwakili oleh pegawai kanan SSM. Begitu juga pihak PDRM juga telah menghantar pegawai kanan kerana merekalah yang lebih mengetahui subjek *matter* yang dibincangkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Johor Bahru juga telah membangkitkan aduan seorang rakyat yang mendakwa SSM telah gagal menjawab langsung aduan bertulis yang dihantar dalam tempoh 12 bulan. Saya amat memandang berat tuduhan ini dan ianya boleh merosakkan semua kejayaan yang telah dicapai oleh SSM dalam jangka masa yang singkat semenjak ianya ditubuhkan. Perlu untuk saya jelaskan bahawa tuduhan ini adalah tidak benar. Di sini saya ingin memberi fakta dan bukti jelas. Oleh sebab Ahli Yang Berhormat tidak menyebut secara spesifik tempoh 12 bulan iaitu dari tarikh mana ke tarikh mana jadi saya mengemukakan bukti yang ada pada SSM sahaja.

Untuk makluman Dewan, aduan dari individu yang dimaksudkan telah diterima pada 26 Februari 2004 dan balasan pertama terhadap aduan tersebut telah dibuat pada 1 Mac 2004, menyatakan aduan berkenaan akan disiasat dan siasatan akan dikemukakan kepada pengadu. Dari tarikh 1 Mac 2004 hingga 20 Mac 2006 yakni selama tempoh 24 bulan lebih 10 bentuk komunikasi telah berlaku di antara pengadu dan SSM dalam bentuk surat-menyurat, perjumpaan dan lain-lain. Sejumlah lima pucuk surat telah dihantar kepada pengadu memaklumkan kedudukan aduannya. Sekarang kes masih lagi berada pada pihak mahkamah. Si pengadu juga telah hadir di SSM sebanyak tiga kali untuk mendapat bantuan pegawai SSM berkaitan kes yang sama dan penjelasan terperinci telah diberikan kepada beliau. Kes ini adalah salah satu daripada beribu-ribu kes yang dikendalikan SSM dan sudah tentu ianya tidak dapat memberi segala tumpuan kepada seorang individu sahaja. Bukti yang saya kemukakan jelas menunjukkan bahawa pandangan terhadap SSM adalah tidak benar. Malah SSM telah membantu si pengadu dengan ikhlas dan terbuka.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Johor Bahru yang mengambil berat tentang hal ehwal SSM kerana ramai di antara kita juga kurang jelas dengan peranan penting yang dimainkan oleh SSM untuk pembangunan perniagaan dalam

negara. Dalam masa yang sama, saya dapat memberi jawapan serta bukti mengenai tangkapan bahawa SSM tidak memainkan peranan atau telah membelakangkan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat bagi Petra Jaya telah membangkitkan tentang penggabungan di antara SSM dan Suruhanjaya Sekuriti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini. Saya ingin menegaskan juga bahawa Kementerian Akur dengan keputusan pimpinan kerajaan mengenai apa jua bentuk cadangan yang mendatangkan manfaat kepada rakyat dan negara.

Bagi memperjelaskan isu yang dibangkitkan itu, ingin saya menerangkan tentang peranan SSM berbanding AC agar ia dapat difahami dengan jelas. Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM hasil daripada penggabungan pendaftaran syarikat dan pendaftaran perniagaan telah beroperasi sejak 16 April 2002 iaitu selama 3 tahun. Sebagai badan yang telah digabungkan ini, SSM bertanggungjawab menyelia seluruh spektrum perniagaan dari proses pendaftaran, implementasi dan operasi sejumlah kira-kira 720 ribu syarikat dan hampir 3.1 juta perniagaan.

Kementerian menyelia pelaksanaan tugas SSM agar ia dapat mencapai objektif penubuhan iaitu merangsang pembangunan perniagaan dalam negara terutamanya peniaga-peniaga kecil dan penjaja yang merupakan sebahagian besar daripada 3.1 juta perniagaan. Begitu juga keadaannya di mana Kementerian dalam menjalankan fungsi memajukan dan membangunkan perdagangan dalam negeri sangat bergantung kepada data base dari SSM untuk merancang dan melaksanakan tugas tersebut. Pada masa sekarang SSM telah mencapai banyak kejayaan melalui perancangan dan *pragmatic* dan mengambil kira keperluan masa depan. Misalnya banyak sistem penyampaian perkhidmatan atau *service delivery* telah dilaksanakan secara *on line* dan mesra pelanggan, kadar pematuhan syarikat telah ditingkatkan dari 43% pada 2003 kepada 64% pada 2004 dan seterusnya 71% pada tahun 2005.

Dalam tahun 2005 sahaja SSM mendaftar hampir 157 ribu syarikat dan perniagaan dan mengeluarkan kira-kira 48 ribu kompaun kesalahan terhadap syarikat dan peniaga yang diperiksa. Langkah melalui kaedah undang-undang disokong dengan khidmat nasihat yang diberikan kepada usaha penubuhan perniagaan dan memperbesar perniagaan. Penawaran perkhidmatan oleh SSM telah juga diperkasakan supaya kesan yang optimum diperolehi. Saya berpuas hati dengan kesan pergantungan antara Kementerian dan SSM yang memberi pembelaan kepada berjuta syarikat dan peniaga kecil yang memerlukan bimbingan dan panduan supaya terus maju bagi mencapai Wawasan 2020.

Secara ringkasnya gandingan yang berfaedah ini sangat penting bukan sahaja dalam negara mencapai kemajuan tetapi juga menyaingi negara-negara lain di pasaran global. Sekiranya diteliti peranan SSM dan AC sememangnya tidak bertindih malah melalui Pindaan Akta Syarikat 1965 yang dibuat pada tahun 2000 di bidang kuasa SSM dan AC telah diasingkan. AC bertanggungjawab untuk menjana modal dan pasaran saham dan menyelia kira-kira 1,000 syarikat yang tersenarai di bawah Bursa Saham Malaysia seperti saya jelaskan lebih awal bahawa Kementerian menerima cadangan yang boleh membawa kebaikan dan bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak bagi mencapai tujuan tersebut.

Berhubung kait dengan kekurangan kapasiti PKS bersaing di pasaran tempatan atau kemasukan pasaran dunia, di Dewan yang mulia ini saya tidak lupa kepada isu yang dibangkitkan ahli

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang SSM, saya ada terbaca laporan baru-baru ini sahaja bahawa kerajaan ada perancangan untuk merombak SSM atas sebab beberapa kelemahan sebagai mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan cadangan yang katanya dalam perancangan itu termasuklah antaranya meletakkannya atau menyelaraskannya dengan AC itu. Adakah maklumat yang kita baca dalam satu laporan akhbar ini tidak tepat sama sekali kalau mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Apa yang saya katakan Yang Berhormat daripada Tumpat seperti yang saya jelaskan bahawa peranan AC dan SSM agak jauh berbeza. AC seperti yang kita sebutkan yang kita sedia maklum ia terlibat dan bertanggungjawab tentang urusan syarikat-syarikat yang didaftarkan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan berperanan untuk menjana *capital base*. Manakala bagi SSM ia melibatkan pendaftaran syarikat-syarikat sendiri berhad yang berkemungkinan tidak berniat untuk hendak memasukkan syarikat itu sebagai syarikat yang berdaftar di Bursa Saham.

SSM juga terlibat dalam menyenaraikan *business entity* seperti peniaga kecil PKS dan juga peniaga-peniaga kecil penaja-penaja di seluruh negara daripada Perlis sampai ke negeri Sabah. Jadi apa yang saya katakan bagi kementerian saya pun sudah maklumkan supaya penjelasan ini perlu diketengahkan untuk membolehkan bahawa kalau dapat dipertimbangkan mana kebaikan yang dapat kita perolehi untuk kepentingan negara dan kepentingan rakyat kita dan kita akan akur kalau sekiranya perkara ini membolehkan dengan penggabungan ini mendaulatkan lagi kapital sistem. Kita akan akur dengan keputusan itu. Tetapi apa yang telah dibangkitkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Johor itu, apa yang saya katakan bahawa peranan AC dengan SSM jauh perbezaannya dan saya yakin bahawa seharusnya AC hanya memantau peranan berhubung kait dengan syarikat-syarikat yang ada hubung kaitnya dengan Bursa Saham Kuala Lumpur, itu yang saya katakan tadi.

Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan, di Dewan yang mulia ini saya tidak lupa kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang membangkitkan kekurangan kapasiti pengusaha kecil dan sederhana atau PKS untuk bersaing di pasaran tempatan atau memasuki pasaran dunia. Ingin saya jelaskan bahawa usaha membangunkan PKS tidak terletak di bawah kementerian saya dan peranan kementerian adalah mencari peluang *ekses* pasaran produk kepada PKS. Pihak kementerian menggunakan kerjasama dengan pengusaha-pengusaha *hypermarket* yang mempunyai rangkaian tempatan antarabangsa untuk mendapatkan *ekses* penting ini.

Tiga syarikat utama telah dikenal pasti bagi menjayakan usaha sama ini iaitu pihak Giant, Carrefour dan TESCO. Bagi mencapai objektif memperluaskan peluang pasaran, kementerian mempunyai dua pendekatan iaitu pertama melalui promosi PKS di pasaran tempatan. Keduanya meluaskan pasaran barangan PKS di peringkat global. Promosi di pasaran tempatan mempunyai tema yang tersendiri yang diberikan, nama Produk Malaysia Cita Rasa Kita dilaksanakan di *hypermarket* di lokasi dalam negara sejak tahun 2005 dan sejumlah 6 promosi dirancangan pada tahun ini. Selain promosi yang terancang, terdapat banyak lagi usaha sama antara badan PKS dengan pengusaha *hypermarket* melalui program yang dianjurkan oleh kementerian.

Di peringkat antarabangsa, promosi dibuat di atas tajuk Cita Rasa Malaysia ataupun dengan izin, *taste of Malaysia* dan menggunakan rangkaian pengusaha *hypermarket* untuk menembusi pasaran dunia. Sebagai contoh kerjasama dengan syarikat Giant telah dihasilkan dua aktiviti promosi iaitu pertama di Hong Kong dan keduanya di Singapura. Kedua-dua promosi tersebut telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2005. Melalui dua promosi ini lebih daripada 100 PKS dengan kira-kira 500 produk mendapat faedah terlibat dan sebahagian besar daripada mereka telah berjaya menembusi pasaran di tempat tersebut. Promosi di Dubai dengan syarikat Carrefour pula akan diadakan pada penghujung bulan April tahun ini dan dua lagi lokasi telah dikenal pasti iaitu di Jakarta dan di London. Isu garis panduan perdagangan pengedaran yang dikatakan akan mengurangkan daya saing negara.

Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah membangkitkan tentang garis panduan perdagangan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Puchong bangun.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *Can I finish this one* dengan izin. Saya hendak habiskan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga telah membangkitkan tentang garis panduan perdagangan pengedaran yang dikatakan boleh mengurangkan daya saing negara dan perhatian kepada amalan-amalan perdagangan yang tidak adil.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai rancangan untuk memperkembangkan PKS melalui syarikat Carrefour, TESCO dan Giant. Sedarkah Yang Berhormat bahawa di kawasan bandar-bandar ataupun di kawasan pinggir bandar kerana kemunculan supermarket-supermarket ini ataupun *hypermarket* ini telah mempengaruhi pengusaha-pengusaha kecil-kecilan seperti *mini market* ataupun kedai-kedai runcit di kawasan pinggiran bandar dan bandar ini.

Adakah Yang Berhormat selain daripada kita memperkembangkan pengusaha-pengusaha PKS ini melalui *hypermarket* ini, apakah rancangan Yang Berhormat untuk membantu pekedai-pekedai ataupun pengusaha-pengusaha kedai runcit ataupun *mini market* ini di kawasan-kawasan di mana bagi saya pengusaha ini ramai. Dengan kemunculan *hypermarket* ini maka perniagaan mereka mesti terjejas dengan ini.

Saya difahamkan ramai mereka ini sedang mengalami masalah yang sangat-sangat serius di mana satu tindakan yang lebih berkesan diambil oleh kementerian. Saya percaya ramai mereka akan gulung tikar. Saya hendak tanya apakah usaha kementerian untuk membantu mereka ini yang telah memulakan peniaga mereka ini semenjak bertahun-tahun yang lalu.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sekali, sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang mana Yang Berhormat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Hulu Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tambah sedikit berkenaan masalah PKS ini tadi. Betul ada usaha-usaha daripada pihak kementerian untuk menggalakkan PKS menceburi bidang yang diterajui oleh *hypermarket* ini tetapi dari segi realitinya dari segi keadaan sebenarnya, barang-barang PKS ini oleh kerana *packagingnya* tidak menarik, oleh kerana tidak ada daya tolakan atau pengaruh daripada pengusaha-pengusaha PKS ini kita hanya mengharapkan tekanan daripada pihak kerajaan, barang-barang ini dipamerkan di ceruk-ceruk, di sebelah belakang, langsung tidak mendapat tempat yang menarik untuk menarik minat pelanggan.

Akhirnya barang ini tidak laku. Apabila tidak laku, tamat tarikh tempoh penggunaan ia lupus dan dibuang dalam tong sampah dan mereka ini hanya mengeluarkan modal tanpa mendapat apa-apa faedah daripada itu. Lagi satu, kebanyakan mereka ini diberi tempat di kaki-kaki lima misalnya. Tempat yang tidak menarik dengan bayaran deposit, bayaran

sewa yang cukup tinggi yang hingga orang-orang PKS ini tidak berupaya untuk membantu. Ini mendatangkan kesan.

Di satu kementerian yang lain Kementerian Pembangunan Usahawan kita ingin membantu tetapi di sebelah kementerian yang lain macam seolah-olah menyebabkan mereka ini mati dan berkubur tanpa nisan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, hasrat kerajaan hendak membantu peniaga kecil, IKS ini tentang masa depan mereka sedangkan kalau melihat *hypermarket* ini seperti Carrefour, Giant ini dia beli barang satu kilang, Buah-buahannya, berasnya, lada, asamnya dia boleh beli dalam blok yang begitu besar sekali.

Persoalannya adakah sebelum satu-satu lesen itu diberikan kepada Carrefour ataupun Giant ini adakah kementerian bertanggungjawab untuk mengkaji kawasan persekitarannya? Berapa banyak *mini market*, berapa banyak kedai runcit dan sudah tentu kehadiran Carrefour ini akan membunuh yang sudah pasti membunuh dan terbukti terbunuh akibat daripada *hypermarket* ini dan apakah kriteria lesen yang diberikan.

Selepas daripada ini adakah misalnya dalam kampung di Kubang Kerian sebagai contoh, yang ada beratus-ratus kedai runcit sebagai contoh. Di Ketereh, ada beratus-ratus kedai runcit, Pak Mat, Pak Dolah, Pak Chu ini adakah bila masuk permohonan ini, kementerian terus meluluskan lesen ini. Kalau macam itu setiap kampung habis. Jadi, saya minta kementerian lebih bertanggungjawab pada masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Puchong, Hulu Langat dan juga Kubang Kerian yang telah membangkitkan masalah yang sama. Sebenarnya dalam jawapan ini akan saya perelaskan tentang garis panduan. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sabar maka dengan itu hendak jelaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat garis panduan yang berkaitan perdagangan pengedaran adalah merupakan satu set peraturan industri-industri iaitu *industry regulations* dengan izin dan tidak ada kena dengan daya saing iaitu berhubung kait dengan Ipoh Timor tadi.

Manakala garis panduan ini merupakan kawalan agar syarikat-syarikat berkepentingan hasil tidak mempunyai kelebihan, tidak adil *unfare advantage* ke atas syarikat tempatan disebabkan kekuatan rangkaian dan saiz mereka. Adalah melalui pendekatan sebegini pembekal tempatan seperti PKS tidak diketepikan dan disisihkan di pasaran. Selain itu dari segi pengambilan tenaga kerja pula, tidak memberi kelebihan kepada pekerja asing tetapi memberi peluang kepada tenaga kerja tempatan termasuk pekerjaan tanpa kemahiran.

Bagi menjawab berhubung kait dengan apa yang difikirkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat, Puchong dan juga Kubang Kerian bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kudat, kementerian sedar tentang persaingan dibawa oleh pengusaha *hypermarket* seperti Giant, Carrefour dan TESCO terhadap peniaga tempatan.

Sebenarnya pengusaha *hypermarket* dikenakan beberapa syarat yang tidak membolehkan mereka memasuki perniagaan yang boleh menjejaskan peniaga tempatan. Mereka cuma dibenarkan beroperasi di beberapa lokasi khususnya di bandar-bandar, tidak boleh beroperasi dalam premis kurang daripada 2,000 meter persegi dan mempunyai syarat ketat sebelum mendapat kelulusan. Kita bukan membuta tuli seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian hendak bagi kelulusan dia pohon, lepas itu kita bagi kelulusan. Dia ada kriteria dia.

Kita hendak selidik dan kita tahu bahawa *hypermarket* ini kalau kita melihat trend di peringkat dunia, dahulu apa yang berlaku di negara kita juga dialami di negara-negara yang sudah membangun di Barat. Dia bergantung kepada peniaga-peniaga kecil pada

peringkat dahulu 50 tahun atau 60 tahun yang lalu. Tetapi dia berubah dasar perdagangan *distributor trade* di negara tersebut dengan izin dan sehingga dapat dimatangkan sistem perdagangan di negara-negara tersebut iaitu mereka juga menjurus ke arah melihat kepentingan pengguna.

Kita mempunyai kepentingan pengguna 26 juta penduduk negara kita. Kepentingan peniaga kecil bukanlah sebesar 26 juta. Tetapi dalam pada itu kita tidak berniat untuk mengetepikan mereka seperti yang disebutkan tadi. Bila ada *hypermarket*, mereka membeli barangan secara kelompok yang besar dengan ekonomi yang *super scale* yang ada. Mereka berupaya membeli barangan yang lebih murah dan akhirnya murah barangan itu dapat ditawarkan ke pasaran demi untuk kepentingan masyarakat kita. Barang yang dibeli oleh hypermarket kerana datangnya keseluruhannya daripada negara-negara asing.

Dengan adanya *hypermarket* contoh di Kuala Lumpur pada hari ini, keluaran daripada Kelantan dapat dipasarkan. Masyarakat luar bandar yang dahulu tidak berangan-angan tidak berupaya untuk memiliki pasar raya yang besar mungkin dalam jangka masa 20 tahun atau 30 tahun mungkin mereka tidak akan berupaya. Tetapi dalam pada itu adakah kita selaku kerajaan menidakkan sepanjang masa bahawa keupayaan mereka mengeluarkan barangan ini tidak dapat menembusi pasaran di bandar-bandar besar di negara kita oleh kerana ketidakupayaan mereka memiliki premis harga dia yang begitu besar.

Alhamdulillah dengan adanya *hypermarket*, pengeluaran kecil contohnya saya hendak bagi contoh penanam sayur daripada Negeri Sembilan – Kanaboi, apa kanaboi? Dia menanam sayur dia dapat dipasarkan di Carrefour bukan hanya dijual di Negeri Sembilan, bukan hanya dijual di Kuala Lumpur, malah dijual di negara-negara seperti Singapura.

Saya membuat lawatan ke Hong Kong, barangan yang kita tawarkan daripada negeri Sarawak, kerepek sagu menjadi pasaran yang boleh diterima, barangan yang boleh diterima di pasaran ini oleh kerana rangkaian yang ada. Kita tidak boleh bergantung dengan hanya pasaran tempatan 26 juta. Kita lihat mereka yang mempunyai rangkaian, kita hendak bagi kelulusan, kita teliti terlebih dahulu di peringkat negara kita.

Tetapi hendak bagi kelulusan ada syarat dia, mesti bawa barangan kita bukan hanya dijual di Malaysia tetapi dijual di rangkaian yang mereka ada Carrefour di French, TESCO di United Kingdom, Giant di Hong Kong, di Singapura di Thailand dengan ada rangkaian kita mahu mestikan mereka mengenakan syarat supaya barangan ini diambil dan dijual di negara kita tetapi diperluaskan. Ini telah banyak memberi faedah kepada pengusaha kecil dan sederhana di peringkat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hulu Langat bangun Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Peraturan atau *rulling* yang dibuat oleh kementerian berkenaan dengan penubuhan *hypermarket* ini memang cantik dalam buku. Cantik ketika dalam mesyuarat. Cantik ketika ingin disampaikan pengusaha-pengusaha ini.

Saya tidak bimbang tentang *hypermarket* yang ditubuhkan di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, *even* di bandar Seremban dan sebagainya tetapi saya ingin berikan contoh, di bandar Kajang, Yang Berhormat, kita ada dua *hypermarket* di situ satu *hypermarket* TESCO dan satu lagi *Giant*. Bandar Kajang tidak ada tanah sebesar 20,000

kaki seperti yang dikehendaki, jadi mereka membuat *hypermarket* ini di depan hidung peniaga runcit di Sungai Kantan yang lebih kurang dua kilometer daripada bandar Kajang dan satu lagi *Giant* yang lebih kurang empat kilometer daripada bandar Kajang. Dia buat di luar daripada bandar Kajang, daripada tumpuan sebenarnya kerana dia ingin mendapat pelanggan-pelanggan sebenarnya daripada luar bandar dan bukan daripada dalam bandar.

Ini sebenarnya membunuh peniaga-peniaga runcit yang dulunya kita bantu melalui pelbagai skim yang sekarang "mati", yang mengeluarkan modal begitu untuk meningkatkan perniagaan mereka juga "mati" akibat persaingan yang tidak sihat ini. Jadi, saya mintalah perhatian daripada kementerian mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Menteri.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Masalah yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang yang bangun, Tanah Merah dan Kubang Kerian.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian dulu.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Saya bersetuju dengan hujah daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi. Ini contoh bagaimana kalau di bandar-bandar besar pun kita akan membunuh peruncit-peruncit kecil ini. Contoh yang paling nyata di depan mata, di *Giant* Batu Caves. Dalam kertas, okey, memang ada kriteria yang perlu dipatuhi tetapi kita melihat peniaga kecil India di Batu Caves dan peniaga kecil Melayu di Greenwood dalam persekitaran 25,000 kaki persegi yang "mati". Adakah orang *check* mereka "mati"? Saya mengharapkan supaya kementerian dapat melihat kes-kes yang telah terbukti ini dengan serius sebagai tidak berterusan membunuh peniaga-peniaga kecil ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita boleh melihat perkara ini dari sudut sama ada kepentingan peniaga kecil ataupun kepentingan pengguna kerana dengan kewujudan *hypermarket* ini sudah pasti pengguna dapat dua pilihan, sama ada menggunakan *hypermarket* untuk membeli belah ataupun menggunakan kedai-kedai runcit atau peniaga-peniaga kecil. Saya berpendapat bahawa *hypermarket* ini boleh membantu kerajaan dari segi mengawal harga barangan terutamanya semasa kenaikan harga minyak di mana kenaikan harga barang ini sukar dibendung terutamanya di bandar-bandar kecil yang mana ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Contohnya harga gula di tempat saya. Dengan kenaikan harga minyak sehinggakan pekedai runcit ini menjual dengan harga RM2 bagi satu kilogram. Saya memberikan pandangan supaya *hypermarket* ini boleh diteruskan dan kita mensyaratkan supaya TESCO, *Giant* dan juga *Carrefour* tidak membangunkan *hypermarket* pada satu tempat yang sama. Kita cari lokasi-lokasi yang strategik contohnya di Kelantan; Pasir Mas, Tanah Merah, Machang dan Jeli, kita adakan satu *hypermarket* ataupun mini *hypermarket* supaya rakyat ataupun pengguna mendapat pilihan untuk mendapatkan barangan dengan harga yang berpatutan dan munasabah.

Saya tidak fikir bahawa kita memikirkan hanya pekedai runcit yang berjumlah hampir 2 juta dengan penduduk ataupun pengguna yang berjumlah 24 juta. Saya berpandangan supaya penelitian dan syarat diberikan kepada *hypermarket* ini diberikan pertimbangan sewajarnya supaya kita dapat manfaat secara besar-besaran.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Tanah Merah memperjelaskan dengan secara terperinci apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan juga Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Memang kita akui bahawa barangan yang dijual di

hypermarket bukan barangan asing. Ia ada keluaran IKS, PKS - keluaran rakyat Malaysia. Pekerja yang bekerja di *hypermarket* bukannya orang asing, ia rakyat tempatan.

Dengan adanya *hypermarket* ini *accessibility* dengan izin, terhadap barangan kita dapat dijayakan dan di samping itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah iaitu kepentingan pengguna. Kalau kita dapat melihat bagaimana negara-negara yang maju berupaya berhadapan dengan keadaan peningkatan harga minyak rakyat berhadapan dengan barangan meningkat dua kali hingga empat kali ganda tetapi oleh kerana adanya peniaga peruncitan sama ada kecil atau sederhana berupaya melahirkan perkhidmatan yang cukup kompetitif, yang berupaya mengeluarkan barangan dengan lebih efisien, maka ia juga dapat mengeluarkan barangan yang harganya berpatutan, kalau tanpa adanya saingan daripada *hypermarket*. Saya yakin contohnya di kawasan saya sendiri, di Semporna, saya hendak berikan perbezaan harga. Satu jenis barangan harga yang dijual oleh peruncit di situ dalam lingkungan RM9.50 sen, saya dapati di Kuala Lumpur...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: ...harganya dalam lingkungan RM3.50. Cukup besar perbezaannya. Siapakah yang kita hendak jaga? Saya akui, adakah dua ribu ataupun adakah dari segi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat peruncit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah fasal *hypermarket* ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah fasal *hypermarket*.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak, ini cerita lain. Ada kaitan tetapi benda lain. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya dalam proses perkembangan masa, salah satu cabaran yang cukup serius di kalangan penjual-penjual runcit ini dan juga *hypermarket* perbezaannya adalah berkaitan dengan taraf dan piawaian bahan makanan yang dijual. Contohnya ada sayur-sayuran yang telah ditolak oleh Singapura dan beberapa negara lain, mungkin daripada Cameron Highlands akibat daripada penggunaan racun yang tidak mengikut piawaian yang ditentukan oleh badan-badan antarabangsa dan juga negara-negara tertentu.

Cabaran kita, katakan barang-barang yang dijual di peringkat pasar malam, pasar tani, taraf kesihatannya masih belum terjamin dan kita tidak mempunyai satu mekanisme untuk memastikan bahawa taraf itu dapat dijaga. Dengan munculnya *hypermarket* yang memberi kepentingan kepada standard kesihatan, standard pengeluaran dan juga menjamin supaya barangan yang dijual itu ada mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada adalah satu amalan yang lebih sihat berbanding dengan apa yang berlaku di bawah. Maka mungkin berlaku satu konflik antara penjualan di peringkat itu dan peringkat *hypermarket*. Bagaimanakah kementerian dapat menangani perkembangan baru ini? Kalau tidak dalam lima tahun lagi kita akan ketinggalan. Barangan kita tidak boleh dijual di luar negara dan juga dalaman kerana *law consciousness* rakyat semakin meningkat. Minta pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat gulunglah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Memang saya akui bahawa perkara ini juga kita ada bincang. Saya sudah buat pertemuan dengan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pada minggu yang lalu dengan penanam-penanam sayur di situ, bagaimana untuk kita dapat membantu mereka kerana satu pasarannya tidak ada mereka perolehi, yang mana munasabah.

Saya berikan contoh, tomato harganya di peringkat Cameron Highlands 90 sen, keluar - *ex-farm* bila sampai ke pasaran harganya RM3.90. Pengguna, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kalau hendak beli tomato kena bayar RM3.00 *extra*. Siapa yang hendak bayar? Siapa yang untung? Orang tengah. Orang tengah ini di pasaran-pasaran tertentu. Malahan dalam konteks kita hendak memastikan bila hendak mengeluarkan ataupun mendapat akses di *hypermarket* ini ada kualitinya yang kita tekankan dari segi supaya penggunaan *fertilizer* tidak berlebihan. Kalau barangan - bungkusan, *packaging* menarik, macam pengalaman kita yang kita bawa ke Hong Kong dan ke Singapura ia dapat mempertingkatkan keupayaan EKS kita di peringkat akar umbi. Hypermarket bukan dimiliki sepenuhnya oleh orang asing. Giant...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, hypermarket ini isu lama. Saya ingat gulunglah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: KWSP, Carrefour, TESCO, Sime Darby.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama kementerian sedar bahawa pengguna berhak ditawarkan barangan berharga rendah dalam suasana yang selesa di samping menggunakan persaingan untuk perniagaan tempatan terus maju dengan menggunakan sistem dan teknologi yang menguntungkan mereka.

Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah menyentuh tentang perjanjian sulit dan lain-lain amalan perniagaan yang tidak adil. Kerajaan telah pun meluluskan pelaksanaan dasar amalan perdagangan adil dan juga diadakan satu rang undang-undang untuk tujuan ini. Melalui dasar dan akta amalan perdagangan adil ini, amalan-amalan seperti anti persaingan, *cartel*, percututan, *price fixing* dan lain-lain akan mendapat perhatian dan diambil tindakan.

Sebagai sebuah negara yang prihatin terhadap kedudukan perniagaan tempatan kementerian berpendapat bahawa amat penting diwujudkan satu *level plain peel* dengan izin dan persaingan yang subur dalam ekonomi. Ketika menjawab satu soalan pada 6 April tahun 2006, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Sulaiman telah menyatakan cadangan kerajaan mengurangkan penggunaan diesel dan mencari bahan pembakar alternatif bagi menjaga alam sekitar. Antara lain ialah cadangan agar kerajaan mengenal pasti *biofuel* dan *bio-diesel* serta penggunaan NGV sebagai bahan pembakar api.

Saya ingin memaklumkan kementerian ini turut mendukung hasrat kerajaan itu kementerian juga melaksanakan matlamat kerajaan untuk menggalakkan penggunaan NGV bagi teksi kerana dapat mencegah pencemaran alam. Bagi merealisasikan matlamat ini kerajaan telah memutuskan agar sejumlah 200 stesen NGV bakal menawarkan perkhidmatan menjelang tahun 2010. Menyentuh tentang pengguna diesel pula kerajaan sedang menimbang cadangan mengadakan penandaan diesel melalui teknologi NanoTech walaupun pada dasarnya kerajaan bersetuju namun perancangan yang rapi perlu dilakukan agar ianya dapat memberi kesan maksimum. Pelaksanaan penandaan diesel bersubsidi boleh mengurangkan dan membanteras penyelewengan dari sektor nelayan dan stesen minyak kepada sektor lain yang membeli dengan harga yang lebih tinggi.

Untuk menjawab isu mengenai dengan cadangan memperluaskan penggunaan NGV ke Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Lanang, ingin saya maklumkan bahawa setakat ini kerajaan belum mempunyai hasrat berbuat demikian. Namun begitu perkara ini perlu diteliti kerana kos pelaburan di stesen NGV amat tinggi dari segi infrastruktur dan kemudahan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri, sebentar tadi sebut tentang NGV itu, saya ingin bertanya ya. Terengganu adalah merupakan negara pembekal minyak dan di Terengganu tidak ada lagi pusat-pusat di mana dapat dibekalkan kemudahan NGV. Apakah ada dalam perancangan Yang Berhormat Menteri ini kalau sekiranya dapat memberi kemudahan kepada pelanggan dan pengguna negeri Terengganu sendiri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan memang perkara ini pun kita ada bincangkan di peringkat jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Terengganu adalah merupakan salah satu tempat yang kita kenal pasti sebahagian daripada 200 senarai yang saya sebutkan tadi, insya-Allah akan dilaksanakan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri, pasal NGV ini saya tertarik sebab saya adalah di antara orang yang menggunakan NGV, bukan menggunakan NGV tetapi mengguna NG, natural gas, kereta itu jadi NGV, Natural Gas Vehicle. Saya dapati apa yang hendak dibuat ialah di mana kawasan yang sudah ada *pipe line*, yang sudah ada *pipe line* ialah daripada Terengganu ke Pahang, ke Melaka ke Johor ke Utara tetapi daripada Terengganu ke Kelantan tidak ada *piping* maka ada satu sistem baru yang memang telah dikenal pasti iaitu sistem ibu dan anak atau dalam Bahasa Inggerisnya, *the mother daughter system* di mana letak sebuah tangki besar kemudian yang anak-anak ini akan datang mengambilnya. Apakah kerajaan bercadang untuk membuat perkara sedemikian daripada Kemaman ke Rantau Panjang iaitu oleh kerana *pipe line* tentu sekali tidak akan dibuat di sana sebab kosnya terlalu tinggi, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa memang kita akui salah satu sistem yang lain boleh diguna pakai bila mana tidak ada *pipe line* ialah dengan menggunakan *mother and daughter*, konsep itu tetapi kita akui bahawa kos untuk menyediakan *mother and daughter* ini memang tinggi dan ia mengambil proses yang begitu lama. Kemungkinan kita akan mendahului dan akan memberikan kepada kawasan yang mempunyai *pipe system* terlebih dahulu iaitu 200 stesen yang saya sebutkan tadi.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Titiwangsa.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan penggunaan NG ini, kenapa kerajaan tidak mempertimbangkan kenderaan kerajaan sendiri untuk diubahsuai bagi menggunakan NGV itu sendiri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Titiwangsa sebenarnya perkara ini kita akui bahawa kerajaan tidak melaksanakan kerana produk ini adalah merupakan produk yang dengan izin *heavily subsidize*. Kerajaan menampung perbelanjaan untuk subsidi gas ini cukup tinggi berbanding dengan produk petrol dan diesel, itu yang kalau kita langsunkan dan kita hendak tumpukan kepada pengangkutan contohnya, pengangkutan teksi awam sahaja.

Kalau kita hendak panjangkan supaya penggunaan lori, penggunaan *prime movers* itu, itu yang kita kekalkan, lori, *prime movers* dan lain-lain yang termasuk di dalam konsep *fleet card* ini hanya kita tumpukan untuk penggunaan diesel kerana kita akui kalau kita perluaskan ia akan memperbesarkan lagi perbelanjaan negara terhadap subsidi. Saya ingat setakat ini apabila mana harga gas sudah meningkat dalam lingkungan hampir 2

ringgit satu kg sekarang ini harga yang ditampung dibelanjakan oleh kerajaan terhadap subsidi NG ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sekijang mengenai kenaikan harga barangan di pasaran akibat dari kenaikan harga bahan petroleum. Mengenai hal ini kerajaan telah pun menjelaskan kepada rakyat akan rasional menaikkan harga bahan petroleum dan sebenarnya kerajaan amat berpandangan jauh tentang perkara ini. Kita telah melihat bahawa keadaan ini yang akan berlaku peningkatan harga minyak yang kemungkinan sampai menjangkau jumlah 80 US dollar satu tong. Ini terbukti nyata, *far cited* kerajaan dengan izin terhadap langkah yang diambil kalau tidak kita akan berhadapan dengan berbagai Masalah ini. Mengenai hal ini kerajaan telah pun menjelaskan seperti yang saya sebutkan. Kerajaan memperkenalkan konsep perkara ini untuk mengatasi masalah. kerajaan memperkenalkan konsep pengguna bijak agar rakyat menyedari tentang hak dan perlindungan diri mereka.

Selain itu kementerian telah berbincang dengan pengusaha pengangkutan awam, pengeluar, peniaga dan lain-lain pihak untuk membantu tidak membebankan rakyat dan meletakkan harga barangan dan perkhidmatan agar berada pada tahap yang berpatutan. Mengenai dengan isu penguatkuasaan logo Halal di restoran-restoran akhir sekali, izinkan saya menyentuh mengenai dengan

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sekijang Yang Berhormat, Sekijang sudah jawab rasanya.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Saya hendak tanya tentang ini lagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik kepada NGV tadi sebab tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa untuk membina stesen-stesen NGV ini mahal lagi dan masih tinggi lagi dan kita masih hendak menggunakan sistem *pipe line* dan juga sistem *mother and daughter* tadi, tetapi bagi saya yang pernah pun bersama pengusaha-pengusaha pengangkutan awam ini kami telah melawat misalnya di Jepun, kita lihat bahawa mereka tidak menggunakan sistem *pipe line* ini dan mereka boleh menggunakan sistem tangki ini dan bawa gas ini ke mana-mana tempat dan dengan direka bentuk dengan yang sesuai dan ia amat murah lagi berbanding dengan itu dan sebab itu ramai yang tertanya-tanya tentang gas ini, boleh kita katakan bahawa ia satu yang cukup mahal untuk diperbuat atau di buat dalam negara kita ini, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Untuk makluman, untuk makluman....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta keizinan Yang Berhormat Menteri sehingga akhir-akhirnya tolong mengulas sedikit sebanyak berkenaan dengan gores dan menang. Itu adalah satu isu yang sangat mustahak seperti yang dipublishedkan oleh *New Straits Times* hari ini, *scratch and lose*... banyak dalam cerita ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, perkara itu tidak disentuh. Oleh kerana masa singkat, saya akan lihat. Kalau ada dan saya akan jelaskan, ya. Kalau tidak, saya akan permaklumkan dengan Yang Berhormat bagi Bagan secara bertulis. Mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang tadi, memang saya akui kita telah menghantar satu kumpulan untuk membuat kajian ke Brazil pun, ke Korea untuk meninjau. Selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh iaitu *'mother daughter concept'* dan juga menggunakan tong gas, itu sebahagiannya.

Tetapi faktor yang salah satu perkara yang kita harus pertimbangkan ialah kos untuk menyediakan perkara ini. Kita boleh sediakan sama ada dengan adanya paip lain, dengan adanya *'mother daughter concept'* dengan adanya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sekijang, tetapi ianya akan melibatkan perbelanjaan yang akan lebih besar

kerajaan hendak tanggung. Walhal, sekarang ini kerajaan hendak mengambil langkah untuk sedikit sebanyak mengurangkan perbelanjaan terhadap subsidi. Kalau subsidi ini sebagai satu perkara yang menelan belanja yang begitu besar, ianya tidak akan kita berupaya melaksanakan RMK-9 kerana saya tahu, ia memberi manfaat kepada pengguna, kepada keseluruhannya. Itu yang kita hanya khususkan sahaja kepada sistem pengangkutan awam yang ada impak besar ataupun luas iaitu seperti teksi-teksi kepada awam.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik kepada yang tadi. Sebab, memang kalau kerajaan sendiri untuk mengeluarkan kos, untuk membina ini, memang agak tinggi. Tetapi saya telah ditemui ataupun saya rasa banyak kementerian yang telah pun ditemui, saya rasa tidak kurang daripada 10 pengusaha yang sanggup melaburkan modal untuk ke arah ini. Tetapi, yang menjadi masalahnya ialah, mereka mendapat kekangan daripada pihak pembekal itu sendiri iaitu Petronas. Jadi, saya hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat Menteri, macam apakah sebenarnya yang menyebabkan benda ini boleh menjadi mahal dan boleh tergendala kita punya usaha-usaha ke arah ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sekijang, seperti yang saya sebutkan tadi, sebenarnya langkah kerajaan pada hari ini ialah untuk memastikan sistem yang sedia ada, kita perluaskan dengan menyediakan 200 stesen sahaja. Itu pada peringkat awal, dalam jangka masa 10 tahun ini untuk membolehkan supaya ia dapat mempermudah golongan yang mempunyai sistem pengangkutan yang dilengkapi dengan NGV, ya. Bukanlah oleh kerana kita menghalang pihak-pihak tertentu, sama ada pihak swasta. Memang kita akui bahawa pembekalnya cumalah Petronas Gas Malaysia Sdn. Bhd, iaitu anak syarikat kepada Petronas.

Tetapi, dalam pada itu kita harus akui bahawa sistem ini, kalau kita hendak perkenalkan daripada yang luar, seperti yang kita sudah lihat pada hari ini, Petronas sudah, lepas itu SHELL sudah ada dan kita hendak galakkan pula gas daripada Brazil, gas daripada Korea. Kita boleh adakan tetapi ianya akan melibatkan beberapa perkara yang perlu diteliti, bukan hanya dari segi perundangan, dari segi kos yang terpaksa ditampung oleh pelbagai pihak kerana saya yakin, bila orang luar hendak membawa gas yang *disupply* daripada luar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: sudah pasti kos yang dia tampung, harga gas yang harus ditawarkan, haruslah diletakkan di paras yang sudah diturunkan oleh kerajaan. Sudah pasti, kita juga seperti hari ini, bila SHELL hendak membekalkan minyak, kita kena bayar kepada SHELL, kita kena bayar kepada Caltex dan Esso kerana mereka menurunkan harga barangan petroleum dan diesel yang dibekalkan. Di negara lain, mereka membekalkan. Di China ataupun di Singapura, tidak.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak puji langkah kementerian dan langkah kerajaan yang telah bersetuju untuk membina 200 stesen baru tanpa menggunakan peruntukan kerajaan. Sebab saya lihat dalam RMK-9, tidak ada peruntukan. Ini maknanya kita *past*, kita letakkan kepada Petronas. Ertinya, Petronas *contribute*. Sebab saya rasa gembira ini bukan kerana apa. Selama ini, gas yang kita ada ini, sebenarnya tidak dinikmati oleh rakyat. Gas yang kita buat paip, belanja begitu besar buat paip daripada Kuala Terengganu ke Pahang, ke Johor, ke Melaka, ke Klang, dinikmati oleh IPP.

Jadi gas ini dinikmati oleh tauke-tauke besar. Sedangkan, natural gas ini, kalau di Terengganu ianya terbuang begitu sahaja. Kemaman sudah 20 tahun cerah menggunakan api nyalaan daripada hasil natural gas ini. Jadi langkah kerajaan itu adalah sebenarnya membantu rakyat merasakannya. Tetapi, kalaulah boleh, saya hendak minta Yang Berhormat, walaupun perancangan itu daripada sekarang sehingga 2010, ertinya lima tahun lagi, ianya terlalu lama Yang Berhormat sebab saya tahu pemandu teksi dan juga saya sebagai pengguna gas memang menghadapi masa yang begitu panjang untuk mendapat bekalan gas ini. Terlalu sukar, terlalu payah dan terlalau lambat. Kalaulah ianya ditambah, walaupun 200, tetapi banyakkannya 2006, banyak 2007, satu atau dua sahaja 2010. Kalau tidak, ia akan jadi hujungnya banyak, kamu awalnya tidak. Terima kasih Yang Berhormat Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat? Sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ada sikit lagi, dalam dua muka surat lagi. Yang Berhormat bagi Ketereh, memang saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua muka surat, boleh satu jam Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Setuju, sekejap lagi. Sekejap. Saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, bahawa dengan adanya *pipe line* ini, sebenarnya bukan hanya pihak IPP, tauke-tauke besar, TNB pun, kita bekalkan. Dengan adanya paip ini, kita bekalkan untuk TNB.

TNB sendiri pada hari ini berhadapan dengan masalah yang begitu besar, hampir RM13 bilion yang terpaksa ditampung oleh pihak TNB dan dia dibekalkan semuanya seperti elektrik yang dibekalkan kepada Dewan yang mulia ini, Dewan Parlimen ini adalah sebahagian daripada sistem yang dimanfaatkan iaitu menerusi pembekalan gas dan insya-Allah, apa pandangan Yang Berhormat bagi Ketereh, kita akan ambil mengenai hubung kait dengan mempercepatkan tadi ya, keutamaan kepada 2006, 2007.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib pun sudah kita memanggil pihak Petronas dan menekankan supaya perkara ini dipercepatkan untuk membolehkan pengguna mendapat manfaat. Akhir sekali, izinkan saya menyentuh mengenai dengan penguatkuasaan logo halal di restoran-restoran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Sesungguhnya kerajaan memandang serius mengenai isu penyelewengan dan penyalahgunaan logo halal ini. Ini kerana, ia merupakan penipuan kepada pengguna, khususnya umat Islam yang sensitif dan peka terhadap pemakanan yang diambilnya. Oleh itu, kementerian ini memberi komitmen untuk terus bertindak bagi membanteras dan membantu pihak JAKIM membanteras kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian tidak mengeluarkan logo berhubung perbincangan halal. Pada masa ini, penggunaan perbincangan tersebut termasuk logo JAKIM adalah secara sukarela dan pihak-pihak yang menggunakan perbincangan tersebut adalah bertanggungjawab menentukan ianya halal seperti mana ditakrifkan di bawah Perintah Perihal Dagangan Penggunaan Perbincangan Halal 1975.

Sedikit masa lagi kita akan menggubal rang undang-undang ini untuk membolehkan pihak JAKIM akan mengeluarkan persijilan halal ini dan ini masih diteliti dan kita minta supaya pihak AG dapat mempercepatkan perundangan ini, dapat digubal dan dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sebagai langkah untuk menentukan kesahihan perbincangan halal yang digunakan, kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri untuk membantu pemeriksaan termasuklah ke atas restoran-restoran yang menggunakan perbincangan halal.

Menurut rekod kementerian, bagi tempoh Januari hingga Mac 2006, sejumlah 14 kes bersabit penyelewengan penggunaan perbincangan halal telah diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 melibatkan penyertaan barang-barangan bernilai hampir RM98,369.50. Berhubung kait dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan, memang kementerian amat prihatin tentang perkara ini....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya. Sikit, sikit.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bukan, saya sudah faham dah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sikit bagi saya. Saya tidak mahu cerita berkenaan butir-butirnya. Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bagi sedikit masa untuk Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: mengulas berkenaan dengan gores dan menang sebab ini melibatkan banyak orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, isu itu isu baru, tidak dibahas.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya, ya. Saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi, Yang Berhormat sudah cakap tadi, dia memberi pandangan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi saya ingat mestilah, bukan....
[Menyampuk]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya tidak mahu memberi apa-apa ucapan dalam hal ini. Cuma, meminta menteri menerangkan perkara ini untuk kepentingan orang ramai, supaya tidak tertipu. Yang kedua, memberi satu signal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Memberi satu signal yang kuat kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: pengusaha-pengusaha sindiket ini supaya mereka takut kepada menteri dan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bukan macam sekarang, bermaharajalela di semua tempat. Sekarang masuk kampung pula, sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah masuk kampung lama dah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Saya akan ambil perhatian apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Sebenarnya, pihak kementerian memang serius memandangi perkara ini. Kita sudah pun adakan perjumpaan dengan syarikat-syarikat jualan langsung khususnya dan kita mempunyai langkah-langkah untuk memantau mereka ini, kerana saya tahu bahawa kadang-kadang ada penjual-penjual mereka, yang tanpa ada kad pengenalan, tanpa ada bukti, tindakan tidak dapat berkesan bila kita ambil terhadap pihak-pihak ini. Saya akan perjumpa secara bersurat kepada Yang Berhormat bagi Bagan dalam berhubung kait dengan perkara ini.

Walaupun demikian, untuk makluman Yang Berhormat, memang kementerian mempunyai rancangan bagaimana untuk memperketatkan pengawalan ini dengan adanya langkah-langkah tertentu. Sedikit masa lagi saya akan maklumkan kepada umum tentang apa langkah berhubung dengan gores dan menang, yang berhubung kait dengan sektor jualan langsung ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil perhatian dalam perbahasaan ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Yang Berhormat Menteri sila.

5.30 ptg.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian ini. Sehubungan dengan itu, izinkan saya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua. Institusi KEMAS telah menarik perhatian daripada Yang Berhormat bagi Ketereh, Kuala Terengganu, Beluran, Lipis dan Bintulu. KEMAS ialah sebuah institusi dalam kementerian ini yang telah banyak berjasa kepada masyarakat luar bandar khususnya, dan negara amnya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, sangat menarik hati. Kisah ini bermula pada tahun 1998. Pada masa itu, KEMAS berhajat untuk mendirikan pusat latihannya di Ketereh, Kelantan. Tidak berjaya kerana masalah tanah tidak dapat diselesaikan. Kemudian KEMAS menghubungi pihak Yayasan Kemiskinan Kelantan, untuk mendapatkan sebidang tanah dengan tawaran RM700,000. Tapi sekali lagi gagal sebab YKK menganggap harga tawaran ini murah. Hajat KEMAS tidak kesampaian. Oleh itu, KEMAS negeri Kelantan menyerahkan wang peruntukan sebanyak RM1.5 juta kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan untuk disimpan sehingga masa tertentu yang terbaik. Apa yang berlaku selepas itu bukanlah menjadi tanggung jawab KKLW lagi. Namun demikian, suara Yang Berhormat telah disambut baik oleh Kerajaan Persekutuan dan siasatan sedang dijalankan sekarang, terima kasih.

Saranan Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu supaya KEMAS menumpukan kepada pembangunan modal insan dan menyeragamkan kurikulum dan kokurikulum prasekolah, terima kasih perkara ini sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, KEMAS bukan sahaja membimbing kanak-kanak di luar bandar yang berumur di antara 4 hingga 6 tahun, tetapi ia meliputi masyarakat dewasa yang perlukan bimbingan dan pengetahuan supaya sama-sama bangun untuk keharmonian, kestabilan dan kesejahteraan negara. Kokurikulum bagi kanak-kanak kelas tadika, selain dari hukum fardu Ain ia juga melibatkan gerak kerja untuk membimbing dan membangunkan potensi anak-anak tersebut. Mereka mendapat latihan ini dua kali seminggu antara 11 pagi hingga 12 tengah hari. Mereka juga terlibat dalam pertandingan yang ada kaitan dengan kaedah kesihatan, keindahan dan keselamatan. Pertandingan ini diadakan di peringkat Parlimen, negeri dan kebangsaan. KEMAS memastikan anak-anak ini dididik mengikut kurikulum kebangsaan seperti yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran prihatin terhadap program bantuan pemakanan KEMAS. Untuk makluman Yang Berhormat, kanak-kanak tabika ini diberi makan pada waktu pagi atau tengah hari.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Tadi telah disebut tentang penyeragaman kurikulum dan kokurikulum. Tetapi apa yang lebih penting daripada itu, adalah kecukupan bekalan gurunya. Saya nak tahu daripada Yang Berhormat sendiri, sejauh manakah usaha-usaha kementerian untuk mendapatkan tenaga guru yang terlatih. Usaha apakah yang telah dibuat, apakah

kekangan yang diperolehi, dihadapi oleh kementerian dalam usaha kita mendapat tenaga guru ini daripada pihak JPA sendiri, misalnya. Pohon ulasan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya guru pada masa ini cukup. Bahkan kelulusan mereka, kecuali lebih kurang 23 orang, semuanya mempunyai kelulusan SPM. Hari ini kementerian berhajat supaya diluluskan peruntukan untuk melatih guru-guru ini sampai ke peringkat diploma dan persetujuan daripada Kementerian Pelajaran telah pun diambil. Oleh sebab itu, insya-Allah anak-anak kita ini akan mendapat pengetahuan baik, pelajaran baik daripada guru-guru yang terlatih. Insya-Allah, ini akan berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ketereh Yang Berhormat. Nak bagi jalan Yang Berhormat? Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya tertinggal tadi. Sebab saya sedang membaca. Isu bangunan KEMAS di Ketereh. Sebenarnya dalam ucapan saya, saya tidak pernah mempertikaikan KEMAS. Yang saya pertikaikan ialah Jabatan yang melaksanakan iaitu JPP. *As far as*, dengan izin ya, *as far as KEMAS is concern*, duit itu telah dibelanjakan iaitu RM1.5 juta untuk buat bangunan. Tetapi JPP tidak belanjakan. Yang Berhormat Menteri bagi tahu perkara ini sedang disiasat. Penjelasan yang saya nak tahu, apakah duit RM1.5 juta ini yang telah dipulangkan kembali kepada KEMAS daripada tahun 1998 hingga 2006, dia letak dalam *fix deposit* JPP, dan apakah yang dikembalikan itu, modalnya RM1.5 juta sahaja atau bersekali dengan *interest* 4% setahun, saya kira hampir RM500 ribu. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, inilah maksud saya tadi bahawa saya bukan beranggapan Yang Berhormat untuk mengejek KEMAS, tidak. Wang itu, pokoknya telah dipulangkan balik kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan untuk disimpan sehingga masa yang terbaik.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Selain daripada itu, bukanlah kuasa KEMAS untuk menjadi badan penyelidikan rasuah pula. Terima kasih banyak. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

KEMAS memastikan anak-anak ini dididik mengikut kurikulum kebangsaan seperti yang dianjurkan oleh kementerian. Minta maaf saya ulang. Yang Berhormat bagi Beluran prihatin terhadap program bantuan pemakanan KEMAS. Untuk makluman Yang Berhormat kanak-kanak tabika ini diberi makan pada waktu pagi dan tengah hari atau tengah hari supaya mereka sihat dan segar. Kerja-kerja ini disediakan oleh pembantu guru dan kadangkala bersama dengan gurunya sekali.

KEMAS juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas menghantar makanan yang dipanggil Program Pemakanan Seimbang kepada 19,334 ahli isi rumah yang berdaftar yang mana 90% dari mereka berada di luar bandar. Mereka menjalankan kerja dengan baik. Tetapi kalau ada keraguan, kementerian sedia membetulkannya dan mengucapkan beribu terima kasih. Marilah sama-sama menyokong kerja yang baik dan bersama-sama juga membetulkan kesilapan.

Selain dari itu, anggota KEMAS juga membantu kementerian untuk mendapatkan kawasan tanah bagi membangunkan kelas TASKA, TABIKA, tapak bangunan, medan Info Desa dan pusat-pusat latihan yang diperlukan oleh kementerian ini. Anggota KEMAS berada di mana sahaja terutamanya di kawasan Parlimen di luar bandar untuk membantu kerajaan demi kebaikan negara.

Kepada Yang Berhormat bagi Bintulu, di kawasan Parlimen Dato' Seri, ada sebanyak 34 anggota KEMAS yang sedia berkhidmat. Mereka akan tetap membantu bila-bila masa sahaja yang diperlukan. KEMAS prihatin, Yang Berhormat bahagia, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Alor Star, Kubang Kerian, Kuala Krai, Kinabatangan, Sri Aman, Beluran, Sepanggar, Bera, Bintulu, dan Tebrau, telah membangkitkan isu berhubung prasarana, utiliti dan amenity sosial. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, telah diperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk projek jalan luar bandar.

Negeri Kedah mendapat peruntukan sebanyak RM68.8 juta iaitu ketiga terbesar di kalangan negeri di Semenanjung. Kawasan Parlimen Alor Star, diperuntukkan sebanyak RM650 ribu, untuk melaksanakan PGK bagi tahun 2006 ini. Jalan luar bandar diberi perhatian. Dari negeri Sabah sebanyak 70 permohonan telah diterima. Kawasan Parlimen Sepanggar akan menerima 2 daripada 70 jalan luar bandar tersebut iaitu jalan Kukul Paring-Paring, 18 km. Kosnya RM36 juta, Jalan Natai Tabung Natai, 30.6 km, kosnya dianggarkan sebanyak RM5.3 juta.

Kerajaan sangat berhasrat supaya jurang perbezaan infrastruktur di antara bandar dan luar bandar dapat dirapatkan. Kementerian akan terus berusaha supaya 90% daripada negeri Sabah dan negeri Sarawak akan mendapat liputan bekalan air dan elektrik, insya-Allah. *[Tepuk]*

Negeri Sabah umpamanya diperuntukkan RM445.68 juta untuk membina jalan luar bandar bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Kawasan Parlimen Kinabatangan akan mendapat sejumlah RM52.19 juta bagi pembinaan jalan sejauh 36 km.

Sementara itu naik taraf jalan sepanjang 16km dengan kos RM26 juta di Kampung Suanlamba, Kinabatangan sedang dalam pembinaan. Kinabatangan juga diperuntukkan sebanyak RM1.13 juta bagi mengatasi masalah air yang sedang dihadapinya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2006 ini sahaja, RM26 juta diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah bekalan air luar bandar bagi negeri Sabah. Sabah juga akan menerima RM411.25 juta bagi menyelesaikan masalah bekalan elektrik luar bandarnya. Ini merupakan 40.11% daripada peruntukan program bekalan elektrik luar bandar keseluruhannya. Bagi kawasan-kawasan terpencil, sistem solar hibrid akan digunakan. Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini telah memohon sebanyak 1,634 projek dan anggaran nilainya ialah RM884.963 juta. Kawasan Parlimen Kinabatangan sekali lagi tidak ketinggalan, dia akan mendapat 63 projek bernilai RM33.652 juta, insya-Allah.

Seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri, Kementerian ini akan berusaha mewujudkan pembangunan yang seimbang bagi semua kawasan luar bandar dan wilayah. Oleh itu, Kementerian mengharapkan kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya semuanya dapat berjalan dengan baik dan sama-sama maju.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak iri hati, rakan-rakan saya daripada Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan yang begitu besar. Hanya yang saya nak minta Tuan Yang di-Pertua, di Melaka. Di Melaka, saya faham kita dah boleh katakan semua dah daftar dah. Hanya yang jadi masalah bagi saya di Jasin sekarang. Oleh kerana kenaikan harga kelapa sawit dan getah yang begitu tinggi. Orang-orang kampung saya Tuan Yang di-Pertua dah pakai Proton Saga, dah pakai Kancil. Jadi jalan kampung yang dulu dibuat 2 meter Tuan Yang di-Pertua, dah tak cukup dah. Kereta tak boleh selisih Yang Berhormat Menteri. Oleh yang demikian, akan datang, akan datang, tengah-tengah ini esok Rancangan Malaysia Kesembilan, kalau boleh supaya Jasin dan juga kawasan-kawasan yang dah maju ini diperbesarkan jalan kampungnya, paling tidak pun 3 meter Tuan Yang di-Pertua supaya kereta boleh berselisih, orang kampung senang dengan kereta dan kenderaan-kenderaan lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Kementerian mengambil ingatan. Oleh sebab kita mahu sama-sama maju, maka peruntukan lebihlah untuk Sarawak dan Sabah. Jadi Sarawak akan menerima RM427.56 juta bagi menyempurnakan projek bekalan elektrik luar bandar bagi Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Ini merupakan 41.7% diperuntukkan keseluruhan untuk membangunkan program bekalan elektrik luar bandar yang berjumlah RM1025.313 juta. Kaedah yang digunakan ialah sambungan talian grid, "gen-set" dan sistem solar hibrid.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah *Sarawak Electricity Supply Corporation* atau SESCO dapat memberi kerjasama dan memikirkan obligasi sosialnya maka akan lebih mudah Kementerian menjalankan tugas dan akan lebih cepat terangnya kawasan luar bandar di seluruh Sarawak.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ada lagi?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ada. Ini dapat berjuta-juta tetapi tidak ada sebut kawasan Mambong. *[Ketawa]*

Saya ingin tahu kerana dua kampung yang hanya 30km dari pusat bandar Kuching, tiada *electricity*. Ada satu sekolah kebangsaan di sana selalu saya sebut, Kampung dan Kampung Dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pun melawat dengan saya sendiri untuk melihat sendirinya. Bilakah saya akan dapat di dua kampung ini? Selain daripada 17 kampung yang belum lagi mendapat bekalan elektrik luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri, saya pohonlah Yang Berhormat Dato' Seri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya baik, baik.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mambong, pegawai-pegawai saya sedang mengambil catatan, insya-Allah akan sempurnakan.

Kementerian diamanahkan untuk membangunkan kawasan luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak. Dari peruntukkan sejumlah RM1 bilion bagi program jalan kampung, negeri Sarawak mendapat peruntukan terbesar di antara semua negeri iaitu sebanyak RM200.22 juta. Dan bagi projek jalan luar bandar, negeri Sarawak mendapat peruntukan sebanyak RM 489,951 juta. Yang Berhormat bagi Sri Aman telah membangkitkan masalah air. Kawasan Parlimen Sri Aman akan menerima peruntukan berjumlah RM6.8 juta. Di mana RM5.4 juta menggunakan kaedah retikulasi dan RM1.024 juta menggunakan sistem alternatif. Saya yakin Sarawak akan mendapat lebih daripada RM2 juta bagi satu kawasan Parlimen seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sarawak menang besarlah kita.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Insya-Allah. Kemungkinan setiap kawasan Parlimen akan mendapat lebih kurang RM15 juta bagi tempoh masa Rancangan Malaysia Kesembilan ini, insya-Allah. Insya-Allah kalau semua yang dirancang dapat berjalan dengan baik dan pegawai pelaksana tulus dalam menjalankan tugas, maka masalah kelewatan dan lain-lain masalah yang berkaitan dengannya dapat diatasi. Perkara ini banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Bera.

Demikian juga dengan pertanyaan permasalahan kawasan-kawasan Parlimen yang tidak dikategorikan sebagai Parlimen luar bandar. Tetapi bersempadan dengannya di mana terdapat kampung-kampung tradisional akan juga diselesaikan dengan cara berhemah. Perkara ini dibangkitkan Yang Berhormat bagi Jasin, Tebrau dan pernah juga

dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, insya-Allah semuanya akan mendapat faedah.

Yang Berhormat bagi Beluran, khususnya membangkitkan masalah elektrik luar bandar yang menggunakan sistem solar, Terdapat 285 sistem solar *stand alone* di kawasan Parlimen Beluran yang bermasalah. Insya-Allah pada bulan Mei 2006 ini, kerja-kerja pembaikan akan dimulakan, akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu setengah bulan. Bagi kawasan-kawasan lain yang mempunyai masalah yang sama misalnya di Pulau Banggi, akan turut diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bintulu membangkitkan masalah projek elektrik luar bandar di rumah panjang Siang Suai yang tertangguh kerjanya pada tahun 2002. Kementerian ini turut bersimpati dengan penghuni rumah panjang tersebut. Perkara ini berbangkit adalah disebabkan adanya projek pembinaan jalan pesisir di antara Miri hingga ke Bintulu. Ini menyebabkan timbul sedikit masalah, di antaranya ialah kebenaran izin lalu. Apabila kerja-kerja ini siap, maka projek bekalan elektrik ke rumah panjang Siang Suai akan diteruskan semula, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini diamanahkan untuk turut sama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain untuk membasmi kemiskinan dan kemiskinan tegar. Tahun 2010 telah ditetapkan sebagai tarikh penyelesaiannya. Tidak lengkap rasanya Tuan Yang di-Pertua kalau tidak diberitahu bahawa Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Tanah Merah, Putatan, Dungun, Kuala Terengganu, Kepong, Permatang Pauh, Tuaran, Pengkalan Chepa, Beluran, Rantau Panjang dan Kuala Krau telah mengambil bahagian dalam memberi pandangan, pendapat dan nasihat supaya perkara yang dibangkitkan diberi penyelesaian.

Ada di antaranya Yang Berhormat menyatakan negerinya lebih tinggi kedudukan kemiskinannya dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Ada juga yang berpendapat negeri yang mundur, peruntukannya kecil dibandingkan dengan negeri yang lebih maju. Semuanya diambil ingatan dan dijadikan pedoman untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan yang dinyatakan. Diharap segala gerak kerja yang dijalankan menepati sasarannya dan memberi faedah kepada masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata orang kampung kita memerlukan ilmu pengetahuan, latihan melibatkan kemahiran, sokongan, dorongan, tunjuk ajar dan maklumat yang sangat diperlukan oleh mereka.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soal kemiskinan yang disebut tadi dengan penerokaan-penerokaan setiap negeri, negeri Sabah bukan pula tetapi meningkat sekarang ini 23%. Jadi cuma oleh sebab Yang Berhormat Menteri pun menyatakan mengambil perhatian tadi mengambil ingatan, saya juga pun turut memberi peringatan bahawa jika sekiranya kita tidak membuat sesuatu untuk menurunkan kadar kemiskinan negeri Sabah daripada 23% ke bawah, sasaran yang 2010 itu tidak akan tercapai.

Sebab dulu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pun sasaran kita 2005, tahun 2005 kita turunkan kemiskinan tegar kepada 0.5% jelas kita gagal. Kali ini jika sekiranya Sabah ini kita tidak selesaikan kita akan gagal juga. Itu saja cuma peringatan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak. Tidak ada siapa yang ingin melihat kawan-kawannya miskin, semuanya ingin supaya kita maju bersama. Oleh itu kementerian berusaha untuk mengubah sikap mereka supaya menjadi positif, ini dijalankan melalui program latihan dan pendidikan. Program peningkatan pendapatan dalam bidang pertanian dan penternakan juga disediakan supaya tanahnya tidak terbiar hasil dari usahanya perlu dipasarkan. Justeru itu kementerian sediakan program latihan bimbingan usahawan untuk mereka dan kita akan bekerjasama dengan Kementerian Usahawan dan Koperasi nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita melihat minat orang Malaysia untuk melancong sudah mula berputik dan pelancong-pelancong luar negara pula sudah bosan tinggal di hotel-hotel besar. Mereka minat tinggal di kawasan-kawasan pedalaman. Ini semuanya dilihat baik dari segi potensi pertanian komersial, kraft dan pelancongan desa. Kesempatan ini memberi peluang kepada kementerian memikirkan skim untuk membantu mereka yang berminat supaya menambah pendapatannya dengan melibatkan diri dalam bidang *home stay* iaitu pelancong tinggal di kampung dengan tuan-tuan rumahnya seperti yang ada di Sepang yang dipanggil *Home Stay* Banghurus.

Kementerian juga memperkenalkan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa atau SPED serta yang sudah melalui latihan dan berbekalkan pengalaman mereka boleh memohon pinjaman antara RM20,000 hingga RM250,000 tanpa cagaran. Kementerian menggunakan khidmat Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia bagi tujuan ini. Jabatan-jabatan teknikal setempat diminta memberi kerjasama misalnya Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan MARDI sentiasa dihubungi. Dengan cara ini dapatlah orang kampung mendapat tambahan pendapatan mereka melalui ternakan lembu, kambing, burung puyuh, ikan dan lain-lain. Ada juga yang menanam pisang, ubi, jagung dan beberapa tanaman yang lain.

Selain dari itu kementerian juga menyediakan premis perniagaan seperti gerai, bengkel dan kilang kepada orang kampung yang rajin dan minat berniaga. Ini di antara lain ialah cara menambah pendapatan masyarakat di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini insaf bahawa isi rumah kemiskinan tegar di luar bandar berjumlah seramai 36,773 tarif miskin tegar berasaskan kepada kajian UPE RM416 bagi Semenanjung, RM512 bagi Sabah dan RM482 bagi Sarawak. Oleh itu kementerian akan berusaha menghadapinya supaya menjelang 2010 kemiskinan tegar ini dapat diselesaikan melalui program-program tertentu antaranya pembinaan rumah baru.

Pada tahun 2006, kita akan menyelesaikan pembinaan 4,000 buah rumah baru dengan kos RM30 juta. Bagi maksud ini kita akan memperkenalkan rumah jenis dua bilik dan rumah tiga bilik. Kadar bantuan adalah seperti berikut, di Semenanjung rumah dua bilik nilainya RM16,000 sebelum ini RM12,870 bagi rumah tiga bilik harganya pula ialah RM18,000. Bagi negeri Sabah, Labuan dan Sarawak rumah dua bilik nilai harganya ialah RM18,000 berbanding dengan dahulu hanya RM13,560. Bagi rumah jenis tiga bilik harganya ialah RM21,000. Dengan cara ini insya-Allah masalah perumahan akan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua dalam usaha membasmi kemiskinan tegar ini agensi-agensi kementerian seperti FELCRA, RISDA, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Lembaga Industri Getah Sabah akan meneruskan usahanya melalui tanaman getah dan kelapa sawit dan juga kegiatan ekonomi tambahan dengan peruntukan sebanyak RM318.8 juta ia akan memberi faedah kepada 14,500 orang peserta. Kementerian juga akan mengkaji secara positif untuk menanam buah jarak yang boleh mengeluarkan minyak seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus berusaha membantu rakyat dan negeri yang kurang maju. Pendapat yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Pangkalan Chepa lebih kurang mengatakan kementerian mengabaikan kementerian yang kurang maju adalah tidak benar.

Misalnya dalam program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Kelantan mendapat RM96.1 juta, Terengganu mendapat RM56.5 juta sementara di Selangor hanya mendapat RM7.6 juta dan Johor pula mendapat RM9.6 juta, bandingkanlah puluh-puluh juta dengan hanya satu juta.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri terima kasih. Oleh sebab Pangkalan Chepa tidak ada saya dia parti lain. Bagi pihak UMNO Kelantan dan orang Kelantan saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Bandar yang bagi peruntukan yang begitu besar untuk membantu rakyat termiskin

walaupun kerajaan Kelantan dipimpin oleh parti yang berbeza sebab kemiskinan tidak mengenal parti tidak mengenal agama. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak memilih bululah kita?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bulu tidak ada pun.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua terima kasih atas sokongan itu. Sebenarnya bukan saya bagi tetapi kerajaan dan pegawai-pegawai kementerian menjalani.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Kerajaan Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bahawa dalam usaha membasmi kemiskinan ini semua mendapat faedah. Ia tidak mengira bangsa, agama, kebudayaan dan fahaman politik. Kementerian ini yakin dan percaya dengan pendapat kalau jiran senang kita tumpang bahagia, kalau jiran sakit kita terima padahnya dan kalau anak tidak dididik bapa menjadi letih. Oleh sebab itu kementerian ini akan terus berusaha secara adil dan berhemah dalam setiap aktiviti insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua kementerian juga mendengar rintihan yang mengatakan bahawa Program Satu Daerah Satu Industri dikatakan tidak berapa berjaya kalau dibandingkan dengan negara jiran kita. Adakah perkara ini benar? Secara tradisinya Malaysia ini sudah ada kepakarannya tersendiri dalam memperkatakan, menghasilkan buatan tempatannya. Contohnya laksa umpamanya terdapat di mana-mana tetapi laksa Johor lain rasanya dari laksa Pulau Pinang ataupun laksa Kelantan. Lemang, dodol ada di mana-mana sahaja, rasanya hampir-hampir sedap sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kemahiran dalam menganyam, seni lukis, kraft seperti labu, keris, parang dan sebagainya terdapat di seluruh pelosok rantau negara Malaysia. Mutunya ada yang tinggi dan ada yang kurang sedikit.

Dalam mempromosikan Satu Daerah, Satu Industri ini, bagi saya sebenarnya yang kita hendak lihat dan halusi ialah yang berkaitan dengan menambah mutu hasil barangan luar bandar ini. Satu Daerah, Satu Industri ini melibatkan sikap kesungguhan dalam pengeluaran, ia juga melibatkan mutu dan tambahan nilai kepada produk-produk yang dihasilkan. Matlamatnya bukan hanya untuk dimakan oleh keluarga tetapi ada tujuan pemasaran komersial. Produk-produk dijadikan barangan dagangan untuk menjadi satu perusahaan yang maju, berjaya dan menguntungkan. Maka setiap barang yang dihasilkan itu mesti ada mutu seperti bungkusan yang cantik dan menarik dan ada jenamanya. Untuk itu juga kita mesti ada keupayaan memasarkannya dan seterusnya diterima baik oleh pelanggan-pelanggan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, hasil penjualan Satu Daerah Satu Industri ini, telah berjaya memasukkan produk-produk kampung ke pasar raya besar seperti *Giant* dan *TESCO* umpamanya. Maka insya-Allah mereka tidak akan berkubur tanpa nisan seperti yang dianjurkan sebentar tadi. Kita juga melihat penampilan pengusaha yang berjaya dengan caranya sendiri seperti antaranya:

- (i) Nisman Pahamin, Pakar Runding Tanaman Mata Naga di Kluang;
- (ii) Hajah Halimah Kadri, Perusahaan Aneka Kerepek di Pontian; dan
- (iii) Mura MARDI, Perusahaan Asmura mengumpulkan hasil-hasil produk kampung dijual ke pasar minggu dan pasar tani.

Ini adalah antara tiga sahaja semenjak kita memperkenalkan SDSI ini.

Di KESEDAR, KEJORA dan KEDA umpamanya, kita menggalakkan penduduknya menanam herba. Sekarang KESEDAR memproses misai kucing menggunakan pembungkusan yang standard dengan jenama "Herbest Minumanku" dan ada dalam pasaran sekarang. Khasiatnya baik untuk menyembuhkan penyakit kencing manis, gout dan darah tinggi. Maka dengan itu, kementerian berusaha untuk menyusun dan memandu gerakan pengusaha supaya aktiviti terancang, menyediakan kemudahan pembelian

mesin, peralatan dan sebagainya dan menyediakan program skim pinjaman tanpa cagaran dan menolong memperkenalkan produk mereka melalui ekspo.

Contohnya pada 27 Mei 2006 ini, mereka akan berada di Stadium Melawati, Shah Alam. Datang dan saksikan produk mereka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan merasmikan ekspo tersebut. Maka oleh itu, kementerian berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran dan Yang Berhormat bagi Parit yang mengingatkan kita supaya pangkalan data kementerian ini mesti tepat dan betul untuk pelbagai guna kepada masyarakat luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga akan terus berusaha supaya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini semua Parlimen akan dilengkapi dengan medan Info Desa yang dilengkapi dengan komputer dan internet. Orang kampung akan dilatih menggunakannya. Mudah-mudahan kita dapat menghantar dan menerima maklumat untuk kepentingan pemasaran produk yang mereka hasilkan. Insya-Allah masyarakat luar bandar tidak akan lagi terpisah dari bandar seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memantau aktiviti di seluruh negara bukanlah senang tetapi ia dapat dimudahkan dengan bantuan JKKK dan ketua kampung. Manual kerja JKKK telah kita sediakan dan akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat pada 27 Mei ini nanti. Kementerian juga telah membuat kertas kerja Kabinet untuk menyelesaikan elau ketua kampung bagi seluruh negara. Ia telah dibentangkan pada 1 Mac 2006, alhamdulillah telah pun diluluskan pada tarikh yang sama. Cara pelaksanaannya, Kerajaan Persekutuan sumbang RM400 sebulan dan kerajaan negeri menyumbang minimum RM50.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita ucap ribuan terima kasih di atas keprihatinan kementerian. Yang menjadi masalah sekarang di negeri Melaka terdapat percanggahan di antara dua pemimpin kampung. Satunya ialah Sidang Kampung yang dilantik oleh masyarakat. Yang keduanya Pengerusi JKKK yang kebanyakannya Ketua UMNO. Apabila kerajaan buat pengumuman pada tahun 2000 iaitu menyelaraskan kadar minimum elau Ketua Kampung RM150 yang ini telah diguna pakai di seluruh negeri Melaka untuk Pengerusi JKKK. Bermakna Pengerusi JKKK dapat RM150.

Tetapi apabila pengumuman dibuat oleh kementerian tentang penyelarasan kadar elau Ketua Kampung sehingga hari ini di Melaka menjadi perbalahan di antara Persatuan Sidang-Sidang dan juga JKKK-JKKK kampung-kampung. Sidang duduk di kampung dan dia tahu masalah kampung, mati, kahwin dan di masjid dikelolakan oleh Sidang. Pengerusi JKKK adalah Ketua UMNO. Saya sebelum jadi wakil rakyat pun, Yang Berhormat Menteri menjadi Pengerusi JKKK, duduk di bandar Melaka, kampung di Jasin.

Kebanyakan daripada Pengerusi JKKK dan juga Ketua UMNO ini tidak duduk di tempat. Kerajaan Negeri Melaka telah menghantar surat kepada kementerian supaya minta tambahan untuk membolehkan kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat membayar elau sidang-sidang ini sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Apabila saya lihat Kertas Kerja Penyelarasan Ketua Kampung, elau Ketua Kampung, saya kira daripada apa yang telah diperkatakan oleh kementerian, yang layak ini ialah Datuk Sidang.

Oleh yang demikian saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sebelum kita menjadi lebih celaru dekat Melaka, siapa yang lebih layak untuk menerima elau Ketua Kampung ini, Datuk Sidang Ketua Adat ke ataupun Pengerusi JKKK yang jadi Ketua UMNO. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum lagi ingin untuk campur tangan dengan Kerajaan Negeri Melaka tetapi oleh sebagai Yang Berhormat

menerangkan bahawa Pengerusi JKKK telah pun menerima RM150 sebulan. Rancangan kerajaan pada masa ini ialah untuk memberi RM400 tambah RM50 dari kerajaan negeri, maka setiap Sidang mendapat peruntukan minimum RM450. Kalau diperhatikan RM150 untuk JKKK dan RM450 untuk Sidang, maka tidak timbul lagi masalah kewangan. Hanya bagaimana kita membincangkan nanti adalah satu usaha yang boleh kita halusi. Namun demikian kita berharap supaya Tok Sidang ini dan juga Pengerusi JKKK teruskan membuat kerja amal yang baik supaya negara terus aman.

Oleh yang demikian, saya ingin terangkan bahawa Kerajaan Pusat menyumbang RM400, kerajaan negeri minimum RM50, ertinya seorang ketua kampung mendapat RM450 minimum. Tetapi kalau kerajaan negeri bersimpati hendak tambah, boleh tambah tetapi maksimumnya tidak boleh melebihi RM600 supaya tidak ada negeri lain yang menimbulkan masalah kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi Yang Berhormat?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, dengan pemberian elaun ini, terjawablah harapan...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Pencelahan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat habis. Sekejap.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Sila, sila.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan, saya cadangkan hendak menyelesaikan kemelut itu, buat macam Negeri Sembilan sahaja iaitu Pengerusi JKKK memegang jawatan ketua kampung, orang yang sama, tidak perlu diasingkan. Jadi tidak timbul banyak masalah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tidak payah bahaslah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak terangkan institusi Datuk Sidang. Datuk Sidang dipilih daripada masyarakat yang ada kelebihan dia dari segi adat, agamanya, pergi memining dan baca doa. Ketua UMNO, Pengerusi JKKK tidak boleh buat kerja ini, saya tahu. Jadi saya kira tidak bolehlah ambil pendapat Yang Berhormat bagi Rembau itu, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit pencelahan. Saya telah banyak juga membangkitkan bagaimana hendak memperkasakan JKKK dalam perbahasan yang lalu dan kita berterima kasihlah kepada kerajaan kerana telah memberi sumbangan daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM400. Saya cuma hendak tahu, pelantikan JKKK ini dipilih oleh kerajaan negeri dan banyak peranan yang harus dimainkan oleh JKKK terutama sekali Pengerusi JKKK ini kerana saya ada sebut bahawa ada sesetengah negeri sampai empat, lima bulan tidak bayar elaun.

Jadi saya berharap kementerian dapat membuat penyelarasan dengan sesetengah kerajaan negeri kerana banyak rancangan Kerajaan Pusat terutama sekali berkenaan dengan pelan kampung, Program Info Desa, Gerakan Daya Wawasan dan sebagainya yang perlu kita memperkasakan pimpinan JKKK ini.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya perhubungan JKKK dengan Kerajaan Pusat, khususnya kementerian Yang Berhormat, Kementerian Luar Bandar kita kerana ianya akhirnya tidak akan mendapat suatu hubungan dengan JKKK sedangkan seluruh maklumat tentang masalah dalam kampung itu adalah merupakan peranan besar di peringkat kebangsaan banyak dilaksanakan oleh kementerian-kementerian termasuk yang utamanya, Kementerian Luar Bandar. Jadi, apakah tidak kaedah supaya pengurusan ataupun sedikit kuasa di peringkat Kerajaan

Pusat sebagai satu perhubungan dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya pelantikan JKK ini dapat penyelarasan tidak semata-mata.....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:dipilih oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, peringkat kita menghormati pendapat-pendapat dari negeri dan negeri menentukan siapa dia Pengerusi JKK dan siapa juga ketua kampung. Oleh sebab itu, untuk menjawab pada petang ini saya ingat saya tidak ada kemampuan tetapi kita akan berusaha dari pihak kementerian supaya memberi penyelesaian yang sebaiknya. Oleh itu, dengan pemberian elaun ini terjawablah harapan yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau dan Yang Berhormat bagi Dungun.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga akan menjemput ahli JKKK, ketua kampung, pengusaha, pemimpin luar bandar belia dan dewasa berkursus ke Institut Kemajuan Desa iaitu INFRA. Kursus wajibnya ialah simpan kira-kira atau *book keeping*. Ini penting, mudah-mudahan dengan cara begini akan maju dan cerialah kampung dan desa kita hendaknya. Tuan Yang di-Pertua, tajuk mengenai penubuhan wilayah pembangunan baru telah menarik perhatian Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dan Tuaran. Seperti Yang Berhormat sekalian maklum, sekarang ini Wilayah KEDA ada di Kedah, PERDA ada di Pulau Pinang, KEJORA ada di Johor.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun. Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam sebelah kanan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum ke tajuk lain saya hendak kembali kepada Pengerusi JKK ini. Tadi Menteri ada menyatakan, kalau jiran senang kita tumpang senang, kalau jiran sakit kita turut perit. Saya hendak tambah kalau jiran sengsara kita turut merasa. Jadi, dalam konteks ini kepimpinan JKK ini sangat penting kerana ini pimpinan yang kritikal di peringkat akar umbi. Malah mereka inilah yang akan menjayakan segala program yang disebut oleh Menteri tadi.

Oleh kerana itu, saya sangat berharap supaya dalam modul kursus kepada JKK ini supaya kemahiran dari segi menyelesaikan masalah gejala sosial khususnya, kemahiran dalam konteks membantu anak-anak kita dalam pelajaran khususnya harus ditekankan. Apa pandangan Menteri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Tidak apa, Yang Berhormat teruskan sehingga habis.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju dengan saya ke, setuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Dan, patut diingat lain negeri lain caranya dalam menentukan ketua kampung ini. Di Perak, ketua kampung ini ada sebenarnya juga Pengerusi JKK maka masalah tidak timbul tetapi di negeri lain saya tidak dapat faham. Itu sebabnya saya kata tadi[Disampuk] Serupa! Maka kita akan kaji.....

Tuan Yang di-Pertua: Kebanyakan negeri serupa.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Serupa! Yang berbeza ini kita selesai nanti. Seperti Yang Berhormat sekalian maklum, sekarang ini Wilayah KEDA ada di Kedah, PERDA ada di Pulau Pinang, KEJORA di Johor, KETENGAH di Terengganu dan KESEDAR di Kelantan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat Dato' boleh minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua? Fasal JKK tadi Yang Berhormat Dato'. Di negeri lain saya faham dia punya peraturan tetapi di negeri Kelantan dia ada dua mekanisme. Satu penghulu di mana sistemnya adalah di bawah pelantikan kerajaan negeri. Satu lagi sistemnya ialah Penyelia Pembangunan Mukim dan Pembangunan Kawasan, yang mana pelaksanaannya adalah Jabatan Pembangunan Persekutuan. Jadi, kaedah penyaluran elaun untuk JKK ini adakah diberi kepada kerajaan negeri atau diberi kepada Kerajaan Persekutuan.

Saya berpendapat kalau ianya diberi kepada kerajaan negeri maka kerajaan negeri akan mengaku bahawa dia punya dan pelaksanaan *federalism* atau kePersekutuan itu tidak mungkin berlaku. Jadi, saya hendak cadangkan kalau belum buat supaya diteruskan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan supaya elaun ini dapat dinikmati oleh agensi pelaksanaannya iaitu Jabatan Pembangunan Persekutuan dan pegawai-pegawai di bawahnya. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, elaun ini ada cadangan daripada Kerajaan Barisan Nasional, maka faham-fahamlah, terima kasih.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ha! Habis pula. [Ketawa] Puna, punah. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan konsep pembangunan wilayah ini akan diperluaskan sementara Lembaga Kemajuan Wilayah yang sedia ada dikekalkan. Pembangunan akan dijalankan secara lebih menyeluruh melalui koridor pembangunan seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Koridor Utara Semenanjung yang meliputi Perlis, Kedah, Seberang Prai dan Perak Utara. Koridor Timur pula yang meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur. Wilayah Ekonomi Johor Selatan dan bagi Sabah dan Sarawak pula akan diwujudkan Lembaga Kemajuan Wilayah yang baru.

Dengan penubuhan koridor pembangunan ini dan Lembaga Kemajuan Wilayah baru di Sabah dan Sarawak diharap semua negeri mendapat nikmat kemajuan dan maju secara serentak. Perbincangan teliti dan menyeluruh akan diadakan dengan negeri-negeri terlibat. Pandangan dari mereka adalah penting. Implikasi kewangan dan perjawatan juga mesti diambil kira. Selepas kesepakatan dipersetujui oleh Kerajaan Pusat dan negeri maka akta penubuhannya perlu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan kemudian di Parlimen. Selepas selesai diwartakan barulah pelaksanaannya dapat dimulakan. Mudah-mudahan pembangunan wilayah-wilayah yang baru ini akan dapat memberi perimbangan pertumbuhan ekonomi yang terancang. Ianya juga diharap dapat membangunkan ekonomi dan sosial yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita berbicara pasal kewujudan wilayah baru, Yang Berhormat bagi Maran berasa dukacita kerana Lembaga Kemajuan Wilayah JENGKA dan DARA telah dibubarkan. Ini tragedi kerana, ini terjadi kerana adanya persetujuan dari kerajaan negeri. Perkataan tragedi tadi saya tersilap saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, ini terjadi kerana adanya persetujuan dari pihak Kerajaan Negeri Pahang sendiri. Namun demikian, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tetap melaksanakan tanggungjawabnya di kedua-dua kawasan ini. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan umpamanya, kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM201.2 juta di kawasan JENGKA dan DARA, manakala dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tahun 2006, RM83.310 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan program dan projek pembangunan di kawasan JENGKA dan DARA. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran, Lipis dan Cameron Highlands.....

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Sila, sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh saya kembali sedikit pasal yang Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah tadi. Saya mohon penjelasan, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa setelah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan lepas itu di Parlimen. Jadi, adakah ini bererti bahawa akan terdapat dua akta? Adakah Lembaga Kemajuan nanti akan mempunyai dua perundangan, satu akta Parlimen satu lagi enakmen negeri. Adakah sedemikian rupa ataupun Dewan Undangan Negeri itu cuma kelulusan atau bagaimana? Dan, jikanya sedemikian rupa apakah proses perundangan yang telah dibuat untuk KEJORA, PERDA, KETENGAH, KESEDAR dan sebagainya itu telah dibuat sedemikian rupa. Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud begitu. Untuk membuat satu pembaharuan kita tidak boleh suka-suka hati, kita mesti mendapat pandangan daripada negeri. Selepas negeri bersetuju maka di bawa ke Dewan Undangan Negeri untuk diluluskan. Selepas itu, kita bawa pula ke Parlimen supaya dibincangkan dan disetujui maka perkara itu akan diwartakan dan bolehlah bergerak. Bukan ertinya ada *separate* entiti di antara negeri dan Persekutuan, tidak. Maksudnya menyelaraskan supaya semuanya berjalan dengan baik. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands prihatin terhadap nasib kaum Orang Asli. Di Cameron Highlands umpamanya terdapat 27 buah kampung Orang Asli dan jumlah penduduknya ialah 4,964 orang. Jumlah keseluruhan Orang Asli di Semenanjung ada lebih kurang 150 ribu orang.

Melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mereka diberi kemudahan pendidikan dari pra sekolah hingga ke pusat pengajian tinggi. Dari segi pembangunan ekonomi juga telah diusahakan melalui pembukaan ladang getah dan kelapa sawit. Kawasan penempatan semula juga dijalankan dengan menyediakan kemudahan elektrik, air dan rumah yang lebih baik. Dari segi kesihatan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga mengambil berat. Mereka menyediakan dengan izin *flying doctor* menggunakan helikopter. Rancangan pembinaan klinik di tempat-tempat strategik sedang diatur bahkan pihak Institusi Jantung Negara turut membuat lawatan dua bulan sekali terutama di kawasan Kuala Lipis.

Kemajuan pelajaran anak-anak Orang Asli pun telah meningkat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri atau BAKTI juga sedang membantu dari segi kewangan bagi pelajar-pelajar di tingkatan empat yang berpotensi. Demikian juga dengan pelajar-pelajar IPTA yang belum mendapat sebarang bantuan kewangan maka BAKTI akan menghubungi mereka. Kementerian dan agensi-agensinya di Lembaga Pertubuhan Peladang buat masa ini sedang menyusun rancangan untuk menolong masyarakat Orang Asli dalam bidang pertanian. Yang Berhormat, Orang Asli akan terus ikut maju dengan rakyat Malaysia yang lain dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf sekiranya ada usul-usul, pandangan dan cadangan yang tidak sempat disentuh. Namun demikian pintu Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sentiasa terbuka kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita jemput Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk memulakan jawapan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tak ada tanya, saya tahu.

6.25 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan kali ini.

Secara umumnya perkara-perkara yang dibangkitkan tertumpu kepada tiga perkara utama:

- (i) pertama, ketidakyakinan serta penolakan dasar DEB termasuk usaha-usaha melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera;
- (ii) kedua kelemahan dalam pelaksanaan dan pencapaian MPPB serta usaha-usaha untuk memperbaiki kelemahan tersebut; dan
- (iii) ketiga nikmat dan faedah daripada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan kepada golongan minoriti bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan berbagai-bagai kegagalan dan kelemahan soal pemilikan ekuiti bumiputera dan usaha melahirkan MPPB semata-mata untuk menolak DEB malah menganggap DEB tidak berkemampuan untuk menangani ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menekankan bahawa pengagihan kekayaan yang adil hanya boleh dicapai sekiranya *a affirmative action* dengan izin dilaksanakan tanpa mengira kaum. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pula merasa hairan mengapa DEB masih dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pada hal pada pandangan beliau ia tidak mampu bertahan dan dengan itu beliau lebih suka bumiputera bersaing dengan bukan bumiputera tanpa DEB. Yang Berhormat bagi Tanjong pula berasa kecewa kerana Rancangan Malaysia Kesembilan telah melanjutkan pelaksanaan DEB kerana beliau menganggap DEB sebagai dengan izin *the most notorious system of positive discrimination*.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua Ahli Yang Berhormat tersebut membangkitkan kegagalan dan kelemahan DEB semasa bertujuan menolak DEB. Manakala Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengambil pendekatan menonjolkan kelemahan-kelemahan DEB bagi tujuan memperbaiki kelemahannya. Saya tidak hairan pihak pembangkang menolak DEB ini kerana sememangnya ia merupakan perbezaan yang asas dan yang ketara di antara Barisan Nasional dan Pembangkang. Dalam masa yang sama saya tidak menolak bahawa pelaksanaan DEB ada kelemahan-kelemahannya dan di sini saya ingin menegaskan soal melahirkan MPPB akan terus kekal sebagai mekanisme untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan antara kaum. MPPB perlu diwujudkan kerana masih terdapat jurang perbezaan pendapatan dan pegangan ekonomi di dalam masyarakat bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, usaha melahirkan MPPB bukan dijayakan bukan sahaja melalui perwujudan tenaga profesional bumiputera tetapi juga dengan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan malah akan diberi lebih penekanan. Penceburan dalam bidang keusahawanan akan membuka peluang untuk bumiputera memperoleh pendapatan dan kekayaan yang lebih kerana semata-mata sebagai tenaga kerja walaupun berstatus profesional yang hanya makan gaji tidak mungkin membolehkan mereka menyaingi pendapatan yang didapati dari keuntungan perniagaan. Atas alasan ini maka kerajaan akan meneruskan usaha melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera selain daripada tenaga profesional yang akan sama-sama menyumbang kepada pembentukan MPPB. Selain dari itu

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Tunggu oleh kerana Yang Berhormat Menteri teruskan menjawab ucapan-ucapan yang kita ada buat khususnya mengenai ekuiti bahawa sebenarnya ada satu kajian yang menyeluruh dan adil bahawa

pencapaian bumiputera dalam ekuiti sudah menemui balik kepada tahun 1990 kajian yang buat begitu dan khasnya apabila berbanding dengan ekuiti korporat yang ada disenaraikan dalam Bursa Saham dan sebenarnya ada satu kajian yang dibuat oleh *Centre of Public Policy* Raymond Ratnam yang satu masa tokoh *civil servant* yang ada kata baru-baru ini bahawa penyertaan bumiputera dalam korporat ekuiti lebih daripada 50%. Apalah pendirian atau balasan Yang Berhormat Menteri mengenai semua ini.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menegaskan bahawa isu pemilikan ekuiti bumiputera dan usaha melahirkan MPPB adalah dua perkara yang berbeza. Kalaupun benar seperti kata Yang Berhormat bahawa pemilikan ekuiti bumiputera sudah tercapai yang mana boleh dipertikaikan, ia tidak menunjukkan ataupun menggambarkan kehadiran usahawan-usahawan bumiputera kerana pemilikan ekuiti tersebut mungkin dipegang oleh agensi-agensi dan syarikat-syarikat kerajaan. Atas sebab itu, usaha melahirkan MPPB yang lebih menekankan kepada usaha mengujudkan usahawan di kalangan bumiputera tetap diteruskan walaupun pemilikan ekuiti bumiputera sudah dicapai.

Seterusnya adalah tidak wajar untuk mengatakan bahawa usaha kerajaan gagal kerana umum mengetahui salah satu komponen yang terpenting untuk melahirkan dan menjayakan usahawan ialah pembudayaan. Pembudayaan merupakan satu proses yang amat panjang dan bukanlah satu proses sekelip mata. Melalui proses pembudayaan di kalangan masyarakat bumiputera kita bukan sahaja mahu mereka keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan tetapi mereka mengamalkan dan mempunyai nilai-nilai dan budaya usahawan. Hari ini kegagalan di kalangan usahawan bumiputera yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin kerana proses pembudayaan yang lemah atau yang memerlukan masa yang panjang untuk mencapai hasilnya.

Kita tidak dapat terima saranan-saranan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang yang mahukan kita mengetepikan Dasar Ekonomi Baru hanya semata-mata gagal melahirkan usahawan kerana kita sedar masa yang panjang diperlukan untuk melaksanakan pembudayaan usahawan di kalangan masyarakat bumiputera. Maka oleh itu proses pembudayaan ini sememangnya menjadi satu teras utama Kementerian dalam usaha melahirkan dan menjayakan usahawan bumiputera khususnya, untuk melahirkan usahawan yang berkualiti seperti yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Dungun, Yang Berhormat bagi Kota Belud dan juga Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Kuala Kurau, Sekijang, Santubong, Tuaran dan Ayer Hitam yang memberi pelbagai teguran, pandangan dan cadangan untuk mengatasi kelemahan dan memantapkan usaha melahirkan usahawan bumiputera.

Dalam hal ini selain daripada pembudayaan keusahawanan, Kementerian saya akan juga menyediakan persekitaran yang *conducive* untuk menjayakan usahawan melalui kemudahan dan bantuan yang disediakan. Ini termasuklah soal penyediaan dan pengisian ilmu keusahawanan yang akan dipertanggungjawabkan kepada Institut Keusahawanan Negara ataupun INSKN.

Di samping itu, melalui program "*groom big*" dengan izin Kementerian akan membantu usahawan untuk meningkatkan kualiti produk mereka agar lebih berdaya maju dan berdaya saing. Ditambahkan lagi dengan program-program promosi dan pemasaran yang juga memberi tumpuan agar usahawan-usahawan yang ada, berjaya menerokai pasaran tempatan dan juga global.

Mengenai penglibatan usahawan-usahawan bumiputera di bandar-bandar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Santubong dan juga Kota Belud, Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya telah diperuntukkan sebanyak RM1.36 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi menyediakan 4,832 premis perniagaan di tempat-tempat yang strategik di seluruh negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Kuala Kurau pula telah menyarankan agar dirancarkan kembali usaha menghasilkan produk satu daerah satu industri. Sukalah saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi telah diberi tiga tanggungjawab utama dalam soal ini iaitu:

- (i) membangunkan produk itu sendiri;
- (ii) melakukan usaha-usaha promosi dan pemasaran; dan
- (iii) memberikan latihan keusahawanan kepada usahawan-usahawan SDSI.

Kita telah pun menjayakan *show case* SDSI peringkat kebangsaan pada 6 hingga 8 April yang lalu di Melaka yang melibatkan penyertaan 206 usahawan SDSI dari 115 daerah di seluruh negara. *Show case* tersebut telah dapat meningkatkan kesedaran akan kepentingan jaringan peniaga dan kualiti produk SDSI. Alhamdulillah, hampir RM2 juta tempahan kontrak dan jualan tunai telah berjaya dihasilkan di sepanjang *show case* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Dungun, Kuala Kurau dan Tuaran meminta supaya hebahan maklumat usahawan sampai ke peringkat daerah-daerah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi-agensi di bawah kementerian seperti MARA, Bank SME dan TEKUN telah pun mempunyai pejabat operasi sama ada di peringkat negeri, daerah mahupun di setiap kawasan parlimen dan juga mempunyai mekanisme perkhidmatan pelanggan yang bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat tersebut. Di samping itu, kementerian juga turut menganjurkan program gerak usahawan di seluruh negara yang disertai oleh pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan juga pihak swasta yang berperanan menghebahkan maklumat keusahawanan kepada masyarakat. Mengenai petunjuk prestasi utama KPI sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kota Belud, kementerian telah pun menetapkan KPI nya dalam usaha mencapai sasaran mewujudkan MPPB, KPI yang dirangka untuk Rancangan Malaysia Kesembilan adalah seperti berikut:

- (i) pembudayaan keusahawanan di kalangan 1.5 juta masyarakat bumiputera khususnya;
- (ii) melahirkan 150,000 usahawan baru;
- (iii) peningkatan 25,000 *enterprise* sedia ada;
- (iv) membangunkan 75,000 sumber manusia profesional; dan
- (v) memantapkan keupayaan 600 koperasi sedia ada serta mewujudkan 800 koperasi baru.

KPI yang dirangka tersebut bukan sahaja merupakan unjuran ke arah pencapaian matlamat bahkan ia juga diguna pakai sebagai mekanisme pemantauan khususnya untuk mengawal gejala-gejala ketirisan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Dalam melaksanakan proses pemantauan, kementerian akan mengambil pendekatan secara menyeluruh supaya pelaksanaan projek dan program menjadi lebih berkesan. Faedah pemantauan akan menumpukan kepada proses pengumpulan maklumat melalui dua sistem yang berbeza iaitu:

- (i) untuk projek bukan fizikal; dan
- (ii) untuk projek fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai suatu pendekatan baru, kementerian juga akan memberi tumpuan untuk memperluaskan peluang-peluang perniagaan di kalangan usahawan bumiputera di Rancangan Malaysia Kesembilan. Di antara program yang akan

diberi tumpuan ialah pembangunan francais, *vendor*, *technopreneur*, inkubator, program *conversion* iaitu dengan izin dari pembangunan kemahiran ke bidang keusahawanan dan seterusnya peruncitan. Sektor-sektor yang akan diberikan tumpuan termasuklah sektor automotif, ICT, perabot, teknologi marin, *aero* angkasa, pengangkutan, pelancongan, *biotechnology*, biokomposit, herba, *electrical* dan *electronic*, industri halal serta perkhidmatan.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: [*Bangun*]

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Ayer Hitam telah menyentuh mengenai kegagalan PROTON dalam memupuk lebih ramai *vendor* bumiputera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1999 sehingga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Yang Berhormat, Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengikuti tentang kedudukan daripada awal sehingga beberapa pendekatan yang akan dilaksanakan oleh kementerian dan kerajaan ke arah meningkatkan keupayaan oleh proses pembudayaan pembangunan usahawan dan juga perkara-perkara yang berkaitan sebagaimana yang termaktub dalam gerakan usahawan termasuk juga dalam memenuhi matlamat masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Dalam perkara ini ada satu sektor yang saya telah sentuh, yang saya ikuti tidak dijawab oleh Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan pencapaian ekuiti usahawan bumiputera yang mana banyak dilaksanakan oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan termasuk juga dilaksanakan daripada syarikat-syarikat besar kerajaan melalui program-program yang diperkenalkan oleh kerajaan sama ada dalam francais dan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tetapi ada satu sektor yang penting iaitu kerjasama dengan usahawan ataupun ahli-ahli korporat bukan Melayu atau bukan bumiputera yang telah berjaya supaya rata-rata yang saya temui daripada peneraju keusahawanan dan pedagang bukan bumiputera sebenarnya ingin melihat dasar kerajaan untuk mencapai ekuiti bumiputera ini untuk sama-sama dibantu oleh bukan bumiputera yang telah berjaya.

Apakah pendirian kerajaan dan Yang Berhormat Menteri sendiri supaya ada satu kaedah di mana usahawan bukan bumiputera yang telah berjaya melatih usahawan kecil dan sederhana bumiputera, tidak semata-mata kita bergantung kepada dana ataupun perdagangan dan juga unjuran yang disediakan oleh kerajaan ataupun syarikat-syarikat kerajaan sahaja.

Saya hendak tahu kaedah ini supaya lompatan ke arah mencapai ekuiti sekurang-kurangnya 30% ini dapat dalam masa yang singkat supaya ada pakatan strategi, di kalangan rakyat Malaysia khususnya di kalangan usahawan ataupun ahli korporat bukan Melayu untuk membantu usahawan kecil dan sederhana bumiputera. Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya betul seperti apa Yang Berhormat katakan iaitu untuk menentukan kejayaan melahirkan usahawan, ia memerlukan tiga komponen:

- (i) soal pembudayaan;
- (ii) kemudahan dan bantuan yang kerajaan sediakan iaitu seperti yang telah saya katakan tadi melahirkan persekitaran yang *conducive*; dan
- (iii) soal peluang.

Kita juga tahu bahawa peluang yang kerajaan mahupun syarikat berkaitan kerajaan boleh sediakan adalah terhad. Maka itu, peluang yang kita benar-benar ikhlas

untuk membangun dan melahirkan usahawan di kalangan bumiputera perlu juga dibuka oleh semua syarikat tidak kira bumiputera ataupun yang bukan bumiputera yang sudah berjaya kerana kalau kita sudah tanam budaya untuk menjadi usahawan dan kalau kita sudah sediakan segala kemudahan tetapi peluang tidak disediakan kepada mana-mana mereka yang berminat hendak menjadi usahawan maka dengan sendirinya ia tidak akan melihat kejayaan kita untuk melahirkan usahawan tersebut.

Maka atas sebab itu sememangnya Kementerian menyambut baik saranan dan sokongan daripada Yang Berhormat supaya dapat diwujudkan program *smart partnership* dan pakatan strategik di kalangan Kementerian dan juga usahawan-usahawan bukan bumiputera yang sudah berjaya dan ini memang akan menjadi satu tumpuan yang akan diberikan oleh Kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Walaupun begitu sukalah saya memaklumkan bahawa sebelum daripada ini melalui program pembangunan vendor bumiputera memang terdapat kerjasama yang telah diberikan oleh syarikat bukan bumiputera. Terdapat 18 buah syarikat besar tempatan bukan bumiputera yang sama-sama terlibat dengan Kementerian daripada 94 syarikat *anchor* yang mana 18 daripadanya terdiri daripada syarikat bukan bumiputera yang sudah pun memberi kerjasama kepada Kementerian dan kita berharap supaya kita akan dapat meningkatkan lagi penglibatan syarikat-syarikat bukan bumiputera untuk sama-sama dalam usaha memberi peluang kepada usahawan-usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah menyentuh mengenai kegagalan PROTON dalam memupuk lebih ramai vendor bumiputera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1999 sehingga Disember 2005 sebanyak 290 buah syarikat tempatan telah membekalkan komponen kepada Proton dan daripada jumlah ini 114 ataupun 43.2 peratus daripadanya merupakan vendor bumiputera dengan anggaran nilai kontrak sebanyak RM8.76 bilion iaitu lebih daripada 50 peratus daripada jumlah RM17.14 bilion.

Berdasarkan kepada kejayaan ini, maka kerajaan akan terus memberi penekanan kepada program pembangunan vendor sebagai salah satu program teras Kementerian di dalam membangunkan usahawan bumiputera terutamanya dalam sektor yang berteknologi tinggi. Secara keseluruhannya kita akan tentukan supaya pembangunan usahawan melalui program vendor bumiputera ini akan dapat kita teruskan di bawah program kerjasama strategik dengan pihak GLC.

Berhubung dengan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian telah mengadakan kesepakatan di dalam program pembangunan vendor di antara GLC dengan Kementerian. Di antara GLC yang terlibat adalah Tenaga Nasional Berhad, Keretapi Tanah Melayu Berhad dalam bidang perkhidmatan, Petronas, Malaysia Airport Berhad, NADI dan AIROD dalam bidang aeroangkasa, UEM World dalam bidang pembinaan, Composite Technology Resources Malaysia, Aeroangkasa dan juga PROTON. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian menasarkannya sekurang-kurangnya untuk melibatkan 15 GLC lagi sebagai *anchor* di bawah program ini. Ini semua adalah untuk memastikan GLC turut memainkan peranan membangunkan usahawan bumiputera dalam program pembangunan vendor.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga peka terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun mengenai penglibatan usahawan tempatan...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini saya membaca satu kenyataan dari Proton iaitu mereka telah mengambil keputusan mengurangkan dari 300 hingga 400 vendor kepada 30 vendor sahaja. Saya rasa ini bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, GLC seperti PROTON, Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya memainkan peranan untuk menggalakkan dan meningkatkan penglibatan kaum bumiputera dalam sektor industri melalui skim vendor. Jadi apakah keputusan yang dibuat oleh PROTON ini selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan penglibatan kaum bumiputera dalam industri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri siasat mengapakah keputusan seperti ini diadakan.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat di atas kepekaan mengenai perkara itu. Sebenarnya kalau kita mengamati kenyataan daripada PROTON dan jika kita memahami Dasar Automatif Negara memang telah pun disarankan syarikat vendor yang kecil dapat dicantumkan, bukannya hendak diketepikan, bukannya hendak *dieliminate* dengan izin, tetapi dicantumkan yang banyak itu supaya mereka menjadi besar dan mereka dapat mengeluarkan produk yang lebih baik dan sebagainya. Manakala yang lain dan hanya sebahagian sahaja melalui proses cantuman itu akan terdiri daripada vendor-vendor di bawah *tier* satu sebagai pembekal peralatan dan komponen kepada PROTON manakala yang lain-lain itu akan dimasukkan dalam golongan *tier* kedua yang akan menjadi pembekal pula iaitu sub vendor kepada vendor yang di bawah *tier* satu.

Jadi yang ramai-ramai, mana yang boleh dicantum akan dicantumkan kerana mereka dikehendaki bukan sahaja untuk membekal kepada PROTON tetapi membolehkan mereka untuk meningkatkan keupayaan supaya dapat bergerak dan membekalkan komponen mahupun produk-produk mereka keluar negara dan ke syarikat-syarikat selain daripada PROTON. Sebenarnya ia selari dengan Dasar Automatif Negara jika kita melihat kepada perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Dungun mengenai penglibatan usahawan tempatan dalam program vendor khususnya dengan Petronas di Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Petronas telah pun melantik 8 vendor tempatan yang beroperasi di sekitar Kuala Terengganu, Kemaman dan juga Dungun. Sehingga Disember 2005, nilai kontrak yang diberi ialah RM1.019 bilion. Sebagaimana yang dilakukan di bawah program vendor, kementerian juga akan membantu memantapkan syarikat-syarikat tersebut melalui kerjasama dengan agensi-agensi teknikal dan adalah menjadi harapan kementerian syarikat-syarikat ini juga yang telah berjaya menjadi vendor kepada Petronas akan melantik sub vendor untuk membekal alatan dan komponen yang diperlukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman, Putatan, Beluran, Kota Belud dan Penampang telah menyentuh pelaksanaan dasar-dasar kerajaan termasuk di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang mana sepatutnya turut memberi nikmat dan faedah kepada golongan minoriti bumiputera terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ingin saya jelaskan bahawa di peringkat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kita tidak membezakan usaha penyediaan, kemudahan dan bantuan termasuk latihan kepada golongan minoriti bumiputera. Agensi-agensi di bawah kementerian seperti MARA, Giat dan TEKUN telah diwujudkan di daerah dan kawasan Parlimen di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Agensi-agensi ini bertanggungjawab mengadakan program-program latihan dan keusahawanan dan juga menyediakan pembiayaan kepada usahawan-usahawan tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, secara terperinci kita mempunyai 11 pejabat MARA daerah di Sarawak dan 10 di Sabah, 22 pusat Giat MARA di Sarawak dan 21 di Sabah dengan jumlah semasa pelatih seramai 24,371 orang belia dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kita merancang untuk membina dua lagi pusat Giat MARA di Sarawak iaitu Mambong dan Kanowit, dan dua di Sabah termasuklah di kawasan Yang Berhormat bagi Sepanggar, manakala satu lagi ialah di Batu Sapi.

Kita juga mempunyai 20 pejabat TEKUN di Sarawak dan 18 di Sabah. Sehingga Februari 2006, jumlah pinjaman TEKUN yang telah dikeluarkan di negeri Sabah adalah berjumlah RM18 juta melibatkan 4,898 usahawan, manakala di Sarawak pula sebanyak RM17.5 juta telah dikeluarkan melibatkan 4,309 usahawan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan mewujudkan 8 pejabat TEKUN lagi di Sabah dan 14 pejabat TEKUN di Sarawak.

Wujudnya pusat-pusat ini di seluruh negeri Sabah dan Sarawak menunjukkan jangkauan perkhidmatan kementerian adalah luas dan program-program MARA, Giat

MARA dan TEKUN turut dinikmati oleh pelbagai etnik bumiputera termasuklah Kadazan Dusun, Melayu Brunei, Bajau, Jeranun, Bidayuh, Melanau dan bumiputera lain di Sarawak. Namun demikian kita terima hakikat ada kalanya pelaksanaan tidak sampai kepada sasaran di sesetengah kawasan. Oleh yang demikian, untuk mengatasi masalah ini Kementerian telah mewujudkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah bertujuan untuk menentukan program-program keusahawanan yang dirancang oleh Kementerian benar-benar dapat dirasai dan dinikmati oleh mereka yang ingin menjadi usahawan di daerah dan juga di peringkat akar umbi.

Buat permulaan kita sedang dalam proses percubaan di 25 daerah. Jika semuanya berjalan lancar, kita akan mewujudkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah di kesemua daerah termasuk di Sabah dan juga di Sarawak. Menyentuh mengenai bantuan kewangan oleh TEKUN yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran dan Hulu Langat, suka dijelaskan bahawa skim TEKUN bukanlah bertujuan untuk mengatasi kemiskinan tetapi untuk memberi pinjaman kewangan secara mudah dan cepat kepada usahawan dan bakal usahawan yang ingin menceburkan diri dalam perniagaan dan perusahaan kecil. Dengan kata lain, ia merupakan salah satu usaha untuk membantu rakyat supaya mudah menjadi usahawan dan seterusnya jika mereka berjaya menjadi usahawan maka dengan sendirinya dapat mengatasi masalah kemiskinan yang mereka hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Cameron Highlands telah menyarankan supaya bank SME diwajibkan memberi pinjaman kepada masyarakat India. Di sini ingin ditegaskan bahawa pembiayaan diberi berasaskan kepada daya maju sesuatu projek dan tidak berasaskan kepada kaum. Bank SME bersedia menimbang semua permohonan yang dikemukakan termasuk daripada masyarakat India, berkenaan dengan cadangan giat MARA melatih masyarakat India seperti Yang Berhormat sedia maklum ia telah pun dilaksanakan oleh MARA. Setakat ini seramai 113 pelatih dari kalangan masyarakat India sedang menjalani latihan di pusat-pusat giat MARA. Pada masa yang sama kita mengalu-alukan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penubuhan sebuah institusi kemahiran baru yang dinamakan Pusat Putra yang akan di tubuh bagi membantu belia khususnya dari kalangan masyarakat India memperoleh kemahiran berkaitan dengan bidang ICT dan juga auto mekanik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman dan Bandar Kuching telah meminta supaya permohonan pendaftaran kontraktor kelas F dibuka semula. Seperti yang telah dijelaskan pembekuan pendaftaran kelas F adalah tindakan sementara bagi memberi peluang kepada Kementerian untuk menyusun dan memantapkan semula kedudukan kontraktor kelas F. Namun demikian, bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai ramai kontraktor kelas F, umpamanya di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak yang diketahui mempunyai jumlah kurang daripada 10 kontraktor satu daerah, Kementerian akan mengemukakan permohonan kepada Kabinet supaya dibuka pendaftaran di kawasan-kawasan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara-perkara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Segambut berhubung sektor koperasi sememangnya kerajaan sudah pun mengiktiraf sektor koperasi sebagai sektor ketiga yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian menyambut baik saranan-saranan yang diutarakan oleh Yang Berhormat khususnya melalui konsep keusahawanan koperasi. Perkara-perkara lain yang sedang dijalankan oleh Kementerian dan Jabatan Pembangunan Koperasi untuk menjayakan sektor koperasi ini termasuklah pepadanan perniagaan antara pihak koperasi dan pihak swasta, penyertaan koperasi dalam program vendor, francais dan seterusnya penerapan ilmu keusahawanan untuk memantapkan lagi pengurusan koperasi. Seperti yang telah saya katakan selaras dengan itu, maka Kementerian telah menasaskan untuk menubuhkan 800 koperasi baru dan memantapkan keupayaan 600 koperasi yang sedia ada di bawah Rancangan Malaysia Yang Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata selagi lagi saya ingin mengucapkan terima kasih pada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan dan saranan kepada perkara-perkara yang berkaitan di bawah Kementerian saya. Saya telah cuba menjawab kesemuanya, namun sekiranya ada perkara yang tidak sempat dijawab,

kementerian saya akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, dijemput.

6.54 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi saya ucapkan terima kasih kepada 32 orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh tidak kurang daripada 10 perkara utama berkaitan dengan kementerian. Pada petang ini saya bercadang untuk menjawab secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Isu yang menarik ramai Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan pelantikan naib canselor, dan seperti sedia maklum Yang Berhormat pada 21 April yang lalu saya telah mengumumkan pelantikan naib canselor baru untuk Universiti Malaya. Perkara yang dibangkitkan oleh Ipoh Timor, Gerik dan Bukit Mertajam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mantan Menteri Pengajian Tinggi telah menyarankan agar ditubuhkan satu *search committee* untuk melantik naib canselor. Saya setuju dengan cadangan ini dan oleh yang demikian, saya telah melantik satu *search committee* untuk mencari calon terbaik bagi mengisi jawatan Naib Canselor Universiti Malaya. Ia diketuai oleh Tan Sri Halim Ali, yang merupakan seorang tokoh terbilang dan ternama di dalam negara kita, seorang yang berwibawa, integriti yang tidak dapat dipertikaikan. Anggotanya ialah Tan Sri Syed Jalaluddin, mantan Naib Canselor UKM; Tan Sri Abu Hassan, mantan Naib Canselor UMS; Prof. Emeritus Dato' Khoo Kay Kim daripada Universiti Malaya dan Tan Sri Azman Hashim, seorang tokoh usahawan yang berwibawa.

Mereka telah mengenal pasti calon-calon yang layak dan sebilangan mereka telah ditemu duga dan mereka semua telah membuat satu keputusan sebulat suara untuk memperakukan kepada kerajaan, Yang Berbahagia Dato' Rafiah Salim sebagai naib canselor baru Universiti Malaya. Antara asas yang digunakan ialah kecemerlangan di bidang akademik, kecemerlangan di dalam bidang pengurusan, kecemerlangan dalam bidang *leadership* ataupun kepimpinan, begitu juga kefahaman dasar-dasar dan aspirasi negara.

Berdasarkan asas tersebut maka pelantikan sudah pun diumumkan dan saya ingin menyatakan di sini bahawa Dato' Rafiah merupakan seorang yang unik, yang mempunyai pengalaman bukan sahaja di universiti tetapi juga di bidang swasta. Cemerlang di universiti sebagai Dekan. Kedudukan terakhir di Universiti Malaya, Dekan Fakulti Undang-undang; cemerlang di sektor swasta sebagai General Manager di Maybank sebagai Assistant Gabenor di Bank Negara Malaysia dan sebelum dan selepas itu sebagai Assistant Second General UN, Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. Kita telah mendapat kepujian Malaysia, khususnya Dato' Rafiah telah mendapat kepujian daripada Kofi Annan iaitu Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, kecemerlangan prestasi Dato' Rafiah semasa di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kita berpendapat bahawa seseorang yang mempunyai pengalaman di universiti dan juga swasta mampu untuk mengembalikan kecemerlangan Universiti Malaya. Ia bukan berdasarkan kepada jantina, berkebetulan merupakan seorang wanita, berkebetulan beliau merupakan calon yang paling layak dan kita cukup yakin yang beliau mampu untuk meningkatkan kecemerlangan pencapaian Universiti Malaya di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang sebelumnya saya mahu ucap syabas kepada Yang Berhormat Menteri oleh sebab merupakan menteri yang pertama yang menyahut kepada blok-blok yang menunjukkan beliau sangat prihatin mengenai *cyber space* dan yang sangat mustahak dan adalah pendapat-pendapat mengenai hal ehwal negara. Saya harap beliau pun boleh menjadi menteri yang pertama mengadakan blok sendiri di mana beliau boleh, bukan sahaja memberi tetapi kongsi pendapat-pendapat mengenai hal ehwal pengajian tinggi dengan rakyat Malaysia.

Saya pun berharap bahawa menteri-menteri yang lain pun boleh mengikuti contoh Yang Berhormat Menteri. Mengenai pelantikan saya pun mahu ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pelantikan VC yang baru-baru ini, di mana Dr. Rafiah yang nampaknya ada *chance* satu lagi, satu *glass ceiling* untuk wanita di negara kita. Tetapi saya akan lebih seronok kalau asas pelantikan bukan wanita yang terbaik tetapi orang yang terbaik untuk jawatan VC. Mengenai *search committee*, saya mahu tanya, yang pertama, adakah ini *search committee* untuk pelantikan VC Universiti Malaya atau akan menjadi - Yang Berhormat bersetuju dengan satu *search committee* yang kekal, yang *permanent* supaya semua pelantikan VC dan DVC (Timbalan Naib Canselor), melalui satu proses jawatankuasa *search* supaya boleh *institutionalize* sistem ini, supaya ada cara yang terbaik sekali digunakan untuk melantik orang yang terbaik sekali memegang tanggungjawab dalam universiti-universiti kita.

Yang kedua, dalam *search committee* untuk melantik naib canselor or VC, adakah *search committee* ini di terhad kepada syarat-syarat bahawa perlulah yang pertama untuk cari calon-calon yang terhad kepada bumiputera sahaja dan kedua atau kepada wanita bumiputera sahaja dan bukan seluas-luasnya supaya sesiapa yang dengan izin, *most qualified* untuk jawatan VC UM yang boleh memulihkan kedudukan Universiti Malaya sebagai satu universiti yang unggul di dunia, boleh dicapai dalam masa yang tersingkat? Adakah terhad dan bilakah kita akan memenuhi jaminan atau janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa kita mahu satu *first world mentality*. Kalau begitu, bilakah kita boleh tengok pelantikan seorang naib canselor universiti-universiti awam daripada bukan bumiputera?

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam memilih calon yang terbaik, kita tidak menghadkan pemilihan kepada bangsa ataupun gender, ingin saya tekankan dan saya berharap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor faham dan tidak membangkitkan perkara ini lagi kerana sebelum ini banyak kali dibangkitkan tentang gender dan jua bangsa. Itu penegasan daripada kerajaan.

Yang keduanya, konsep kaedah *search committee* ini akan kita institusikan, ya. Ia merupakan kaedah yang kita akan gunakan. Ahli-ahlinya, ia bergantung kepada, ia tidak tetap, ya. Yang ini lima dan mungkin untuk seterusnya ahli-ahli berbeza. Yang pentingnya, kita sudah membuat keputusan untuk memilih naib canselor, ada satu kaedah baru iaitu melalui satu *search committee*, ya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sikit lagi. Saya hendak.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam. Ayer Hitam.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya hendak sambung sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Selepas ini, Ayer Hitam. Jawatan terakhir Datuk Rafiah, ialah sebagai CEO di International Center For Leadership in Finance, sebuah institusi yang bergabung dengan Bank Negara dan *flagship* dengan izin, programnya ialah Global Leadership Development Program dan Datuk Rafiah telah berjaya menjalin hubungan dengan beberapa sekolah pengurusan terkemuka di dunia termasuklah Harvard, Stamford dan beberapa sekolah pengurusan yang lain. Setakat ini, sekolah ini telah

melatih kira-kira 300 orang dalam tempoh tiga tahun dan institut ini, 'IKLEF' singkatannya telah melatih lebih 300 pemimpin dalam pelbagai bidang. Bukan sahaja kewangan tetapi dalam pelbagai bidang. Ini antara sumbangan besar Datuk Rafiah kepada pembinaan *capacity building* dengan izin, dalam bidang kepimpinan dalam negara kita, bidang kewangan dan juga bidang-bidang lain. Sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti biodata yang telah dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi, mengenai pelantikan Naib Canselor Universiti Malaya dan saya juga mendapati, bahawa saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi, bahawa Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan pernah memuji Datuk Rafiah itu sebagai satu calon atau seorang yang telah menjalankan tanggungjawab sebagai Penolong Setiausaha Agung PBB dengan baik.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri telah menghuraikan dari segi latar belakang dan pendedahan yang ada pada Datuk Rafiah ini. Dia pernah berkhidmat di swasta dan juga pernah berkhidmat di syarikat-syarikat gergasi dan juga merupakan tokoh akademik sebelum ini, menjadi dekan dan adakah ini yang dicari-cari oleh kementerian, satu pembaharuan oleh kementerian, bahawa kita bukan sahaja mahu menjadikan universiti sebagai satu tempat pusat ilmu, tetapi kita mahu juga usaha sama di antara pihak swasta dengan pihak universiti.

Saya rasa selama ini, *missing link* itu masih ada. Apakah harapan Yang Berhormat Menteri terhadap Datuk Rafiah ini, kerana kita sering mendengar dari segi kedudukan *ranking* UM dan sebagainya, dan kita mempunyai harapan besar terhadap universiti terulung ini. Jadi, adakah itu pendekatan baru atau pembaharuan yang telah dibuat oleh kementerian Yang Berhormat Dato'?

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kekuatan calon ini adalah pengalaman yang luas dalam bidang akademik dan swasta termasuk di peringkat antarabangsa yang tidak ada pada calon-calon lain selama lima tahun iaitu daripada tahun 1997 hingga 2002, beliau menjadi Penolong Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, bertanggungjawab khusus kepada *human resource development* dengan izin. Maka, ini merupakan satu pendekatan yang harus kita teruskan di mana universiti-universiti harus lebih terbuka, sanggup menerima mereka yang cemerlang, bukan sahaja di bidang akademik.

Dalam kes ini, akademik dan di luar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi, *missing link*. Memanglah kita sekarang sedang memantapkan hubungan antara industri dengan universiti. Saya cukup yakin dengan pengalaman luas di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di Bank Negara, di Maybank, maka kita akan mantapkan lagi hubungan antara universiti dan juga pihak swasta yang sekarang ini, kita rasa tidak berapa mantap.

Berkaitan dengan harapan, Datuk Rafiah sekarang ini mengerjakan umrah. Sebaik sahaja beliau balik, kita akan mengadakan pertemuan dengan beliau dan kita akan berbincang dan melihat perkara ini. Kita akan menetapkan beberapa perkara yang harus beliau lakukan untuk memastikan bahawa kegemilangan Yang Berhormat sebut tadi dapat dikembalikan di Universiti Malaya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Saya mengalu-alukan cadangan bahawa sistem pelantikan VC akan *diinstitutionalize* melalui satu proses *search committee*. Adakah Yang Berhormat berhasrat untuk melanjutkan atau *extend* perubahan ini supaya ada pendemokrasian dalam pelantikan *dean* digantikan di fakulti-fakulti semua universiti supaya ada elemen di mana pensyarah-pensyarah atau akademik-akademik bolehlah memainkan peranan dalam pelantikan agar satu peranan mereka untuk melantik semacam di universiti-universiti di negara yang lain.

Yang kedua, Yang Berhormat ada kata tadi, dia harap bahawa perkara Naib Canselor universiti yang bukan Melayu atau bukan bumiputera tidak akan dibangkit lagi?

Kenapa? Adakah ini sensitif? Adakah ini tidak boleh dibangkitkan? Adakah beliau sedar bahawa kegagalan untuk melantik orang yang terbaik sekali, tidak kira apa kaum, adalah satu perkara yang tidak adil di negara kita, yang perlu diperbetulkan dan perkara ini perlu dibangkit sehingga ia dibetulkan. Adakah Yang Berhormat rela untuk membetulkan perkara ini, oleh kerana ini tidak baik untuk negara. Ini menentang dengan hasrat Rancangan Malaysia Kesembilan supaya akan satu budaya *excellent* bahawa kita mahu *culture mentality*.

Adakah kita merelakan untuk memilih yang terbaik sekali, tidak kira kaum termasuk pelantikan naib canselor universiti-universiti oleh kerana kita tengok negara-negara, kenapa kita perlu akademik-akademik bukan universiti pergi luar negara, baru dapat pengiktirafan sebagai Naib Canselor Hong Kong 'Wong Kam Hoo' atau Naib Canselor di Australia, tetapi dalam negara kita sendiri, tidak boleh dapat pengiktirafan? Bukankah ini bukan sahaja tidak adil kepada mereka, tetapi tidak adil kepada negara kita sendiri. Kalau mahu satu negara yang k-ekonomi, di mana *the best in the world*.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja jawapan. Yang pertama, kita telah memilih calon yang terbaik tanpa mengira kaum dan gender. Yang keduanya, berkaitan dengan pendemokrasian pelantikan dekan, memanglah kita mendengar beberapa rungutan tentang ketelusan pelantikan dekan dan lain-lain profesor yang kanan. Maka itu, kementerian sedang merangka kaedah-kaedah untuk memperbaiki lagi, meningkatkan ketelusan dan memastikan bahawa mereka yang dilantik sebagai dekan dan pensyarah-pensyarah kanan ini benar-benar berwibawa dan mampu. Terima kasih, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga membangkitkan tentang pensyarah-pensyarah yang gagal mendapat Ph.D, yang dihantar untuk buat Ph.D dan apa tindakan yang diambil terhadap mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 2001 hingga 2005, 2,264 pensyarah telah dihantar oleh kerajaan bagi mengambil ijazah Ph.D dalam dan luar negara, tutor pula berjumlah 1,391. Yang gagal tempoh tersebut ialah 54 orang yang gagal mendapat Ph.D. Tindakan yang diambil berbeza. Kalau yang berkenaan itu seorang tutor atau *fellow*, kalau mereka gagal, mereka akan dihentikan daripada jawatan dan selain itu, mereka dikehendaki membayar RM100,000 kepada kerajaan bagi Sarjana dan RM120,000 bagi Ph.D.

Bagi pensyarah, iaitu bagi *tutor* ya, bagi pensyarah, jika mereka cuai atas salah laku dan lain-lain, maka mereka juga dikenakan bayaran ganti rugi. Saya minta maaf, berkenaan pensyarah dan tutor yang gagal menamatkan pengajian Phd. Bagi pengajian bagi tahun 2001 hingga 2005, ialah 149. Bukan tadi, saya sebut 54, minta maaf 149 iaitu 87 dalam negeri dan 62 daripada luar negara.

Itu berkaitan dengan tindakan dia nak ambil terhadap mereka yang gagal mendapat Ph.D. yang ditanya oleh Ipoh Timor. Mengenai insentif bagi pensyarah untuk mendapat Ph.D. Dan untuk mengekalkan mereka, mereka yang mendapat Phd. Akan diberikan markah lebih dalam kenaikan pangkat dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sekarang ini sedang merangka satu kaedah bagi melanjutkan umur persaraan pensyarah-pensyarah melebihi 56 tahun. Sekarang ini bagi semua pegawai kerajaan, umur persaraan ialah 56 tahun. Bagi pensyarah kerajaan merasakan bahawa mereka masih lagi boleh menyumbang maka kita sedang berbincang dengan agensi-agensi berkenaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga pihak Kementerian Kewangan, kaedah-kaedah bagaimana kita boleh melaksanakan cadangan kerajaan untuk meningkatkan umur persaraan pensyarah melebihi 56. Tentang berapa umurnya dan kaedah terperinci sedang dirundingkan dan pada masa ini saya tidak dapat memberikan butir-butir terperinci.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, penjelasan. Memandangkan bahawa sekarang *life spend* yang lebih sudah ditambah, dan bahawa mereka yang dalam umur antara 55 dan 65 berkata *prime of intellectual life*, di mana hakim-hakim pun, umur persaraan ialah 66. Adakah kerajaan bercadang untuk satu perubahan yang berani supaya yang pertama, ada satu skim yang asing daripada perkhidmatan awam, khasnya untuk universiti-universiti awam.

Dan kedua, di mana umur persaraan ialah 65 ataupun 66, yang semacam hakim-hakim, dan pun selaras dengan perkembangan di negara-negara yang lain yang membangun, yang kita mahu menjadi negara yang membangun. Semacam negara yang membangun supaya kita boleh dapat untung yang maksimum daripada *intellectual prime* akademik-akademik kita.

Yang pertama, kerajaan sudah secara prinsip bersetuju untuk menambah umur persaraan pensyarah. Belum ditetapkan berapa umurnya, ya. Dan kaedah-kaedahnya sedang dalam perundingan antara kementerian dengan berkenaan kerajaan. Itu yang pertama.

Yang kedua, berkaitan skim khas. Dalam kerajaan, kita ada satu skim yang melibatkan semua pegawai kerajaan dan pada masa ini agak sukar untuk mengadakan satu skim yang di luar skim kerajaan. Yang kita sudah pun lakukan hari ini, ialah mengadakan kenaikan pangkat berganda di mana walaupun syarat pensyarah itu umurnya masih muda, pengalaman dari segi bilangan tahun mengajarnya tidaklah seberapa mereka layak untuk mendapat kenaikan pangkat dengan cepat. Kita ada beberapa orang professor umpamanya, yang menjadi professor sebelum umur mereka menjangkau umur 40 tahun dan kalau dalam bidang kerajaan, kalau kita seorang pegawai kerajaan, untuk mendapat JUSA C, amat sukar sekali pada umur 40 tahun. Tetapi bagi pensyarah, pensyarah-pensyarah cemerlang dapat menjadi professor walaupun umur mereka belum 40 tahun berasaskan kecemerlangan akademik.

Selain itu, kita ada juga ada professor yang boleh naik sampai *super skill A*. Walaupun skimnya C dan B. Tapi boleh sampai *super skill A*, dan kerajaan berhasrat untuk menambah lagi jawatan-jawatan ini. Jadi skimnya sama dengan kerajaan. Bezanya yang pertama, boleh naik pangkat berganda. Lebih cepat, ya. *Accelerated promotion*, dengan izin.

Yang ketiganya, bagi professor, senior professor, peluang untuk mendapat *super skill A*, terbuka kepada mereka. Ini yang telah kita lakukan. Dan sebenarnya, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini, telah memberi insentif kepada para pensyarah untuk terus menyumbang kepada negara. Jadi, skim perkhidmatan khas, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakannya. Yang kita ada ialah mengadakan satu kaedah, satu laluan yang lebih mudah untuk mereka naik pangkat. Berkaitan Kepong membangkitkan tentang pakar-pakar daripada luar negara untuk kembali ke Malaysia, dari segi realitinya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Masih tentang naib cancellor tadi. Satu lagi universiti yang kekosongan dan ataupun hampir kekosongan jawatan naib cancellornya ialah Universiti Islam Antarabangsa yang mana kita tahu, rektornya sudah pun lama mencapai umur bersara dan disambung khidmatnya dan perkhidmatan itu hampir tamat.

Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada *search committee* untuk mengenal pasti calon baru bagi rektor UIA ini sudah pun ditubuhkan? Soalan kedua saya untuk penjelasan ialah berkaitan dengan Universiti Putra Malaysia. Pada zaman mantan Perdana Menteri, *agriculture* dengan izin *was a dirty word*. Jadi Universiti Pertanian, istilah pertanian itu dianggap tidak sesuai dengan zaman itu. Zaman Perdana Menteri baru ini, *agriculture* ataupun pertanian adalah satu *trend* baru yang hendak dipertingkatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan RMK-9 pun memberikan peruntukan yang besar kepada pertanian. Jadi di bawah Yang Berhormat Menteri ini, adakah bercadang untuk menukar balik nama Universiti Putra kepada Universiti Pertanian sesuai dengan semangat yang ada dalam RMK-9 ini?

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang untuk mengubah nama Universiti Putra kepada Pertanian. Yang kita nak buat ialah untuk

menambah kandungan pertanian di Universiti Pertanian. Esok soalan nombor 5, Insya-Allah saya akan jelaskan dengan lebih lanjut. Nombor 5, esok. Jadi hari ini, kita tumpu kepada perbahasan. Mengenai UIA, undang-undang tubuhnya berbeza sedikit. Presidennya mempunyai kuasa yang berbeza daripada pengerusi-pengerusi lembaga pengarah universiti yang lain. Oleh itu, kaedah universitinya berbeza dan kerajaan akan berbincang dengan presiden universiti sebelum sesuatu tindakan diambil berkaitan dengan perlantikan rektor UIA.

Tuan Yang di-Pertua, Kinabatangan membangkitkan tentang sama ada kerajaan telah dicadangkan supaya ditubuhkan satu suruhanjaya pendidikan tinggi. Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya ini, kerana hal-hal berkaitan pelantikan pengesahan kemasukan ke jawatan berpenecen, kenaikan pangkat dan lain-lain adalah di bawah bidang kuasa lembaga pengarah universiti masing-masing. Pendekatan ini didapati baik oleh sebab memberi *empowerment* kepada universiti-universiti berkenaan. Jadi kita tidak bercadang nak tubuh satu suruhanjaya pendidikan tinggi pada peringkat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai pakar-pakar asing, belum jawab lagi?

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Kepong. Diganggu oleh Tumpat tadi. Terima kasih. Jadi, seperti saya maklum tadi, realitinya, wang itu boleh mempengaruhi keputusan seseorang. Adalah sukar untuk Malaysia bersaing untuk Malaysia bersaing dengan negara-negara maju seperti Amerika, Eropah, Jepun, Singapura dalam menawarkan gaji yang tinggi. Malangnya langkah kita untuk menarik balik pakar-pakar Malaysia di luar negara kurang berjaya. Oleh sebab masalah gaji yang tidak setimpal dengan apa yang mereka boleh dapati di negara-negara luar.

Dalam pada itu, saya hendak bagi kes di Universiti Teknologi Malaysia, mereka sudah membuat keputusan untuk mengambil pensyarah-pensyarah cemerlang di luar negara dengan memberi ganjaran yang lebih daripada apa yang diterima oleh pensyarah tempatan, dengan syarat mereka benar-benar cemerlang. Dan mereka sudah pun mengiklankan kekosongan ini di beberapa buah negara dan ada beberapa pensyarah daripada Australia yang berminat. Dalam tahun ini, mereka menjangkakan dapat melantik dua, tiga orang pensyarah yang terkemuka dan gajinya dalam lingkungan RM20,000 ke RM25,000 sebulan, yang bagi kita agak lumayan. Tetapi bagi pensyarah asing mungkin rendah, tetapi saya difahamkan mereka mungkin berjaya menarik beberapa pensyarah ternama dalam tempoh terdekat ini di Universiti Teknologi Malaysia Skudai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang dengan itu Yang Berhormat menjawat jawatan Menteri yang merupakan *breath of fresh air*. Dengan pengalaman Yang Berhormat, di Melbourne dan sebagainya, memang Yang Berhormat menyaksikan macam mana mereka menguruskan itu suasana dan akademik pengajian tinggi dan sebagainya.

Yang Berhormat, saya setuju bahawa, Ledang tunggu sekejaplah dulu. Contoh Arau, dia tak kacau. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau nak rehat, jangan kacau dia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tahu, dia tak kacau. *[Ketawa]* Yang Berhormat, memang kalau itu memang Universiti Teknologi dapat menarik sesetengah orang itu memang satu perkara yang baik. Selain dari faktor kewangan, Yang Berhormat, ada yang hendak kembali ke sini kerana faktor-faktor yang lain, faktor keluarga dan sebagainya. Dan bolehkah Yang Berhormat memastikan semua ini asalkan mereka layak mempunyai kelayakan yang sebenarnya. Misalnya kembali daripada UK, dia layak untuk menjadi *consultant* di situ di dalam hospital. Dan dengan demikian, bila dia nak kembali ke sini, boleh Yang Berhormat memastikan mereka dapat jawatan yang setimpal dengan yang boleh didapati di negara-negara lain sekurang-kurangnya walaupun dari segi kewangan

tidak sehebat. Tapi sekurang-kurangnya dari segi pengiktirafan dan sebagainya, kita bagi. Yang ini sebab cara yang baik dan juga birokrasi mesti dikurangkan.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih, perkara ini sedang dilaksanakan sebenarnya oleh Kementerian Kesihatan. Cumanya saya tidak ada butir terperinci tetapi sudah dilaksanakan secara kecil-kecilan untuk mengurangkan karenah birokrasi dan juga memberi mereka jawatan-jawatan tertentu dalam kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kinabatangan membangkitkan tentang bilangan pensyarah Ph.D. Sekarang ini sekitar 31% iaitu purata di universiti-universiti dalam negara kita dalam tempoh RMK-9 iaitu menjelang 2010, kita bercadang untuk meningkatkan peratusan ini 60% dan ini dapat kita capai kerana kerajaan baru meluluskan peruntukan RM1.2 bilion dalam RMK-9. Dan ini membolehkan kita menambah tiga kali ganda bilangan pensyarah-pensyarah yang dihantar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Ph.D khususnya ini, InsyaAllah perkara ini akan dapat kita atasi. Ayer Hitam,

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa kita gagal dalam matlamat yang asal, dalam K-Ekonomi *Master Plan* yang bercadang bahawa kita patut mengadakan mencapai *target* 100% akademik-akademik yang memperolehi Ph.D tahun 2010. Saya percaya Yang Berhormat Menteri tahu mengenai K-Ekonomi dan sebagainya. Dan kita perlu tahu kenapa kita gagal? Kalau kita mahu memastikan bahawa *target* sekarang kita tidak akan gagal di masa depan, 60%. Sungguhpun sebulan, dua bulan sebelum Yang Berhormat dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi, beliau ada mengumumkan *target* sajalah 75%, sekarang ada turun 60%. Kita mahu tahu kenapa kegagalan *target-target* ini supaya kita tidak mengulangi kesilapan-kesilapan masa dulu.

Dato' Mustapa Mohamed: Sebab yang utama Tuan Yang di-Pertua ialah kekangan kewangan atau *financial constrain* dengan izin. Kita tidak dapat mencapai matlamat yang kita tetapkan terdahulu, terpaksa dikaji semula kerana ada beberapa keperluan lain yang lebih mendesak, ini pun mendesak juga setelah kita mengkaji perkara ini yang dapat diperuntukkan oleh kerajaan, RM1.2 bilion untuk mencapai 100%, kita perlu menambah. Sudah pasti peruntukannya mungkin 3 kali ganda dan pada masa ini kita rasa memadai dengan RM1.2 bilion. Dalam pada itu, saya ingin maklumkan di sini bahawa kita ada apa yang dipanggil *ready made*, *almost ready made* Ph.D's, mereka di UK, di Australia, di Amerika Syarikat dan negara lain yang mungkin belajar atas biasiswa MARA dan lain-lain ataupun tajaan sendiri. Dan baru ini pihak Universiti Putra Malaysia telah melawat beberapa buah negara dan mereka telah berjaya untuk merekrut beberapa orang yang hampir mendapat Ph.D tanpa membelanjakan wang yang banyak. Jadi satu sudut kita menambah peruntukan.

Yang keduanya, kita ada satu bilangan pelajar-pelajar kita yang memang sudah berada di luar negara atas tajaan sendiri ataupun tajaan lain yang memang bersedia untuk pulang ke Malaysia. Oleh itu kita yakin bahawa angka 60% ini dapat kita capai dan kita akan cuba tambah angka ini dari masa ke semasa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Memang sekarang kita ada ruang *ready made* Ph.D di negara-negara yang lain, dahulu pun ada. Tidakkah Yang Berhormat Menteri ada ambil bahagian dalam penggubalan K-Ekonomi *Master Plan*, masa itu kalau saya tak silap Yang Berhormat Menteri ada dalam NEAC, Majlis Ekonomi Tindakan, *National Economic Asian Council*. Tidakkah Yang Berhormat masa itu pun terlibat dalam penggubalan K-Ekonomi *Master Plan* yang berhasrat *target* 100% akademik-akademik atau memperolehi Ph.D 2010. Kalau masa itu tidak kaji mengenai masalah-masalah ini, dan bagaimana kita boleh dapat kepercayaan bahawa *target* 60% ini akan dicapai 2010?

Dato' Mustapa Mohamed: Ya, saya terlibat sedikit sebanyak dalam penggubalan K-Ekonomi *Master Plan* lima tahun yang lalu, itu lima tahun yang lalu ya. Sekarang ini

sumber yang dapat kita peruntukkan RM1.2 bilion dan kita harus sedar bahawa kita perlu membuat penyesuaian dari masa ke semasa. Terima kasih, saya teruskan.

Ayer Hitam membangkitkan tentang pensyarah-pensyarah tenaga pengajar UTM dalam bidang kejuruteraan yang berkelulusan Ph.D yang berhijrah ke kolej-kolej, universiti baru. Jadi persoalan tanya ialah bagaimana nak mengawal? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada 74 pensyarah-pensyarah dalam kategori tersebut daripada UTM khususnya dalam bidang kejuruteraan. Apabila kerajaan menubuhkan beberapa kolej universiti yang baru, KUitTHO, KUSTEM umpamanya, kuktem di Pahang, beberapa pensyarah daripada UTM telah dipinjamkan, 74 ya. Jadi ini kita anggap sebagai satu *national service*, oleh kerana kita nak tubuhkan beberapa kolej universiti baru, tidak ada tenaga pengajar mencukupi yang ramai ada di UTM maka kita mohon pertimbangan UTM meminjamkan mereka.

Ini menimbulkan masalah juga kepada UTM tetapi demi kepentingan nasional, kita merasakan perlu UTM mengorbankan beberapa kakitangannya. Dan apabila dengan peruntukan yang bertambah yang disediakan oleh kerajaan, universiti baru ini akan dapat menghantar pensyarah mereka untuk buat Ph.D dan mereka ini dapat dihantar balik ke UTM.

Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Barat dan Cameron Highlands membangkitkan tentang kaum India dikaitkan dengan meritokrasi dan juga keciciran pelajar-pelajar kaum India.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya apa yang saya katakan hari itu sebahagian daripada fakta yang telah saya sampaikan di mana pensyarah yang mempunyai kelayakan Ph.D telah dieksport. Tetapi apa yang saya nak bangkitkan ialah kenapa UTM tidak dijadikan sebagai universiti penyelidikan memandangkan kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi. Dan begitu juga saya nampak, kita ada banyak kursus yang dalam negara Asia tidak ramai, tidak banyak universiti yang boleh kita masuki, kejuruteraan petroleum. Saya rasa dalam Asia ini, cuma dua, tiga universiti yang ada dari segi kejuruteraan kimia, mekatronik, elektronik dan sebagainya.

Ini adalah merupakan *niche market* dalam sektor teknologi. Jadi persoalan saya mungkinkah UTM itu dimasukkan sebagai satu universiti penyelidikan berdasarkan fakta-fakta yang telah saya sampaikan, penghijrahan pensyarah itu sesuatu perkara yang tidak dielak. Jadi apabila kita melihat dari segi nisbah mereka yang dapat *first graduate* dengan pelajar itu, mungkin UTM tidak memenuhi syarat itu tetapi hakikatnya ialah mereka telah menjalankan *national service*. Dan saya meminta, merayu kepada Menteri yang baru menerajui Kementerian ini supaya mempertimbangkan. Ini wawasan 2020, kita perlu ada *niche market* dalam sains dan teknologi. Sebab itu saya mengatakan UTM itu sepatutnya dijadikan sebagai universiti *research*. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Mustapa Mohamed: Pertama Tuan Yang di-Pertua, memang UTM merupakan pusat kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan tidak dapat kita pertikaikan. Yang keduanya, memang betul dalam RMK-9, ditentukan empat universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, USM, UKM dan Universiti Putra, dan UTM tidak termasuk dalam kumpulan ini. Insya-Allah, kita akan kaji semula perkara ini, memang kita dapat banyak rungutan daripada pensyarah-pensyarah UTM dan kita ucap terima kasih kepada Ayer Hitam atas perhatian beliau memperjuangkan pensyarah-pensyarah di UTM, dan saya ambil berat tentang saranan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam berkaitan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands membangkitkan tentang pelajar-pelajar India yang kurang memasuki IPTA berbanding kaum lain oleh kerana disebabkan oleh meritokrasi. Memang kita mengakui bahawa peratusan pelajar daripada kaum India adalah sekitar 5% hingga 6% sejak dilaksanakan dasar ini bermula sesi akademik 2002/2003. Umpamanya pada 2005/2006, sesi sebelum ini, bilangan ataupun peratusan pelajar India ialah 5.6%.

Tetapi dari segi peratusan pelajar-pelajar India yang berjaya berbanding dengan pemohon agak tinggi jugalah kira-kira 34%, berbanding bumiputera 32% dan daripada pelajar Cina 62%. Oleh itu, kita tidak berhasrat untuk merungkai kembali dasar meritokrasi ini dan kita berharap pelajar-pelajar India dengan langkah-langkah baru yang akan diambil oleh kerajaan, khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengurangkan keciciran pelajar India, maka prestasi mereka akan meningkat dan dengan itu peratusan mereka dalam IPTA mungkin akan bertambah.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Tuan Yang di-Pertua, membangkitkan tentang isu...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang *successful rate of various* kaum ini tidak boleh diambil kira kalau berbanding dengan bilangan pelajar dari pelbagai kaum di dalam universiti kerajaan kerana saya rasa kemasukan itu ada perbezaan. Ada yang dari matrikulasi dan juga mereka yang dari STPM. Saya rasa disebabkan oleh matrikulasi ini kebanyakannya untuk bumiputera. Jadi, boleh dikatakan kebanyakan bumiputera yang dimasukkan ke universiti adalah melalui matrikulasi dan itu juga menyebabkan kualiti di sesetengah kursus seperti perubatan itu telah dipertikaikan kerana mereka melalui matrikulasi dan bukan STPM dan kita tahu bahawa STPM ini adalah lebih susah daripada matrikulasi.

Jadi, kalau kita betul-betul ingin mengadakan satu meritokrasi, bolehkah kita mengadakan satu aliran sahaja, semua sama melalui matrikulasi ataupun semua melalui STPM ataupun seperti ada sesetengah negara bahawa semua pelajar yang ingin masuk ke universiti mesti melalui satu peperiksaan pengambilan. Ini supaya memastikan ini adalah adil kepada semua dan bukan seperti sekarang yang dikatakan meritokrasi tetapi kita semua tahu ia bukan. Apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Mustapa Mohamed: Kerajaan tidak bercadang, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengubah dasar pada masa ini iaitu untuk mengasaskan kemasukan ke universiti kepada pencapaian dalam meritokrasi dan juga STPM. Kedua-dua peperiksaan ini boleh diterima dan ini bukan satu amalan yang unik di Malaysia. Di negara-negara lain juga dibenarkan kepelbagaian – ada A Levels, ada IB dan lain-lain. Jadi, kita tidak bercadang untuk mengubah dasar ini.

Mengenai pelajar-pelajar bukan bumiputera, kita tahu ada 10% di kolej-kolej matrikulasi, maknanya peluang untuk pelajar bukan bumiputera juga ada. Berkaitan dengan kualiti atau persepsi bahawa mutu matrikulasi lebih rendah, ini merupakan satu tanggapan yang kurang tepat. Dalam pada itu, kerajaan sedang melaksanakan beberapa tindakan untuk memastikan bahawa kualiti pelajar-pelajar kita meningkat dari semasa ke semasa, termasuklah pelajar-pelajar di kolej matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: ... dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Gantang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Bukankah benar bahawa oleh kerana kita mengamalkan satu meritokrasi yang *shame meritocracy* oleh kerana bukan meritokrasi yang tulen oleh kerana tidak ada meritokrasi dalam *intake* pelajar-pelajar atau dalam pelantikan dan naik pangkat akademik-akademik, antara lain ialah sebab kenapa kedudukan universiti-universiti Malaysia jatuh begitu serius sehingga USM keluar daripada *bracket* 200 universiti yang terbaik di dunia, UM jatuh 80 tangga daripada 89 kepada 169 pada tahun lalu.

Kalau kita mahu semacam Yang Berhormat Menteri ada kata berhasrat supaya kita boleh ada dua universiti terbaik dalam dunia, 50 universiti terbaik di dunia dalam tahun 2010. Saya tidak tahu sama ada ini masih menjadi *target* Yang Berhormat Menteri yang beliau baru umumkan dua bulan dahulu. Kalau begitu, bukankah satu unsur yang utama ialah supaya merombak sistem universiti kita supaya kita ada meritokrasi yang tulen, di mana prestasi yang terbaik sekali sungguhpun kita perlu ada meritokrasi dan *niche* supaya masalah-masalah keperluan sosioekonomi pun dijaga tetapi apa yang mustahak ialah meritokrasi dalam akademiknya perlu mendapat keutamaan di universiti kita.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kita akan pastikan bahawa meritokrasi di IPT akan menjadi satu asas yang penting dalam kita memastikan kenaikan pangkat, pelantikan dan lain-lain. Kita tidak *perfect*, tidak sempurna, kita ada sedikit sebanyak perkara yang perlu kita perbaiki dan kita akan terus melaksanakan usaha untuk menambah baik prestasi kita dalam pelbagai bidang.

Oleh kerana masa singkat, Tuan Yang di-Pertua, ramai lagi kawan-kawan....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh sedikit? Yang terakhir mengenai...

Dato' Mustapa Mohamed: *Last, last.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai meritokrasi. Saya ada tengok di sini laporan tahunan Universiti Malaya 2004, pengurusan (*management*) masa itulah. Okey saya mahu tukar tetapi *point* yang sama. Naib Canselor, Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Hashim Yaakob dan Timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Alias bin Daud, Prof. Dato' Hamid Hadi, Prof. Dr. Razali Agus, Anuar Muhamad, Pengurus Besar, Tuan Syed Ahmad, Pengarah Pusat Perubatan, Prof. Dato' Amin Jamaludin dan Ketua Pustakawan, Puan Noriah Mohd. Nor. Itu *management*.

Bukankah ini kita perlu satu *Malaysianization*? Kita perlu satu *Malaysianization* universiti-universiti supaya yang terbaik sekali tidak kira kaum atau tempat. Ini tentulah bukan satu *result* yang terbaik sekali. Bolehkah ini menjadi satu agenda utama dalam reformasi universiti-universiti?

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, besok kita akan bentangkan atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat, laporan Wan Zahid dan mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk memberikan pandangan, kita alu-alukan dan penghujung bulan September kita akan kemas kini laporan ini. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Kepong, semua hendak bagi pandangan, silakan. Besok kita akan bentang atas meja untuk diteliti dan saya anjurkan semua Ahli Yang Berhormat yang berminat memberi pandangan meritokrasi atau apa jualah, boleh beri pandangan kepada kami dan kita mengambil sikap terbuka. *We want the best formulation*, dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, mengenai laporan Zahid.

Dato' Mustapa Mohamed: Ya, cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengenai laporan Zahid, itu sahaja. Kita mengalu-alukan fikiran terbuka. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita ada satu *Parliamentary Select Committee* mengenai pengajian tinggi supaya kita boleh lebih khusus. *[Disampuk]* Semua ini *all lazy fellows, all lazy bums, all lazy bums!* Tengok, Yang Berhormat bagi Puchong. Yang Berhormat bagi Puchong *is the laziest bum in the Dewan Rakyat*.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu kerja, balik rumahlah. Apa mahu, *lazy bum?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya teruskan. Saya tidak bagi jalan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Mustapa Mohamed: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Mustapa Mohamed: Tidak bagi jalan, tidak bagi jalan.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... *excluding lazy bum* semacam Yang Berhormat bagi Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, sila gulung, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa Mohamed: Kita bagi tiga bulan untuk semua Ahli Yang Berhormat beri pandangan berkaitan laporan ini.

Polarisasi kaum - Yang Berhormat bagi Permatang Pauh membangkitkan, memang benar kita mengakui ada polarisasi kaum di kampus. Kita memandang serius perkara ini dan bukan sahaja di kalangan pelajar malah di kalangan pensyarah pun ada polarisasi kaum. Beberapa tindakan sedang kita rancang untuk meningkatkan penglibatan semua kaum dalam kegiatan pelajar, dalam kegiatan sukan dan lain-lain. Menjelang hujung tahun ini saya bagi jaminan bahawa kita akan melaksanakan beberapa tindakan yang proaktif bagi mengurangkan masalah ini.

Berkaitan dengan polarisasi kaum, ingin saya tegaskan bahawa sekarang ini sudah kita perkenalkan satu kursus yang wajib bermula dengan sesi 2005/2006 yang mana pelajar-pelajar dikehendaki mengambilnya. Ini adalah untuk mengurangkan polarisasi kaum di universiti-universiti.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Kinabatangan membangkitkan tentang keciciran pelajar. Pelajar-pelajar lepasan SPM dan STPM, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan memandang serius tentang pelajar-pelajar tidak berpeluang ini melanjutkan pelajaran. Itu sebabnya kerajaan telah menambah dengan banyaknya peluang-peluang untuk belajar di politeknik sebagai contoh dan juga di Kolej Komuniti. Umpamanya tahun ini di politeknik kita akan mengambil kira-kira 36,000 pelajar baru iaitu 15,000 diambil pada bulan Januari dan 1000 bulan Julai. Kolej Komuniti pula akan mengambil kira-kira 12,000 bulan Januari, 6,000 bulan Julai 6,000. Ini langkah kerajaan yang kita ambil untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar yang tidak mendapat peluang melanjutkan pengajian boleh belajar di Kolej Komuniti dan juga di politeknik.

Mengenai kualiti saya sudah menjawab beberapa persoalan dibangkitkan Ipoh Timor tadi, seterusnya Larut membangkitkan kriteria yang setanding dengan universiti antarabangsa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kualiti Yang Berhormat Menteri kualiti, mereka tidak minat mahu bisng-bising, mahu apa guna? Itu kualiti kita mahu *first world first*

class, bolehkah saya minta penjelasan, minta penjelasan mengenai kualiti universiti-universiti kita boleh?

Dato' Mustapa Mohamed: Dah malam ini, sudah pukul 7.00 lebih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Malam? Betul tetapi kalau kita mahu...

Dato' Mustapa Mohamed: Banyak kali akhir dah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya ucapan terima kasih atas perhatian Ipoh Timor dan kita akan bagi peluang seluas-luasnya dalam dua tiga bulan ini untuk menyampaikan pandangan kepada saya apabila Ipoh Timor meneliti laporan Wan Zaid. Yang Berhormat dialu-alukan Yang Berhormat seorang Ahli Parlimen yang rajin, terima kasih banyak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Mustapa Mohamed: Cukuplah cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Ipoh Timor.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat sila duduk Ipoh Timor, sila duduk.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua mengenai *rating* yang dibangkitkan oleh Sungai Petani, memang kerajaan sudah memulakan *rating* mengikut kursus. Sekarang ini kita hampir siap *rating* kursus-kursus IT di kesemua sembilan buah universiti yang menawarkan kursus IT dan mereka akan diberikan *star rating*. Ini permulaan kita baru mula usaha ini dan ini akan dikembangkan kepada fakulti-fakulti lain perakaunan, ekonomi dan lain-lain. Kita sudah buat permulaan dan ini satu langkah yang penting untuk memastikan kita tingkatkan kualiti yang bukan sahaja Ipoh Timor kami semua berminat untuk melihat peningkatan kualiti universiti-universiti kita.

Kinabatangan juga membangkitkan tentang pensyarah untuk universiti baru di Kelantan, terima kasih Kinabatangan bercakap tentang Kelantan. Pada masa ini untuk makluman Yang Berhormat kita sedang menyediakan satu kertas konsep universiti Kelantan dan apabila diluluskan oleh kerajaan khususnya tentang fakulti-fakulti yang akan diadakan di Kelantan, universiti Kelantan yang universiti baru ini, maka kita akan buat persiapan yang sewajarnya untuk melatih pensyarah-pensyarah ataupun melantik pensyarah-pensyarah yang sedang berkhidmat di universiti-universiti yang ada di negara kita.

Berkaitan dengan Kinabatangan juga beliau mencadangkan lebih banyak kolej berbentuk teknologi ditubuhkan. Inilah rasional ditubuhkan politeknik dan juga Kolej Komuniti, hampir kesemua kursus di politeknik adalah berbentuk teknologi dan beberapa kursus baru sedang diperkenalkan oleh pihak politeknik. Mengenai Ledang.....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan, minta penjelasan di sini. Berkenaan dengan kolej-kolej, kementerian ada beberapa syarat mengenai penutupan kolej kerana di kebelakangan ini di Kuching sana Informatic satu kolej telah memberitahu murid-muridnya bahawa ia akan menutup cawangannya di Sarawak dan murid-muridnya telah ditawarkan dua options, satu option adalah datang ke Kuala Lumpur untuk melanjutkan kursus-kursus mereka dan mereka akan diberi RM150 sahaja sebagai elaun kehidupan. Ini memang tidak mencukupi dan kedua *optionnya* adalah melanjutkan kursus-kursus mereka di kolej yang lain iaitu *I-System*.

Pengiktirafannya, *certificatena* tidak setaraf dengan *Informatic*. Saya ingin tahu bahawa adakah kerajaan ada apa-apa syarat mentadbir bahawa kolej-kolej tidak boleh tutupkan cawangannya sewenang-wenangnya kerana murid-muridnya telah bayar yuran mereka dan mereka tidak ada bajet untuk datang ke Kuala Lumpur untuk melanjutkan kursus mereka. So, apakah pendirian kementerian ke atas *Informatic* itu kerana perkara ini baru berlaku pada 18 hari bulan April. Oleh itu saya tidak masukkan dalam ucapan saya, saya harapkan menteri boleh meneliti hal ini supaya kebajikan murid-murid kolej itu dapat dipertahankan.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Kuching saya akan meneliti masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuching. Sri Aman mencadangkan supaya IPT sepatutnya menjadi pusat pengajian sastera dan budaya. Ini saya maklumkan bahawa di Universiti Malaya dan UKM umpamanya memang ada pusat di Universiti Malaya ada pusat kebudayaan, drama dan seni muzik dan lain-lain. Di UKM ada Pusat Alam dan Tamadun Melayu ataupun ATMA yang mana satu masa dahulu Gerik menjadi penerajunya dan insya-Allah kerajaan tidak lupa, lupa tentang kepentingan pengajian sastera dan budaya di universiti walaupun kita memberi tekanan kepada aspek Sains dan Teknologi, aspek Budaya dan Sastera tidak akan dilupakan.

Tanah Merah meminta supaya pembinaan Universiti Darul Naim di Kelantan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Universiti ini melalui satu proses yang memakan masa yang lama, tidak boleh kita siapkan dalam tempoh tertentu malah beberapa universiti UNIMAS umpamanya dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 10 hari yang lalu akan disediakan peruntukan tambahan untuk menambah lagi kapasiti. Jadi adalah mustahil untuk kita siap semua sekali rancangan dalam tempoh tiga empat tahun. Yang penting kita sudah membuat keputusan untuk membina sebuah universiti di Kelantan dan rakyat Kelantan bersyukur terima kasih kepada Kerajaan Pusat atas keputusan yang telah dibuat tersebut.

Mengenai Gerik yang minta ditubuhkan Universiti Perubatan dan Sains, Gerik mencadangkan supaya jangan ditambah lagi bilangan IPTA tetapi diperkukuhkan universiti yang sedia ada untuk kursus perubatan dan sains, kerajaan peka dengan pandangan Gerik memanglah yang penting ialah kualiti pelajar-pelajar dalam bidang perubatan kita tidak boleh kompromi. Oleh hal yang demikian kita hendak mantapkan lagi universiti-universiti yang ada, memastikan doktor-doktor yang dilatih di universiti tempatan ini benar-benar dapat menjalankan tugas dengan baik. Kerajaan berpuas hati dengan prestasi mereka tetapi kalau perkara ini tidak diawasi mungkin mutu doktor yang kita latih akan merosot.

Mengenai pensyarah Kepong membangkitkan tentang ketidakseimbangan jantina di kalangan pensyarah dan siswazah di mana bilangan wanita melebihi lelaki. Secara puratanya wanita merupakan 68% daripada pelajar-pelajar universiti, dari segi pensyarahnya kira-kira 45%. Jadi pensyarah lebih ramai lelaki sedikit tetapi angkanya akan berubah. Ini satu perkara yang perlu kita ambil perhatian dan kita bertanggungjawab untuk memastikan pelajar-pelajar lelaki meningkatkan prestasi mereka dalam bidang akademik dan bidang-bidang lain supaya kedudukan mereka di universiti tidak pupus satu hari nanti. Ini tanggungjawab kita bersama termasuklah Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Mustapa Mohamed: Beluran, Lanang membangkitkan tentang Kolej Komuniti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Beluran masa sudah tidak mengizin, lepas ini kita jumpa.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penjelasan yang singkat, singkat sahaja.

Dato' Mustapa Mohamed: *Direct to the point?*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Direct to the point.* Tuan Yang di-Pertua penjasannya adakah Yang Berhormat sedar, adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun kita sedar masalah ketidakseimbangan jantina bahkan sistem yang kita ada, mekanisme yang kita kaedah, kerena yang kita ada sekarang tidak cukup untuk menghadapi masalah yang semakin hari semakin serius ini. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian untuk meneliti sistem yang kita wujud sekarang yang tidak cukup menghadapi masalah ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih kita ambil perhatian saranan Kepong tadi. Beluran minta supaya Kolej Komuniti dibina di luar bandar, pada masa ini kira-kira separuh Kolej Komuniti dibina di luar bandar dan juga bandar, ada di pinggir bandar. Lanang mencadangkan supaya Kolej Komuniti dibina di kawasan beliau.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain termasuk Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Baram, dan Yang Berhormat bagi Lipis antara Yang Berhormat mencadangkan supaya Kolej Komuniti dibina di kawasan masing-masing saya ingin.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Jerai.....

Dato' Mustapa Mohamed: ... memberi penerangan Yang Berhormat bagi Jerai sudah menulis kepada saya. Saya ingin memberi penerangan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan meluluskan 29 buah Kolej Komuniti baru, bermakna satu negeri puratanya dua buah. Jadi tidak tahulah jatuhnya Jerai ke mana, Langkawi ke mana, tetapi setakat ini.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point Of Order.... [Ketawa]*

Dato' Mustapa Mohamed: puratanya dua. Kerajaan belum memastikan di mana lokasi kita akan meniti permohonan daripada Ahli Yang Berhormat kerana bilangan dua satu negeri secara puratanya. Minta bersabarlah. Seterusnya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat, setahunkah ataupun untuk Rancangan Malaysia Kesembilan itu dua ya?

Dato' Mustapa Mohamed: Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, dua.... tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dua sahaja? Satu negeri dua sahaja?

Dato' Mustapa Mohamed: 29, *average* 29 bahagi dengan 13, 14.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Allah, kenapa sedikit sangat?

Dato' Mustapa Mohamed: *[Ketawa]*.... terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi jangan lupa Jerai. *[Ketawa]*

Dato' Mustapa Mohamed: Yang Berhormat bagi Sandakan mencadangkan supaya Politeknik Sandakan dibina secepat mungkin, saya hendak maklumkan di sini kepada Yang Berhormat bagi Sandakan bahawa kerajaan sudah meluluskan peruntukan untuk Sandakan. Yang Berhormat bagi Sandakan kata belum ada peruntukan, sudah ada. Cumanya dari segi pembinaannya kita sediakan sedikit oleh kerana Politeknik Kota Kinabalu hari ini sebenarnya kapasiti masih ada lagi, ada kapasiti 5,000, pelajar cuma 3,600. Jadi di Kota Kinabalu ada 1,400 tempat kosong lagi. Jadi kita akan bina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, mungkin di hujung sedikit, Yang Berhormat bagi Sandakan, mengenai Sandakan tadi. Saya sudah jawab

Yang Berhormat bagi Baram dan Yang Berhormat bagi Lipis. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu membangkitkan cadangan supaya diterapkan kemudahan asas

dalam pembentukan kurikulum. Ini kita lakukan, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mencadangkan supaya menyerapkan elemen EIQ, IQ dan SQ, ini memang menjadi dasar kita dan seterusnya Yang Berhormat bagi Labuan.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, konsep kesepaduan, saya ingin tarik perhatian iaitu dalam hubungan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran sekarang ini, saya kira perlu ada kerjasama yang begitu akrab, terutamanya dari segi latihan perguruan. Di mana sekolah di bawah Kementerian Pelajaran ditawarkan jawatan perguruan itu. Sedangkan ramai daripada jurusan daripada universiti sekarang ini UPSI, dari UIA, Universiti Malaya yang sekarang merupakan satu lambakan dan longgakan guru-guru yang tidak mempunyai jawatan di sekolah. Bagaimanakah usaha dan mekanisme untuk meleraikan permasalahan ini.

Dato' Mustapa Mohamed: Memang Tuan Yang di-Pertua, kerjasama yang erat sedia terjalin antara kami di kalangan pegawai dan juga menteri Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran dan saya sudah mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelajaran dan setiap bulan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Tinggi dan Kementerian Pelajaran akan mengadakan perbincangan terakhir 31 Mac - insya-Allah 2, 3 hari lagi akan ada perbincangan supaya ada kesepaduan disebutkan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi hendak selaraskan *out put* ataupun bilangan graduan dalam bidang perguruan yang dikeluarkan oleh kedua-dua kementerian tersebut dan sebenarnya dalam kerajaan kita akan tingkatkan lagi penyelarasan antara kita. Yang Berhormat bagi Labuan membangkitkan mengenai IPTS. Masalah IPTS bumiputera khususnya IPTS bumiputera yang tidak ada pelajar tidak mendapat tajaan.

Ini antara masalah-masalah yang dibangkitkan termasuklah saingan daripada IPTA. Yang pertama saya hendak tegaskan bahawa kerajaan prihatin terhadap isu-isu masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan khususnya masalah-masalah yang dihadapi oleh IPTS bumiputera, isu pelajar ini dan juga isu tajaan. Isu tajaan satu isu yang besar dan penting. Kita sedang meneliti beberapa kaedah untuk menambah baik lagi sistem tajaan yang ada hari ini. Isu pelajar isu yang saya rasa perlu kita lihat kepada saingan yang dihadapi dengan Institusi Pengajian Awam termasuklah Kolej Komuniti dan juga MARA dan lain-lain dan IPTS sanggup, bersaing dengan IPTA yang ada. Oleh hal demikian, IPTS perlu meningkatkan kualiti kursus-kursus yang dianjurkan dengan itu dapat bersaing dengan lebih baik lagi dengan IPTA.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Mustapa Mohamed: Jadi, Tuan Yang di-Pertua perkara ini dalam perhatian kerajaan dan memang kerajaan sedar bahawa ada beberapa IPTS bumiputera mengalami masalah dan cumanya kita berharap IPTS juga memainkan peranan untuk meningkatkan kualiti supaya mereka boleh bersaing dengan IPTA.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penjelasan Yang Berhormat Menteri, saya menimbulkan semasa perbincangan tentang pendekatan yang diambil oleh kementerian dalam menangani dalam masalah IPTS yang betul-betul nazak. Saya tidak nampak Yang Berhormat Menteri menyentuh tentang cara menangani masalah dalam waktu terdekat seperti yang saya maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa terdapat beberapa IPTS yang telah memutuskan menutup operasi mereka dalam tempoh sebulan dua. Di antaranya ialah kepunyaan Yayasan Pulau Pinang ataupun Yayasan Pendidikan Kepala Batas. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri seperti yang saya jelaskan secara peribadi. Terdapat dua kumpulan IPTS bumiputera yang bermasalah.

- (i) yang telah dinaik taraf kepada Kolej Universiti;
- (ii) bernaung 100% di bawah UiTM.

UiTM diberikan tanggungjawab oleh kementerian untuk menaikkan jumlah pelajar sehingga 200,000. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah pendekatan dalam waktu singkat ini ke arah mengatasi, supaya jangan ada IPTS bumiputera yang diberikan lesen oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, tutup gara-gara kekurangan pelajar dan bersaing dengan tumbuhnya macam cendawan Kolej Komoditi dan juga kolej-kolej teknik yang ditaja di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, di satu masa Ahli Parlimen mahu supaya ditubuhkan lebih banyak lagi Kolej Komoditi Yang Berhormat bagi Jerai pun mahu, Yang Berhormat bagi Arau pun mahu dan Yang Berhormat bagi Labuan menyarankan supaya kita mengawal penubuhan Kolej Komuniti ini kerana ini menimbulkan saingan. Jadi kerajaan kena imbangi kedua-dua perkara ini. Memang Yang Berhormat bagi Labuan telah membangkitkan perkara ini kepada saya, berkaitan UiTM tadi, memang UiTM bercadang untuk menambah bilangannya dengan mendadak. UiTM hari ini ada 20 kolej bersekutu. Salah satunya ialah Carl di Labuan....

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Penjelasan....

Dato' Mustapa Mohamed: dan ini UiTM akan memberi perhatian. Tetapi ia perlu memenuhi kehendak UiTM, standardnya. Jadi adalah tidak adil kepada UiTM untuk kita paksa mereka mengambil para pelajar atau menghantar pelajar kepada Kolej Bersekutu sekiranya standardnya tidak sampai ke tahap. Jadi yang penting 20 Kolej Bersekutu hendaklah meyakinkan UiTM bahawa ia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Dato' Mustapa Mohamed: ... mampu dan layak untuk menerima pelajar daripada UiTM.

Datuk Haji Hasan Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sebab saya seronok melihat tentang kegigihan dan agresifnya Kementerian Pengajian Tinggi ini hendak menubuhkan universiti-universiti yang sebagainya. Cuma saya hendak mengingatkan balik bahawa di Malaysia ini negeri yang tidak ada mempunyai kampus tetap, UiTM ialah di Negeri Sembilan. Jadi yang ada ini adalah kampus sementara. Jadi saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah statusnya kampus tetap UiTM di Kuala Pilah ini, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Saya telah melawat Kuala Pilah semasa Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tidak ada dalam negara masa itu. Memanglah kita amat prihatin kepada masalah Kuala Pilah sudah dijanjikan begitu lama dan untuk makluman Yang Berhormat kita sudah mendapat peruntukan RM17.6 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kementerian dari mana RM2.9 bilion adalah peruntukan UiTM dan kita dalam tempoh sebulan lagi akan muktamadkan agihan dan insya-Allah kita akan berusaha bersungguh menjayakan hasrat Yang Berhormat bagi Kuala Pilah untuk menubuhkan kampus cawangan di Kuala Pilah kerana Negeri Sembilan satu-satunya negeri yang belum ada kampus cawangan UiTM. Berbalik kepada Yang Berhormat bagi Labuan....

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: ... kita akan berunding dengan UiTM bagaimana UiTM boleh membantu kolej-kolej bersekutu 20 tadi dalam mengagihkan pelajar. Seterusnya saya kira saya sudah menjawab banyak persoalan daripada Yang Berhormat bagi Labuan. Yang Berhormat bagi Labuan juga bertanya tentang akreditasi LAN kepada Kolej Bersekutu UiTM. Pada masa ini tidak diwajibkan, tetapi kita sedang mengkaji perkara ini. Kerana kalau menepati kehendak UiTM, maka kita tidak mewajibkan akreditasi kalau sudah memenuhi keperluan UiTM. Untuk masa hadapan kita sedang meneliti perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ... tentang isu....

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Penjelasan.....

Dato' Mustapa Mohamed: isu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang akreditasi oleh LAN. Saya faham tidak lama dahulu kerajaan pernah ada cadangan untuk pengiktirafan ijazah-ijazah dari universiti-universiti di negeri China. Bagaimana perkembangan terkini tentang cadangan itu?

Dato' Mustapa Mohamed: Belum ada perkembangan ada proses yang perlu dilalui, harus ada hubungan *G to G* harus ada lawatan ada pengiktirafan akhir sekali perlu dirujuk kepada satu jawatankuasa urus setia dan JPA. Jadi pada masa ini belum lagi ada mana-mana ijazah daripada negara China yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengangguran siswazah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam apakah ini ada kaitan, ada dua sebab yang pertama bilangan siswazah yang bertambah.

Yang keduanya peluang-peluang tidak seperti tahun 90-an.

Yang ketiganya juga mungkin ada kaitan dengan kesesuaian kursus-kursus yang sedang diambil kerajaan.

Kerajaan memandang serius perkara ini dan langkah-langkah sedang kita aturkan untuk mengurangkan masalah ini, yang penting kita berharap para siswazah akan lebih terbuka minda mereka, bersedia untuk menjalankan apa jua pekerjaan di dalam negara kita. Kita sedia maklum di negara kita ada 1.8 juta pekerja asing dan mungkin ada beberapa pekerjaan ini dapat diganti oleh pekerja-pekerja tempatan. Mengenai RD&C yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan Yang Berhormat bagi Temerloh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tentang siswazah menganggur dan longgokan guru-guru tadi itu saya ingin mencadangkan supaya sekolah-sekolah swasta itu tadi ataupun IPTS kita ini juga kita tentukan syaratnya supaya dia mempunyai kelayakan profesional di bidang Diploma Perguruan. Sebab sekarang ini dalam usaha kita meningkatkan kualiti dan menjanjikan perkara yang terbaik daripada IPTS ini, saya kira pensyarah-pensyarahnya ataupun guru-gurunya juga adalah yang berkelayakan terutama mempunyai kelayakan profesional itu. Maka ini saya kira dapat mengurangkan. Apakah ada perkembangan ke arah itu untuk memastikan institut IPTS ini mengambil pensyarah-pensyarahnya ataupun guru-gurunya daripada kalangan yang mempunyai kelayakan akademik profesional ini.

Dato' Mustapa Mohamed: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua kita akan ambil perhatian perkara ini. Mengenai *Research Development Commercial Association* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Sungai Petani dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Gantang saya ingin memaklumkan di sini bahawa ini adalah satu aktiviti yang penting dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan diperuntukkan RM200 juta *direct* kepada universiti. Selain itu universiti juga akan dapat memohon daripada dana sains di bawah MOSTI dan saya akan berunding dengan pihak-pihak berkenaan pastikan bahawa aktiviti RD&C dapat ditingkatkan di universiti.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam tempoh 2001 hingga 2005 tidak kurang daripada 71 hasil *research* di universiti telah dapat dikomersialkan dan kita tahu bahawa angka ini kurang membanggakan dan usaha akan ditingkatkan dalam tempoh Rancangan

Malaysia Kesembilan untuk menggalakkan lebih banyak penyelidikan dan juga pengkomersialan di universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain saya kira saya sudah, akhir sekali Yang Berhormat bagi Sik membangkitkan tentang pembelajaran sepanjang hayat dan memang kita ada dasar ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan akan diberi tekanan yang lebih dan kita bercadang untuk menjadikan Kolej Komuniti sebagai pusat rujukan untuk dasar pembelajaran sepanjang hayat bersama-sama rakan-rakan yang lain. Kerajaan merasakan ini satu aspek penting untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai ilmu yang mencukupi bagi memenuhi keperluan masa depan khususnya bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, terakhir-terakhir sebelum Yang Berhormat Menteri, terakhir. Nampaknya Yang Berhormat Menteri ada tinggalkan satu perkara yang mustahak ialah mengenai UUCA. Adakah Yang Berhormat rela untuk memberi pertimbangan kepada penggantungan *suspension* UUCA untuk sementara supaya boleh menunjukkan satu iklim suasana akademik *freedom* di mana sangat perlu kalau kita mahu mahasiswa-mahasiswi dan pun akademik-akademik boleh mencapai keunggulan. Satu iklim yang *encourage student creativity* dan supaya kedua-dua untuk di *politicize* kampus-kampus di negara kita, unversiti-universiti kita.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua yang akhir, dalam rekod saya tidak ada rujukan oleh Ipoh Timor dan perbincangan mengenai AUKU

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pencelahan, pencelahan.

Dato' Mustapa Mohamed: Ini tambahan. Jadi seperti yang dimaklumkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian semalam menjawab soalan mengenai AUKU ini kita sedang mengemas kini cadangan-cadangan dalaman, selepas kita bersedia kita akan membuka untuk perbincangan umum dan kita akan pinda beberapa peruntukan dan kita tidak ada cadangan untuk *suspend* dengan izin AUKU pada masa ini kerana kita merasakan AUKU walaupun ada beberapa sekatan tidaklah membantut atau menjejaskan prestasi akademik dengan ketara.

Dalam pada itu kita mengakui kita mengakui mungkin ada perkara yang perlu diperbaiki, itulah sebabnya kerajaan telah pun bersetuju untuk meminda bukan memasukkan meminda beberapa peruntukan AUKU supaya ada suasana yang lebih sedikit liberal, alam Malaysia berpandukan kepada sosiobudaya kita ini menjadi keinginan kerajaan dan insya-Allah pada penghujung tahun ini kita rasa rang undang-undang ini akan dapat dibentangkan untuk pertimbangan Dewan Rakyat.

Terima kasih kepada 32 Ahli Yang Berhormat yang membahaskan isu-isu berkaitan Pengajian Tinggi dan saya berharap Ahli Yang Berhormat akan menyumbang kepada perbincangan-perbincangan yang akan kita adakan untuk meneliti laporan Wan Zaid. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Setiausaha Parlimen sila.

8.06 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ketika membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah RM1,553 juta termasuk RM520 juta dari Private Financial Inisiatif (PFI) dengan izin kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tentunya sebahagian besar daripada peruntukan ini akan digunakan untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan

agensi-agens di bawahnya dalam memberi khidmat kepada orang ramai. Matlamat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan melalui sistem penyampaian yang lebih efisien. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Penampang, Sepanggar, Sandakan, Tawau, Tuaran dan Yang Berhormat bagi Batu Sapi. Yang Berhormat-Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan pendatang tanpa izin di Sabah.

Perkara ini telah pun dijelaskan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menggulung Perbahasan Titah Diraja baru-baru ini dan beliau telah memberi komitmen untuk melihat perkara ini dengan serius dalam sedikit masa. Semua pandangan mengenainya telah diambil kira dan saya rasa tidak perlu bagi saya menjelaskan selagi bagi membolehkan saya menjawab perkara-perkara baru yang dibangkitkan. Saya mengucapkan terima kasih atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan pihak kementerian akan sentiasa memberikan perhatian mengambil tindakan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang di bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Pahat supaya satu dasar di wujudkan bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing dan bagi membolehkan pemantauan di buat pada setiap masa, tindakan telah pun di ambil dan akan di laksanakan. Negara memang menghadapi kekurangan pekerja ...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tuaran.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen.. Dalam soal penjelasan, beberapa pandangan dan cadangan yang telah diberikan oleh beberapa Ahli Parlimen daripada Sabah seperti mana yang disebut Yang Berhormat tadi dan Yang Berhormat menyatakan bahawa tidak perlu lagi ada perkara baru yang perlu di perjelaskan sebab penjelasan yang panjang lebar telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri semasa menggulung perbahasan Titah Diraja.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada beberapa cadangan yang telah di utarakan persoalan yang juga di utarakan beberapa di antara kami termasuk saya sendiri, Yang Berhormat bagi Batu Sapi, Yang Berhormat bagi Penampang, Yang Berhormat bagi Sepanggar dan sebagainya yang mencadangkan supaya diadakan Suruhan Jaya Siasatan Diraja berhubung dengan apa nama tambahan penduduk yang luar biasa di negeri Sabah dan ini perlu penjelasan dan *respon* daripada pihak kementerian sama ada pihak kementerian mempertimbangkan perkara itu atau pun tidak.

Keduanya ialah Yang Berhormat tidak boleh melihat perkara ini hanya semata-mata sebagai pendatang tanpa izin. Kita kena lihat pertambahan penduduk negeri Sabah yang mendadak itu. Bermakna dia bukan lagi pendatang tanpa izin. Mereka sudah menjadi warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun dicurigai, itu yang persoalannya adakah pihak kementerian akan mempertimbangkan soal itu sebagai salah satu daripada mendapatkan faedah untuk menangani masalah ini.

Yang Berhormat, perkara ini bukan begitu senang. Baru-baru ini di negeri Sabah ada terdapat lima saya ingat yang telah dipamerkan di akhbar tempatan di mana tiga buah bank iaitu Malayan Banking, Bank Rakyat dan juga Public Bank yang telah mengambil tindakan undang-undang terhadap orang-orang tertentu di mana mereka menghadapi masalah untuk mendapat balik pinjaman dan sebagainya dan orang ini dicurigai, kad pengenalan mereka dicurigai dan kita boleh lihat dari rumah mereka.

*I think this is on "The tip of the iceberg", dengan izin makna dia masalah ini besar bukan setakat peningkatan penduduk begitu sahaja tetapi perkara-perkara lain juga berkaitan. Mohon penjelasan terhadap *respond* kementerian dalam soal ini. Terima kasih.*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran mengenai ramainya pendatang tanpa izin di Sabah ketika ini. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa negara kita bukan sahaja di Sabah bahkan di seluruh Semenanjung banyak didatangi pendatang tanpa izin yang melihat prospek kehidupan yang baik di negara ini dan untuk mereka tumpang mencari rezeki.

Kita memanglah sentiasa mengambil tindakan-tindakan perlu bagi mengatasi masalah ini. Soal Sabah ini memang ditegaskan bahawa kita sedar banyak isu yang ditimbulkan dan komitmen yang telah diberikan kepada menteri ialah untuk melihat perkara ini secara serius.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, masalah pendatang tanpa izin di Sabah sebenarnya terletak di bawah tanggungjawab Badan Petugas Khas Persekutuan yang dibentuk pada bulan April, 1989 dan mereka bertanggungjawab untuk maka menangani masalah ini. Walau bagaimanapun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atas sebab rasa tanggungjawab kementerian kita akan meneliti perkara ini dan beberapa kertas cadangan kepada Kabinet sedang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ...

Datuk Wilfred Madius bin Tangau [Tuaran]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak kementerian dan melihat perkara ini sebagai amat penting iaitu khususnya dalam soal tadbir urus pekerja asing ataupun pendatang tanpa izin atau pendatang asing negeri Sabah di mana selama ini telah dilihat sebagai satu masalah keselamatan dan ditadbir urus oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan sehinggakan soal pengambilan pekerja asing pun jawatankuasa itu pun dipengerusikan oleh mereka.

Akibatnya ialah mesyuarat tidak kerap diadakan, kadang-kadang berbulan-bulan dan sebagainya. Akhirnya oleh sebab agensi-agensi pekerjaan di Sabah menghadapi banyak masalah untuk mendapat kelulusan dan sebagainya dan akhirnya pihak majikan lebih senang mengambil pekerja tanpa izin sebagai pekerja mereka. Saya mengucapkan terima kasih kerana saya melihat perkara ini tetapi kami Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah rata-rata kami mencadangkan biarlah, kami menyokong pihak kementerian kalau soal ini diambil terus oleh Jabatan Imigresen dan bukan diletakkan di tangan Pasukan Petugas Khas, sebab kalau Pasukan Petugas Khas yang buat, sampai bila-bila pun tidak akan selesai.

Begitu juga dalam soal pusat tahanan misalnya di Menggatal dan beberapa tempat sehingga hari ini tidak tahu siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab dan perlu diselaraskan siapa yang bertanggungjawab supaya apabila ada apa-apa yang berlaku misalannya baru-baru ini yang keluar terlepas daripada pusat tahanan ini, siapakah yang sebenarnya yang bertanggungjawab adakah ini tanggungjawab penjara, adakah ini tanggungjawab polis, adakah ini tanggungjawab Pasukan Petugas Khas, adakah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negeri Sabah atau siapa yang bertanggungjawab?

Ini saya ingat yang amat penting. Kami sedar bahawa ini adalah seorang menteri yang baru, sesuatu pendekatan yang baru kami sebenarnya menaruh harapan yang begitu tinggi dan rata-rata di negeri Sabah, rakyat Sabah menaruh harapan yang begitu tinggi untuk mencapai penyelesaian yang muktamad, yang baik demi untuk mengadakan suasana yang rukun damai di negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan pada 29 hari bulan yang lalu mempunyai perasaan rasa tanggungjawab dan pandangan yang sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana juga Yang Berhormat bagi Tuaran. Kerana itulah beliau telah menyatakan berilah beliau sedikit masa untuk melihat perkara ini secara serius dan

setakat ini kita telah meneliti perkara ini dan sedang menyiapkan laporan-laporan dan cadangan-cadangan untuk tindakan bagi dibawa kepada Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat supaya satu dasar diwujudkan bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing dan bagi membolehkan pemantauan dibuat pada setiap masa tindakan telah pun diambil dan dilaksanakan. Negara memang menghadapi kekurangan pekerja dan memerlukan pekerja daripada luar terutama dalam sektor binaan dan perladangan.

Namun kerajaan juga sedar kehadiran pekerja-pekerja asing jika tidak dikawal akan turut menimbulkan pelbagai masalah sosial dan keselamatan kepada negara. Bagi menangani masalah ini kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing. Melalui jawatankuasa ini, kerajaan akan dapat memantau dan mengemas kini dasar pekerja asing di negara ini.

Di peringkat kementerian pula, antara langkah awal yang turut diambil bagi mengurangkan pekerja asing adalah dengan memperkenalkan prosedur baru pengambilan pekerja asing melalui Pusat Kelulusan Setempat – *one stop centre*, dengan izin yang telah pun dilaksanakan semenjak 1 Ogos 2005. Di bawah peraturan baru ini majikan disyaratkan membayar levi terlebih dahulu sebelum surat kelulusan dikeluarkan. Ini bagi memastikan majikan memohon pekerja asing berdasarkan keperluan sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu pihak majikan diwajibkan mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di Kementerian Sumber Manusia sebelum permohonan bagi mendapatkan tenaga kerja asing boleh diproses oleh Pusat Kelulusan Setempat. Pihak majikan juga dikehendaki mendapat perakuan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk mengesahkan bahawa majikan terbabit telah menggunakan perkhidmatan – *job clearing system* dengan izin bagi mendapatkan pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai keraguan Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu mengenai

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta penjelasan berkenaan kedatangan pekerja asing tadi. Sebab masalah ini ditimbulkan oleh pihak daripada kerajaan Indonesia yang mengatakan bahawa levi yang dikenakan amat tinggi. Adakah cadangan saya juga supaya dikurangkan levi dan diletak ataupun dipastikan mereka ini akan dimasukkan di dalam KWSP atau SOCSO kerana bagi saya SOCSO juga memainkan peranan terutamanya dalam memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit ataupun pekerja-pekerja asing yang mendapat kemalangan semasa waktu bekerja. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Buat masa ini kita belum bercadang melaksanakan cadangan itu dan kita akan terus mengenakan levi seperti mana yang kita putuskan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai keraguan Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu mengenai keberkesanan *one stop centre* ini adalah dimaklumkan bahawa sekiranya pihak majikan telah memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan maka kelulusan akan diberikan pada hari yang sama. Pelaksanaan sistem ini telah diterima baik oleh majikan.

Job clearing system diperkenalkan dengan tujuan untuk memberi keutamaan kepada penduduk tempatan yang menghendaki majikan mengiklankan terlebih dahulu

sebarang kekosongan jawatan berkenaan selama sebulan. Sebab itulah sijil *Job Clearing System* tidak dapat dikeluarkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu mengenai kesukaran pelabur asing mendapatkan pas pengajian pegawai dagang, kerajaan sentiasa memastikan bahawa pelabur-pelabur asing diberi segala kemudahan dan galakan bagi menarik dan meyakinkan mereka untuk terus melabur di negara ini. Selain menyediakan infrastruktur moden dan memastikan kestabilan negara agensi kerajaan turut memainkan peranan utama sebagai pemudah cara.

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak terkecuali dengan menyediakan pelbagai kemudahan terutama perkara yang berkaitan dengan permohonan visa dan pas kerja bagi pegawai-pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat pelaburan berkenaan. Kelonggaran diberikan kepada pelabur asing yang membawa masuk kakitangan untuk mengisi jawatan-jawatan yang tidak dapat dipenuhi oleh rakyat tempatan sama ada kerana tiada kepakaran atau kekurangan pekerja terlatih untuk mengisi jawatan tersebut. Mereka boleh membuat permohonan bagi mendapatkan pas pengajian untuk pengambilan pegawai dagang dan pekerja mahir asing di Jabatan Imigresen.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, permohonan pas pengajian pegawai dagang dipertimbang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pegawai Dagang yang dianggotai oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Industri Malaysia [*Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)*], Perbadanan Pembangunan Multimedia [*Multimedia Development Cooperation (MDC)*], Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manakala pihak kerajaan turut memutuskan bahawa agensi-agensi tersebut di atas diberi kebenaran untuk menerima dan meluluskan permohonan pas pengajian pegawai dagang mengikut keperluan kemahiran dalam bidang-bidang berkaitan. Pemohon boleh menyemak permohonan mereka secara *online* menerusi sistem semakan permohonan jawatan pegawai dagang, Jabatan Imigresen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kesilapan maklumat agama dalam MyKad dan status warganegara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, tindakan bagi mengatasinya telah pun diambil. Jabatan Pendaftaran Negara telah pun mengeluarkan borang pemakluman yang baru dengan menambah ruang bagi mendapatkan butiran mengenai agama untuk mendaftar kanak-kanak yang baru lahir. Semua pejabat pendaftaran di seluruh negara telah diarahkan supaya memberikan kemudahan kepada pemohon yang ingin membetulkan kesilapan butiran agama yang terdapat dalam MyKad mereka. Walau bagaimanapun, arahan ini hanya terhad kepada orang bukan Islam sahaja.

Berhubung dengan masalah pemegang kad pengenalan pemastautin tetap yang ingin menukarkan kepada kad pengenalan warganegara, mereka perlu mendapat taraf kewarganegaraan terlebih dahulu sebelum permohonan menukar kad pengenalan dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rasah dan Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu juga telah mencadangkan beberapa perkara untuk memperkasakan pasukan RELA bagi melahirkan anggota yang berkualiti. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedar peranan penting yang dimainkan oleh anggota RELA. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun membekalkan pelbagai kemudahan kepada anggota RELA dan pasukan RELA, terutama pakaian seragam dan kelengkapan yang lain. Anggota-anggota RELA juga turut berpeluang untuk mengikuti kursus mengenai tatacara operasi yang diajar dari semasa ke semasa di semua pusat latihan RELA di seluruh negara. Namun mereka belum lagi dikehendaki mengikuti kursus undang-undang secara khusus seperti anggota polis. Sekiranya ada keperluan pada masa hadapan, kursus yang sesuai akan diadakan.

Kerajaan juga telah bersetuju untuk menurunkan kuasa menangkap PATI kepada anggota RELA tertentu untuk tujuan membantu agensi penguat kuasa yang lain. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri amat menghargai kerjasama dan sambutan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut bersama-sama memperkasa dan

memantapkan RELA. Saya yakin semangat cintakan negara yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyemarakkan lagi semangat anggota RELA untuk terus menabur bakti kepada negara. Namun bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian pangkat kepada Ahli-ahli Parlimen dan ADUN hanya merupakan pangkat kehormat dan tidak tertakluk untuk melaksanakan penguatkuasaan mengikut Akta Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1964, Peraturan-peraturan Perlu Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Pindaan) 2005. Selain daripada pegawai tetap RELA, hanya penjawat awam yang diturunkan kuasa mengikut peraturan 4(c) akta yang sama sahaja yang boleh menjalankan semua kuasa yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dakwaan salah guna kuasa oleh anggota RELA seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu....

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kuala Krau.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Sedarkah Yang Berhormat bahawa di dalam memperkasakan RELA dan juga memberi pengiktirafan terhadap sumbangan RELA kepada keselamatan negara, di negeri Pahang senjata-senjata api atau senapang RELA ini telah diarahkan supaya diserahkan kepada balai-balai polis yang berhampiran. Sedikit sebanyak tujuan untuk memberikan atau membekalkan senapang patah kepada RELA untuk menjaga musuh bagi tanaman dan juga perkara-perkara yang lain telah terbantut. Apakah pandangan pihak kementerian bagi arahan daripada Ketua Polis Pahang supaya senapang RELA ini diserahkan kepada balai-balai polis yang berhampiran.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa RELA adalah satu jabatan baru. Ia tidak mempunyai kemudahan-kemudahan pejabat di peringkat daerah. Malah di peringkat negeri pun pejabat kita terlalu daif, masih dalam keadaan yang serba kekurangan dan kita tidak ada tempat untuk menyimpan senjata kerana itulah senjata anggota RELA disimpan di balai polis. Walau bagaimanapun, seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau, senjata-senjata anggota RELA dicadangkan di simpan pejabat-pejabat polis daerah, kita akan mengambil maklum mengenai perkara ini dan kita akan berbincang dengan pihak polis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dakwaan salah guna kuasa oleh anggota RELA seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu, adalah dimaklumkan berdasarkan siasatan yang dilakukan, tidak terdapat anggota RELA yang bertindak di luar batasan undang-undang atau terlibat dengan rasuah semasa menjalankan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jasin yang telah membangkitkan berhubung dengan Jabatan Imigresen yang mengambil masa terlalu lama untuk menyelesaikan permohonan permit masuk yang dikemukakan dari negeri Melaka.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, masalah yang dibangkitkan tersebut sebenarnya berpunca daripada pemohon yang tidak memberikan alamat yang tepat dan tidak memaklumkan kepada pihak kementerian alamat terkini mereka. Terdapat kes di mana surat yang dihantar kepada pemohon telah dikembalikan. Dalam kes ini, kementerian akan merekodkan surat berkenaan dan menunggu pemohon membuat pertanyaan. Dalam kes pemohon dari negeri Melaka ini, surat yang dihantar tidak dikembalikan dan pihak kementerian beranggapan surat tersebut telah selamat sampai kepada pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan di samping menggunakan peralatan moden dan tercanggih bagi mempertingkatkan keupayaan dan kecekapan dalam memberi khidmat kepada orang ramai.

Sehubungan dengan itu saya ingin menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching yang nampaknya tidak berpuas hati dengan bilangan anak Sarawak yang berjaya dalam pengambilan bagi mengisi jawatan penolong penguasa Imigresen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak lagi mempunyai kuasa dalam pengambilan pegawai-pegawai baru yang mengisi kekosongan jawatan dalam Jabatan Imigresen, termasuklah jawatan Penolong Penguasa Imigresen. Kuasa lantikan ini terletak dalam bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Imigresen akan menerima sesiapa saja pegawai baru yang dilantik oleh SPA.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh isu-isu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat Menteri, sila.

8.30 mlm.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Yang Berhormat, izinkan saya menyentuh yang berhubung soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Segambut yang menyentuh tentang skim insurans kesihatan kebangsaan. Ingin saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan dan Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri telah mengkaji pelaksanaan bagi mewujudkan mekanisme pembiayaan kesihatan yang bersesuaian untuk negara.

Pelbagai modal termasuk pengalaman daripada negara-negara maju yang lain sedang diteliti bagi merealisasikan mekanisme yang dimaksudkan. Di samping itu laporan hasil daripada beberapa kajian yang telah dikomisyenkan oleh Unit Perancangan Ekonomi juga turut diambil kira dan perancangan sistem ini juga mengambil kira input atau maklum balas dari pelbagai pihak termasuk daripada sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan. Kerajaan telah melantik firma perunding antarabangsa, *consulting* dengan dibantu dengan firma tempatan yang berpengalaman dalam aspek modal pembiayaan kesihatan untuk mengkaji secara terperinci, pelaksanaan mekanisme pembiayaan kesihatan negara atau MPKN. Kajian ini akan mengambil masa selama 12 hingga 15 bulan. Antara aspek-aspek kajian yang akan dijalankan oleh syarikat perunding ialah;

- (i) laporkan isu cabaran, kelemahan dan kekuatan sistem kesihatan dan mekanisme pembiayaan yang sedia ada di Malaysia;
- (ii) mengenal pasti sumber-sumber kewangan termasuk pembentukan insurans kesihatan nasional yang meliputi aspek seperti KADA dan tahap sumbangan, golongan yang dikecualikan dan sebagainya;
- (iii) mengenal pasti dan mengesyorkan mekanisme pembayaran kepada para pembekal perkhidmatan kesihatan yang sesuai seperti 'k-mix' dan lain-lain;

- (iv) mengenal pasti pakej penjagaan kesihatan;
- (v) mengkaji, mencadangkan dan mengenal pasti organisasi dan fungsi pihak berkuasa atau badan di bawah KKN yang mengendali dan mentadbir urus mekanisme pembiayaan kesihatan negara;
- (vi) analisis implikasi MPKN yang bakal dibentuk dari segi perundangan kesan daripada ekonomi, kualiti kesihatan, kemampuan rakyat dan sebagainya;
- (vii) pelan tindakan untuk implementasi secara terperinci;
- (viii) perbincangan, penjelasan dan segala maklumat kepada orang ramai mengenai MPKN; dan
- (ix) akhir sekali ialah pembangunan modal insan dan pengurusan maklumat dalam mewujudkan dan melaksanakan MPKN.

Maklumat terperinci tentang mekanisme pembayaran kesihatan negara termasuklah tarikh pelaksanaan belum dapat dimuktamadkan lagi. Perancangan mewujudkan mekanisme pembayaran kesihatan negara ini perlu dibuat dengan teliti dan kerajaan bersedia mendengar pandangan daripada semua pihak dan pelbagai dasar yang berkaitan dengan kesihatan telah terbentuk dan diterapkan dalam setiap pelan pembangunan rancangan lima tahun Malaysia termasuklah Rancangan Malaysia Kesembilan dan selari dengan teras Rancangan Malaysia Kesembilan ke arah mencapai taraf kesihatan yang lebih baik melalui pengukuhan perkhidmatan kesihatan.

Kementerian Kesihatan di antara lain akan memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

Yang pertama ialah penggantian dan peningkatan taraf peralatan, kelengkapan dan kemudahan di hospital-hospital dan klinik yang sedia ada.

Kedua, ialah pengukuhan latihan basic, post basic dan pasca ijazah untuk anggota sains kesihatan bersekutu, doktor siswazah pakar dan subpakar bagi menghasilkan bilangan yang mencukupi dan berkemahiran untuk memberi perkhidmatan yang cekap, bermutu dan berkesan.

Penambahan latihan dalam perkhidmatan, pengukuhan dan perkembangan perkhidmatan kecemasan, kepakaran dan subkepakaran di hospital-hospital, pengukuhan perkhidmatan kesihatan awam termasuklah promosi kesihatan, pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit dan pengukuhan perkhidmatan perubatan di peringkat premier dan luar bandar termasuk penambahan klinik-klinik penggerak.

Ini adalah berbeza dengan pendekatan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan di mana tumpuan banyak diberikan pembinaan hospital-hospital. Sebagai perbandingan peruntukan untuk latihan telah meningkat daripada RM336 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kepada RM1.5 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang ketiga ialah peruntukan untuk kesihatan awam telah meningkat daripada RM1.4 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kepada hampir RM2.2 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan untuk hospital baru dan gantian telah menurun daripada RM5.1 bilion kepada RM1.5 bilion manakala peruntukan untuk kemudahan hospital dan institusi menurun sedikit daripada RM2.3 bilion kepada RM2 bilion. Peruntukan untuk menaikkan taraf dan membaiki telah meningkat daripada RM180 juta kepada RM400 juta. Manakala peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan juga telah meningkat daripada RM30 juta kepada RM198.5 juta.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di samping itu berapa bidang yang tidak diberi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kini diberi pertambahan peruntukan seperti RM1.04 bilion untuk kemudahan anggota, RM50 juta untuk promosi kesihatan dan RM730 juta untuk kenderaan dan peralatan perubatan. Pada masa ini dasar kesihatan kebangsaan sedang dalam proses penggubalan dan pembentukan. Dasar kesihatan kebangsaan ini akan turut mengambil kira pandangan serta maklum balas daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan pihak-pihak lain yang mempunyai peranan dengan kesihatan di negara ini. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah meminta pihak kementerian supaya memantau penggunaan bahan pengawet formaldehide terhadap ikan-ikan yang diimport daripada Thailand kerana dikatakan penggunaan bahan tersebut yang digunakan secara berleluasa boleh mendatangkan kemudaratan kepada rakyat negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pemantauan ke atas pelbagai jenis makanan dengan mengambil contoh sampel makanan bagi analisis untuk mengesan kandungan bahan kimia bagi memastikan makanan tersebut mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan makanan tahun 1985 dan ini termasuk pemantauan kandungan *formaldehyde* dan ikan yang diimport daripada negara jiran dan juga terhadap ikan di pasaran tempatan.

Menyentuh tentang isu bahasa rojak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Muar berhubung dengan penggunaan perkataan 'Sure Sihat' dalam satu kempen yang dilaksanakan oleh kementerian. Kami akui bahawa memang benar kementerian ada menggunakan perkataan 'Sure Sihat' dalam dua acara yang dianjurkan pada November 2004 dan April 2005 sempena karnival kesihatan anjuran Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, mulai daripada pertengahan tahun 2005 kementerian tidak lagi menggunakan perkataan *sure* tetapi menukarnya kepada *jom* dan perkataan ini telah digunakan di kempen-kempen anjuran kesihatan selepas itu seperti kempen Jom Kayuh, Jom Makan Sihat dan sebagainya. Pihak kementerian akan terus menggunakan perkataan tersebut dalam mempromosikan kempen-kempen kesihatan pada masa hadapan bagi membuktikan keprihatinan kementerian dalam usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan.

Yang Berhormat bagi Gombak ada membangkitkan isu penubuhan Institut Produk Asli, Vaksin dan Biological serta Institute Pharmaceutical dan Neutralceutical Kebangsaan dan ingin penjelasan tenaga kerja yang akan melakukan kerja di kedua-dua institut ini semasa baru hendaklah dimulakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Gombak, pegawai dari Institut Kebangsaan bagi produk-produk asli, vaksin dan *biological*, Kementerian Kesihatan akan melakukan kerja-kerja untuk institut ini dan sekarang ini telah pun memulakan aktiviti setelah mendapat kelulusan pengisian pelbagai jawatan. Kerja-kerja akan dikendalikan oleh pegawai-pegawai penyelidikan yang terlatih di dalam bidang berkenaan.

IKPABB ialah salah satu daripada Institut Kesihatan Negara di bawah Kementerian Kesihatan dan pada masa ini, kerja penyelidikan dilakukan oleh tenaga pakar dari Kementerian Kesihatan dan pakar-pakar penyelidik yang berkhidmat di IKPABB ini adalah mempunyai kelulusan Sarjana Sains, Sarjana MSC dan juga Ijazah Kedoktoran dalam pelbagai bidang kepakaran yang ada berkaitan seperti molekular biologi, *natural product chemistry* dan lain-lain. Bagi penubuhan Institut Farmaseutikal pula, kementerian tidak dapat memberi jawapan terhadap perkara yang dibangkitkan kerana institut berkenaan adalah di bawah pentadbiran Universiti Sains Malaysia dan dibiayai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Yang Berhormat bagi Gombak juga ada membangkitkan tentang ujian klinikal bagi produk-produk kesihatan di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, semua kajian klinikal yang dijalankan di negara ini, adalah tertakluk kepada perundangan dan garis panduan sedia ada yang diwujudkan berdasarkan prinsip-prinsip penyelidikan klinikal antarabangsa dan di bawah peraturan *Control of Drug and Cosmetic Regulation*

tahun 1984, semua *investigative product* dengan izinnya, yang tidak berdaftar dan akan digunakan dalam sebarang penyelidikan klinikal di Malaysia dikehendaki mendapat *clinical trial import license* daripada pihak berkuasa kawalan dadah sebelum ia boleh dibawa masuk ke negara ini untuk tujuan penyelidikan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Terima Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang, Kementerian Yang Berhormat tidak dapat maklumat kerana maklumat itu tersimpan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Menteri sebentar tadi, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, banyak melibatkan kemajuan farmaseutikal, kemajuan ubat-ubat, dadah dan sebagainya. Jadi, tidak adakah Kementerian Yang Berhormat merancang untuk mengadakan satu kerjasama dengan kementerian tersebut supaya pembangunan ini dapat dinikmati bersama oleh rakyat? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Kami di peringkat Kementerian Kesihatan mengalukan dan sentiasa mengadakan kerjasama dengan semua kementerian termasuklah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Dalam jawapan saya, hanya saya mengatakan saya tidak dapat bagi maklumat yang terperinci kerana dia bukan di bawah kementerian kami. Itu sahaja dan tidak mengatakan tidak bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, berapa jawatankuasa etika yang ditubuhkan adalah bertanggungjawab dalam meluluskan dan juga mengecualikan pengilang bagi produk-produk untuk tujuan penyelidikan. Sebagai contoh, semua penyelidikan klinikal yang melibatkan institusi dan hospital di bawah Kementerian Kesihatan mestilah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan Kementerian dan semua pihak terlibat dalam penyelidikan klinikal termasuklah Jawatankuasa Etika mestilah mematuhi amalan klinikal baik atau *Good Clinical Practice* (GCP) dan pematuhan GCP ini penting bagi memberi keyakinan bahawa hak keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan subjek yang melibatkan diri dalam penyelidikan klinikal ini dapat dilindungi dan dihormati sejajar dengan Pengisytiharan Helsinki dan lain-lain garis panduan etika antarabangsa yang diiktiraf serta memastikan integriti data penyelidikan klinikal. Malaysia's *guide line for good clinical practice* telah dikeluarkan pada tahun 1999 dan ianya adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh *International Committee on Harmonization of Good Clinical Practice*.

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan yang bertindak sebagai urus setia kepada pihak berkuasa kawalan dadah, sememangnya menjalankan aktiviti-aktiviti pendaftaran produk yang merangkumi aktiviti penilaian, analisis, pengeluaran lesen dan pemantauan produk di pasaran. Sebelum semua produk ini didaftarkan dan diluluskan untuk pasaran di negara ini, ia akan dinilai dari segi kualiti dan keselamatan dan produk-produk ini seterusnya dipastikan tidak mengandungi bahan-bahan terlarang yang diketahui berbahaya dan boleh memudaratkan pengguna yang mengamalkannya. Produk kesihatan kemudian diuji di makmal bagi menentukan ia tidak mengandungi bahan campur palsu seperti steroid dan bahan-bahan campuran lain.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Putatan, sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan kenyataan surat khabar pagi tadi berkenaan dengan *good clinical practice* ini. Bila kita baca surat khabar tadi pagi, Setiausaha Parlimen kementerian ini telah mengeluarkan kenyataan di Johor Bahru soal kemungkinan kementerian boleh *accommodate* praktis-praktis, cara perubatan tradisional ini termasuklah bomoh, singse dan sebagainya.

Ada terdapat satu hospital yang baru di Sabah, yang bertempat di Kudat yang spesifik di Pitas. Jadi, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri memberi satu *assurance* bahawa kualiti produk yang kita akan cadang untuk dikendalikan di dalam hospital-hospital Malaysia ini. Kalaulah benar kenyataan itu bahawa kita akan menggunakan bomoh-bomoh dan singse-singse di hospital ini, tujuan menarik para pengunjung ke negara kita, terutama sekali yang di Rantau Asia ini, yang masih lagi mencari perubatan secara tradisional.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak apa.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta sikit penjelasan daripada kenyataan itu Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kabinet pada dasarnya sudah bersetuju supaya dalam masa yang terdekat ini, kita mewujudkan hospital integrasi atau *integrated hospital* yang secara pendeknya bermakna hospital itu dari segi amalan bergabung apa yang dikatakan *western medicine* dengan tradisional. *Traditional medicine* itu di negara ini adalah berasaskan kepada berbilang kaum. Mungkin bomoh, singse dan homeopathy dan sebagainya. Tetapi, sebelum dia dapat dipraktikkan, kita di peringkat kementerian, masih menghalusi segala dikatakan peraturan yang seharusnya dikenakan. Yang pertama ialah pengamal perubatan itu. Adakah dia berdaftar, adakah dia bertauliah, adakah dia mendapat latihan yang boleh diterima dan diiktiraf.

Yang kedua ialah berkaitan dengan ubat-ubatan atau herba-herba produk yang mungkin akan bakal digunakan. Dari segi kementerian, semua produk herba dia akan diuji dari segi keselamatan dan juga untuk pastikan dia tidaklah di cemar dengan ubat-ubat yang lain seperti steroid, *heavy metal* dan bakteria.

Semua produk-produk herba yang diimport ke negara ini kena wajib melalui ujian ini. Sebab itu, kita sentiasa mendengar rintihan atau rungutan yang mengatakan untuk berdaftar produk itu memakan masa yang lama. Masa yang lama itu adalah untuk memastikan produk yang ada di pasaran itu mematuhi piawaian yang telah ditetapkan iaitu dia selamat dan tidaklah tercemar dengan ubat-ubat yang lain, yang boleh memudaratkan kesihatan. So, ini adalah dikatakan hospital integrasi. Kita berharap dapat dilaksanakan, mungkin selepas kita dapat menghalusi segala-gala yang saya bangkitkan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik dengan ucapan Yang Berhormat mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kepentingan rakyat dan bolehkah Yang Berhormat terangkan, kerana kita import banyak tiap-tiap tahun. Tak tahulah berapa tan yang diimport dengan herba-herba untuk itu bagi sana China, ya. Dan macam mana Yang Berhormat dapat memantau semua ini supaya produk ataupun herba yang diimport itu semua tergolong di dalam kriteria-kriteria yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Sebab kadangkala dengan begitu banyak, adakah kaedah yang memastikan kita dapat satu contoh yang teratur untuk memastikan semua dipatuhi mengikut kriteria.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, semua produk seharusnya mendapatkan pendaftaran atau berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa ada atau kadangkala banyak produk sebenarnya di pasaran di mana pendaftaran itu adalah palsu.

Yang kedua, tidak mendapat pendaftaran langsung. Sebab itu, penguatkuasaan sering dijalkan. Sebagai contoh sebenarnya, pada tahun 2004 sahaja, maklumat yang terkini untuk 2005 saya tidak bawa. Tetapi untuk tahun 2004, kalau saya tak silap, dari segi rampasan produk-produk yang tidak berdaftar dan produk-produk yang dikatakan bahaya, rampasan ia dalam nilai RM26 juta. Kami dapat banyak maklumat daripada syarikat-syarikat yang kerana bersaing. Persaingan yang hebat, dia akan beri maklumatlah

kepada kementerian kami. Dan kami ucap terima kasihlah kepada maklumat-maklumat tersebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dato' Menteri, yang mana, Sri Gading ka Jerai, Dato' Menteri? Jerai?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sri Gading ya. Fasal dia orang lama. Okey Dato'. Dia kepala angin tu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menjawab dengan tenang, jelas, bahasa Melayu dia pun memang hebatlah. Menyentuh tentang ubat-ubatan ini, kita pun naik keliru Yang Berhormat Menteri. Ubat-ubat kuat ini, ubat-ubat kuat untuk lelaki. Ubat-ubat kuat untuk lelaki ini memang disukai oleh orang Melayu, orang Tionghua, saya tak tahu orang Indialah.

Kebanyakannya dibawa masuk dari negeri China dan penjual ini penjual secara langsung yang boleh dihubungi melalui dari kad-kad yang diedar itu untuk di.... *[Disampuk]* dia pakai edarlah, dia jual secara langsung. Kotak ini pula dijamin oleh Kementerian Kesihatan. Jadi kita tak tahu Yang Berhormat Menteri, yang mana satu palsu dan yang mana satu yang tak palsu? Yang mana satu yang mudarat, yang mana satu tak mudarat? Dalam cerita-cerita kedai kopi, si kawan itu cerita, ini *bestlah!!* Maknanya dia macam ada dia punya khasiat itu, memang terjaminlah. Tapi tak tahu pula dari segi kesihatan Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua memang tak pakai ubat ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu ya? Ketua Pembangkang pun tak pakai ini ubat, dia tak perlu. Kepong pun jarang pakai agaknya. Kepong, Kepong, ..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong pakai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak tahulah. *[Ketawa]* Jadi macam mana Yang Berhormat Menteri, supaya pengguna, ubat-ubat daripada negeri China ini banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi Xi'an, pun dia bekalkan banyak ini. Rombongan kami ini. Tapi kita, saya tak berani makan fasal dia dalam bahasa Cina itu, peraturan makan itu kita tak tahu. Jadi tak boleh makanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau saya jumpa doktor, menteri ke, mungkin agaknya boleh, dia bagi saya nasihat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, macam mana itu, macam mana Yang Berhormat Menteri boleh dapat jelaskan sikit?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Yang paling selamat ialah, ubat yang diberikan kepada Yang Berhormat daripada Menteri Kesihatanlah. Itu yang terkuat sekali dan bebas daripada pencemaran dan dari segi keaslian tidak dapat dikhuatiri. Sebenarnya, semua ubat yang dapat kelulusan adalah dia punya nombor pendaftaran. Seperti yang saya sebut tadi, ada yang memalsukan nombor itu. So, cara yang paling mudah ialah dia boleh melalui *website*, melalui *online*, kita boleh *check*. Adakah dia itu palsu atau tulen.

Pada tahun ini, dua syarikat daripada segi penguatkuasaan, kita telah mengenal pasti bahawa memang ada campuran. Sebab itu, kedua-dua syarikat ini, pendaftarannya telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma nak bertanya, dari segi ubatan herba dan ubatan tradisional tadi. Di kotak-kotak atau di botol-botol ubat itu tulis diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Dan katakan, yang diluluskan adalah yang benar-benar sah. Saya tidak persoalkan yang palsu. Yang sah. Jadi yang disahkan itu apa? Adakah disahkan itu dari segi ramuannya benar ataupun disahkan dari segi khasiatnya? Sebab dia ditulis khasiat dia. Boleh ubat darah tinggi, boleh mengubat kencing manis. Boleh buat kuat tenaga seperti kata Sri Gading tadi, yang disahkan oleh Kesihatan itu yang mana? Khasiat dia betul? Khasiat dia ataupun ramuan itu? Ini yang saya nak minta penjelasan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Apabila dia dalam proses pendaftaran seperti yang saya sebut tadi, ubat itu akan diuji dari segi yang pertama, keselamatan kepada pengguna. Keselamatan bermakna dia tidaklah ada campuran melainkan apa yang ternyata dalam dikatakan ubat tersebut. Maknanya dia tak boleh dicampur *steroid*, dia tak boleh dicampur *heavy metal*, dan sebagainya dan juga tidak ada pencemaran dari segi virus dan bakteria. So, dari segi keselamatan dan kualiti, dari segi apakah dia berkesan? Kami tidak menjalankan kajian. Kerana itu sukar dilaksanakan. Itu sukar dilaksanakan. Adakah ubat itu berkesan, sebagai contoh adalah ubat itu berkesan untuk ubat kuat. Kita tak dapat kenal pasti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Di makmal, dia tak *test*kah Datuk?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak ada ya?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Itu sukar dilaksanakan. Kerana kalau kita nak laksanakan, kita kena buat *clinical trial*. Tapi kebanyakan ini kita berasaskan kepada maklumat yang dikemukakan. Adakah maklumat itu boleh diterima dan boleh dikatakan berasaskan kepada *clinical evidence* dikatakan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, sebenarnya kalau pembeli membeli ubat tersebut, dia tertarik dengan iklan, dari segi khasiatnya. Bermakna kalau pihak kementerian tak mampu mengesahkan atau tak boleh mengesahkan, jadi iklan-iklan itu tentulah mengelirukan. Bagaimana pihak kementerian boleh mengesahkan? Sebab orang tak kisah dari segi *ingredient*. Dari segi ramuan, orang tak peduli. Yang orang tengok iklan besar dia, khasiat dia. Boleh menghilangkan kencing manis, darah tinggi. Itu fasal orang beli. Bukan kerana.. Orang tak peduli dah daripada apa dia buat dan sebagainya.

Jadi saya harap pihak kementerian lihat perkara ini sebab kalau tidak ramai yang akan tertipu dengan perkara-perkara seperti ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tambahan, tambahan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua? Yang itu Dato' Menteri, pasal kes kuat, saya tak mahu kes kuat. Saya nak susah hati Tuan Yang di-Pertua pasal kes bagi cantik. Kita dapat la ni banyak Tuan Yang di-Pertua di mana-mana pun *signboard* dia letak rupa orang perempuan, dia kata cantik, bagi nampak muda. Kemudian ada pula suntikan botox, cucuk, had ranum boleh jadi elok. Jadi macam mana dari segi Tuan Yang di-Pertua, pasal apa, saya tengok la ni banyak di mana-mana pun Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi pinggang ramping dan bagi muka segar, bagi muka cantik. Jadi yang ini yang kita seriau pasal saya takut kalau tersilap, pasal difahamkan macam botox tu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita cucuk, dia punya *side effect*, had hidung *straight* boleh jadi bengkok Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. [Ketawa] Ini betul, *side effect*. Tak percaya tanya Dato' Menteri, dia fahamlah. Kepong pun habaq kat saya, yang Kepong takut *front effect*, saya *side effect*. Kemudian satu lagi, saya tanya ada dua, satu lagi khasiat tumbuh-tumbuhan. Daun pegaga, daun manggis, macam-macam tanaman ini, ulam-ulam ini khasiatnya. Jadi adakah benda ini dimasukkan di dalam kajian oleh pihak kementerian. Dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya pada Menteri, Hospital Sungai Petani, saya tak mahu bangkit tanya dah, Hospital Sungai Petani dengan Hospital Alor Setar, bilalah boleh buat? La ni hospital siap dah, pesakit ada, tapi nak masuk tak boleh, jadi pasal apa Tuan Yang di-Pertua? Belanja besar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sikit Tuan Yang di-Pertua, tambahan kepada Jerai. Yang soal Yang Berhormat Menteri menyentuh tadi berkenaan dengan akses kepada *website-website* ini yang mempromosikan ubat-ubatan tradisional di ibu negara masing-masing. Ini bagaimanakah Kementerian *to ensure* ubat-ubatan ini *safe* untuk dikongsi dengan izin.

Jadi yang kedua Yang Berhormat Menteri. Ada juga terdapat promosi-promosi dengan *stimulant* kata Sri Gading yang menyentuh tadi ubat-ubat yang kuat ini. Jadi soal yang *incite* ataupun *curiosity* dengan izin kepada pengguna-pengguna ini soal *stimulant-stimulant* ini kepada seseorang yang ada, ubat sendiri. Saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri soal bagaimana Kementerian untuk mengawal selia Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan salun kecantikan yang dikatakan tumbuh seperti cendawan. Kami di peringkat Kementerian sedang merangka dan menggubal Kosmetik Bill yang kebetulan sudah pada dasarnya dapat persetujuan daripada Kabinet. Kosmetik Bill ini akan menentukan sesiapa yang boleh jadi pengamal ini. Yang kedua, apa peralatan yang boleh digunakan? Dan yang ketiga, berkaitan dengan tuntutan. Ada yang boleh buat pelbagai tuntutan yang tidak berasas dan tak payah saya bagi *detail* tuntutan-tuntutan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak?

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Banyak. Berkaitan dengan produk tidak dapat dinafikan memang disebar luas *online* dikatakan pelbagai *claim* dan tuntutan dan sukar dikawal, di mana-mana pun ia sukar dikawal. Tetapi tidak dapat dinafikan ada banyak dikatakan ubat-ubat dianggap selamat berdasarkan penggunaan secara tradisional sejak turun temurun. Banyak ubat yang digunakan semenjak ayah kita, atuk kita, nenek kita, sejak turun temurun ia dianggap selamat dan tidak ada *complaint*. Dan biasa kita benarkan ia digunakan seperti tongkat ali, kacip fatimah di mana saya difahamkan pada Yan pun pernah makan, tetapi tidak berkesanlah, saya difahamkan, *beyond repairs* dengan izin. Berkaitan dengan hospital di Alor Setar dan Sungai Petani, ia akan dibuka pada Ogos tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Baram yang menggesa supaya didirikan lebih banyak klinik kesihatan terutama di kawasan Baram. Kementerian sememangnya merancang untuk membina sejumlah 16 projek baru dan satu projek sambungan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi kawasan pilihan Baram. Menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang, Ledang dan Kuala Krai berhubung dengan pelaksanaan lokum oleh doktor kerajaan di hospital atau klinik-klinik swasta, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa pihak Kementerian telah menyediakan satu garis panduan bagi pelaksanaan lokum yang meliputi proses permohonan, syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi sebelum seseorang pegawai dibenarkan melakukan lokum. Secara amnya lokum hanya dibenarkan dilakukan selepas waktu pejabat, pada hari cuti umum dan sewaktu pegawai tidak menjalankan tugas rasmi. Syarat-

syarat ini dikenakan untuk memastikan lokum yang dijalankan tidak menjejaskan tugas pegawai tersebut sebagai seorang penjawat awam.

Dan selain itu seorang pegawai hendaklah sentiasa memberikan keutamaan kepada perkhidmatan awam dan bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa terutama apabila berlaku kecemasan. Bagi memastikan pelaksanaan lokum ini tidak menjejaskan perkhidmatan sektor awam, ketua-ketua jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan peraturan-peraturan ditetapkan dapatlah dipatuhi serta memantau pelaksanaannya agar tidak menjejaskan perkhidmatan yang disediakan kepada rakyat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, mohon penjelasan sedikit tentang perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan. Saya ingin tarik perhatian tentang doktor pakar yang ada merasai kekecewaan akibat daripada terpaksa mengambil peperiksaan yang disebut sebagai PTK itu. Yang sekarang ini menimbulkan banyak keresahan di kalangan doktor-doktor pakar yang terpaksa mereka kadang-kadang berkhidmat hampir 10 tahun dalam kategori U41. Apakah PTK ini benar-benar menguji keterampilan pegawai-pegawai pakar perubatan kita. Ataupun bagaimanakah bentuk kurikulumnya, apakah perlu diubahsuai supaya benar-benar memperlihatkan ciri-ciri profesional kepada seorang doktor ini. Ataupun dia banyak menimbulkan keresahan, keraguan kerana mereka terhalang daripada kenaikan pangkat. Dan ramai pula yang terhakis ataupun terpaksa bekerja berhijrah ke sektor-sektor swasta. Mohon penjelasan.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa ada banyak pegawai atau dikatakan pakar perubatan yang masih dari segi gaji dan jawatan ialah U41 bermakna macam pegawai perubatan biasa. Tetapi saya mahu maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa agensi pusat khasnya JPA telah bersetuju pada dasarnya bahawa semua pakar yang mempunyai pengalaman boleh digaji secara terus kepada U48. Berkaitan dengan kursus PTK untuk pakar-pakar ini, dia dikatakan melalui modul yang dikatakan telah diubahsuai. Ubahsuai supaya pegawai-pegawai tersebut didedahkan kepada soal-soal seperti peraturan kewangan, Perintah Am, arahan-arahan dan juga peraturan-peraturan pegawai awam. Ini dianggap penting supaya mereka dapat maklumat yang lengkap dan dia akan lebih boleh dikatakan boleh menjamin apabila mereka menjadi ketua unit atau ketua bahagian di jabatan masing-masing. Dan tempoh masa ini pun disingkatkan daripada biasanya dua minggu kepada empat hari sahaja untuk pakar-pakar perubatan.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat bagi Kepong yang meminta kerajaan supaya mengiktiraf kepakaran dibawa pulang daripada luar negara ingin ditekankan bahawa Kementerian sentiasa menggalakkan pakar-pakar daripada pelbagai bidang untuk kembali ke tanah air bagi memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Sehubungan dengan itu bagi menyokong dasar kerajaan Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan galakan dan kerjasama dalam menjayakan maklumat ini.

Bagi pegawai-pegawai pakar perubatan yang ingin berkhidmat dengan perkhidmatan awam khasnya Kementerian Kesihatan pengiktirafan yang sewajarnya sememangnya telah pun diberikan kepada mereka berdasarkan kepada kelulusan dan pengalaman seseorang pakar tersebut semasa mereka berkhidmat di luar negara. Sebagai contoh sekiranya mereka itu diwartakan sebagai pakar dengan mempunyai pengalaman tertentu mereka akan ditawarkan ke gred gaji yang sama yang tidak kurang menarik daripada yang diperolehi oleh pakar-pakar tempatan yang setaraf dengannya.

Secara amnya pegawai-pegawai yang mempunyai kelulusan kepakaran daripada luar negara seperti FRCS dan MRCP boleh dilantik sebagai pakar sekiranya mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 18 bulan kerja selepas kelulusan tersebut. Iaitu syarat yang juga dikenakan pegawai-pegawai Kementerian. Walau bagaimanapun, tangga gaji yang ditawarkan memang tidak boleh dibandingkan dengan apa yang mereka perolehi di luar negara. Namun pada masa ini Kementerian sedang berusaha untuk membolehkan pakar-pakar tersebut dilantik di atas tangga gaji yang sesuai seperti saya sebut tadi daripada U41 kepada U48.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Secara ringkas Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nampaknya ada peraturan yang tertentu memang baik. Adakah Yang Berhormat sedar di United Kingdom selepas mendapat MRCP atau FRCS pengalaman di hospital diiktiraf sekurang-kurangnya 5 tahun ke 18 bulan sahaja. Kita mesti teliti hal ini kerana kita hendak konsultan atau pakar-pakar kita di Malaysia ini cukup bertaraf dunia. Kalau 18 bulan bagi saya tidak cukup.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Biasa kalau kita perhatikan modul latihan untuk MRCP dan untuk *Master Program* ia adalah melalui program sekurang-kurangnya 4 tahun untuk *master*. Lepas kalau dia dapat ijazah *master* dia boleh dilantik dan diwartakan sebagai pakar lepas 6 bulan kelulusan. Untuk MRCP lazimnya mereka sudah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 hingga 4 tahun sebelum dia boleh dapat kelulusan dalam berbagai-bagai peringkat dan lepas berkhidmat selama 3 atau 4 tahun barulah dia dapat menyempurnakan peperiksaan MRCP maka kita masih kenakan syarat 18 bulan. Bukan kerana hari ini dia kelulusan dia jadi siswazah atau *housemen* lepas dia *pass*, tidak ada

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dapat meneliti hal ini. Biasanya memang di United Kingdom selepas dia *housemen* satu dua tahun dia ambil MRCP, kemudian lepas dia dapat MRCP itu dia mohon kepada pusat yang diiktiraf untuk dilatih selama lima tahun. Selepas mendapat *post graduate* dia mesti dilatih atau mendapat pengalaman di hospital-hospital yang tertentu sekurang-kurangnya lima tahun.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong adalah menyentuh *sub specialty* di mana MRCP itu digunakan sebagai asas atau *entry point* untuk kursus *sub specialty* dan itu pun dikenakan di Malaysia. Apabila kami menggunakan istilah pakar ia digunakan sebagai '*gene ray*', *he is not to or intend purposes* dengan izin ditakrifkan sebagai sub specialist, no. Dan sukar untuk mendapat kelulusan MRCP dalam dua tahun, tidak pernah saya dengar sekarang kerana ia dibahagikan kepada 3 peringkat. Dahulu memang 2 peringkat part one part two tetapi sekarang tidak ada lagi. Sekarang *part one part two and the practical part where* lazimnya dia jadi *housemen* lepas setahun setengah baru dibenarkan mengambil peperiksaan *part one*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam nilah ...

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Saya faham selok belok ini kerana anak saya baru dapat kelulusan MRCP dan dia kena melalui proses berkhidmat di Hospital Besar, lepas dua tahun baru dibenarkan. Ia ada syarat tertentu. Mungkin semasa Yang Berhormat bagi Kepong mengambil peperiksaan MRCP memang tidak ada syarat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ada, ada. Bila saya ambil ia mesti sekurang-kurangnya setahun setengah.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Itu *part one* sahaja dan selepas itu dahulu pada zaman Yang Berhormat bagi Kepong memang *part two* sahaja. Sekarang ada lagi *part two second part of part two*, ada lagi. Ini lebih rumit berbanding yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah. [*Meminta Yang Berhormat bagi Kepong duduk*]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Anak saya ambil MRCP selepas dua tahun setengah

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Mungkin anak bernasib baik kerana dia di luar negeri. Di negara kita dia kena ambil dalam fasal 2 (a) and (b) itu saya pasti.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Menyentuh gesaan daripada Yang Berhormat bagi Tenom supaya kerajaan memperbanyakkan perkhidmatan klinik bergerak di Sabah,

sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Kesihatan supaya memperluaskan dan memperkukuhkan perkhidmatan klinik bergerak di kawasan pedalaman dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan ini termasuklah klinik bergerak melalui darat, air dan udara.

Perkhidmatan doktor udara atau *flying doctor services* sehingga kini masih beroperasi dan tetap diteruskan di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan khidmat helikopter dari syarikat swasta secara sewaan dan Sabah mempunyai dua buah pasukan yang memberikan perkhidmatan di 41 buah lokasi yang merangkumi dua bahagian di Sabah.

Berhubung dengan isu penjualan darah oleh hospital swasta sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Kementerian Kesihatan menyedari dan memantau amalan beberapa hospital swasta yang mengenakan caj yang tinggi kepada pesakit terhadap bekalan darah dan komponen darah yang diperolehi dari Pusat Darah Negara dan hospital kerajaan. Pada masa ini kementerian hanya mengenakan caj yang minimum untuk bekalan darah kepada hospital swasta iaitu sebanyak RM20 bagi saringan dan pemprosesan darah walaupun kos sebenarnya tinggi. Kementerian berpendapat bahawa caj yang terlalu tinggi tidak wajar dikenakan dan kementerian telah mengadakan satu MOU dengan hospital swasta supaya mereka kena terikat dengan syarat-syarat yang tertentu antaranya mereka tidak boleh mengenakan caj yang melebihi daripada caj yang dikenakan oleh Kementerian Kesihatan. Dan sehingga Januari 2006 sebanyak 183 hospital swasta telah menandatangani perjanjian tersebut di mana 65 buah hospital swasta di kawasan Lembah Klang dan 118 buah lagi merupakan hospital swasta di negeri-negeri lain termasuklah Sabah dan Sarawak.

Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rasah dimaklumkan bahawa pada masa ini terdapat 21 orang pakar perubatan kecemasan yang telah ditempatkan di Jabatan Kecemasan di hospital-hospital negeri termasuklah seorang pakar perubatan kecemasan ditempatkan di hospital Seremban dan ini merupakan salah satu langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bagi memperbaiki perkhidmatan di Jabatan Kecemasan. Selain itu kakitangan Jabatan Kecemasan juga dilantik untuk menerima dan merawat pesakit mengikut prosedur yang sewajarnya.

Infrastruktur dan peralatan juga sedang dinaikkan taraf bagi tujuan penambah baik perkhidmatan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan dimaklumkan bahawa pada masa ini caj yang dikenakan bagi pengangkutan jenazah adalah mengikut Akta Fee 1951 dengan Perintah Fee 1982 dan Perintah Fee (Pindaan) 1994. Caj yang dikenakan bagi kereta jenazah hospital adalah seperti berikut:

- (i) kurang daripada 30 kilometer – RM10;
- (ii) 30 kilometer hingga 800 kilometer – 35 sen bagi setiap kilometer;
- (iii) lebih daripada 800 kilometer – RM300.

Walaupun Kementerian Kesihatan bagi kes-kes yang dirujuk oleh sesebuah hospital ke hospital yang lain terdapat kelonggaran di mana tiada caj akan dikenakan. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa prihatin dengan keluarga mangsa yang tidak mampu dan terdapat saluran bagi pesakit yang tidak berkemampuan di mana rayuan boleh dipohon melalui Unit Kebajikan Hospital bagi tujuan pelepasan atau pengurangan bayaran.

Berkaitan dengan peralatan di Hospital Kuala Krai, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai, pihak kementerian mengambil maklum akan perkara ini dan permohonan peralatan-peralatan yang diperlukan telah diterima daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan yang merangkumi permohonan seluruh hospital di negeri Kelantan termasuk juga permohonan daripada Hospital Kuala Krai dan permohonan bagi menambah peralatan perubatan di Hospital Kuala Krai ini turut melibatkan aktiviti perubatan, pembedahan, pediatrik dan sebagainya dan tindakan susulan sedang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat membantu kementerian dalam menjayakan pelan Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya bagi Kementerian Kesihatan. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan yang telah dibangkitkan akan pasti diambil perhatian serta tindakan oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapatlah menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan dengan sokongan dan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Menteri Belia dan Sukan memulakan jawapan.

9.23 mlm.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada soalan-soalan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya mengandaikan apa-apa pertanyaan, pandangan, pendapat dan teguran yang ditujukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian Belia dan Sukan semasa membahaskan Usul Pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah dengan tujuan untuk kita sama-sama menyokong dan membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merealisasikan hasrat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam berkenaan masalah seperti penagihan dadah, melepak dan pelbagai gejala tidak sihat yang melanda belia masa kini harus ditangani oleh kementerian, kerana pada satu masa nanti negara akan bakal dipimpin oleh golongan belia. Apakah kementerian dapat bekerjasama dengan agensi dadah dalam menangani penyalahgunaan dadah dan gejala sosial yang tidak sihat.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa bekerjasama dengan semua badan agensi kerajaan untuk membantu memberikan kekuatan kepada belia sama ada dalam isu gejala sosial ataupun pelbagai jenis gejala. Dalam aspek agensi dadah, kementerian dalam program Belia Benci Dadah iaitu kempen Anda Pilih Sengsara Atau Bahagia dengan menjalankan pelbagai program. Pada saat ini dengan 24 institut pengajian tinggi, sekretariat Rakan Muda dan 90 majlis belia daerah untuk menentukan generasi belia kita memahami tentang bahayanya dadah kepada mereka yang akan mewakili negara sebagai pemimpin masa depan.

Pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Setiu pula ialah sejauh manakah pihak kementerian membuat bimbingan dan tunjuk ajar agar belia dapat diberi pendedahan baru untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Apakah yang dilakukan oleh kementerian untuk menangani masalah belia yang menganggur. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah memperkenalkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional pada tahun 2004. Pelan yang mengandungi 11 teras pembangunan ini memberi fokus ke arah membimbing generasi muda ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Di dalam pelan pembangunan ini, program pembangunan belia telah disusun semula bagi meningkatkan keupayaan generasi muda menguasai cabaran-cabaran semasa dan akan datang serta memenuhi tuntutan sosioekonomi negara. Program-program pembangunan yang sedang dijalankan seperti latihan kepimpinan, pembangunan keusahawanan dan latihan kemahiran akan dipertingkatkan dengan tambahan peruntukan sebanyak RM115 juta bagi program pembangunan kepimpinan dan RM20 juta bagi program pembangunan usahawan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Penekanan program pembangunan belia akan dilaksanakan di peringkat akar umbi untuk memberi pendedahan kepada semua golongan belia tidak mengira jantina. Dari sudut menangani pengangguran, kementerian sedang dan sentiasa menyediakan peluang latihan berinstitusi di bawah program Institusi Kemahiran Belia Negara dalam pelbagai jurusan kemahiran yang melebihi 139,305 belia sehingga tahun 2005. Mengenai latihan tidak berinstitusi pula kementerian telah memberi kursus-kursus kemahiran tidak formal kepada 121,695 belia.

Bagi meningkatkan jumlah ini, kementerian telah mendapat persetujuan Kabinet untuk mewujudkan dan memperluaskan peluang latihan kemahiran melalui program pembiayaan tempat latihan dengan saranan sebanyak 10,000 orang pelatih setahun khusus pada hujung minggu serta peningkatan program-program keusahawanan belia.

Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Krau menyokong penubuhan majlis....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Sedikit tentang kemahiran.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampaknya Yang Berhormat Menteri telah pun mempunyai perancangan ataupun rencana-rencana tentang menggalakkan peningkatan keupayaan kemahiran di kalangan belia. Kita sedar bahawa pada ketika ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan penekanan kepada kegiatan pertanian sebagai enjin ketiga pembangunan ekonomi negara.

Adakah Yang Berhormat Menteri mencadangkan supaya salah satu daripada IKBN di negara kita ini dikhususkan kepada kegiatan pertanian sahaja. Sebagai contoh IKBN baru akan dibina ini dikhususkan kepada kegiatan pertanian supaya dapat kita menggalakkan para belia kita ini untuk menambah minat mereka di dalam bidang pertanian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, enam IKBN akan dibina dan masih dalam peringkat perancangan dan insya-Allah memandangkan bahawa visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah menekankan kepada aspek pertanian dan bagi kementerian ini adalah satu penekanan dan aspek yang akan dilaksanakan oleh kementerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak menyentuh mengenai kepimpinan belia dan masa depan negara yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Risaunya kita tentang kualiti belia kita pada hari ini untuk mereka menjadi pemimpin pada masa yang akan datang.

Satu kajian dibuat untuk lima tahun terakhir tentang Pesta Buku Malaysia yang baru-baru ini diadakan di PWTC, kajian mendapati bahawa tidak sampai 20% belia membeli buku dan kalau membeli pun, jenis buku yang dibeli adalah hanya berbentuk novel cinta yang dijual di pasaran. Kajian dibuat oleh Perpustakaan Negara untuk tahun 90-an hingga tahun 2000 adalah membuktikan bahawa rakyat Malaysia yang membaca buku, kajian yang mendapati adalah hanya satu halaman setahun.

Dibandingkan dengan belia yang mengunjungi konsert dan yang mengunjungi pesta-pesta hiburan, puluhan ribu ramainya. Jadi adakah kementerian Yang Berhormat sedar dalam perkara ini dan apakah pelan tindakan dan apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil untuk mengatasinya kalau inilah dia *findings* ataupun inilah dia hasil

yang didapati oleh kajian-kajian yang tidak boleh kita pertikaikan kesahihannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat sebenarnya memang Kementerian menyedari isu tentang program tentang belia yang kalau hendak dikata tidak mahu beli buku ketidak membaca buku. Kita juga dapat maklumat belia kita memang ramai yang suka lepak. Tetapi apa yang terjadi pada hari ini bagi Kementerian, Kementerian melihat belia-belia yang lulus universiti sekalipun yang setakat ini 59,000 yang lulus universiti yang kita boleh membuat andaian suka membaca, tidak mendapat pekerjaan. Jadi di sini Kementerian melihat antara yang lebih penting bagi belia saat ini ialah untuk memberikan mereka kursus-kursus kemahiran supaya mereka dapat menjana diri mereka untuk mendapat pekerjaan.

Memang bagi Kementerian bukan sahaja membaca buku tetapi bersukan juga Kementerian menghadapi ramai belia kita tidak begitu minat, tidak dari segi kajian tetapi dari segi peratusan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian. Itu sebabnya Yang Berhormat bagi Kementerian dalam semua program dilaksanakan Kementerian melihat yang dapat memperkasakan belia untuk nilai-nilai yang positif adalah Persatuan Belia. Itu sebab Kementerian amat bersyukur kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan bahawa Persatuan Belia harus dipimpin oleh golongan belia sendiri. Dan insya-Allah dengan wujudnya Akta Belia pada tahun ini dengan disokong oleh semua Yang Berhormat yang lain insya-Allah program-program untuk memperkasakan lebih cara hidup dan gaya hidup belia ini dapat dilaksanakan oleh semua pihak yang bertanggungjawab.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang pertama hendak ucap tahniah kepada Kementerian kerana memberi tokoh sukan kepada Allahyarham Tun Ghafar.

Datuk Azalina binti Othman Said: Belum lagi Yang Berhormat. Kami masih dalam soal yang kedua iaitu tentang kemahiran.....

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Bukan, bukan soalan saya bab belia tanya bab tokoh sukan. *[Ketawa]*

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Persoalan dia ialah tokoh belia. Apakah kriteria yang diambil oleh Kementerian untuk dianugerahkan seorang itu sebagai tokoh belia? Kami telah difahamkan bahawa Kementerian telah bercadang untuk memberi tokoh belia di kalangan yang berumur bawah 40 tahun. Saya kira kalau itulah keputusan Kementerian memberi tokoh belia kepada umur 40 tahun ianya bukan lagi tokoh. Tokoh ialah individu belia yang telah banyak berjasa, berbudi menyumbangkan fikiran, tenaganya untuk program belia di negara kita. Adakah benar bahawa tokoh belia akan diberi di bawah umur 40 tahun? Itu persoalan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar pada tahun ini Kementerian melihat adalah perlu pendekatan bagi pemilihan pemenang-pemenang Hari Belia harus di bawah umur 40 tahun. Itu sebabnya tokoh belia pada tahun ini akan dilihat satu perubahan iaitu generasi belia yang benar-benar berumur 40 tahun akan disenaraikan sebagai calon-calon. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Tadi tentang belia tadi saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri pun rasa gusar tentang masa depan belia-belia kita ini. Saya kira ya belia-belia kita ada sedikit masalah dari segi *idealism*nya, dari segi prinsip, dari segi falsafah hidupnya. Saya kira dia banyak hanyut dengan "Akademi Fantasia"nya, dengan perkara-perkara yang remeh-temeh dalam hidupnya. Ini adalah merupakan satu cabaran kepada Yang Berhormat Menteri sendiri bagaimana usaha kita untuk kita membina *idealism* di kalangan belia-belia kita dari segi *intellectualism*.

Tadi dikatakan bacaan buku saya kira ini satu masalah kita dari segi *intellectualism* bagaimana kita hendak memperkukuhkan keilmuan belia-belia kita. Selain daripada yang ketiganya itu kita hendak aktifkan mereka itu, cergaskan mereka itu. Aktif dan juga proaktif mereka itu dalam kegiatan-kegiatan belia ini. Saya kira ini adalah merupakan cabaran-cabaran yang amat besar. Saya setuju tadi saya kira juga Menteri ada nada yang agak gusar tentang memandang ke depan belia-belia kita meskipun sekarang ini kita banyak bercakap tentang belia global yang harus mengharungi cabaran peringkat antarabangsa sekali gus dengan jati diri kita. Bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang ini?

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebenarnya inilah yang ditekankan oleh kementerian sendiri bahawa semua dasar-dasar kementerian daripada sejak dua tahun ialah pada penekanan 3K yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pelancaran Hari Belia pada tahun 2004 iaitu kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan. Bagi kementerian 3K ini menjadi akar umbi kepada semua pendekatan belia sama ada dalam aspek program belia, program sukan ataupun program Rakan Muda. Apa yang kementerian melihat ialah kejayaan belia kita pada hari ini kalau kita lihat kepada belia yang aktif dalam program kokurikulum di sekolah iaitu generasi belia di bawah 18 tahun. Mereka kebanyakan kalau dari segi kokurikulum yang begitu aktif membantu kemasukan universiti dan mempunyai generasi muda yang mempunyai tuntutan disiplin dan mempunyai gaya hidup yang begitu positif.

Tetapi yang selalunya terjadi dalam keadaan kita kokurikulum berhenti selepas umur 18 tahun. Maksudnya umur 19 mereka bekerja ke berkawan mereka tidak aktif dengan kokurikulum. Itu sebabnya Yang Berhormat generasi belia kita begitu suka kepada Program Khidmat Negara yang mempunyai daya tarikan yang begitu hebat iaitu lebih kurang 86,000 setahun. Walau bagaimanapun keluaran sekolah setiap tahun ialah 420,000. Itu sebabnya kementerian mendapat sokongan Kabinet untuk melaksanakan program memperkasakan tenaga muda bagi generasi-generasi belia kita yang keluar daripada Tingkatan Lima yang tidak berjaya memasuki Khidmat Negara supaya kita dapat teruskan minat mereka dalam program-program berbentuk ko-kokurikulum kalau mereka tidak berjaya dalam Program Khidmat Negara.

Bagi kementerian, kementerian masih berpegang bahawa pendidikan secara informal melalui program-program yang dilaksanakan sama ada melalui persatuan, melalui gaya hidup Rakan Muda yang telah dilaksanakan kementerian akan membina generasi-generasi muda yang mempunyai pendekatan global yang dikehendaki oleh kerajaan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya sambung tadi.....

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang mana saya hendak pilih...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Padang Terap dahulu. Bab tokoh belia.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tokoh belia?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ya.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua bagi Yang Berhormat Wee ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti ucapan Yang Berhormat tadi tentang kepimpinan belia sepatutnya diserahkan kepada golongan belia. Saya rasa dalam Dewan yang mulia ini kita sering membicarakan tentang perkara ini dan kita sering mendengar ada helah di kalangan pemimpin-pemimpin belia bahawa tidak ada orang yang layak memimpin mereka. Saya rasa, saya hendak tanya Yang Berhormat apakah misi dan visi Menteri dalam menggubal Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia ini? Kerana had umur 40 tahun itu merupakan satu perkara yang perlu dilakukan. Ia kalau dapat dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri saya rasa ianya adalah satu *turning point* kepada golongan belia. Dan mampukah Yang Berhormat melakukan ini tanpa sebarang rintangan daripada pemimpin belia? Dan bagaimana ianya dapat dilakukan dengan *political will*?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri saya sambung *on the same notes*.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ha Tangga Batu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam bila dibawa akta itu ke Parlimen ini nanti landskap pertubuhan-pertubuhan belia, kepimpinan pertubuhan belia akan berubah sekali gus. Dan kita nampak pada peringkat umur 40 tahun ini pun kita masih lagi keterbelakangan jika kita dibandingkan negara-negara yang maju di dunia ini. Adakah Yang Berhormat Menteri supaya contohnya MBM hari ini kalau mereka kepimpinan mereka di bawah umur 40 tahun kita mencadangkan kemudian MBM supaya di bawah 30 tahun pula. Ataupun sekali gus kita bawa betul-betul pertubuhan-pertubuhan belia ini membayangkan orang-orang yang muda dan remaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kepada kedua-dua Yang Berhormat, bagi pihak kementerian harapan untuk merealisasikan Akta Belia di bawah 40 tahun ini sebenarnya satu pendekatan yang kata orang hanya dapat mengeluarkan kejayaan jikalauh Kementerian Belia dan Sukan sentiasa diberikan sokongan oleh Ahli-ahli Parlimen pada hari ini. Ini kerana kepimpinan persatuan belia sejak kebelakangan memang kebanyakan kepimpinan dari orang-orang politik sama ada parti yang memimpin Barisan Nasional ataupun parti pembangkang yang menyebabkan mempolitikkan Persatuan Belia yang pada saat dahulu dilihat mungkin perlu kerana tidak cukup kepimpinan.

Tetapi bagi kementerian dengan jumlah generasi muda bawah 40 tahun sebanyak 11 juta lebih kurang separuh daripada jumlah rakyat Malaysia iaitu 25 juta orang, sudah tentu ramai generasi muda boleh memimpin dengan syarat mereka selesa dengan generasi yang mereka memimpin. Kalau mereka hendak memimpin generasi yang lebih tua daripada mereka masalahnya Tuan Yang di-Pertua ramai generasi muda kita tidak mahu menyuarakan pandangan mereka kerana mereka tidak dengan izin *comfortable* dengan *environment* yang dia ada.

Jadi apa Yang Berhormat tanya saya tentang misi, visi bagi saya yang lebih penting kita mesti merealisasikan ramai generasi belia di bawah umur 40 tahun diberikan tugas, tanggungjawab kepimpinan. Dan kita mesti yakin dengan mereka sebab saya cukup yakin Tuan Yang di-Pertua dahulu mereka yang memimpin persatuan belia yang lebih umur 40 tahun mereka memasuki persatuan belia apabila umur mereka bawah 40 tahun. Yang menjadi masalah mereka tidak mahu melepaskan kuasa mereka. Tetapi kalau hendak

ditegur mereka pun tidak boleh sebab dalam amalan demokrasi ahli-ahli persatuan belia bertanggungjawab memilih pemimpin mereka.

Itu sebab Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak tanya tentang landskap kepimpinan akan berubah dengan Akta Belia jawapan daripada kementerian yang lebih penting generasi belia mesti berani mahukan kepimpinan daripada diri mereka sendiri.

Kalau generasi belia walau macam mana pun undang-undang dilaksanakan oleh kerajaan, tidak memberikan sokongan yang positif untuk memilih kepimpinan daripada orang muda, maka saya yakin Akta Belia tidak dapat menyelesaikan masalah kekurangan kepimpinan yang sering disebut oleh generasi belia itu sendiri. Dengan izin ya Datuk Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua ahli Yang Berhormat bangun. Setiu, Maran ?

Datuk Azalina binti Othman Said: Setiu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu dahulu...

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal semangat berpersatuan di kalangan belia ini, kempen-kempen yang saya percaya di negeri Terengganu cukup hebat untuk menubuhkan lebih banyak persatuan contohnya satu JKK satu persatuan.

Tetapi saya percaya nampaknya kesedaran masyarakat itu sendiri seolah-olahnya tidak berapa bersetuju untuk memberi ruang kepada belia-belia kita supaya berpersatuan. Bagaimana pandangan daripada Yang Berhormat Menteri apabila situasi seperti ini nampaknya masih juga tidak berganjak.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat, sebab itulah di dalam Akta Belia ini akan diletakkan pendaftaran yang diwujudkan daripada pendaftar belia yang diperkenalkan dalam akta. Tujuan ini adalah supaya kewujudan persatuan-persatuan baru itu dapat digalakkan secara lebih positif. Anggapan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu kadang-kadang berlaku kerana persepsi generasi muda bahawa kemungkinan orang-orang sebelum mereka, selepas mereka tidak mahu menyokong mereka mewujudkan persatuan.

Dari segi kebuktian sahah kita tidak ada Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang kita lihat sebenarnya bagi kementerian kita percaya kepada aspek nak seribu daya tak nak seribu dalih. Sebenarnya masalah generasi belia, dalam keadaan di mana kalau kepimpinan persatuan belia kalau terdiri daripada orang yang lebih berumur daripada mereka, generasi belia merasakan seolah-olah tak apalah, lepas tangan. Biarlah orang lain buat keputusan. Jadi mereka menganggapkan tak payah mereka bertanggungjawab.

Itu sebabnya, dengan adanya pendaftar belia wujud di bawah Akta Belia, insya-Allah kementerian merasa yakin bahawa galakkan untuk mewujudkan persatuan akan menjadi satu pendekatan supaya semua bantuan yang hendak diturunkan oleh kerajaan akan dilaksanakan oleh persatuan-persatuan belia yang berdaftar di bawah Akta Belia.

Dengan izin Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat bagi Kuala Krau menyebut tentang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Maran...

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih menteri. Saya sebenarnya sebagai seorang ahli pemimpin belia lama, dan saya sebenarnya amat bersetuju dengan cadangan menteri supaya kepimpinan belia ini diserahkan kepada mereka yang di bawah umur 40.

Dan walau bagaimanapun, dari pemerhatian saya, sebenarnya kalau kita turun pun Yang Berhormat menteri, kita rasa lebih selesa kerana kita tidak perlu apa-apa lagi. Duit tak payah keluar, sebagainya tak payah keluar dah. Tenaga pun masih boleh jimat. Tetapi saya merasa kasihan sebab tidak semua pemimpin muda belia ini bersedia lagi,

mempunyai persediaan. Sebab itu saya minta supaya kementerian serius, dari segi peluang-peluang pekerjaan, dari segi peluang-peluang mendapatkan ekonomi bagi pemimpin-pemimpin yang akan menjadi pemimpin ini diberikan kepada mereka. Termasuklah dari segi menjana semula ekonomi, belia niaga dan sebagainya dan pengangguran yang berlaku di kalangan belia.

Kerana saya perhati, ini sebenarnya pengalaman saya kerana saya sebenarnya bersedia untuk melepaskan jawatan. Saya ingat ramai lagi....tetapi tolong berikan perhatian kepada mereka. Dan saya yakin mereka ini boleh berjalan cuma kita berikan *support* daripada belakang. Apakah usaha menteri, kementerian supaya peluang-peluang ini, persediaan yang boleh kita beri kepada pemimpin ini yang akan mengambil alih kepimpinan belia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau nak jawab ke?

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Saya nak tambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nak tambah bukan nak jawab..

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Saya sokong cadangan kerajaan kalau kepimpinan belia ini diberikan mereka yang berumur bawah 40, bawah 30 pun tidak mengapa sebab saya menjadi pengerusi JPMS dalam umur saya 17. Saya sekarang ini Naib Pengerusi 4B Negeri Sembilan. Tidak ada masalah untuk melepas jawatan. Esok pun boleh. Sebab sampai masanya kita beri peluang kepada yang muda-muda macam Tangga Batu ini jadi presiden 4B Malaysia.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Cara kepimpinan Yang Berhormat inilah yang dinanti-nantikan oleh semua belia pada hari ini. Tetapi yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Marang, bagi kementerian, program kepimpinan itu sangat penting. Dan kementerian melihat antara aspek kepimpinan ialah mengajar mereka di dalam persatuan belia, cara untuk memimpin. Itu sebabnya kementerian akan mewujudkan Akademi Latihan Kementerian Belia dan Sukan iaitu untuk menukar taraf salah satu daripada institut latihan supaya dijadikan Akademi Latihan Kementerian Belia dan Sukan supaya kita dapat secara lebih serius mewujudkan program-program kepimpinan di antara mereka di dalam persatuan belia.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau telah menimbulkan cadangan tentang penubuhan Majlis Penggalakan Ekonomi Belia. Nyatakan bahawa Yang Berhormat ini menyokong kepada penubuhan dan mengharapkan bahawa MPEB ini dapat menggalakkan belia dan beliawanis berniaga dan sekali gus meningkatkan pendapatan masyarakat. Bagi kementerian Tuan Yang di-Pertua kita memang sangat-sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana menyokong harapan kementerian bahawa MPEB ini dapat menjadi satu pendekatan baru yang dapat membantu generasi belia kita untuk berdiri atas kaki sendiri.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau juga menimbulkan tentang isu Akta Belia dan telah menyatakan cadangan untuk menentukan kepimpinan dari kalangan belia, soalan tersebut telah saya jawab, memang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Telah jawablah Yang Berhormat, telah jawablah... Yang Berhormat tidak letih ke?

Datuk Azalina binti Othman Said: Telah jawab Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Pasal sayang pada belia ini, Datuk Speaker. Nak sokong. Terima kasih, sebenarnya saya kawasan Kuala Krau sebutannya Yang Berhormat Menteri. Bukan Kurau. Kurau ini, Perak ya.

Saya hendak menyentuh tentang persatuan belia, saya melihat dahulu bahawa peruntukan untuk pentadbiran dan juga aktiviti kepada persatuan-persatuan belia ini diperturunkan kuasanya peruntukan ini kepada pengarah belia dan sukan negeri dan proses permohonannya hendaklah dihantar kepada pegawai belia daerah di peringkat daerah dan dihantar kepada peringkat negeri. Dan pengarah belia dan sukan mempunyai kuasa untuk meluluskan peruntukkan tersebut melalui borang PB1.

Pertanyaan saya, amalnya sekarang ini mestilah mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah alasan kuasa tersebut ditarik balik dan ini pada tahun 2005. Di peringkat negeri Pahang, tidak ada satu sen pun diluluskan kepada persatuan belia tentang pentadbiran dan juga aktiviti. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, sebenarnya apa Yang Berhormat sebut itu tidaklah begitu tepat sebab arahan yang bahawa pada mulanya kita terpaksa membuatkan satu *checklist* kepada bantuan-bantuan kewangan yang telah diberi. Itu pada awal tahun 2004 dan pada tahun ini, 2006, kementerian telah mengubah dasar tersebut dan telah memberikan balik kuasa kepada pengarah negeri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setiap pengarah negeri diberi bidang kuasa sekarang, bukan RM10,000 tetapi RM100,000 untuk program belia dan Exco belia dan sukan setiap negeri diberi jumlah sebanyak RM400,000. Jadi di sini saya melihat kementerian memang sentiasa peka kepada permohonan dan yang disebut oleh Yang Berhormat tentang isu di Pahang, saya selama ini tidak pernah diberi maklumat bahawa Pahang tidak mendapat bantuan daripada kementerian.

Saya akan mengkaji akan memberi jawapan secara bertulis kalau itu benar. Tetapi itu sebenarnya tidak, sebab baru-baru ini kementerian telah melaksanakan program memberikan bantuan peruntukan. Mungkin kepada persatuan-persatuan yang memang dilihat tidak penting, mungkin tidak pada semua persatuan.

Walau bagaimanapun, bagi perhatian kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam dewan ini, jika ada apa-apa permohonan, kementerian memang menggalakkan untuk dipohon kepada pengarah belia sukan negeri dan juga kepada Exco belia sukan negeri-negeri.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau ini dua soalan, dah dekat empat soalan. Perlu saya jawab lagi ke? Kuala Krau, Maaf. Pasal dia banyak sangat soalan, saya Krau jadi Kurau. Sudah empat dah ni tapi saya ikatkan sekali Tuan Yang di-Pertua ialah tentang pelatih IKBN. Kejayaan program IKBN ini dilihat antara program yang begitu berjaya terutama sekali dalam sektor. Pada tahun 2005, 65 peratus berjaya mendapat pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, automotif, tekstil, elektronik, dan hospitality. Pada tahun 2005, belum lagi pada sektor pertanian insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dan 11 peratus daripada keluaran dalam 2005 menyambung pengajian peringkat lebih tinggi, 20 peratus menunggu keputusan temu duga dan 4 peratus sahaja yang tidak mendapat pekerjaan.

Soalan daripada Yang Berhormat ialah berapa banyak mereka yang keluar dari IKBN berjaya mendapat pekerjaan. Lebih kurang Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar IKBN mempunyai alumni mereka di institut masing-masing dan ini adalah satu pendekatan yang dibuat supaya kita dapat mengkaji dengan izin membuat *tracking* kepada kejayaan mereka.

Dalam Program Rakan Muda pula, Yang Berhormat yang sama juga telah tanya saya soalan berkenaan dengan Program Rakan Muda di mana untuk mencadangkan elemen pembangunan sukan jati diri dan ekonomi dimasukkan.

Memang benar Program Rakan Muda sentiasa mempunyai gaya hidup dan Program Rakan Muda telah diberikan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM112.3 juta. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kementerian bercadang pada tahun ini untuk mewujudkan pendekatan baru dengan izin *rebranding* oleh Program Rakan Muda memandangkan tuntutan oleh generasi di bawah umur Rakan Muda di bawah umur 25 tahun ialah sebanyak RM5.5 juta.

Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Muar tentang isu sukan berkata semua kompleks sukan komiti dibina di kawasan-kawasan seluruh Parlimen. Sebenarnya itulah harapan kementerian tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah hanya menetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak 50 buah dahulu. Walau bagaimanapun, insya-Allah kementerian harap akan berjumpa dengan Menteri Kewangan Kedua supaya dapat diberikan penambahan kepada KSK yang dicadangkan ini.

Yang Berhormat daripada Larut

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu, Muar?

Datuk Azalina binti Othman Said: Putatan. Muar selepas ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soal Kompleks Sukan Komuniti yang hanya 50 buah sahaja akan dicadangkan akan dibina seluruh negara. Jadi saya terpanggil kerana Kompleks Sukan ini memerlukan belanja yang begitu besar. Kalau 50 buah ini tidak mencukupi tidak memadai kepada seluruh negara, bolehkah kementerian membahagi-bahagikan jumlah peruntukan itu kepada semua kawasan Parlimen dan dibagikan kepada Ahli Parlimen supaya kita tidak perlu buat Kompleks Sukan itu. Tetapi sebaliknya peruntukan itu dibahagi-bahagikan kepada setiap kawasan kampung yang tidak ada kemudahan seperti padang untuk belia-belia di peringkat kampung. Di kawasan saya, beberapa kampung yang terdapat di kawasan saya tidak ada padang kecuali kampung saya sendiri. Seluruh kawasan Parlimen saya tidak mempunyai padang. Jadi kalaulah ada peluang buat Kompleks Sukan di kawasan saya, ini memerlukan perbelanjaan yang besar, *maintenance*, tanah susah dicari. Kalau kita bagi kalau sekiranya RM2 juta kepada setiap kawasan Parlimen dibahagikan kepada 10 kampung misalnya hanya RM200 ribu. RM200 ribu kita boleh beli sekeping tanah dan buat *stage* dan sebagainya. Bagaimana kalau pandangan ini diterima oleh kementerian.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang dipohon oleh Yang Berhormat, kementerian mempunyai peruntukan tersebut. Jadi bantuan untuk membina padang dan astaka untuk sukan itu memang ada peruntukan bukan tidak ada. Tidak bererti bahawa 50 KSK dibina itu maka hak-hak yang disebut oleh Yang Berhormat itu tidak wujud lagi. Hak-hak itu wujud dan sentiasa wujud. Jadi saya mencadangkan supaya Yang Berhormat menulis surat kepada kami untuk membuat kajian. Tetapi yang keduanya Yang Berhormat sebenarnya masalah padang sekolah kalau kita tengok dan kaji selalunya dengan izin Tuan Yang di-Pertua tidak mempunyai ketahanan. Kita melihat padang sekolah setiap tahun memohon, maaf padang bola sepak Tuan Yang di-Pertua, memohon bantuan untuk di

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan. Padang sekolah tidak boleh digunakan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Maaf, padang bola.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tidak boleh digunakan budak-budak di kampung.

Datuk Azalina binti Othman Said: Bukan. Maaf, padang bola. Yang Berhormat saya tersasul. Sebenarnya padang bola sepak. Sama ada apa jenis padang untuk sukan sekali pun Yang Berhormat, masalah padang ini bila kena cahaya matahari dengan hujan hendak bercakap tentang penyelenggaraan jadi penyelenggaraan juga berlaku. Tetapi dalam Kompleks Sukan Komuniti yang dicadangkan mempunyai dengan izin Tuan Yang di-Pertua *multiple use*. Jadi ia ada padang futsal di dalam kompleks tersebut dua buah,

padang futsal dengan harapan bahawa penggunaan *indoor*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua mengurangkan dalam jangka masa yang panjang.

Kedua kepentingan KSK ini ialah melatih belia-belia tempatan untuk diberikan kemahiran menjadi tuan punya yang mengendali dengan izin Tuan Yang di-Pertua *to maintain*, menyelenggarakan kompleks ini. Jadi kita beri balik dari segi penggunaan dan pengurusan kompleks ini kepada generasi belia yang ada di persekitaran tersebut. Kalau kita ada padang Tuan Yang di-Pertua, selalunya yang menyelenggarakan padang banyaknya Kerajaan Tempatan sahaja. Jadi syarat Kompleks Sukan Komuniti kita tidak membeli tanah ini daripada kerajaan negeri atau kerajaan tempatan. Tetapi harga yang disebut oleh Yang Berhormat RM2 juta itu mahal saya mohon tidak setujulah. Saya tengok RM2 juta itu satu kos yang rendah memandangkan pada hari ini kenaikan harga barang lebih kurang kalau kompleks yang lengkap lebih kurang RM5 juta Yang Berhormat. Jadi RM2 juta ini kita anggap masih tidak begitu tinggi.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [*Bangun*]

Datuk Azalina binti Othman Said: Silakan Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak betulkan di mana saya tidak sebut tentang Kompleks Sukan Komuniti ketika membahaskan Rancangan Malaysia Kesembilan, seingat sayalah, tetapi tidak mengapa kita boleh semak di hansard tetapi telah disebut. Tadi Yang Berhormat Menteri kata ada 50 buah kompleks sukan. Tetapi kalau kita tengok dalam muka surat 506 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, 13 kompleks sukan pelbagai guna peringkat daerah akan dibina. Pelbagai kemudahan untuk sukan seperti badminton, sepak takraw dan futsal, satu premis untuk mengadakan mesyuarat. Jadi saya minta penjelasan, itu yang pertama sama ada 50 seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ataupun 13 seperti yang tercatat di dalam buku ini muka surat 506.

Cuma setelah disebut tentang Kompleks Sukan Komuniti, kenapa saya kata saya tidak sebut? Sebab saya tidak berapa setuju tentang pembiayaan yang terlalu besar. Kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Kesembilan 94% daripada peruntukan yang diberikan untuk membina infrastruktur ini. Yang pada saya sepatutnya membelanjakan lebih untuk pembangunan modal insan seperti yang dicatatkan dalam salah satu teras. Kalau kita tengok RM40 juta sahaja diperuntukkan untuk program pembangunan atlet. Yang ini saya rasa boleh diberi penjelasan. Kalau kita bina banyak maka penyelenggaraan dan kemudahan yang disediakan kalau tidak dijaga dengan baik akan memberi kesan jangka masa panjang tambahan pula yang diluluskan 13. Saya rasa kita telah dijanjikan untuk dibuat di semua tempat. Jadi perkara ini perlu diberi penjelasan. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang ditulis 13 itu ada kesilapan. Saya pun dengar kesilapan apabila ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya adalah 50 dalam taklimat yang diberi oleh dengan izin EPU kepada kementerian. Sebenarnya 50 walaupun permohonan yang dibuat oleh kementerian ialah pada semua kawasan Parlimen.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada banyak lagi?

Datuk Azalina binti Othman Said: Kalau soalan banyak, banyaklah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau begitu saya boleh bantu untuk kawal. Teruskan jawapan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tetapi bagi Kompleks Sukan Komuniti kementerian perlu menjelaskan bahawa yang disebut 94% itu tidaklah begitu tepat iaitu sebenarnya termasuk kos untuk menyelenggarakan semua kompleks sukan dan stadium di negeri dan daerah. Jawatankuasa Kabinet telah membuat keputusan berapa banyak harta-harta di kawasan luar daripada kawasan bandar, banyak mempunyai masalah penyelenggaraan. Itu sebabnya jumlah wang yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya kiraan sekali bukan sahaja kompleks tetapi lebih kepada menyelenggara dan membaiki semua stadium-stadium di peringkat daerah dan negeri-negeri.

Yang Berhormat bagi Larut tidak ada di sini tetapi dia telah mewujudkan harapan supaya prestasi sukan di Malaysia terus meningkat dan berkembang maju. Bagi Kementerian itulah harapan Majlis Sukan Negara.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bagi Santubong memainkan isu kemerosotan sukan dengan masalah kepimpinan badan sukan atau masalah gejala rasuah dalam sukan, meminta agar Kementerian

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera, besok kena datang pukul 10.00.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Pukul 8.00 pun boleh datang. Sikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Dari segi pembangunan atlet ni.

Datuk Azalina binti Othman Said: Boleh tak saya habiskan jawab soalan kemudian saya ada lagi ...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang bersetuju Yang Berhormat Menteri.

Datuk Azalina binti Othman Said: Lagi tiga aje. Tetapi saya boleh jawab sebab ini semua bab sukan. Jadi saya tahu Yang Berhormat dalam isu stadium, jadi saya ...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak bukan isu stadium.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tetapi kalau saya jawab 4 semua dan saya biarkan soalan Yang Berhormat akhir selepas ini?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya sudah berdiri.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini yang terakhirlah. Selepas ini tidak dibenarkan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak tanya tentang Program Pembangunan Atlet. Kalau kita lihat ada tiga kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran. Jadi saya nampak macam ada satu pertandingan dan ada persaingan daripada ketiga-tiga kementerian ini hendak menunjukkan kemampuan mereka di mana mereka lebih baik daripada yang lain. Jadi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat bagaimana penyelarasan dibuat, bagaimana kerjasama boleh dibuat untuk ketiga-tiga kementerian ini bekerjasama untuk sama-sama membangunkan prestasi sukan.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat bagi Bera, sebenarnya hendak bercakap tentang pembangunan sukan ini ada dua aspek. Yang pertama sukan prestasi tinggi dan yang satu lagi ialah sukan untuk semua. Dalam sukan prestasi tinggi, tanggungjawab penuh adalah Majlis Sukan Negara memandangkan kewangan dikeluarkan oleh Majlis Sukan Negara.

Atlet-atlet yang datang daripada Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pengajian Tinggi akan ditanggung oleh Majlis Sukan Negara. Itu sebabnya hendak katakan dengan izin *overlapping*, pertandingan itu tidaklah begitu tepat kerana Sekolah Sukan Bukit Jalil adalah sekolah sukan dan Sekolah Bandar Penawar adalah sekolah yang bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara.

Kalau kita lihat kepada institut pengajian tinggi dan juga universiti-universiti tempatan, banyak menjalankan program-program bersama dengan kementerian. Kalau diandaikan kerana setiap daripada kementerian ini menjalankan program yang lebih kurang sama, kenyataan yang sama juga boleh disebut tentang isu ekonomi Tuan Yang di-Pertua kerana apabila disebut tentang isu ekonomi belia, isu kemahiran dan pengangguran belia

yang terlibat bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan tetapi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dan Kementerian Pelajaran.

Tetapi dalam aspek ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan pelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan menekankan kepada aspek modal insan. Modal insan ini dapat diukur dari salah satu daripada strategi memberikan kekuatan modal insan adalah melalui sukan dan kalaulah hanya Kementerian Belia dan Sukan sahaja yang bertanggungjawab, ini secara tidak langsung menafikan peranan yang harus dimainkan oleh Kementerian Pelajaran bagi pelajar-pelajar di bawah umur 18 tahun dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi pelajar-pelajar yang berumur lebih 18 tahun di bawah umur 25 tahun mungkin yang belajar di universiti tempatan ataupun universiti swasta.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, untuk merealisasikan kejayaan itu sebabnya Jawatankuasa Kabinet Sukan ditubuhkan dan 15 orang Menteri Kabinet menjadi ahli. Ini menunjukkan bagi Kerajaan Malaysia bahawa sukan ada suatu pendekatan yang sangat penting dan Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan supaya semua kementerian seiring sejalan dengan hala tuju yang sama supaya menjadi juaranya adalah Malaysia dan bukan mana-mana kementerian yang tertentu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai modal insan, mengenai mutu sukan, *sports complex* dan lain-lain lagi. Satu *underline team* mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan ialah bahawa mencegah pembaziran mengenai keberkesanan semua program.

Dalam perkara ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa kita boleh berbelanja RM490 juta untuk satu pusat di "Harvester" Sports Training Centre, adakah ini berkesan atau adakah ini dilihat sebagai pembaziran oleh kerana tidak ada pusat ini di negara-negara yang lain. Kenapa kita belanjakan RM6 juta setahun untuk "*By Weekly Sports Tabloid Malaysia Today*" yang tidak ada sangkut paut dengan mempertingkatkan mutu sukan dan kenapa kita rekrut orang-orang luar yang dengan gaji yang tinggi semacam Damien Kelly, RM17,000 sebulan sebagai Ketua Unit Projek Asia-Kom, apabila *predecessor* beliau, Subwan Singh barulah empat kali lebih dan tidak dapat apa-apa keberkesanan kalau kita tengok dari Sukan Komanwel pun kita hanya mendapat tujuh pingat emas ataupun Lee Nixon pun RM17,000 sebulan atau Christy untuk *sports for all*.

Semuanya ini bukankah boleh menimbulkan satu krisis sebenarnya kepercayaan di kalangan sukan dan perlu ditangani dengan berkesan dan dengan peka. Nampaknya Yang Berhormat Menteri perlulah mengubah sikap sedikit oleh kerana masalah taekwondo Yang Berhormat Menteri ada kata masalah sudah dapat diselesaikan apabila penggulungan dalam perbahasan bulan Mac lalu.

Tetapi kita tahu bahawa baru-baru ini di Bangkok, pasukan taekwondo kita tidak boleh mengambil bahagian dalam kejohanan itu. Kalau ini tidak dapat diselesaikan di semua pertandingan taekwondo, kita pun tidak boleh ambil bahagian. Bukankah ini satu mala petaka kepada kita dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kenapa masalah begitu banyak dalam sukan dan ada orang yang sebenarnya menganggap bahawa pelantikan Tan Sri Elyas Omar sebagai *Sports Commissioner* adalah satu *disaster* atau satu mala petaka kepada sukan di negara kita. Bukankah ini perlu ada satu penyelesaian.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat banyak, saya cuba jawab. Sebenarnya berkenaan dengan taekwondo, masalah taekwondo ialah kes itu masih di mahkamah, jadi sehingga kes itu dapat diselesaikan sudah tentu Malaysia Taekwondo Association tidak dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun kerajaan dengan kerjasama Majlis Olimpik Malaysia telah membenarkan, kerajaan memang membenarkan atlet bertanding dan membantu atlet MTA bertanding (Malaysia Taekwondo Association). Yang menjadi isu di Sukan SEA, tidak menjadi isu kerana Majlis Olimpik Malaysia mengesahkan kemasukan mereka atas nama MOM.

Tetapi yang menjadi isu sekarang ialah selagi kes itu tidak berlaku tidak dapat diselesaikan, pertandingan-pertandingan yang lain yang menjadi halangan ialah badan

induk di Korea, tidak menjadi halangan di Malaysia kerana baru yang baru iaitu Malaysia Taekwondo Federation telah diterima oleh Pejabat Suruhanjaya Sukan sebagai badan baru. Bagi negara Malaysia, kalau adanya mana-mana persatuan yang disahkan sebagai badan yang mewakili sukan tersebut, itu adalah hak negara Malaysia di bawah Akta Pembangunan Sukan.

Yang menjadi isu bukan masalah Malaysia. Yang menjadi isu ialah negara Korea yang mengatakan dia tidak mahu menerima badan ini kecuali badan itu. Memang kita setuju tetapi badan yang dia hendak itu masih di mahkamah. Kerana hendak menyelamatkan atlet-atlet tersebutlah Malaysia Taekwondo Federation yang memohon mewakili yang terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Malaysia Taekwondo Association yang telah masuk mahkamah ini memohon supaya dapat mereka dapat hidup di atas nama yang lain.

Bagi Kerajaan Malaysia, kalau itu yang dipohon, di lihat senarai dapat laksana, kerajaan menerima. Yang menghalang ialah bukan kerajaan Malaysia tetapi persatuan antarabangsa. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat, persatuan wakil-wakil daripada MTA yang telah diharamkan ini telah memberitahu kepada Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, mereka hendak mencari penyelesaian sebelum kes mahkamah dapat ditentukan supaya dalam sukan-sukan yang akan datang masih ramai atlet taekwando dapat dihantar. Itu dalam soalan yang pertama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebelum kita pergi kepada isu-isu yang lain, bagaimana Yang Berhormat Menteri berkata bahawa MTA diharamkan. MTA bukan *illegal entity*. Masalah yang timbul ialah oleh kerana tidak diiktiraf oleh *Sports Commissioner*, Tan Sri Elyas Omar dan sungguhpun ini sama ada tindakan sah atau tidak sah. Itu persoalannya. Tetapi apakah masalahnya ialah bahawa tindakan beliau tidak mengikut peraturan-peraturan dan sebab itu diiktiraf oleh International Taekwondo Federation. Sebab itu semua pemain-pemain taekwando kita tidak boleh mengambil bahagian dalam semua pertandingan di dunia, bukan sahaja baru-baru ini bahawa di Bangkok 17th ASEAN Champion Bangkok kita tidak boleh menghadiri kalau tidak selesai World Junior Championship di Vietnam dalam bulan Julai, World Poomse pertandingan di Korea, 15th ASEAN Games Taekwondo Championship di Doha bukannya ini suatu perkara yang sangat memalukan, bukan masalah kita sendiri. Oleh sebab kita tidak mahu mengikut peraturan-peraturan yang kita mahu mengakui World Taekwondo Federation, itulah yang timbul. Saya ada menimbulkan masalah ini di dalam tahun lalu. Saya telah menimbulkan masalah ini dalam bulan Mac dan Yang Berhormat Menteri kata boleh selesai tetapi tidak selesai. Bukankah ini akan menjadi *reflection* kepada Yang Berhormat Menteri di mana satu *sports* kita tidak boleh diiktiraf, tidak boleh mengambil bahagian di dunia.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat sebagai seorang peguam, mesti belajar di sekolah undang-undang bahawa kalau kes itu di mahkamah, ia di luar daripada bidang kuasa kerajaan. Yang menjadi masalah ialah persatuan menyaman pejabat atau agensi sukan mengatakan keputusan itu salah. Itu yang disebut oleh Yang Berhormat. Itu anggapan persatuan. Untuk menyelesaikan isu ini, persatuan tidak puas hati pergi mahkamah. Kerajaan pun pergi mahkamah membela diri. Tetapi sehinggalah mahkamah memberikan penetapan kepada keputusan, kerajaan tidak boleh bertindak dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *is beyond our control*.

Tetapi apa yang kerajaan cuba bantu ialah apa yang berlaku di Sukan SEA. Yang Berhormat berlaku tidak adil kerana Yang Berhormat tidak melihat niat baik kerajaan dengan menghantar atlet yang sama pada saat sukan SEA, persatuan taekwando itu masih di mahkamah. Tetapi diterima oleh badan antarabangsa melalui Majlis Olimpik Malaysia. Yang menjadi masalah sekarang sukan-sukan yang lain, tiba-tiba badan induk tidak mahu menerima kemasukan walau pun melalui MOM.

Jadi kalau Yang Berhormat berkata bahawa pejabat Pesuruhjaya Sukan tidak menjalankan tugas yang betul, itu adalah keputusan mahkamah, itu anggapan Yang

Berhormat. Tetapi selagi kes masuk mahkamah, saya bagi pihak kementerian dan mana-mana bagi pihak kerajaan tidak dapat mengatakan boleh atau tidak boleh. Jadi saya hendak menasihatkan Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh menasihatkan kepada mereka yang menyaman kerajaan, mungkin tarik kes daripada luar kerajaan, daripada mahkamah dan kita boleh selesaikan di luar mahkamah. Itu cara penyelesaian. Tetapi cara penyelesaian bukan melalui menuduh kerajaan tidak prihatin. Ini tidak adil.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Saya percaya Yang Berhormat Menteri bekerja kuat dan kita tahu Yang Berhormat Menteri buat macam-macam perkara. Saya hendak tanya tentang Akta Pembangunan Sukan 1997 ini. Baru-baru ini saya rasa terkejut apabila Datuk Siah Kok Chi membuat kenyataan yang mengatakan bahawa tidak melantik orang luar untuk menduduki satu jawatankuasa yang dibentuk, saya rasa lebih kurang dalam *Malay Mail*, 11 April. Kemudiannya kita diberitahu beliau dipanggil untuk memberi penjelasan atas kenyataan yang beliau buat. Yang saya tahu, seingat saya, di bawah Akta Pembangunan Sukan, Panel Penasihat Sukan (*Sports Advisory*) ini hanya menjalankan kuasa yang diarahkan oleh menteri.

Saya hendak tanya sama ada pemanggilan Datuk Siah Kok Chi ini setelah mendapat arahan daripada Yang Berhormat Menteri atau Panel Penasihat Sukan ini sengaja memanggil kerana bagi saya untuk memberi pandangan bagi mengekalkan orang tempatan untuk mengesal sesuatu jawatankuasa satu kenyataan yang baik. Kalau bukan dibuat oleh beliau saya pun akan buat di Dewan ini. Kerana bagi saya kita tidak perlu memanggil orang luar yang kita terpaksa membayar banyak. Kalau kita sanggup bayar banyak kepada orang luar, saya rasa anak tempatan pun boleh buat. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Menteri memberikan arahan itu ataupun di dalam bidang kuasa mana untuk memanggil Datuk Siah Kok Chi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sikit. Saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua, la ini pukul berapa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: La ini pukul berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mesyuarat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak. Jam pukul berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sebenarnya kalau boleh sekarang pun saya hendak berhenti.

Beberapa Ahli: *[Memandang ke arah jam di dalam Dewan]*

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat bagi Muar menimbulkan isu, apa yang berlaku saya rasa ramai masyarakat hanya membaca surat khabar dan percaya apa yang mereka baca. Sebenarnya apa yang berlaku ialah bila dalam Majlis Badan Penasihat Sukan, sebenarnya terdiri dua wakil daripada Majlis Olimpik Malaysia iaitu Presidennya, Tan Sri Tunku Imran dan Cik Low Beng Choo.

Jadi apabila isu ini ditimbulkan, saya dimaklumkan oleh Panel Penasihat Sukan bahawa mereka mengatakan pandangan Setiausaha Agong Majlis Olimpik Malaysia adalah pandangan peribadi. Itulah sebabnya mereka mengatakan bahawa Setiausaha Agong tidak menyuarakan pandangan rasmi Majlis Olimpik Malaysia. Itu sebab dalam kes ini, Panel Penasihat Sukan telah dicadangkan oleh dua wakil daripada MOM supaya berbual dengan Datuk Siah Kok Chi. Tetapi apa yang digembar-gemburkan oleh surat khabar tidak begitu tepat. Bagi kementerian kalau kita masih jawab-menjawab soalan ini tidak akan menyelesaikan kerana kita harus berhadapan dengan pertandingan sukan antarabangsa.

Berkenaan dengan isu Yang Berhormat timbulkan tentang mengambil orang luar, sebenarnya kementerian juga merasa sedih kerana kementerian melihat kepakaran-kepakaran yang dikehendaki bukan sahaja dalam sukan tertentu tetapi semua jenis sukan masih terdapat ramai jurulatih asing, contohnya bola sepak. Dalam aspek sukan liga bola sepak sekalipun kelab-kelab sukan, kalau tengok baru-baru ini Majlis Perbandaran Petaling Jaya penuh dengan jurulatih luar. Sama juga dengan sukan hoki, sukan *lawn bowl* dan macam-macam jenis sukan masih melantik orang luar.

Itu sebabnya bagi kementerian, kita hendak mewujudkan satu kontrak dengan semua jurulatih dan meletakkan syarat-syarat pelantikan supaya kita dapat menggalakkan ramai orang tempatan. Tetapi pada saat ini kita masih tidak mempunyai kepakaran yang dicari. Kalau kita tengok cara pendekatan semua badan-badan sukan, mereka masih lagi menggunakan khidmat orang-orang bukan rakyat Malaysia dan di dalam sistem itu ada juga orang-orang tempatan yang membantu.

Saya sebenarnya berdoa sangatlah bahawa kita ada ramai - kalaulah rakyat Malaysia mempunyai budaya sukan yang begitu tinggi, kemungkinan mempunyai jurulatih tempatan itu menjadi ramai. Tetapi disebabkan isu inilah di mana Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dalam aspek jurulatih telah menguatkan semula dengan izin Tuan Yang di-Pertua, badan jurulatih di bawah Majlis Sukan Negara yang dipanggil - saya dengan izin lupa - satu majlis atau badan jurulatih yang hendak mengeluarkan syarat-syarat baru dalam mengeluarkan ramai jurulatih tempatan ataupun kemasukan jurulatih luar. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang menanyakan soalan tersebut akan sama-samalah membantu kita mencari mana-mana jurulatih tempatan yang dapat diramaikan lagi dalam sukan Malaysia.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tentang perbelanjaan sebanyak RM400,000 untuk *centre* di London, sebenarnya itu hanyalah kenyataan yang dibuat tetapi belum lagi dapat disahkan. Kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, perbelanjaan untuk di London itu tidak wujud. *It doesn't exist in there because* kita masih dalam peringkat perancangan. Bagi kementerian, kita mengharapkan bahawa ini dapat *assimilate* atlet-atlet kita yang bertanding di luar negara tidak dapat pergi dan balik apabila mereka bertanding luar daripada kawasan.

Berkenaan dengan surat khabar *Malaysia Today*, saya tidak ada jawapan penuh. Saya akan berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan 'Damien Kelly' itu, jawapan saya masih ramai lagi yang kita telah lantik melalui persatuan sukan. Sebenarnya ini yang memang bagi kementerian amat menyedihkan dan harapan kementerian dengan pendekatan-pendekatan baru ini kita dapat menggalakkan ramai orang tempatan. Tetapi kalau Yang Berhormat hendak berdaftar menjadi seorang jurulatih tempatan pun Majlis Sukan Negara boleh menerima dan melatih Yang Berhormat menjadi jurulatih dan Yang Berhormat dapat membantu kita untuk mengeluarkan ramai lagi jurulatih-tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang dia boleh bagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong. Kepong boleh - *bodybuilder*.

Datuk Azalina binti Othman Said: Kalau nak saya boleh minta. *[Ketawa]* Daripada soalan itu saya terus pergi kepada program Mencari Champion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu yang terakhirkah, Yang Berhormat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagus.

Datuk Azalina binti Othman Said: Itulah. Saya cakap pendek, soalan banyak. Terima kasih kepada soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiada soalan lagi. Cukuplah.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang akhir sekali berkenaan dengan program 'Mencari Champion'. Kita sudah tukar, menerima teguran daripada wakil rakyat menjadi 'Mencari Juara'.

Dengan itu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menanya soalan. Insya-Allah, kalau ada apa-apa lagi soalan sila kemukakan atau menulis surat dan insya-Allah kita akan menjawab soalan-soalan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah diputuskan mesyuarat pada hari ini akan ditangguhkan setelah Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan menyelesaikan jawapannya. Dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.17 malam.